

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 40**

**Rabu**

**1 November 2017**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2018	(Halaman 29)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 27)
Anggaran Pembangunan 2018	(Halaman 29)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KETIGA**

Rabu, 1 November 2017

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang Di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sejauh manakah Program Gelombang Tani Nasional (GTN) telah berjaya meningkatkan tahap sara diri petani serta apakah langkah transformasi kementerian dalam mempromosikan sektor pertanian setempat sebagai agro pelancongan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Tasek Gelugor, saya ucapkan terima kasih di atas soalan yang dikemukakan. Sebagai menjawab soalan Yang Berhormat, Gelombang Tani Nasional ialah satu gerakan kempen yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan tujuan untuk mengubah minda dan juga sikap petani kita supaya menjadi lebih kompetitif, berdaya saing dan juga berdaya maju, boleh meningkatkan produktiviti hasil pertanian mereka dan seterusnya dapat mengangkat kedudukan atau tahap *socioeconomic status* para petani kita.

Pada masa ini, kerajaan memberikan berbagai-bagai bantuan insentif, program sokongan untuk petani-petani kita di dalam semua kluster. Namun begitu, kita dapati purata pendapatan petani masih lagi rendah iaitu sekitar antara RM1,000 ke RM2,000 sebulan. Ini tidak mencukupi bagi kaum petani untuk menghadapi keperluan kehidupan perbelanjaan mereka terutama sekali untuk masa hadapan, memerlukan banyak perbelanjaan untuk pelajaran anak-anak, untuk kebajikan kesihatan dan sebagainya. Dengan sebab itu, ekonomi petani, pendapatan petani perlu meningkat dan kita ingin ianya bertambah seperti mana juga kaum atau masyarakat daripada sektor lain yang sudah pun dan akan terus menikmati pendapatan yang lebih di dalam negara kita yang terus maju ini. Kita menyasarkan pada tahun 2020, Negara Malaysia akan menjadi negara maju

berpendapatan tinggi. Sasaran yang telah ditetapkan ialah RM45,000 setahun iaitu kira-kira RM4,000 sebulan.

Pada masa ini, petani kita masih lagi jauh daripada sasaran itu, sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Dengan sebab itulah maka kita ingin melihat petani kita ini dapat mengejar kemajuan dan pembangunan ekonomi supaya mereka juga dapat sama memperoleh pendapatan tinggi sebagaimana yang disasarkan. Dengan sebab itu, perubahan, petani perlu berubah menjadi lebih berdaya saing, lebih produktif. Untuk itu, kita melancarkan kempen Gelombang Tani ini. Ini adalah satu *movement*, gerakan untuk mengubah sosiobudaya pihak petani dan ia tentunya memakan masa bagi kita untuk melihat kesannya. Dia bukannya projek buat jalan, buat binaan, boleh kita dalam masa setahun atau dua tahun akan siap projek itu. Akan tetapi ini projek perubahan minda, budaya dan sikap ini. *It is a cultural revolution* sebenarnya. Revolusi budaya, revolusi dalam diri petani itu sendiri.

Jadi Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa kita tidak dapat mengatakan sekian-sekian penambahan pendapatan di kalangan petani hasil daripada Gelombang Tani yang baru sahaja kita lancarkan beberapa bulan yang lalu. Kita lihat nanti bagaimana perkembangan seterusnya dan apakah yang perlu kita buat, tetapi sudah pastinya gelombang ini tidak tamat hanya di peringkat pelancaran yang telah dibuat oleh TPM di Sungai Manik dan juga di Kemaman, Terengganu di kalangan petani dan di kalangan nelayan, ia akan kita bawa turun ke bawah ke kawasan-kawasan pertanian, penternakan dan nelayan, juga usahawan-usahawan kecil petani. Kita akan tiupkan semangat perubahan ini sehingga kita mencapai matlamat yang kita harapkan. Sekian, terima kasih.

■1010

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ada, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada sikit lagi untuk minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagi melaksanakan Gelombang Tani Nasional ini sudah pasti ada isu dan masalah. Jadi, di antaranya apa yang ingin saya tanyakan ialah berkenaan dengan dari segi penggunaan tanah, di mana pengezonan semula tanah-tanah pertanian menjadi tanah pembangunan telah begitu banyak dilakukan di negeri-negeri. Jadi, apakah perancangan di pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi mengekang masalah ini ataupun bagi mempertahankan tanah-tanah pertanian supaya tidak diubahsuai menjadi tanah pembangunan sehingga menyebabkan kita kekurangan tanah-tanah tersebut?

Kedua ialah sejauh mana peranan yang telah kementerian mainkan untuk menarik minat lebih ramai lagi golongan muda menjadi seorang petani dan mungkin petani yang profesional. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Jawab panjang pun salah, jawab pendek pun salah. Macam cerita P.Ramlee, 'hidup pun

susah, mati pun susah'. [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan itu. Ini berkenaan dengan tanah ini ialah di bawah kuasa kerajaan negeri, bukan Kerajaan Pusat. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak ada kuasa untuk menahan pertukaran daripada pertanian kepada pembangunan. Kita harap kerajaan negeri akan mengambil apa juga yang perlu tindakan supaya kawasan pertanian ini tidak berkurangan dan harap ia kekal sebagai kawasan pertanian. Kalau tidak nanti, kita takut akan menjejaskan pengeluaran makanan negara dan *food security* kita terancam.

Namun begitu, saya ingat ingin juga sini memaklumkan atau untuk pengetahuan Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, pada zaman moden ini keluasan tanah bukan satu perkara yang menjadi isu besar. Dengan teknologi moden, dengan sains yang terakhir pada zaman kini kita tidak perlu kawasan yang besar untuk menghasilkan hasil yang lebih besar ataupun lebih tinggi. Satu ekar sahaja kalau kita tanam umpamanya, sebagai satu tempat yang saya pergi hari itu, limau bali, satu ekar boleh menghasilkan RM50,000 pendapatan satu musim. Setahun dua musim, RM100,000. Satu ekar. Kalau di kampung, tiap-tiap orang ada seekar, dia boleh dapat RM100,000 setahun dengan menanam limau bali ataupun *pomelo*, sebagai contoh yang saya lihat di Tenom, Sabah.

Begitu juga buah nanas. Buah nanas, nanas yang ditanam MD2 ini mengikut laporan daripada Lembaga Perindustrian Nanas, satu ekar boleh memberikan pendapatan antara RM3,000 hingga ke RM5,000 kepada petani. Ini maknanya satu ekar sahaja, tidak perlu ada 50 ekar kah, berapa ekar kah. Kalau orang kampung ada seekar, dua ekar, boleh tanam dan memberikan pendapatan yang tinggi. Jadi, banyak lagi contoh sumber kekayaan baru yang boleh diterokai oleh petani, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kita menggalakkan supaya petani-petani kita menyambut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menerokai kekayaan baru ini dengan menanam pokok-pokok buah-buahan yang memberikan hasil yang begitu besar sekali. Durian Musang King umpamanya, yang disebut-sebutkan itu. Kita harapkan petani janganlah hanya bercakap soal harga durian Musang King ini mahal, kita tanamlah. Apabila kita tanam, kita akan dapat keuntungan daripadanya. Tidak semestinya ada 10 ekar, 20 ekar, ada setengah ekar pun boleh beri pendapatan berpuluh ribu. Jadi, *this is the way*, caranya kita hendak berubah yang kita maksudkan dengan gelombang tadi ini.

Begitu juga dengan tanaman lain, bijirin, jagung-jagung untuk makanan ternakan. Juga Tuan Yang di-Pertua, adalah sumber kekayaan baru. Kerajaan sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bantangkan, memberikan peruntukan beratus juta untuk tujuan membantu petani menerokai bidang kekayaan baru yang saya sebutkan itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**

Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan Yang Berhormat Tasek Gelugor ada menyebut mengenai agropelancongan. Boleh kami dapat pencerahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang dimaksudkan dengan agropelancongan? Adakah contoh-

contoh kawasan pertanian yang telah berjaya menjadi kawasan agropelancongan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya pergi ke Johor melihat satu kawasan projek pertanian moden di Kluang, Johor. 9,000 ekar tanah ada di situ, berbagai-bagai aktiviti pertanian yang diberikan kepada pengusaha-pengusaha untuk mengusahakannya. Salah satu daripadanya ialah agropelancongan. UK Farm nama projek pelancongan di situ yang diusahakan oleh seorang yang bernama Un Keng, kawasan kita daripada kaum Tionghoa. Sangat berjaya sekali.

Saya lihat, ia 100 ekar sahaja tetapi dia boleh membela kambing tenusu yang bukan sahaja ia menghasilkan susu sebagai produk untuk dijual tetapi kambing itu menjadi produk pelancongan. Ramai pelancong datang melihat bagaimana dia bela kambing tenusu, bagaimana memerah susu, bagaimana memberi makanan kepada kambing-kambing ini. Ramai pelancong daripada kumpulan kanak-kanak sekolah. Bukan dalam negeri sahaja, daripada Korea, Jepun, Singapore, Hong Kong dan China. Saya diberitahu, setakat ini dia bawa masuk hampir 30,000 orang murid sekolah daripada seluruh dunia melawat kawasan pelancongan ini. Ia memberi pendapatan yang lumayan kepada dia. Pelajar-pelajar ini sangat suka untuk melihat benda-benda ini kerana di Singapore mana ada boleh tengok kambing, mana ada tengok pokok buah-buahan seperti *dragon fruit* dan juga buah nanas. Bagaimana kebun-kebun ini semua. Ramai daripada mereka yang tidur di situ dan ada chalet-chalet yang disediakan oleh beliau sebagai pengusaha ini.

Jadi, saya begitu tertarik sekali. Dia begitu kreatif bukan sahaja dia ada produk-produk pelancongan yang saya sebutkan tadi di situ, dia bawa keluar pelajar-pelajar ini ke kampung-kampung persekitaran. Kampung FELDA dan sebagainya. Budak-budak ini boleh bermain dengan orang-orang kampung, main permainan kita di kampung. Main congkaklah, main apa lagi, pelbagai-bagai permainan dan juga mengambil bahagian dalam aktiviti kebudayaan, kesenian, iaitu makan minum secara tempatan dan bawa ke sekolah-sekolah berjumpa dengan pelajar-pelajar sekolah kita pula di kampung-kampung itu.

Jadi maknanya, produk agropelancongan ini begitu banyak sekali yang boleh digembleng dan boleh dieksploitasi untuk menarik pelancong. Jadi ini contoh, model. Saya begitu tertarik dan sebenarnya kawasan-kawasan kampung yang lain, daerah-daerah lain boleh mengusahakan agropelancongan seperti mana yang dibuat di situ. Kita ada padi, kita ada kelapa sawit, kita ada ternakan, kebun buah-buahan, kita ada budaya kita, ada kesenian kita dan berbagai-bagai lagi. Ini semua boleh dijual kepada pelancong-pelancong, yang perlu pengusaha kita sama ada siapa-siapa juga, tidak kira apa kaum sekali pun tetapi penduduk luar bandar mempunyai satu peluang yang besar untuk mengusahakan agropelancongan ini.

Ini yang kita harapkan akan berlaku daripada Gelombang Tani Nasional yang kita ingin tiupkan kepada masyarakat petani supaya menjadi usahawan tani. Sekian, terima kasih.

**2. Tuan Liew Chin Tong [Kluang]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan status pembinaan serta tarikh jangka siap bagi Loji Rawatan Air Kahang, dan sementara itu bilakah sistem pemindahan air dari Empangan Kahang ke Loji Rawatan Air Sembrong Timur dijangka akan siap.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kluang kerana begitu minat mengenai perkara bekalan air di kawasan Kluang.

■1020

Pada asalnya pembinaan Loji Rawatan Air Pahang berkapasiti 40 juta liter sehari 40 JLH akan dilaksanakan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Johor memutuskan untuk melaksanakan sendiri projek ini tanpa menggunakan kemudahan pembiayaan daripada PAAB. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah memberikan kelulusan kepada Kerajaan Negeri Johor pada 8 September 2017 serta meminta supaya LRA Kahang disiapkan dalam tempoh 18 bulan. Oleh yang demikian, cadangan asal untuk melaksanakan projek penyaluran air mentah dari empangan Kahang ke LRA Sembrong Timur tidak diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, sementara menunggu siapnya LRA Kahang, SPAN telah memutuskan projek pembinaan loji pakej *Dissolved Air Flotation* (DAF) di LRA Sembrong Barat yang dijangka siap pada bulan November 2017 bagi meningkatkan bekalan air di Daerah Kluang. Selain itu, SPAN juga turut meluluskan projek pemulihan LRA Sembrong Barat yang dijangka siap di akhir tahun 2018. Kemudahan-kemudahan tersebut dijangka akan melegakan sebahagian kawasan agihan di Sembrong Timur sebelum siap LRA Kahang. Terima Kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri di atas jawapan. Soalan saya Menteri, dalam laporan sumber air negara, sepatutnya loji rawatan air ini perlu disiapkan pada tahun 2014. Akan tetapi, sekarang kita ada satu keadaan di mana kita buat bina kereta, kereta sudah bina, enjin tidak ada. So, kenapa ini berlaku? Walaupun sudah ada penyelesaian tetapi kenapa ini berlaku? Saya rasa Parlimen perlu dimaklumkan.

Kedua ialah saya ambil kesempatan ini untuk beri peluang kepada Menteri jawab tentang isu yang terkini di mana air telah mengalami masalah di Johor Bahru, Kulai dan Kota Tinggi baru-baru ini. Saya rasa ini adalah peluang untuk Menteri jawab dan maklumkan rakyat di Johor kenapa kes ammonia ini sering berlaku. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Seperti mana yang saya jelaskan tadi, sedikit masa telah digunakan

untuk memutuskan soal pembinaan loji Kahang itu. Lagipun pembinaan empangan Kahang yang menyebabkan airnya akan digunakan untuk tujuan pembinaan loji yang 40 MLD itu baru sahaja siap juga pada 18 Mei 2017. Maka perbincangan telah pun mengambil banyak masa antara PAAB dengan kerajaan negeri dan akhirnya kerajaan negeri memutuskan untuk membina loji itu sendiri.

Mengenai dengan kedudukan soal bekalan air di Kluang ataupun di Johor, keseluruhannya tidak ada masalah besar dari segi jumlah air yang dapat dijana untuk tujuan pengagihan. Misalnya di kawasan Kluang, margin bekalan air sehingga Jun 2017 di daerah ini adalah lebih sembilan *percent* dan bagi Johor keseluruhan adalah 13 *percent*

Namun masalahnya, pada masa kemarau itu seperti yang terjadi di Sembrong, LRA Sembrong itu adalah tidak mencukupi air di sungai tersebut. *So, the real problem*, dengan izin, *is during the dry period* di mana tidak konsisten sungai punya air untuk keseluruhan. Akan tetapi apabila dipandang penggunaan keseluruhan tahun, jumlah margin memang mencukupi. Jadi ini masalah pengurusan dan pihak kita sedang meneliti, seperti mana cadangan-cadangan yang saya telah katakan tadi, untuk mengatasi masalah khususnya di kawasan Kluang.

**3. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah pihak Kementerian membuat kajian semula keseimbangan di antara skim gaji rakyat Malaysia bagi sektor swasta dan industri dengan kenaikan kos sara hidup terutama bagi penduduk yang tinggal di kawasan bandar.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam satu Malaysia dan salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Gerik.

Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran tetamu utama kita di Dewan pada hari ini iaitu yang pertama, keluarga Klinik Kesihatan Maran seramai 40 orang dan kepimpinan UMNO Bukit Kening, juga dari Maran, dan guru dan pelajar Sekolah Menengah Taman Dato Harun, Petaling Jaya. Selamat datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 digubal dan dikuatkuasakan, gaji pekerja sektor swasta diperuntukkan oleh majikan dan kuasa pasaran sama ada bandar ataupun pinggir bandar.

Memandangkan penentuan gaji oleh kuasa pasaran tidak mewujudkan keharmonian perusahaan dan jaminan kepada pekerja, kerajaan telah menggubal Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 bagi menetapkan kadar gaji minimum yang sesuai dengan taraf hidup para pekerja. Selain komitmen kerajaan ini, ia adalah susulan pelaksanaan gaji minimum di negara-negara lain seperti Jepun, Korea Selatan, Thailand, Indonesia, Vietnam dan juga lain-lain negara di Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membuat penentuan dan penetapan gaji dan gaji minimum bagi sektor swasta juga dalam membuat semakan semula perintah gaji minimum, pelbagai faktor perlu diambil kira termasuk indikator-indikator sosioekonomi iaitu antaranya perubahan indeks harga pengguna, kadar pertumbuhan produktiviti, gaji penengah, keupayaan majikan untuk membayar gaji, kadar pengangguran, pendapatan garis kemiskinan dan sebagainya. Di samping itu, faktor kelayakan akademik, kemahiran, pengalaman dan lain-lain juga diambil kira.

Untuk makluman Dewan yang mulia, bagi meningkatkan pendapatan rakyat selaras dengan hasrat kerajaan menjadi negara berpendapatan tinggi di dalam tahun 2020, kerajaan akan mengkaji semula perintah gaji minimum sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun selaras dengan peruntukan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] yang mana kajian ini akan dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN).

Kerajaan baru sahaja selesai membuat kajian semula perintah gaji minimum 2012. Setelah pertimbangan teliti oleh Majlis Perundingan Gaji Negara iaitu satu badan konsultasi *tripartite*, kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar gaji minimum daripada RM900 sebulan kepada RM1,000 sebulan di Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan kepada RM920 sebulan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai 1 Julai 2016. Kajian semula perintah gaji minimum pada masa akan datang adalah pada tahun hadapan.

Di samping itu juga, kerajaan turut mengambil kira pandangan semua pihak melalui pendekatan berhemah iaitu *balance approach*, dengan izin, iaitu mengimbangi kepentingan majikan, pekerja dan kerajaan agar apa-apa keputusan yang dibuat berhubung kenaikan kadar gaji minimum tidak membebankan majikan sehingga membawa mudarat kepada pekerja seperti pembuangan pekerjaan akibat ketidakmampuan majikan membayar gaji minimum tersebut.

Selepas meneliti indikator-indikator yang telah digariskan, barulah Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara yang terdiri daripada Bank Negara, Bank Dunia dan juga ILO akan membuat syor yang sewajarnya bagi pertimbangan dan keputusan selanjutnya.

Berkaitan dengan keperluan untuk mengimbangkan dan menetapkan kadar gaji dan juga gaji minimum beza di bandar dan juga di luar bandar, seksyen 22(1) Akta Majlis Perundingan Gaji Negara memperuntukkan bahawa liputan kadar gaji minimum yang disyorkan adalah mengikut sektor, jenis pekerjaan dan kawasan wilayah sahaja. Pada masa sekarang, kerajaan hanya menetapkan kadar gaji minimum berdasarkan wilayah selepas mengambil kira indikator-indikator sosioekonomi yang berbeza antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, jika kadar gaji minimum yang berbeza ditetapkan bagi kawasan bandar dan luar bandar, dikhuatiri penguatkuasaan kelak akan menjadi



sukar dan boleh menyebabkan perpindahan ataupun mobilisasi pekerja di luar bandar ke bandar kerana gaji mahal yang diberikan di bandar adalah lebih tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1030

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan daripada pihak kerajaan. Banyak pihak meminta kerajaan menetapkan kadar gaji minimum negara yang lebih tinggi malah pihak pembangkang pun baru-baru ini mencadangkan gaji minimum RM1,500 sebulan.

Soalan saya, apakah kesan sekiranya kadar gaji yang minimum ditetapkan terlalu tinggi? Minta kerajaan menjawab.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang cukup prihatin dan penyayang. Kalau kita hendak berbicara tentang gaji minimum yang tinggi sebenarnya kita boleh mencadangkan setinggi mana gaji kerana itu akan memberikan faedah kepada pekerja kita. Saya pernah menyebutkan dalam Dewan ini juga kalau majikan mampu dan kita mampu, kenapa tidak diberikan gaji minimum RM3,000 umpamanya kepada mereka.

Akan tetapi sebab itulah kita menggunakan *philosophy tripartite* perundingan antara majikan, pekerja dan juga kerajaan untuk menentukan supaya gaji ini sesuai dan tidak membebankan mana-mana pihak. Saya faham bahawa ada pandangan Yang Berhormat Gerik ada pandangan daripada pembangkang ini bukan sahaja RM1,500 ada antara mereka mencadangkan RM1,700. Ini menampakkan ketidakseragaman pemikiran antara mereka sedangkan kerajaan komitmen dan konsisten dengan apa yang dicadangkan. RM920 di Sabah, Sarawak dan Labuan, Ipoh Barat, RM1,000 di Semenanjung terus kita kekalkan sehinggalah kajian dibuat melalui Majlis Perundingan Gaji Negara yang melibatkan ILO dan juga World Bank barulah kita boleh melaksanakan gaji minimum yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa faktor menentukan gaji minimum ini adalah banyak termasuklah indeks ekonomi dan juga perundingan juga dibuat dengan World Bank, ILO iaitu melalui *balanced approach* bagi memastikan hak pekerja sentiasa terjamin sebab itulah oleh itu kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji Negara (JTPGN) bagi memastikan syor kerajaan berhubung gaji minimum sentiasa konsisten dan tidak *flip-flop* dengan izin seperti yang dicadangkan oleh sesetengah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, andai kata gaji minimum ini ditetapkan terlalu tinggi tanpa mengambil kira faktor-faktor yang awal yang telah saya sebutkan tadi maka beberapa perkara terpaksa kita hadapi dan akan dialami oleh negara:

- (i) majikan-majikan akan menghadapi kesukaran menampung pertambahan kos operasi perniagaan yang meningkat secara mendadak;
- (ii) penutupan operasi oleh majikan kerana tidak mampu menanggung kos operasi yang tinggi;
- (iii) kehilangan pekerjaan yang bakal menimbulkan masalah pengangguran dan masalah sosial yang lain;
- (iv) akan membantutkan perkembangan perusahaan kecil dan sederhana yang baru dalam struktur ekonomi negara; dan
- (v) negara dan ekonomi akan kehilangan sebahagian tenaga kerja mahir yang telah pun berada dalam pasaran akibat daripada penutupan kilang dan juga industri-industri yang berjalan di negara kita ini.

Mungkin banyak lagi kesan-kesan lain yang akan dihadapi oleh masyarakat, pekerja dan juga negara kita. Terima kasih.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman memberi ruang untuk saya soalan tambahan yang kedua. Menjadi kerisauan Timbalan Menteri pekerja swasta yang ada kesatuan dalam negara ini berkisar dalam lapan peratus dan bermaksud 92 peratus pekerja swasta tidak berkesatuan yang tidak ada perjanjian bersama untuk ketetapan pengajian kos sara hidup.

Soalan saya ialah apakah langkah kementerian untuk memastikan syarikat-syarikat swasta dalam jumlah 92 peratus ini dapat mengimbangi gaji kos sara hidup dan dapat dicapai terutama sekali masih ada syarikat-syarikat yang belum memberi gaji minimum sehingga sekarang. Mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Hebat, memang kalau dia duduk bersama dengan saya lagi lah hebat bersama kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di negara kita ini kita ada lebih kurang 738 buah kesatuan sekerja yang kita daftarkan secara ini dan kita mempunyai Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja yang mana sentiasa mendampingi kesatuan-kesatuan ini. Saya faham mungkin ada di sebahagian daripada majikan yang tidak agak melihat positif dan melihat negatif kepada kesatuan-kesatuan sekerja ini. Mungkin kadang-kadang mereka memikirkan kesatuan ini boleh memikirkan *pressure* kepada mereka.

Akan tetapi majikan harus ingat bahawa tanpa pekerja mereka tidak boleh menjayakan dan pembangunan ekonomi ataupun kemajuan syarikat-syarikat atau majikan tidak boleh berkembang kalau tidak disokong oleh pekerja-pekerja. Oleh sebab itu lah Yang Berhormat Kuala Langat, jangan bimbang kita akan meneruskan *engagement*, kita akan meneruskan perhubungan dengan majikan-majikan dan kita akan pastikan kalau boleh semua majikan-majikan ini mencari mempunyai kesatuan sekerja dan boleh

menggerakkan mereka termasuk dalam membela masa depan gaji pekerja-pekerja dalam majikan-majikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang tindakan-tindakan. Sebenarnya kita tidak berdiam diri, apabila pelaksanaan gaji minimum dilakukan *enforcement* dan penguatkuasaan kita jalankan bukan sahaja di Semenanjung, bukan sahaja oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia bahkan di Sabah dan Sarawak. Suka saya memaklumkan dalam Dewan ini kes pendakwaan yang telah kita buat sebanyak 317 kes pendakwaan, selesai 195 tempatan yang melibatkan pekerja tempatan 607, asing 180. Maksudnya gaji minimum ini Yang Berhormat Kuala Langat pekerja tempatan juga asing mesti terlibat.

Dan kita telah mengenakan denda dan dibayar oleh peruntukan mahkamah sebanyak lebih daripada setengah juta, RM648 ribu telah pun kita denda syarikat-syarikat yang tidak membayar gaji minimum kepada pekerja mereka. Percayalah kerajaan akan membela pekerja-pekerja kerana mereka banyak menyumbang kepada negara dan masyarakat negara kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Soalan tambahan. Klang.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah sebab kedatangan pendatang asing yang tidak terkawal menyebabkan ada tekanan penawaran buruh yang menyebabkan gaji pekerja dalam negara ini susah untuk meningkat? Macam ada tekanan *supply and demand* dalam menentukan satu kadar gaji yang munasabah pada pekerja. Adakah sebab kawalan yang tidak kurang kawalan, tekanan daripada pekerja asing menyebabkan gaji dalam negara kita ini susah untuk meningkat. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya kira kita ada lebih kurang 1.9 juta *plus minus*, Tuan Yang di-Pertua pekerja asing *legal* di negara kita. Mereka ini juga mendapat gaji minimum seperti rakyat kita sebab kita tidak boleh diskriminasikan pekerja asing dan pekerja tempatan. Ini kerana andai kata kita lakukan demikian maka sudah tentulah kita akan dapat tindakan daripada pihak ILO dan juga ketidakadilan kita dalam memberikan jaminan kepada pekerja.

Saya juga percaya dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rompin, kerana dengan kedatangan pekerja asing sudah tentu banyak nilai-nilai kewangan yang daripada negara kita yang digunakan oleh pekerja asing dan dibawa keluar oleh negara kita. Seperti mana yang pernah dimaklumkan oleh pihak Kementerian Kewangan beberapa tahun yang lepas, lebih daripada RM34 bilion, RM37 bilion wang negara kita dikeluarkan oleh pekerja asing ke negara mereka.

Ini tidak kira faedah-faedah yang lain diperoleh oleh pekerja asing ini termasuklah dari segi kemudahan kesihatan perubatan, kemudahan subsidi yang dimiliki yang harus diberikan oleh pekerja kita. Mereka juga layak mendapat subsidi ini kerana mereka membeli beras yang sama di kedai-kedai dan yang lain-lain lagi.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua sudah tentu lah bagi kita memang kita hendak menggalakkan supaya pekerja tempatan mengambil alih pekerja asing. Oleh sebab itulah TVET yang di uar-uarkan yang dilancarkan penjenamaan semula oleh Perdana Menteri baru-baru ini adalah antara usaha yang boleh kita ambil bagi kita meningkatkan lagi kemahiran dan bilangan pekerja tempatan untuk mengambil tempat-tempat termasuklah *expatriate* ataupun pegawai-pegawai dagang yang ada lebih kurang 150 ribu di negara kita ini.

Namun demikian Yang Berhormat Rompin, usahlah kita sangsi walau bagaimanapun kita akan perjuangkan nasib pekerja kita.

#### ■1040

Kalau secara perbandingan dengan negara di Asia ini, kita adalah antara negara yang membayar gaji minimum yang cukup baik. Umpamanya kalau kita lihat, kita buat perbandingan sedikit, Myanmar RM348 dibayar kepada pekerja mereka. Laos RM479, Kemboja RM629, Filipina RM909, Indonesia RM382 dan Malaysia RM920 di Sabah, Sarawak dan Labuan. RM1,000 di Semenanjung, Vietnam RM600. Jadi makna antara negara Asia ini, saya tidak bandingkan negara Eropah. Begitu juga ada kalau kita bandingkan negara kita adalah lebih baik daripada mereka.

Marilah sama-sama kita memberikan sokongan kepada kerajaan kepimpinan negara termasuklah di bahagian pembangkang. Janganlah melakukan perkara-perkara yang boleh merugikan negara termasuk menghilangkan kepercayaan pelabur-pelabur di negara kita ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**4. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan keadaan pembalakan dan penanaman semula pokok di negara setiap tahun sejak 2010.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kepong. Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2010 hingga 2016, kawasan HSK atau Hutan Simpanan Kekal yang telah diusahakan di Semenanjung adalah seluas 241,198 hektar. Manakala jumlah pokok yang telah ditanam dalam tempoh yang sama adalah sebanyak 33,551,205 pokok yang melibatkan penanaman pelbagai spesies pokok termasuk di kawasan Hutan Simpanan Kekal dan juga hutan tanah kerajaan.

Kawasan Hutan Simpanan Kekal diurus di bawah amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan ataupun PHSB. Antaranya adalah menggunakan mekanisme catuan tebingan tahunan. Kedua, pengusaha hasil secara sistem pengurusan memilih. Ketiga,

penanaman semula di lorong penarik termasuk kawasan simpanan balak sementara dan kawasan lapang yang terlibat. Keempat, perlu juga inventori hutan selepas tebangan dijalankan bagi mengetahui stok dirian tinggal supaya rawatan *silviculture* dapat dilaksanakan seperti aktiviti tanaman menggayu. Berdasarkan jangkaan, amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan tersebut akan membolehkan kawasan pengusaha hasilan dibalok semula selepas 30 tahun. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, apakah faktor-faktor yang menjejaskan keberkesanan pelaksanaan dan juga tahap kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri?

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Ada dua perkara. Pertama, tahap keberkesanan. Kedua, kerjasama dengan kerajaan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, di peringkat kebangsaan, telah sedia ada Majlis Tanah Negara. Di situ, termasuklah atur cara setiap kali mesyuarat membincangkan tentang isu-isu yang berkaitan tentang hutan ataupun perhutanan. Kita sedia maklum bahawa sebahagian negeri terpaksa mengutamakan pembalakan hutan bagi tujuan hasil ataupun bagi tujuan pendapatan negeri. Akan tetapi itu bukanlah satu perkara yang berlanjutan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, Majlis Tanah Negara telah pun menetapkan kuota bagi setiap negeri tentang keluasan pembalakan yang boleh dijalankan oleh mereka.

Kedua ialah kita juga sentiasa memantau tentang pembalakan haram dan daripada rekod yang ada pada saya, pembalakan haram bukanlah satu perkara yang serius kerana setakat ini, contohnya bagi tahun lepas, hanya 10 di kawasan Hutan Simpanan Kekal dan hanya satu di dalam tanah kerajaan. Bagi tahun ini, dua di kawasan Hutan Simpanan Kekal dan satu di tanah kerajaan. Maknanya tidak serius dan di situ kalau kita tengok dari segi kesannya tidaklah serius hasil daripada pemantauan yang rapi. Tentang keberkesanan—itu sekali gus tentang keberkesanan dan tahap kerjasama antara kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Saya fikir itu telah menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Kepong.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** *[Bangun]*

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramai yang minat. Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk bertanya soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, saya merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Menteri kerana ada satu daya inisiatif untuk penanaman semula. Akan tetapi walau bagaimanapun, jumlah yang ditanam semula ini agak kecil. Persoalannya sekarang ini kita semua tahu apabila berlaku penebangan balak sama ada perlombongan, tidak mengira perlombongan

apa sekali pun, akan menyebabkan kekerapan berlaku banjir, tanah runtuh, air sungai menjadi cetek dan kekerapan berlakunya masalah air. Jadi, juga terlibat dengan kawasan-kawasan pelancongan. Tidak kiralah sama ada kawasan pelancongan itu adalah kawasan di bawah tanah kerajaan ataupun di bawah tanah-tanah persendirian yang luas seperti LKPP di Pahang umpamanya.

Ini juga boleh menyebabkan air graviti pun menjadi masalah apabila berlakunya pembalakan haram ini dan sebab itu saya katakan tahniah kerana ada usaha penanaman semula ini. Soalan saya, adakah pihak kerajaan bercadang juga untuk menggazetkan tanah-tanah yang berkepentingan dan menjadi sumber pendapatan kepada penduduk khususnya dalam bidang pelancongan?

Saya mengambil contoh seperti Merapoh. Baru-baru ini tanah LKPP telah diberikan kepada pengusaha balak bagi mengeluarkan tanah-tanah tersebut sedangkan di situ terdapatnya gunung-gunung yang cantik, gunung-gunung yang menarik perhatian pelancong dan pada hari ini telah menyebabkan kawasan itu diterokai secara meluas. Jadi apakah usaha kerajaan, berbincang dengan kerajaan negeri – sudah dikuasa bawah kerajaan negeri, apakah Kerajaan Pusat akan membincangkan perkara ini termasuklah juga mungkin di bawah Kementerian Pelancongan?

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih, Yang Berhormat Lipis. Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara. Walau apa pun persepsi daripada mana-mana pihak tentang sama ada pembalakan haram atau pembalakan yang tidak haram, keluasan hutan Malaysia yang melitupi seluruh kawasan negara Malaysia masih lagi melebihi 50 peratus. Sekarang lebih kurang 55 peratus. Walau bagaimanapun, kita menyedari bahawa masih lagi terdapat kawasan-kawasan tertentu yang diteroka atas kepentingan ekonomi dan juga pembangunan sehingga menyebabkan berlaku hakisan muka bumi dan menyebabkan gelodakkan di sungai dan sebagainya. Itu satu perkara.

Tentang pelancongan ataupun tentang cadangan untuk menambah kawasan, menambah gazet kawasan hutan, perkara tersebut memang di pihak kementerian memang kita menggalakkan. Kalau boleh, lebih luas lagi kawasan hutan yang digazetkan sebagai sama ada Hutan Simpanan Kekal ataupun hutan perlindungan dan sebagainya termasuklah seperti cadangan Yang Berhormat bagi tujuan pelancongan. Termasuk juga bagi kawasan ladang hutan. Bagi sesetengah negeri ada juga negeri yang menggalakkan atau menjalankan aktiviti program ladang hutan. Ini sentiasa mendapat kerjasama daripada Kerajaan Pusat dan juga kementerian. Sudah tentulah di peringkat kementerian mengalu-alukan cadangan tersebut khususnya bagi tujuan dua dalam satu.

■1050

Pertamanya, mengekalkan atau menambah luas kawasan hutan, keduanya juga untuk aktiviti ekonomi iaitu pelancongan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Lipis tadi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, di masa lampau kementerian ada melaksanakan dasar dipanggil *Tree Farm Licence* (TFL) di mana pokok yang ditebang hanya dengan *curve* yang sedemikian satu sahaja yang boleh dipotong. Adakah dasar ini masih dikenakan? Atau telah dimansuhkan? Keduanya, berapakah kuota bagi penebangan bagi Negeri Pahang? Apakah kuota itu dipatuhi oleh negeri? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya terlupa tadi Yang Berhormat Indera Mahkota kerana datang ke Jenaka tidak maklum.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Hari ini rupa saya lebih *hansom* dari dulu ya.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Memang benar sehingga sekarang – Kita masih juga mengekalkan ataupun kita terus *firm* dengan pengusaha hasilan secara sistem pengurusan memilih di mana hanya pokok-pokok yang telah matang melebihi 50 cm diameter paras dada dibenarkan untuk ditebang. Hal ini penting kerana akhirnya ia juga melibatkan pensijilan pengurusan hutan yang menekankan pengawalan kestabilan alam sekitar dan lain-lain berkaitan. Ini memang kita jalankan. Bagi Negeri Pahang, bagi kuota Pahang setakat ini mohon maaf saya minta notis kerana tidak ada maklumat di tangan saya. Sekian, terima kasih.

**5. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]** minta Menteri Pendidikan menyatakan :-

- (a) peratus pencapaian pelajar dalam peperiksaan SPM bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dari tahun 2013 sehingga kini; dan
- (b) langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam memartabatkan bahasa kebangsaan sebagai medium komunikasi.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, peratus calon yang memperoleh kredit dan lulus mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara perbandingan dari tahun 2013 hingga 2016, menunjukkan trend yang sekata. Pada tahun 2013, peratus kredit dan lulus Bahasa Melayu SPM ialah sebanyak 91.4 peratus. Tahun 2014 - 91 peratus, tahun 2015 - 90.9 peratus dan pada tahun 2016 - 91.9 peratus.

Kerajaan komited untuk memartabatkan Bahasa Melayu. Pada tahun 2010, Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan telah ditubuhkan bertujuan memantapkan usaha memartabatkan Bahasa Melayu dengan melibatkan kementerian dan agensi kerajaan lain, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Pada 31 Oktober 2017, iaitu semalam, semasa perasmian Kongres Kerangka Standard Bahasa Melayu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju untuk mempengerusikan

Jawatankuasa Khas Kabinet Bahasa Kebangsaan. Dalam sektor pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengenal pasti dan melaksanakan beberapa inisiatif bagi memartabatkan Bahasa Melayu antaranya:

- (i) Menyediakan Kerangka Standard Bahasa Melayu;
- (ii) Menyediakan hala tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini merupakan pelan hala tuju yang telah kita tunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri;
- (iii) Membangunkan Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru;
- (iv) Menubuhkan Lembaga Pengiktirafan Pendidikan Bahasa Melayu;
- (v) Pemantapan kriteria pemilihan calon guru Bahasa Melayu; dan
- (vi) Menaik taraf Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu Menjadi Pusat Kecemerlangan Pendidikan Bahasa Melayu peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Terima kasih.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pertamanya ingin mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan dan saya nampak banyak langkah dan usaha yang dilakukan oleh kementerian. Namun, Tuan Yang di-Pertua, saya lihat *headline Sin Chew Daily* pada hari ini, daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan 'Sudah merdeka 60 tahun, masih tidak boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia dengan fasih,' ia amat memalukan. Jadi apa masalah dengan kita ini? Apa masalah dengan kementerian? Jadi, saya berharap langkah-langkah diambil oleh kementerian bukan semata-mata untuk memenuhi KPI dan padahal pelajar-pelajar kita semakin kehilangan minat dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia.

Saya minta apakah langkah-langkah lain, usaha-usaha yang dicurahkan oleh kementerian selain daripada yang dinyatakan tadi bagi kita memupuk lagi minat pelajar-pelajar khususnya dalam kalangan bukan Melayu. Terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat Simpang Renggam. Soalan yang memang tepat pada masanya. Semalam kita mengadakan Kongres Standard Bahasa Melayu yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa sudah 60 tahun kita mencapai kemerdekaan tetapi masih ada rakyat yang tidak fasih dalam Bahasa Melayu. Untuk menjadikan rakyat Malaysia semua kaum ini fasih dalam Bahasa Melayu, ia memerlukan kerjasama semua pihak. Bukan hanya Kementerian Pendidikan Malaysia. Di situ adanya pihak swasta, adanya NGO, masyarakat umum – kerana penggunaan Bahasa Melayu itu lebih menyeluruh. Di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia kita sentiasa memperkukuhkan pembelajaran Bahasa Melayu di semua sekolah, dari sekolah rendah sehinggalah ke sekolah menengah.



Seperti mana yang telah saya jelaskan tadi, kita menubuhkan Jawatankuasa sampai ke peringkat kabinet untuk kita memantau pelaksanaan kita. Akan tetapi di luar situ kita juga sedang membuat pelbagai NBOS bersama dengan kementerian terutamanya kita mempunyai penarafan penggunaan Bahasa Melayu di semua kementerian. Kita berharap semua agensi dan kementerian kerajaan menggunakan Bahasa Melayu yang standard. Kita juga memberi kuasa atau tanggungjawab kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dalam pelaksanaan penggunaan Bahasa Melayu yang standard khususnya apabila kita melaksanakan pengiklanan di kerajaan tempatan, penggunaannya kenalah mendapatkan kelulusan standard daripada Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum diberikan permit.

Jadi, pelbagai usaha telah dilakukan di sini dan saya menjemput semua agensi termasuklah semua GLC dan syarikat-syarikat swasta untuk bersama dengan inisiatif kita supaya semua rakyat Malaysia boleh berbahasa dengan fasih. Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Simpang Renggam sebenarnya. 60 tahun kita merdeka tetapi penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam media terutamanya pengiklanan tidak diberikan perhatian sepenuhnya. Adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan di iklan dan semua surat-menyurat komunikasi secara rasmi di dalam kerajaan dan juga pihak swasta? Hal ini kerana kalau tidak ada orang kata *'the force of law'* maka ia akan masih lagi terpaksa memujuk dan sebagainya dan kita mungkin makan masa seratus tahun lagi *kot* sebelum bahasa kebangsaan atau bahasa Melayu itu dimartabatkan sepatutnya.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih di atas soalan tambahan. Sememangnya kita telah menguatkuasakan semua penulisan surat rasmi antara agensi-agensi kerajaan iaitu dalam Bahasa Melayu. Akan tetapi tidak ada kuat kuasa kepada semua syarikat swasta terutamanya apabila dalam dunia perniagaan, kita perlu diberikan kelonggaran untuk penggunaan bahasa-bahasa yang lain, terutamanya mereka yang mempunyai perniagaan dengan negara-negara luar. Penggunaan bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Indonesia, bahasa Thailand, Bahasa Cina. Jadi kalau kita hendak menguatkuasakan semua surat dalam Bahasa Melayu itu mungkin tidak begitu realistik tetapi di peringkat kerajaan sememangnya penggunaan bahasa rasmi adalah dalam Bahasa Melayu. Sekian, terima kasih.

## ■1100

6. **Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan MEB mempunyai sasaran untuk mengukuhkan pendidikan vokasional bermula dari tahun 2013. Setakat ini, berapakah jumlah pelajar yang berjaya menerima Sijil Kemahiran Malaysia.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini mengalu-alukan rombongan Felda Jengka 12, Parlimen Jerantut. Selamat datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini rekod, Menteri yang umumkan kehadiran.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Ipoh Barat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) mulai tahun 2012 bagi mengangkat martabat pendidikan vokasional sebagai aliran perdana. Penambahbaikan kepada sistem pendidikan vokasional ini menyediakan ruang dan peluang yang lebih luas kepada rakyat seiring dengan Anjakan 1 iaitu menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa dalam bidang— ia memang memenuhi hasrat kita di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

Transformasi ini adalah untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam memenuhi keperluan tenaga mahir negara bagi mencapai hasrat dan aspirasi negara sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, seramai 2,273 orang graduan kohort pertama tahun 2016 dari 15 buah Kolej Vokasional Rintis telah berjaya memperolehi diploma dalam bidang yang dipelajari. Seramai 12,997 orang graduan kohort kedua telah memperolehi diploma kolej vokasional mereka pada Ogos 2017. Sebanyak 90.58 peratus dari 2,273 orang graduan kohort pertama telah bekerja mengikut bidang yang dipelajari di kolej vokasional, manakala 55.49 peratus dari 12,997 orang pelajar kohort kedua telah ditawarkan pekerjaan sebelum tamat pengajian mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih. Soalan tambahan. Saya hendak tanya, walaupun banyak dibuat untuk menolong anak-anak kita yang ingin melanjutkan pelajaran, tetapi yang menjadi masalah adalah untuk meng-*spot*-kan mereka di Tingkatan Satu dan sebagainya, saya difahamkan ini adalah kurang di mana ramai di antara pelajar-pelajar tidak mendapat peluang mendapatkan pelajaran mereka dalam skim vokasional.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju dengan saya bahawa Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia terlibat dalam perkara yang sama? *There is overlapping.* Macam pada tahun 2013 di mana kerajaan telah mengagihkan sebanyak RM50 juta untuk *retraining of Indian used, 3,200 Indian used* tetapi

sehingga sekarang ia tidak tercapai. Ini semua satu matlamat, satu polisi yang dicakap oleh kerajaan, yang dibuat oleh kerajaan tetapi *on the ground* tidak menjadi material.

Jadi soalan saya yang tepat adalah, adakah kerajaan mengakui bahawa ada kekurangan yang perlu diatasi dalam masalah ini? Mengambil pelajar-pelajar— kerana untuk bumiputera kita ada Giat Mara, MARA dan sebagainya. Akan tetapi untuk macam masyarakat India di mana B40 iaitu 40 peratus dan lebih adalah dari masyarakat India, apa yang dibuat khusus untuk mengatasi dan menolong masyarakat-masyarakat India dan minoriti dalam negara ini?

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat Ipoh Barat. Di Kementerian Pendidikan Malaysia, kita memang mendapat sambutan yang hebat, permintaan terhadap pendidikan vokasional.

Oleh itu, kita telah menaik taraf sekolah menengah vokasional (SMV) kepada kolej vokasional (KV). Mulai tahun 2012, sebanyak 15 buah KV telah diwujudkan dan sehingga kini sebanyak 81 buah KV sedang beroperasi di seluruh negara dan untuk menambah lagi lima buah KV KPM baru sedang dibina dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu di Pagoh, Pekan, Tanjong Piai, Pasir Gudang dan Kuala Berang. Rancangan pembinaan lima buah KV baru ini telah dikemukakan sebagai permohonan baru dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah penyediaan tempat-tempat yang baru ini untuk latihan vokasional, kita tidak melihat kepada kuota sama ada Melayu, bumiputera, India, Cina— tidak ya. Di sekolah kita ini, kita memang terbuka kepada semua yang memohon. Oleh itu, kita sedang membina lebih banyak KV untuk kita menyediakan lebih banyak tempat kepada pelajar yang ingin mengikuti kemahiran tersebut.

Bukan sahaja yang itu, Yang Berhormat. Kita juga melaksanakan Program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di 85 buah sekolah menengah harian, sekolah menengah biasa. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menawarkan kemahiran vokasional seawal pendidikan menengah rendah iaitu bermula Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga melalui PAV dan di sekolah menengah harian di seluruh negara dan pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia sehingga tahap dua dengan 12 bidang kemahiran yang ditawarkan yang selepas itu mereka boleh melanjutkan pembelajaran mereka ke kolej vokasional yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jadi dari sudut Kementerian Pendidikan Malaysia, kita hendak melatih dan memberikan lebih banyak peluang yang luas kepada anak-anak kita untuk menjadi satu laluan perdana vokasional tanpa mengira kaum. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan pada jawapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, tahun ini sudah ada pelajar-pelajar yang mendapat diploma. Kalau kita dengar jawapan-jawapan Menteri, cukup indah dan menarik.

Pada peringkat awal, ibu bapa berlumba-lumba untuk menghantar anak selepas keputusan PT3 ke kolej vokasional. Setelah mereka dapat diploma, timbul satu masalah iaitu sejauh mana diploma tadi diiktiraf dan bagaimana mereka hendak melanjut lebih tinggi bila mereka memilih kolej vokasional? Sebab, saya dengar daripada jawapan kerajaan cukup indah didengar, tetapi hari ini mana-mana ibu bapa yang telah membuat keputusan menghantar anak ke kolej vokasional sudah mula mempertikai kelulusan anak mereka diiktiraf atau tidak, dan ke mana mereka hendak tuju hala selepas itu. Minta Menteri memberi jawapan. Terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih atas soalan tambahan. Seperti mana jawapan saya tadi, sebanyak 2,273 orang graduan kohort pertama tahun 2016, antara mereka, 90.58 peratus telah bekerja selepas mereka tamat. Bekerja mengikut bidang yang dipelajari. Bermaksud kelayakan mereka diiktiraf di pihak swasta. Dan untuk mereka yang di kohort kedua tahun 2017 ini, sebanyak 12,997, antara mereka, lebih separuh atau 55.49 peratus yang belum tamat pengajian sudah mendapat tawaran kerja. Bermaksud swasta ataupun majikan telah mengiktiraf standard kita.

Untuk soalan berkenaan lanjutan pelajaran, sudah tidak ada isu. Apabila kita telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi yang menyetarakan kelulusan kita, diploma kolej vokasional kita, mempunyai dua laluan untuk mereka melanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi iaitu untuk mendapat graduan universiti iaitu satu, laluan khas cemerlang di mana mereka yang mendapat kelulusan yang tinggi iaitu mendapat setara dengan tiga kredit SPM boleh diterima masuk ke dalam universiti ataupun melalui laluan kedua iaitu APEL atau *Accreditation of Prior Experiential Learning*. Mereka yang telah tamat pengajian telah mempunyai pengalaman bekerja selama dua tahun ataupun mencapai sekurang-kurangnya 21 tahun, maka mereka juga boleh memohon untuk masuk ke dalam universiti.

Akan tetapi, apa yang ingin saya tegaskan di sini, laluan vokasional ini sepatutnya kita melatih pekerja-pekerja kemahiran, pekerja yang mahir tetapi untuk melanjutkan kepada akademik itu adalah bahagian yang kecil.

■1110

Walaupun bahagian yang kecil, tetapi tetap ada laluan kepada mereka yang graduan daripada kolej kita boleh melanjutkan pengajian mereka ke peringkat universiti. Terima kasih.

**7. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) jumlah mereka yang dikategorikan sebagai golongan miskin tegar di luar dan dalam bandar yang berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan; dan

- (b) jumlah ibu tunggal dan tanggungan mereka yang telah dan belum mendapat bantuan daripada pihak kementerian dan jumlah warga emas, orang kurang upaya - OKU dan pesakit terlantar yang mendapat bantuan daripada kementerian serta jumlah yang dibelanjakan bagi mereka ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Putatan. Malangnya saya kurang pandai berpantun. Macam mana pun saya akan menjawab soalan.

Tuan Yang di-Pertua. Dalam memastikan kesihatan rakyat menjadi keutamaan selaras dengan konsep *inclusivity*, kerajaan amat prihatin terhadap golongan miskin dan sentiasa berusaha untuk membasmi kemiskinan. Terdapat pelbagai program dan bantuan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan negeri khususnya bagi memastikan kadar kemiskinan terus dikurangkan.

Berdasarkan sumber daripada ICU, Jabatan Perdana Menteri, kerajaan telah membangunkan sistem eKasih sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendapatkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kategori golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam golongan kalangan miskin tegar dan miskin. Sehingga 12 Oktober 2017, seramai 64,894 ketua isi rumah (KIR) yang berdaftar di bawah sistem eKasih adalah berstatus miskin tegar. Daripada jumlah tersebut, seramai 28,978 KIR adalah di kawasan bandar dan 35,916 KIR pula di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah ibu tunggal yang berdaftar dengan kementerian sehingga tahun 2017 adalah sejumlah 83,325 orang dan daripada jumlah tersebut, sejumlah 32,751 orang ibu tunggal adalah merupakan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang melibatkan peruntukan sejumlah RM75.9 juta. Antara langkah yang diambil oleh kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita adalah melalui Program Inkubator Ibu Tunggal ataupun I-KIT dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) atau yang kini dikenali dengan nama *Development of Women Entrepreneurs Initiative (DeWI)*.

Program DeWI menggunakan konsep inkubator ataupun *hand holding*, latihan dan bimbingan di mana peserta akan diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi agar mereka mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup. Program ini dilaksanakan di seluruh negara menerusi Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN), Biro Wanita Sarawak (BWS) dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sahabat (JHEWA).

Pencapaian I-KIT sejak program ini mula diperkenalkan pada tahun 2008 sehingga 31 Disember 2016 menunjukkan seramai 5,294 wanita telah menyertai program ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,359 iaitu 44.6 peratus orang ibu tunggal telah berjaya menjadi usahawan selepas menyertai program ini. Kementerian Pembangunan Wanita,

keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat turut menyediakan bantuan kepada warga emas, orang kurang upaya dan pesakit terlantar. Sehingga Ogos 2017, sejumlah 134,789 warga emas telah mendapat manfaat daripada Skim Bantuan Orang Tua dengan kadar RM300 sebulan yang melibatkan peruntukan sejumlah RM360,815,389. Manakala bantuan yang diberikan kepada golongan OKU pula adalah melibatkan skim Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU/Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT).

Sehingga Ogos 2017, sejumlah 78,221 orang OKU telah menerima manfaat daripada skim Elaun Pekerja Cacat dengan peruntukan sejumlah RM240,713,625. Manakala menerusi skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja, sejumlah 56,413 orang penerima dengan peruntukan sejumlah RM97,082,473. Bagi Bantuan Penjagaan OKU/Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar pula sejumlah 24,571 penjaga menerima manfaat daripada bantuan ini dengan peruntukan sejumlah RM68,286,681.

Jabatan Kebajikan Masyarakat juga turut memperkasa penerima bantuan JKM yang produktif termasuk ibu tunggal dan golongan OKU melalui pelaksanaan *2 Years Exit Programme* (2YEP) iaitu membimbing dan menggalakkan kumpulan sasar ini agar berdikari melalui penglibatan secara aktif dalam bidang pekerjaan sama ada bekerja dengan majikan ataupun menjalankan perniagaan mereka sendiri. Pada tahun 2016, seramai 577 OKU dan 889 ibu tunggal telah diberikan bimbingan, latihan keusahawanan.

Manakala sehingga September 2017, seramai 419 OKU dan ibu tunggal terlibat dengan program 2YEP ini dan diberi latihan keusahawanan. Dalam usaha tersebut, JKM juga menjalinkan kolaborasi dan jaringan kerjasama dengan pelbagai agensi dan jabatan di sektor kerajaan, swasta, NGO, golongan korporat dan orang perseorangan bagi memastikan *client* dapat dibimbing dan dibantu secara berterusan dengan jaringan yang diwujudkan di peringkat negeri ataupun daerah. Terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Menteri. Jawapan yang begitu panjang lebar dan sungguh memuaskan dan inilah jawapan yang rakyat mahu dengar. Oleh sebab itu, Kerajaan Barisan Nasional ini selalu menang sebab sungguh prihatin kepada rakyat. Bukan macam pembangkang, asyik mengkritik apa jua usaha kerajaan untuk membantu rakyat. Jadi, Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelah sana [*Merujuk kepada blok pembangkang*] itu, bersyukurlah, sebegitu luas bantuan kepada rakyat. Sebab ini pilihan raya akan datang tetap Kerajaan BN akan menang.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya minta sedikit pendapat ataupun sekiranya ada cadangan daripada pihak kementerian untuk menambahbaikkan pusat-pusat PAWE ini di mana alat-alat yang digunakan kepada pusat PAWE ini termasuklah Papar dan Beaufort. Saya ada melawat dan saya rasa belum cukup lagi. Sekiranya kalau pihak kementerian menambah lagi oleh sebab saya ada dapat, sungguh banyak peruntukan daripada pihak kementerian seperti fisiologi, alat-alat komputer, *meeting* dan alat-alat gimnasium yang kita belum ada di Sabah. Ada juga alat hiburan seperti karaoke

tetapi ditegah oleh pihak kementerian. Ini orang warga emas dia suka berhibur, dia suka menari, dia suka melukis. Jadi, adakah pihak kementerian juga boleh mewujudkan pusat penyakit-penyakit terlantar ini?

Saya dengar jawapan tadi ada tetapi di Sabah, saya tidak dengar pun. Ini boleh kita berkolaborasi dengan pihak Kementerian Kesihatan. Jadi, janganlah selalu wakil rakyat ini disuruh beri bantuan, beri bantuan, kementerian ada peruntukan yang begitu banyak. Berilah Menteri-menteri. Ini satu permintaan daripada saya termasuklah yang pusat PAWE di Kota Kinabalu itu dipindahkan ke Putatan. Apa juga cadangan pihak kementerian untuk menggalakkan pihak NGO, pihak swasta untuk menabur peruntukan bagi membantu pihak kementerian untuk membantu warga-warga yang tersayang ini termasuk sahabat saya dari Kota Bharu, mungkin satu hari nanti, beliau juga ditempatkan di pusat PAWE itu. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Putatan. Sesungguhnya memang Kerajaan Barisan Nasional ini baik di peringkat persekutuan ataupun di peringkat negeri. Sentiasa mengambil perhatian dan peduli terhadap rakyat kita yang memerlukan termasuklah mereka yang menjadi kumpulan sasaran kepada kementerian ini.

■1120

Berkaitan dengan PAWE ini, sebenarnya kita ada di seluruh negara 59 PAWE setakat ini. Mungkin PAWE Putatan yang terletak di UTC dan saya difahamkan pengurusnya pun adalah seorang orang korporat dari Putatan yang begitu prihatin sangat, saya tengok. Sungguh baik sekali. Sebenarnya memang sudah menjadi hasrat di kementerian untuk kita boleh membina di setiap kawasan Parlimen itu kita tubuhkan PAWE. Kita sebenarnya tidak ada halangan kalau ada karaoke kerana itu adalah merupakan mana-mana sahaja diperlukan oleh warga emas kita. Kalau orang yang beragama Islam, mungkin dia akan mengadakan program mengaji al-Quran dan lain-lain lagi, belajar agama. Mereka yang bukan beragama Islam tapi kalau Islam pun ada juga masa nak berkaraoke. Jadi, tidak ada masalah sebenarnya. Kita tidak ada halangan terhadap perkara itu.

Berkaitan dengan inisiatif untuk mereka menjaga kesihatan daripada segi gimnasium dan sebagainya itu, kita ambil perhatian. Sebahagiannya sudah kita berikan juga sebenarnya bantuan-bantuan daripada segi alat untuk mereka bersenaman ini dan kita akan *introduce* lagi. Sekarang kita perkenalkan pula senaman untuk warga emas *which is very good. Insya-Allah* kita akan bawa itu dan perkara-perkara yang lain itu akan kita tambah, *insya-Allah*.

Selain daripada itu, berkaitan dengan mereka yang terlantar ini. Yang Berhormat mungkin sudah mendengar tadi, pada 27 hari bulan yang baru lalu Yang Amat Berhormat Pekan telah pun membentangkan bajet. Bagi kami di kementerian, kami amat-amat bersyukur kerana kumpulan sasaran kita, warga emas pertamanya, mendapat tambahan

RM50 lagi setiap bulan. Begitu juga dengan orang kurang upaya kita, termasuk yang menjaga orang terlantar, orang kurang upaya, yang terlantar ini, ditambah lagi RM50. Jadi, itu sudah disediakan. Daripada segi pusat ini, kita tidak ada pusat untuk yang terlantar ini, cuma kita ada taman didikan kanak-kanak orang kurang upaya.

Ini untuk kanak-kanak sampai umur 18 tahun, kita ada. Di Sabah pun kita ada juga, di seluruh Malaysia ini kita ada. Mereka boleh dihantar ke sana tapi biasanya keluarga, mereka lebih sayang kepada kanak-kanak ini. Mereka suka jaga sendiri dan kita pula kerajaan, membantu mereka dengan memberikan sedikit bantuan supaya mereka bolehlah membantu untuk menjaga orang yang terlantar ini dengan bantuan daripada kerajaan. *Insyallah* apa sahaja yang sesuai untuk kebaikan rakyat kita, kerajaan ini sentiasa prihatin dan peduli apa juga yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu akan kita berikan perhatian yang serius, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat pagi. Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Adakah perlu untuk mereka yang mendapat bantuan daripada JKM ini untuk *renew*, dengan izin, setiap tahun. Kadang-kadang perkara ini menyusahkan, terutama di kalangan mereka yang berada jauh daripada pejabat JKM daerah. Macam tempat saya sendiri yang mereka ini berada di hujung macam berada di Batang Raja ataupun Sungai Che Rahmat yang agak jauh untuk ke Taiping. Perkara ini sudah tentu memakan masa ataupun memakan belanja. Sudahlah mereka ini orang susah. Kalau nak daftarkan juga, biarlah pegawai JKM ini turun untuk berjumpa dengan penerima-penerima ini kerana setiap daerah itu saya rasa tidaklah ramai, terutamanya di kalangan mereka yang memang begitu susah ataupun terlantar atau penjaga mereka juga merupakan orang yang susah. Minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang di atas persoalan itu. Memang ini selalu menjadi persoalan. Sebenarnya memang kita telah pun *introduce* sistem di mana setiap tahun, mereka kena *renew*. Tiga bulan sebelum habis tempoh *expired* itu, kena memperbaharunya. Oleh kerana ini kita perkenalkan disebabkan pertama, orang tua kita tak tahu. Mungkin mereka dah meninggal. Jadi, makluman ini perlu sampai kepada kita. Kalau tidak, kita berhadapan dengan permasalahan di mana ada bantuan diteruskan sahaja. Jadi, menyebabkan masalah dengan Audit.

Keduanya, kita kena meminta mereka pula membayar balik semula kepada kita. Ini pun jadi permasalahan. Ketiganya, kita mahu tahulah kedudukan mereka sekarang ini sama ada masih lagi memerlukan bantuan atau tidak memerlukan bantuan. Itu sebab kita mesti mengadakan sistem memperbaharunya setiap tahun. Untuk itu, pertamanya kita meminta mereka untuk datang ke pejabat seperti biasalah, dalam tempoh tiga bulan sebelum tempoh itu habis, mereka datang ke pejabat.



Keduanya, kalau mereka memang benar-benar tidak boleh datang ke pejabat disebabkan terlalu tua, sakit terlantar dan sebagainya, maka pegawai kita boleh dimaklumkan. Kita akan hantar pegawai kita untuk turun ke padang. Jadinya, dalam hal ini, kita minta bantuan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memaklumkan kepada pejabat kita dan para pemimpin di peringkat kampung memaklumkan kita tentang perkara ini. Banyak masa juga kita bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi untuk membantu kita di dalam perkara ini supaya kita dapat permudahkan dan lancarkan lagi bantuan yang disampaikan kepada pihak yang menerima bantuan kita, *insya-Allah*. Terima kasih.

**8. Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** meminta Menteri Kesihatan menyatakan kesudian kerajaan untuk menggunakan '*compulsory licensing*' atau '*government use*' bagi ubat kanser payu dara dan kolorektal yang berharga tinggi. Apakah kos ubat dan rawatan untuk kedua-dua penyakit ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago. Soalan-soalan ini berkenaan dengan harga ubat yang begitu mahal. Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan *compulsory licensing* atau *government use* atau *rights of government* merupakan sebahagian fleksibiliti yang terdapat di dalam Perjanjian *Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights* ataupun TRIPS bersama WTO. *Compulsory licensing* bermaksud kerajaan membenarkan syarikat tempatan untuk mengilang ubat yang diperlukan dalam negara berkenaan walaupun produk inovator telah pun dipatenkan. Manakala dengan hak kerajaan ataupun *rights of government*, ubat generik boleh diimport atas sebab masalah kesihatan awam ataupun penyakit-penyakit yang berjangkit walaupun produk inovator telah pun dipatenkan.

Bagi ubat kanser payudara dan kolorektal yang berharga tinggi, kebanyakan ubat-ubat tersebut adalah produk inovator dan tiada produk generik. Oleh itu, mekanisme yang tersebut tidak dapat dilaksanakan. Tambahan pula penyakit-penyakit yang tersebut bukan merupakan masalah kesihatan awam ataupun penyakit-penyakit yang tidak berjangkit di Malaysia. Contoh, masalah kesihatan awam adalah penyakit-penyakit yang berjangkit seperti jangkitan HIV/AIDS dan Hepatitis C. Bagaimanapun, terdapat beberapa kaedah atau strategi lain yang boleh digunakan untuk menambah baik akses pesakit kepada ubat-ubatan yang terlalu mahal seperti ubat rawatan kanser dan penyakit kronik yang lain.

Antaranya ialah dengan kerjasama antara kerajaan dan swasta dalam hal rundingan harga dan perolehan ubat melalui kaedah *patient assistance scheme* dan menggalakkan pendaftaran ubat-ubatan generik jika ada. Strategi seperti ini sedang dikaji dan ia turut dilaksanakan di negara-negara lain sebagai usaha meningkatkan akses pesakit kepada ubat-ubatan yang mahal.

Pada masa ini, anggaran kos ubat dan rawatan untuk kanser payudara dan *colorectal cancer* bagi kategori *targeted therapy* ialah di antara RM50,000 sehingga RM300,000 tiap-tiap pesakit, bagi tiap-tiap rawatan, bergantung pada jumlah *cycle* ataupun kitaran yang diperlukan oleh seseorang pesakit. Anggaran kos akan meningkat sekiranya rawatan *targeted therapy* dilakukan secara kombinasi dengan kemoterapi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan terima kasih atas menggunakan *compulsory licensing* untuk menurunkan harga ubat *Sofosbuvir* yang digunakan untuk Hepatitis C. Selalunya, kita beli *Sofosbuvir* RM375,000 tetapi oleh kerana menggunakan *compulsory licensing*, sekarang rakyat Malaysia boleh membeli ubat itu hanya dengan RM500. Ini menunjukkan bahawa satu sikap yang bagus, satu sikap yang harus diikuti oleh negara-negara lain. Akan tetapi saya tak faham, mengapa isu *compulsory licensing* ataupun *government rights or government use* tidak boleh diguna pakai untuk kanser. Oleh sebab Yang Berhormat tadi mengatakan kepada saya atau untuk Dewan yang mulia ini bahawa kos ubatan untuk kanser payudara dan juga *colorectal cancer* adalah RM50,000 sampai RM300,000.

■1130

Ini adalah satu harga yang begitu tinggi. Kita dapati bahawa satu daripada empat rakyat Malaysia akan ada kanser. Maklumat daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan bahawa satu daripada 10 lelaki akan dapat kanser dan satu daripada sembilan wanita akan dapat kanser. Bukankah ini satu *good reason* untuk menggunakan *compulsory licensing*, untuk menurunkan harga ubat? Kalau tidak, ini merupakan satu sikap yang tidak bertanggungjawab Yang Berhormat Menteri. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang daripada kementerian faham tentang masalah rakyat, masalah pesakit yang terpaksa menghadapi cabaran kerana kos rawatan adalah tinggi terutama sekali kes ubat-ubat inovator, ubat original. Kalau ubat generik boleh dikeluarkan selepas *patent period* telah habis. Pihak kementerian ada dua *approach* di sini iaitu satu, menggunakan *rights of the government* untuk mendapatkan hak untuk mengimport ubat-ubat yang murah ataupun sama ada original ataupun generik. Original contohnya macam Hepatitis C, juga mahal. Kos untuk merawat seorang pesakit Hepatitis C RM50,000 seorang. Kita ada *estimated* 500,000 orang pesakit di Malaysia dan setiap tahun ada kes lebih kurang 2,000 kes baru. Makna beban adalah tinggi.

Dalam hal ini pihak kerajaan telah pun menggunakan *rights of the government* melalui Kabinet telah meluluskan dan kita sedang berunding dengan pihak ketiga, pihak negeri lain dalam hal Hepatitis C contohnya, kita berunding dengan Mesir (Egypt) untuk kita import ubat yang murah menggunakan kaedah *rights of the government*. Ini telah pun

dipersetujui di peringkat WTO. Akan tetapi dalam hal ubat-ubat yang pesakit-pesakit yang tidak berjangkit seperti kanser, payudara, kanser *colorectal* memang tinggi. Di kalangan wanita di Malaysia kanser payudara adalah yang utama, yang kedua *colorectal*. Untuk lelaki yang utama kanser adalah *colorectal*. Selepas itu barulah kanser paru-paru.

Setakat hari ini, tidak ada kebenaran oleh pihak WTO ini untuk kita menggunakan *rights of the government*, jadi kita gunakan kaedah lain. Termasuk kita berunding dengan pihak-pihak syarikat. Pernah berlaku dahulu tahun 2003, apabila kita berunding dengan pihak syarikat, satu syarikat turunkan harganya, syarikat yang lain juga turut turunkan harga ubatnya. Ini kaedah yang kita akan *pursue* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**9. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan sejauh manakah pencapaian Model Baru Berpendapatan Tinggi Penduduk Luar Bandar yang bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan menjelang tahun 2020 telah berjaya dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan nombor sembilan. Payah hendak jawab pantun itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar. Fokus utama Model Baru Berpendapatan Tinggi adalah untuk meningkatkan pendapatan tambahan sedia ada dengan mempelbagaikan sumber pendapatan serta menggalakkan aktiviti ekonomi tambahan menerusi penerokaan sumber baru.

Pihak kementerian melalui agensi di bawahnya seperti Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah melaksanakan program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) bagi meningkatkan pendapatan masyarakat pekebun kecil. Antara aktiviti ekonomi yang dilaksanakan oleh agensi seperti FELCRA Berhad dan juga RISDA adalah seperti Ladang Sejahtera yang melibatkan getah dan sawit, ladang ataupun aktiviti komersial, tanaman serta aktiviti jangka pendek yang berimpak tinggi. Selain daripada itu, ternakan dan pertanian dan kebun-kebun sayur juga telah kita laksanakan melalui agensi-agensinya yang saya sebutkan tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah RP1 Rancangan Malaysia yang Kesebelas, pelaksanaan program AET telah melibatkan 8,300 kumpulan sasar. Melalui pelaksanaan Agropolitan pula, peserta program Agropolitan di samping menerima dividen dari keuntungan ladang sawit dan getah turut berpeluang meningkatkan pendapatan melalui tanaman jangka pendek yang berimpak tinggi.

Selain daripada itu, maklumat untuk Yang Berhormat juga melalui Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) ini yang saya sebutkan di bawah RISDA, sebanyak RM18 juta telah pun

kita peruntukkan yang melibatkan 1,800 orang peserta. Di samping itu, RM30 juta lagi telah kita peruntukkan yang melibatkan 3,000 orang peserta melalui mobilepreneur dan pelbagai Program Latihan Kemahiran Kerjaya (PLKK) bernilai RM20 juta yang melibatkan 2,100 orang peserta.

Selain daripada itu, sebagaimana yang dimaklumkan oleh semua Ahli Yang Berhormat, Giat Mara yang mana kita mempunyai 231 pusat Giat Mara di seluruh negara yang mana Giat Mara ini bolehlah dikatakan hampir 90 peratus lebih daripada peserta-peserta Giat Mara ini terdiri daripada anak-anak daripada masyarakat luar bandar. Pelbagai latihan dan program yang telah kita sediakan di Giat Mara ini yang mana apabila mereka tamat kursus, mereka boleh memohon lesen untuk menjalankan perniagaan. Selain itu kita menyediakan program SPED, kita panggil SPED program untuk memberi kemudahan pinjaman kepada usahawan di peringkat desa. Maksimum pada pinjaman ini adalah RM500,000 dan ramai di kalangan peserta-peserta Giat Mara yang kita dapati sudah pun berjaya sehingga hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, tamat sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.37 pg.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 2 November 2017.”

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Peraturan Mesyuarat 27 Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai usul yang saya telah kemukakan pada 6 Oktober dan di mana Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme telah mengaku penerimaannya. Di mana beliau telah *WhatsApp* kepada saya mengatakan lapan soalan lisan, lima bertulis dan satu usul telah diterima melalui e-mel dan faks pada 3 Oktober 2017. Akan tetapi ia tidak disenaraikan di *Order Paper*. Apakah sebab tertentu dan mengenai kelakuan ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya telah difahamkan bahawa di pihak Setiausaha Dewan Rakyat dan juga di pihak Tuan Yang di-Pertua sedang meneliti perkara ini dan akan menghantar jawapan kepada Yang Berhormat Ipoh Barat. Harap bersabar Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekurang-kurangnya satu mengenai perkara itu boleh dimaklumkan kepada saya minggu dulu kerana saya telah memberi notis usul itu pada 9 Oktober.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dekat satu bulan. *It doesn't take that long, it takes 24 hours for a reply.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Ada petua daripada Tuan Yang di-Pertua mengenai isu logo Barisan Nasional ketika pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 27 Oktober 2017 di dalam Dewan Rakyat pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Parlimen Ketiga Belas.

■1140

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan P. Kasthuriraani A/P Patto Ahli Parlimen Batu Kawan pada hari Isnin 30 Oktober 2017 semasa sesi Mesyuarat Ketiga Penggal Ke Lima Parlimen Ke-13 telah menarik perhatian Yang di-Pertua Dewan Rakyat berkenaan logo Barisan Nasional terpapar pada skrin Dewan Rakyat ketika pembentangan Rang Undang-undang Pembekalan 2018 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada Jumaat 27 Oktober 2017. Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah dimaklumkan bahawa terdapat 804 slaid yang telah digunakan semasa Pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Namun, hanya satu slaid sahaja yang mengandungi logo Barisan Nasional terpapar pada skrin tersebut dan tiada dalam mana-mana slaid yang lain. Penyediaan slaid ini adalah sebagai sokongan visual kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan.

Dalam hal ini pemaparan logo Barisan Nasional adalah tindakan yang tidak disengajakan dan terlepas pandang oleh pihak penyelia slaid. Saya menerima penjelasan

yang dikemukakan dan pihak berkenaan juga telah memohon maaf kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat atas kesilapan tersebut. Oleh yang demikian, saya menyeru agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat jadikanlah kejadian ini sebagai satu iktibar dan tidak perlu berulang lagi pada masa hadapan. Kita hendaklah sentiasa menghormati dan mematuhi *decorum* Dewan sepanjang masa. Sekian, terima kasih. Ya Setiausaha.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit pandangan saya. Saya berterima kasih kepada keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Tetapi asanya adalah ini kerana ada beza di antara Kerajaan dengan Parti. Ini telah di-*confuse*-kan dalam 60 tahun ini di mana ia menunjukkan bahawa Barisan Nasional adalah kerajaan dan kerajaan adalah Barisan Nasional. Jadi itu lah sebab kakitangan kerajaan dan sebagainya tidak tahu bahawa timbang itu sudah senget. Tidak perlu ia ditunjuk, diiklan di sini. Saya harap walaupun satu *apology* telah dibuat, harap ini tidak akan berlaku. Saya harap tindakan diambil terhadap pihak-pihak berkenaan supaya ini Dewan Yang Mulia. Macam mana perkara ini boleh terjadi? Saya hairan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya terima kasih atas pandangan dan saya jelaskan tadi. Ya Setiausaha.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

#### **DAN**

#### **USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2018**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2018 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[31 Oktober 2017]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya minta Yang Berhormat Bagan Serai menyambung berucap.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Membaca sepotong doa]..Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Salam sejahtera.

*Akui selamanya sejarah tercatat.*

*Begitulah lawannya Tuah dan Jebat.*

*Inclusive dan menyeluruh demi rakyat*

*Bajet 2018 terbaik, terhebat.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan yang sangat penting ini. Ibu segala bajet telah mempersembahkan RM 280.25 bilion sebagai peruntukan dengan peningkatan sebanyak RM19.4 bilion berbanding dengan tahun lepas. Satu perkara yang baik dan dalam bajet ini terserlah sifat-sifat yang mulia, sifat-sifat *sharing and caring and loving*. Satu perkongsian satu sifat keprihatinan dan juga kasih sayang. Jelas nampak yang sudah tersirat di dalam bajet yang kita lihat ini. Kata orang, orang yang tidak nampak, orang yang buta pun dapat merasa gegarannya kecualilah orang-orang yang buta hati.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mendengar suara dan keluhan dan dapat merasai degup nadi rakyat yang menceritakan banyak masalah kehidupan dalam masa kini. Bajet yang komprehensif yang berhemah dan bertanggungjawab dan tidak mengorbankan pengukuhan fiskal ini telah dilaksanakan dengan terbaik. Tuan Yang di-Pertua, terdapat langkah-langkah dan hala tuju yang jelas. Yang ini yang kita hendak. Bajet yang difikirkan mempunyai langkah-langkah dan hala tuju yang jelas. Bukan pakai semberono bukan pakai hentam macam itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua bayangkan manusia daripada dalam perut lagi. Daripada tidak tahu lelaki perempuannya sampailah dia dilahirkan menjadi pelajar, menjadi dewasa sehingga lah menjadi orang tua hinggalah rambut menjadi putih, gigi sudah tidak ada, bertongkat. Begitu hebat sekali keadaan. Inilah yang dikatakan bajet yang menyeluruh. Bajet yang melangkaui semuanya. Saya ingin menyentuh satu perkara yang sangat-sangat menyentuh di kawasan Parlimen saya. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengisytiharkan memberi ganjaran bantuan kewangan RM 200 untuk tiga bulan berturut-turut sebelum menuai padi kepada pesawah-pesawah padi. Ini adalah satu yang sangat menyentuh manusia, kawan-kawan saya di Parlimen Bagan Serai. Tuan Yang di-Pertua, orang Bagan Serai *happy*, orang Bagan Serai.....orang Bagan Serai menerima, inilah doa, inilah harapan, inilah rintihan yang telah dilaungkan selama ini. Ini lah Allah SWT telah memberikan satu kebaikan, satu makbulnya doa hari ini. *[Membaca sepotong Ayat bahasa Arab]*

Tuan Yang di-Pertua, apa bangsa, apa agama, apa status, apa kawasan. Kawasan pembangkang pun dapat. Ini lah yang dikatakan satu bajet yang menyeluruh.

Bajet yang memberikan kebaikan untuk seluruh rakyat Malaysia hari ini. Tuan Yang di-Pertua kalau mukadimah ini pun tidak faham elok *u-turn* sahaja lah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Bagan Serai boleh? Bagilah Bagan Serai...Bagan Serai lah *u-turn*..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak bagi Yang Berhormat Rasah, duduk Yang Berhormat Rasah.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagaimana kita hendak melihat bajet kalau kaca mata kita tidak betul? Kalau fikiran kita tidak betul? Kalau kita tidak nampak inti pati sebenarnya. Yang tersirat daripada yang tersurat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya 30 minit saya bagi. Saya minta maaf kawan-kawan. Minta maaf Yang Berhormat Beruas. *Time is very precious*. Sedikit sahaja saya hendak sentuh.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi..tidak bagi Beruas, Seputeh duduk!

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Kelana Jaya kata penjimatan boleh dibuat jika sekiranya rasuah ada ketirisan dapat dihapuskan. Saya setuju! Bagan Serai setuju! Yang Berhormat Kelana Jaya semalam menyatakan ketirisan dalam pengurusan peruntukkan lain seperti yang terdapat dalam kepala Objek 20000 amat besar sekiranya ia dikawal ia boleh memberikan penjimatan. Nampak cerdik. Saya buat semakan siapa yang dapat ini? Yang dapat ini ialah Kementerian Kesihatan, Pertahanan, Pendidikan, KDN, Perbendaharaan dan jumlahnya sebanyak RM26,349 juta memaikan 70 peratus daripada keseluruhan bajet yang disediakan. Ini bermakna Yang Berhormat Kelana Jaya boleh melakukan penjimatan hanya dengan melakukan pemotongan peruntukan sekali gus menjejaskan perkhidmatan awam yang penting pendidikan-pendidikan, kesihatan .....

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Bagan Serai boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat duduk.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ini penakut ini.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan guru-guru tidak ada kelas yang kondusif, tidak ada elektrik, tidak ada Internet. Hospital tidak mempunyai katering untuk pesakit-pesakit atau pun Klinik-klinik 1Malaysia terpaksa ditutup kerana tidak dapat membayar sewaan ataupun anggota Polis tidak ada pakaian seragam yang cukup bersesuaian. Inilah yang dinamakan tidak cerdik. Inilah *figure top, figure boy*. Elok *u-turn* sahaja lah! Tuan Yang di-Pertua...



**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Bagan Serai boleh?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:**.... Minta maaf Yang Berhormat Kelana Jaya, *time is very precious*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Jadi you penakut lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Bagi lah Bagan Serai!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya tiada jalan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, tiada keraguan lagi. Ekonomi yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ekonomi makro yang menunjukkan terbaik dalam 10 tahun yang akhir ini. Pertumbuhan ekonomi Malaysia telah meningkat daripada 4.2 peratus tahun 2016, hari ini 57 peratus. Unjuran yang dibuat oleh World Bank menunjukkan unjuran daripada 49 peratus kepada 5.2 peratus. Ini jelas menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia telah meningkat. Badan-badan dunia telah mengiktiraf. Siapalah pembangkang untuk mengatakan Malaysia ini ekonominya lemah dan mengahala kepada kebangkrapan.

Tuan Yang di-Pertua, *trade* di Malaysia telah meningkat tertinggi sejak 2010 dan kita dapat tengok eksport tertinggi melebihi RM 80 bilion. Ini adalah kerana memanfaatkan pertumbuhan ekonomi global yang baik sekarang ini. 35 peratus yang dijangka akan meningkat kepada 3.7 peratus pada tahun depan.

#### ■1150

Tuan Yang di-Pertua, saya bagaimanapun ingin...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** 30 saat boleh tidak?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya hendak tanya MITI...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah, duduk Yang Berhormat Rasah.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Perdagangan bagus. Saya hendak tanya MITI, apa sudah jadi dengan TPPA? Sejak Donald Trump mengambil bahagian mengatakan dia tidak mahu. Dahulu saya pernah dengar kata *with or without US, TPPA will continue*, apa sudah jadi? Adakah selepas Trump tidak ada nanti, kita akan bermesyuarat TPPA lagi dan kita akan membuat perkara yang lebih lagi. Saya ingin penjelasan tentang TPPA ini dan juga apa sudah jadi dengan RCEP? Sebab apa China sekarang ini kita dapat lihat sekarang ini pertumbuhan ekonomi global sudah cantik sekarang ini Tuan Yang di-Pertua.

World Trade hari ini meningkat tinggi empat persen, pertumbuhan yang serentak. *What we call as synchronous growth* yang sedang berlaku hari ini melibatkan negara-negara kuasa ekonomi seperti US, seperti China, seperti *Europe*, pastinya strategi penting dalam hal ini. Strategi Malaysia yang baik, yang betul, yang tepat, yang telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menepati sebab itu hari ini kita ucapkan

tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membawa negara Malaysia maju dalam ekonomi kerana telah berjaya mengikat hati pemimpin-pemimpin kuasa-kuasa besar ekonomi dunia seperti US, China, India dan juga Arab Saudi hari ini.

Apa lagi hendak sebut? *What else to say?* Ini jelas sebagainya. Tahniah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *mabruk*. Tuan Yang di-Pertua, *mabruk*. Tuan Yang di-Pertua, apabila ketika Yang Amat Berhormat Pekan memasuki *office*, 2009 kegawatan ekonomi dunia, defisit fiskal 6.7 percent dan janji kerajaan untuk menurunkan fiskal *gradually* perlahan-lahan. Kita dapat lihat 2017 menjangkau tiga persen dan dijangka pada tahun depan 2.8 persen. Satu kebaikan lagi, ini yang *government* telah *deliver*. Ini kerajaan yang telah *deliver* selama 10 tahun hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, rizab antarabangsa melebihi USD100 bilion. Ini adalah lima kali ganda daripada 1997, 1998 semasa Tun Mahathir menerajui negara hari ini. Ini bankrap kah? Ini kerajaan bankrap kah? Ini bukan, jelas, jauh sekali bagai langit dengan bumi, ini bukan bankrap.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kita tidak tahulah 1997..

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kita tidak tahulah 1997, mungkin semasa itu masa Tun Mahathir yang bankrap.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kita tidak tahulah siapa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Sekarang ataupun dahulu yang kleptokrasi yang menjadi perompak, merompak duit dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Parit Sulong?

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Selepas Yang Berhormat Parit Sulong, Rasah Yang Berhormat Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah duduk Yang Berhormat Rasah.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya sangat tertarik dengan apa yang tadi dibahaskan oleh Yang Berhormat Bagan Serai terutamanya mengenai peningkatan *trade* kita. Kalau *trade* ini dia ada kita import dan juga kita eksport. Secara kebetulannya

pula selaku Pengerusi MATRADE, saya pun juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Bagan Serai.

Tahun ini kita nampak *trade* itu banyak peningkatan terutamanya dalam eksport. Akan tetapi dalam waktu yang sama untuk tahun ini, terdapat pengurangan bantuan yang kita berikan kepada usahawan-usahawan. Dalam bajet ini dikatakan bahawa kita hendak supaya eksport itu lagi bertambah. Jadinya saya hendak minta pendapat daripada Yang Berhormat Bagan Serai untuk panjangkan juga kepada pihak kerajaan supaya peruntukan untuk promosi ini ditambah. Apabila promosi ditambah bermaksud pendedahan syarikat kita di luar negara juga akan bertambah dan secara langsungnya ia akan membantu usahawan-usahawan dan juga *trade* negara itu sendiri. Jadinya minta pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong memang betul.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya setuju sebab kementerian patut tambah peruntukan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Tadi saya dengar hujah Yang Berhormat Bagan Serai bahawa ekonomi negara kita semakin maju. Cuma saya ada satu soalan di mana agak mengapakah walaupun ekonomi kita baik tetapi nilai mata wang negara kita semakin merosot? Kalau 50 tahun dahulu RM1 sama dengan SGD1 tetapi hari ini SGD1 sama dengan RM3. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Nanti Yang Berhormat Menteri akan jawab sebab itu ada jawapan yang jelas. Saya tidak ada masa. Terima kasih *but this good* bertanya soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, *rating agencies*. *World rating agencies* yang tidak ada kepentingan dalam negara ini yang mempunyai kepakaran Standard & Poor's, Moody's, Fitch memberikan rating A *minus* dengan *stable outlook*. Ini sudah tentu jelas menunjukkan bahawa negara kita ini mempunyai ekonomi yang baik, yang telah dipandang oleh badan-badan penarafan kredit antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, agan Serai bagi amaran, bagi *warning*, jangan siapa-siapa kelirukan rakyat. Jangan siapa-siapa takutkan rakyat. Jangan buat tidak nampak, yang patut buat ialah buat *you turn* sahaja lah. Tuan Yang di-Pertua, apa pun polisi, *whatever policy* yang kita hendak buat dekat negara ini, yang pentingnya *the end of it* mestilah untuk rakyat. Maknanya *prime in our mind*. Maknanya *prime in our mind* bila rangka bajet sebab itu tema bajet yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri : kesejahteraan, kemakmuran, *inclusivity* masuk semua. Kali ini *balance* dengan dunia dan akhirat. *Par excellence* dunia dan akhirat. Ini sangat penting kerana kejayaan fizikal, kejayaan material

tanpa kejayaan kerohanian, tanpa kejayaan ketenteraman hati maka impaknya akan rosak.

Kita sudah bagus semua tetapi kita sakit, kesihatan – itu pun tidak guna juga. Kita sudah bagus semuanya tetapi kita tidak ada jiwa yang baik. Masalah yang timbul, ini yang timbulnya bakar tahfiz, buang anak, pukul *parent*, buang sampah, tebang hutan, gondolkan bukit selepas itu bila jadi tanah runtuh, tidak mengaku pula. Banyak masalah yang akan timbul natijah daripada hati yang kotor, natijah daripada hati yang tidak tenteram maka macam-macamlah. Rasuah, curi duit, penipu, tamak haloba, hasad dengki, sombong, bongkak, kurang ajar. Ini semua daripada benda-benda – sebab itu apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membawa kepada *par excellence* ukhrawi dan duniawi adalah sangat-sangat tepat dan Bagan Serai sangat-sangat setuju.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun pertumbuhan ekonomi kena baik, perancangan kena baik. Macam mana kita hendak *divide* kek itu kalau kek itu kecil dan tidak sedap? Pembangkang dia hendak *divide* kek, bagi semua, bagi *free* tetapi *the cake is small and the cake is not tasty*. Tidak ada usaha-usaha itu. Ini yang kita hendak buat dan bajet kita ini melihat kepada bagaimana hendak membesarkan kek ekonomi, bagaimana untuk mencantikkan, membahagikan rasa sedap dan kalau dipotong-potong diberikan kepada rakyat semua, semuanya rasa sedap. Inilah yang hendak dibuat oleh bajet ini.

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan keseimbangan hasil pertumbuhan dan kesejahteraan. Inilah yang PM katakan sebagai *capital economy and people economy*. Ekonomi modal dan ekonomi rakyat telah disarankan beberapa kali supaya apabila kita bahagikan ekonomi ini semua rakyat dapat rasa. Inilah yang kita hendak buat. *That is why* kita hari ini ada lapan petunjang dan pada hemat Bagan Serai petunjang satu, dua, tiga dan enam adalah untuk produktiviti, untuk industri, untuk perdagangan, untuk bawa negara Malaysia kepada negara maju dan petunjang ini cuma satu, petunjang satu untuk industri dan *trade*. Tadi kita dengar macam-macam kebaikan. Petunjang dua untuk TN50.

Anak-anak belia yang akan memerintah negara 30 tahun dari sekarang macam mana perangai dia orang? Macam mana akhlak dia orang? Macam mana kepintaran dia orang? 70 peratus daripada rakyat Malaysia pada hari ini bawah 40 tahun. Maknanya 30 tahun lagi mereka ini akan menjaga negara. Maka segala-galanya kebaikan untuk mereka adalah sangat-sangat penting, sangat-sangat *dharuri*, sangat-sangat penting.

Perkara ketiga, pendidikan, kemahiran, latihan dan pendidikan. Ini penting terutamanya kalau saya kata petunjang yang ketiga ini Tuan Yang di-Pertua. Terutamanya tentang pendidikan alam sekitar. Sepatutnya dimulakan daripada darjah satu lagi supaya mereka ini cintakan alam sekitar, sedar kepentingan ini, sedar kewajipan menjaga alam sekitar, tidak tebang pokok, tidak gondolkan bukit, tidak sebabkan tanah runtuh, tidak sebabkan nyawa melayang, ini penting alam sekitar.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, petunjang yang keempat. Revolusi industri keempat dan digital ekonomi. Ini kita bercakaplah, banyak terlalu *detail* untuk kita cakap. Anak muda kita mesti cekap sebab kita di ambang perubahan pada satu revolusi yang mengubah cara hidup, mengubah sebagainya. *Internet of things, smartphone, smart road, smart homes* dan kita ada *big data robotic, mental reality* dan kita ada lagi *cyber security as a Malaysian* dan banyak perkara lagi.

Tuan Yang di-Pertua, petunjang seterusnya empat, lima, tujuh dan lapan fokus kepada *people economy*, pada rakyat. Bagaimana untuk naikkan lagi, ini bukan gula-gula. Apabila kita bercakap tentang B40, M40 ini bukan gula-gula. Ini maknanya kerajaan sedar dan insaf, kerajaan hendak buat sesuatu untuk rakyat di bawah sana supaya kek rasa di bawah sana kek itu rasa sedap, bukan kek rasa tidak sedap. Kajian pendapatan menunjukkan pekali gini 2009 - 0.441, 2014 - 0.4, 2016 - 0.399. *The lowest in history* paling rendah maknanya jurang pendapatan sudah merapat. Maknanya inklusiviti itu telah hampir-hampir menjadi kenyataan dan kerajaan hendak buat lebih daripada itu lagi.

#### ■1200

Oleh sebab itu datang *packages Micro Enterprises* yang kita lihat TEKUN, Amanah Ikhtiar, 1Azam, TVET dengan pemberian yang lebih malah pembangunan infra rakyat yang besar seperti MRT, ECRL, *Pan-Borneo*. Ini membukakan jalan, membukakan ruang pekerjaan dan perniagaan, membukakan peluang kepada orang-orang di dalam sana, di dalam hutan sana maka lalu membuka peluang untuk mereka merasai nikmat. Jutaan rakyat akan menikmati apa yang kerajaan akan buat, apa yang di-*plan*-kan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi perlukan 3D – *distance, division and density*. Tidak ada masa saya hendak hurai perkara ini tetapi *distance* akan mendekatkan kita mendekatkan kepada kemajuan hari ini. Petunjang yang kelima, sejahtera dan jana pendapatan. Ini penting kesejahteraan jana pendapatan. Apalagi kos sara hidup. Inilah yang menjadi jeritan hari ini dan jadi kekeliruan apabila pembangkang bawa cerita seolah-olah macam dengan adanya polisi-polisi kerajaan seperti GST dan sebagainya merosakkan, menyebabkan kos sara hidup jadi besar. Ini adalah satu fitnah, satu penipuan.

Tuan Yang di-Pertua, bila sebut kos sara hidup kita hendak murah, hendak *free*, hendak kawal harga. Sebenarnya kita kena lihat pada satu belah lagi iaitu tentang pendapatan. Ini yang kerajaan hendak buat dalam Bajet ini. Menjana pendapatan, menaikkan pendapatan, meningkatkan pendapatan bagi mereka yang di dalam B40. Kawal harga bagus tetapi tidak cukup, subsidi pun bagus tetapi tidak cukup. Kita rasa tidak selesai.

Saya hendak lihat, hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, peningkatan pendapatan perbezaan, *median household income*. Pendapatan ini secara *general*-nya 2014 – RM4,585, tahun 2016 – RM5,228 puratanya naik tetapi kerajaan sedar, kerajaan

insaf dan tahu ada cabaran di bawah sana. Oleh sebab itu Bajet ini cakap banyak fasal B40, cakap banyak fasal M40. Pendapatan isi rumah B40 tahun 2014 – RM2,629, tahun 2016 – RM3,000 semua B40/M40/T20 semua ada meningkat tetapi peningkatan tidak sama dan kerajaan tahu ada kekurangan, ada ruang dan ada kekurangan untuk B40.

Oleh sebab itu *various packages was given to lift up the income* mereka di B40. Contohnya latihan *skills* TVET Kolej Komuniti. Ada program pembangunan TEKUN, Amanah Ikhtiar, *food trucks* dan ini bukan gula-gula. Bila kita cakap mereka kata gula-gula. Ini bukan gula-gula.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bagan Serai pendek sahaja boleh? Yang Berhormat Bagan Serai... Yang Berhormat Bagan Serai...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Last* sekali saya hendak bawa Tuan Yang di-Pertua ialah konsep *living wage*. Pertamanya, contohnya gaji RM4,000, RM6,000, RM8,000. Katakanlah...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bagan Serai...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Minta maaf, *I've got only 1 minute*. Kos sara hidup semua rakyat kena tanya, apakah *income* yang sesuai untuk saya hidup selesa? Hidup selesa bukan hidup kaya tetapi hidup selesa. Maknanya hidup selesa dia tidak pening kepala hujung bulan boleh bayar semua bil, itu maknanya. Contohnya orang di KL anak tiga cukup tidak? Ataupun di JB orang bujang ataupun seorang yang baru kahwin duduk di Tumpat, cukup tidak gaji dia? Berapa gaji yang diperlukan supaya dia tidak pening kepala hujung bulan? Ini yang kerajaan hendak buat sebab itu dipanggil ini satu *living wage concept* dan apa yang membezakan ialah besar keluarga dan di mana tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi satu contoh. Di KL anak dua gaji yang diperlukan untuk hidup selesa, bolehlah RM6,000. Kalau orang itu gaji RM4,000 di sinilah kerajaan memberikan peluang dan ruang, memberikan bantuan-bantuan, contoh bantuan modal. Bagaimana dia dapat tambah pendapatan? Buat *food truck*, *e-Hailing*, *e-Rezeki* dan sebagainya. Contohnya Kolej Komuniti lah, kita belajar hendak *service aircond*, hendak buat kek, hendak buat foto, hendak buat jahitan, hendak buat *wiring*. Kalau boleh buat kek boleh buat kek dapat pendapatan tambahan RM1,000 – RM2,000 sudah cukup RM6,000 sebab orang ini gaji RM4,000 tadi. *So, nothing is wrong*. Tidak salah kita buat. BR1M tidak salah tetapi BR1M tidak menyelesaikan masalah.

Hari ini kerajaan akan memberikan bagikan bantuan, kerajaan bagi ikan, bagi joran, bagi kolam ikan sekali. Maknanya kerajaan bagi peluang, bagi ajar macam mana dan sebagainya, banyak juga. Hari ini orang yang gaji RM8,000 kalau dia tidak ukur dengan badannya sendiri dia belanja lebih maka dia *cross* maka ini masalah. Kita hendak tukar, hendak hidup mewah tetapi kita tidak cukup gaji.

Tuan Yang di-Pertua, 'No pain, no gain'. 'Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya'. Beri saya 30 saat sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Kak Wan Azizah lah, Kak Wan Azizah yang datang hari itu. Duit RM500 meniaga ayam jadi jutawan. Kita kena tanya dia macam mana kak jadi kaya? Macam mana kak jadi jutawan? Tidur di rumah, bangun lambat, tidur awal, bangun awal, bangun lambat apa dia buat? Apa dia buat? Hari ini patutnya kena ada satu sesi tanya Kak Wan Azizah macam mana hendak jadi kaya tetapi kena tanya Kak Wan Azizah yang betullah. Kalau Kak Wan Azizah yang satu lagi itu GST pun tidak faham selepas itu dia kelirukan rakyat lagi hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, macam saya kata tadi pembangkang hari ini dia kata kita kerajaan buat bajet gula-gula. *No!* Buat bajet gula-gula kerana dia orang banyak makan gula, mungkin dia orang diabetes. Orang diabetes, Tuan Yang di-Pertua saya seorang doktor kalau gulanya tinggi dia jadi *hyperglycemia* – dia jadi keliru. Masalahnya dia orang ini mengelirukan rakyat lagi dan boleh rosak mata dia *blur* dia tidak nampak apa yang betul. Masalahnya sekali ialah hati yang buta. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tutup sekarang. Tuan Yang di-Pertua, tahniah saya hendak ucap kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas bajet ini. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Bajet yang *sharing*, yang *caring*, yang *loving* ini, *very loving* hari ini. [*Tepuk*] Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berjiwa besar. Dikutuk, dicaci, dimaki, diperli, dipersendakan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetap dengan pendiriannya tidak *u-turn* macam perangai 'depa' dekat sana hari ini. [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua, untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,  
*"Alang-alang mandi biar basah,  
 alang-alang berdakwat biar hitam,  
 alang-alang menyeluk pekasam,  
 biar sampai ke pangkal lengan,  
 alang-alang dicaci, dimaki, dikutuk, dipersendakan,  
 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,  
 teruskanlah perjuangan untuk Malaysia tercinta.  
 bawalah Malaysia ke negara maju dan,  
 bawalah ke puncak kejayaan".*

Tahniah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, atas ibu segala Bajet. Yang Berhormat Bagan Serai dengan segala kekuatannya menyokong Bajet ini. [*Tepuk*] [*Dewan riuh*] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuantan.

**12.06 tgh.**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk saya membahaskan Bajet 2018 ini. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Bajet 2018 yang digelar sebagai ibu segala bajet yang menampilkan RM280.25 bilion lebih kurang RM20 bilion daripada Bajet 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai ibu rasa terhina dengan gelaran, "*Ibu Segala Bajet*" kerana ibu yang prihatin dan ibu yang ambil berat Tuan Yang di-Pertua, tidak mudah-mudah beri *Panadol*. Apabila anak sakit, ibu yang prihatin akan tengok sama ada anak itu sakit, pening kepala tak nak pergi sekolah contohnya, sebab dia kena buli di sekolah kah atau dia demam kah ataupun dia ada satu demam panas dan penyakit berjangkit, dia dijangkiti kuman. Seorang ibu yang prihatin akan teliti punca pening kepala, sakit anak tersebut bukan senang-senang bagi *Panadol*, "*Nah, ambil panadol ini dan selesai segala masalah*". Ibu segala bajet memberi *Panadol*, memberi *one-off* kepada seluruh golongan tanpa mengambil kira permasalahan yang sebenar yang dihadapi oleh rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang dihadapi oleh rakyat, rakyat rasa susah, rakyat rasa terbeban dengan kos sara hidup yang tinggi, rakyat rasa gaji yang kecil dan *stagnant*, rakyat susah hendak hidup tidak boleh hendak berbelanja, tidak ada *disposable income*, tidak ada *spending power*, Tuan Yang di-Pertua dan bukan dengan cara bagi *Panadol one-off* itu boleh menyelesaikan masalah rakyat. Jadi ibu yang prihatin, ibu segala Bajet seharusnya bukan setakat bagi gula-gula atau bagi *Panadol* atau bagi *one-off*. Ibu segala bajet seharusnya melihat kepada permasalahan yang menjadi punca kepada kesakitan yang dialami oleh rakyat, derita yang dialami oleh rakyat.

Lapan petunjang nampak hebat akan tetapi apabila kita teliti setiap petunjang itu, kita dapati bahawa ianya hanya dari segi nama ataupun apa yang diletak sebagai retorik yang hebat tetapi apabila kita teliti dari segi pendetilannya ianya tidak sebenarnya menyelesaikan masalah yang diletakkan sebagai petunjang tersebut.

Saya ingin pergi kepada petunjang pertama iaitu dari segi sektor pertanian. Dari segi sektor pertaniannya Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa ada RM6.5 bilion yang diperuntukkan. Kita bersyukur kerana golongan-golongan seperti petani, pekebun getah, seperti nelayan semua mendapat imbuhan tersebut.

**■1210**

Akan tetapi, saya kira dalam sektor pertanian ini harus kita lihat bagaimana kita mahu memajukan sektor pertanian. Bagaimana tentang *research* dan mengembangkan sektor pertanian ini sehingga negara kita ini boleh berdaya saing dari segi sektor pertanian.

Saya ingin merujuk kepada satu laporan dalam *News Straits Times* berkenaan dengan *Fruits from Cameron rejected* Tuan Yang di-Pertua. Di mana buah-buah daripada Cameron Highlands ini yang seharusnya dieksport ke negara China didapati mengandungi



LMO ataupun *living modified organisms*. Ini merupakan satu maklumat yang amat menakutkan kita kerana berlaku keadaan di mana pekebun-pekebun kita menggunakan produk-produk ataupun benih-benih pokok yang *genetically modified* dan mengandungi *living modified organisms* (LMO).

Ini boleh meninggalkan kesan jangka masa panjang kepada manusia dan kepada alam sekitar. Walaupun Menteri mengatakan bahawa harus dihentikan penanaman pokok-pokok tersebut. Maksudnya di sini kemungkinan mereka tidak boleh eksport ke negara China lagi. Mereka tidak boleh eksport produk buah-buahan dan sayur-sayuran ke luar negara kerana di kawal dengan ketat. Akan tetapi, apakah jaminan bahawa produk ini, buah-buahan dan sayur-sayuran tidak dijual kepada pasaran tempatan. Cameron Highlands merupakan tempat di mana kita warga Malaysia suka berehat dan pergi beli buah, beli sayur, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Pendek ya Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Kuantan, pendek sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuantan. Sementara Yang Berhormat Kuantan menyebut LMO. Ada satu lagi isu iaitu *Genetically Modified Organism* (GMO) dan saya minta Menteri respons ialah apakah dasar kita terhadap GMO dan LMO? Terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Kedah. Malaysia sudah pun meluluskan *Biosafety Act 2007* dan *Biosafety Regulation 2010* Yang Berhormat Kuala Kedah. Maksudnya kita sudah ada akta dan kita juga ada *regulation*. Masalah kita ialah penguatkuasaan *as in everywhere*, dalam semua sektor, di semua tempat kita ada masalah penguatkuasaan.

Jadi contoh *definitions*. *Any living organisms that possesses a novel combination of genetic material obtained through the use of modern biotechnology. In general, used the term living modified organism is equal to genetic modified organism.* Tuan Yang di-Pertua, tahun lepas saya bawa isu berkenaan racun terlarang yang digunakan di Cameron Highlands juga. Di mana kawasan tadahan air didapati mengandungi racun terlarang tersebut, kawasan sungai dan kawasan air minuman didapati ada *traces* racun terlarang didapati dalam air minuman Cameron Highlands.

Sekarang isu buah-buahan yang tidak boleh dieksport kerana mengandungi LMO. Ini pada saya satu isu yang besar yang harus kita beri perhatian. Kalau kita hendak membangunkan sektor pertanian kita harus memberi tumpuan kepada bagaimana kita hendak meningkatkan kualiti buah-buahan kita, sayuran kita dan produk pertanian kita. Ia bukan setakat bagi imbuhan untuk bantu pekebun getah. Ya, kita syukur tentang perkara itu tetapi *more futuristic* dan *long term* punya *research* dan penguatkuasaan berkenaan dengan bagaimana kita hendak pastikan bahawa industri ini betul-betul dapat kita bantu.

Poin yang kedua Tuan Yang di-Pertua yang saya ingin bahas ialah berkenaan *sustainable and responsible investment*. Yang Amat Berhormat Pekan meletakkan ini sebagai salah satu daripada tumpuan *sustainable and responsible investment*. Saya amat tertarik dengan tajuk ini dan saya yakin bahawa inilah yang kita inginkan. Kita mahukan *investment* tetapi kita mahukan *sustainable investment* dan kita mahukan *responsible investment*.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu *dirty industries*. Kita tidak mahu industri kotor yang mencemarkan. Dengan itu, saya membawa kepada pelaburan di MCKIP, pelaburan negara China di MCKIP yang memegang 49 peratus *shares* di dalam MCKIP. Dikatakan bahawa ia akan menjana lebih kurang 15,000 peluang pekerjaan. Ini sesuatu yang kita amat-amat hargai dan sebagai warga Kuantan saya lihat ini sebagai satu prospek yang amat baik. Memberi peluang pekerjaan kepada warga tempatan dan juga warga luar yang akan datang ke Kuantan untuk mencari pekerjaan di MCKIP.

Namun, industri-industri yang dikenal pasti antaranya ialah Alliance Steel. Kita tahu bahawa *steel factory* atau kilang keluli ini ia amat mencemar dan cabaran bagi kita ialah memastikan bahawa negara China yang melabur di sini membawa teknologi paling baik ke Malaysia. Kita tahu bahawa di negara mereka sendiri pun ada yang teknologi tinggi dan ada industri yang mencemar. Jadi kita hendak soal di sini adakah mereka akan bawa *the best practice*? Adakah mereka akan bawa industri berteknologi tinggi ataupun mereka akan jadikan Kuantan sebagai *dumping ground of their dirty industries* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Disebut juga bahawa di MCKIP nanti akan ada kilang pembuatan tayar. Mungkin juga kilang memproses aluminium. Mungkinkah bauksit akan diproses di Kuantan, di MCKIP. Ini persoalan-persoalan yang kita harus soal, kita harus *pre-empt* dan kita harus pastikan bahawa pencemaran itu tidak berlaku. Kita tidak hendak *dirty industries*. Kita mahu *development*, kita mahu pembangunan, kita mahu *investment*, kita mahu peluang pekerjaan, kita mahu ia lestari dan ia bertanggungjawab. Jangan jadikan Kuantan sebagai *dumping ground of their dirty industries* sekali lagi. Cukuplah dengan pengalaman kami dengan industri Lynas.

Sehingga kini Lynas yang seharusnya mengenal pasti *Permanent Disposal Facilities* (PDF) di awal mereka mendapat *Temporary Operating License* (TOL) sehingga kini tidak dikenal pasti PDF tersebut. Sehingga kini lebih daripada 150 ribu juta metrik tan sisa buangan radioaktif berada di Gebeng di atas tanah *peat soil* yang tidak harus kita pandang ringan. Lynas mengatakan dia hendak *recycle*-lah, dia hendak buat *condi soil* lah malah dia mengelirukan orang ramai dengan mengatakan sudah dapat kelulusan SIRIM sedangkan itu semua belum berlaku.

Di masa yang sama kerajaan kita tidak boleh, tidak mampu, tidak bertanggungjawab seperti yang dijanjikan untuk mengenal pasti *permanent disposal facilities*. Ada juga kenyataan Menteri harus kita hantar balik ke Australia tetapi itu kita tahu

itu tidak berlaku. Sekarang ia duduk di Gebeng. Ini contoh *dirty industry*. Berapa banyak lagi *dirty industry* yang hendak dibawa masuk ke Kuantan? Jadi MCKIP harus kita terima dengan *caution*. Harus kita hati-hati dengan teknologi yang akan dibawa. Jangan kita terkeliru dengan *green technology* seperti apa yang dikatakan oleh Lynas. Jangan kita terkeliru dengan *high-tech*, janji-janji *high-tech technology* yang dijanjikan oleh syarikat-syarikat yang melabur di Malaysia.

Saya juga kluatir berkenaan 40 peratus pegangan di pelabuhan laut dalam Kuantan oleh negara China. Saya pohon nanti dijelaskan sama ada ia merupakan satu ancaman kepada keselamatan negara dengan membenarkan 40 peratus pegangan kepada syarikat negara asing di pelabuhan laut dalam di Kuantan.

Saya juga ingin bertanya kepada Menteri bagaimana dengan CMQIP iaitu *China-Malaysia Qinzhou Industrial Park* terletak di China yang seharusnya menjadi *twin city* Kuantan. Di Kuantan kita ada MCKIP di Qinzhou kita ada CMQIP dan di Qinzhou kita ada juga ada jalan Kuantan. Kalau mereka ada 49 peratus pegangan di Kuantan, Malaysia. Berapa peratus pegangan saham kita di sana pula? Adakah ia *win-win situation* kepada warga Malaysia ataupun *it is a win-lose situation*. Mereka dapat 49 peratus pegangan MCKIP, kita tidak tahu, kita dapat jalan Kuantan sahaja mungkin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus bercakap berkenaan dengan perkhidmatan kesihatan. Sebanyak RM10 juta untuk rawatan *rare diseases*, RM30 juta untuk Komuniti Sihat Perkasa Negara untuk *create awareness* ataupun ke arah kesedaran terhadap kesan penyakit tidak berjangkit di 10,000 kawasan.

#### ■1220

Saya ingin menarik perhatian Dewan, Tuan Yang di-Pertua, kepada penyakit berjangkit. Penyakit berjangkit contohnya tibi di Malaysia, di mana di Malaysia ini lebih ramai orang mati daripada tibi berbanding dengan denggi, HIV dan sebagainya, penyakit berjangkit yang lain.

Tibi ialah pembunuh nombor satu di Malaysia bagi penyakit berjangkit tetapi tidak diberikan peruntukan untuk beri kesedaran kepada orang awam bagaimana untuk mengawal penyakit ini. Ini kerana penyakit tibi ini sudah *make a come back*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan ia meningkat. Kadar kematian tahun lepas ialah dekat 2,000 kematian dan penyakit ini senang sangat menjangkiti orang lain. Duduk dalam teksi, duduk dalam bas, duduk dalam bilik macam Dewan ini pun boleh kita menjangkiti orang lain dengan kuman tibi ini.

Ia dibawa oleh pekerja asing. Ia dibawa oleh warga-warga yang datang daripada negara yang *high burden* berbanding dengan apa yang bawa ke Malaysia. Kita sekarang berada dalam keadaan di mana kes ini meningkat dan kerajaan tidak nampak kesungguhan ataupun apa dia tindakan untuk mengawal, membendung supaya daripada *intermediate burden*, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu jadi *high burden*.

Soalan-soalan saya di Parlimen pun ada yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya hendak dengar kenapa tidak ada peruntukan khas untuk memberi kesedaran tentang penyakit ini? Saya masuk ke kampung, saya jumpa mak cik. Mak cik itu batuk-batuk, dia kata, "*Saya ini sakit Tibi*". "*Mak cik ada rawatan?*" "*Ada*", tetapi dia duduk dalam satu rumah dengan anak dia, dengan cucu dia dan dia senang-senang sahaja boleh menjangkiti orang lain dengan berinteraksi di dalam bilik tertutup dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu keadaan yang amat-amat merisaukan dan kalau kita tidak bendung, ia jadi masalah besar kepada negara kita. Malah, *TB Caucus* Parlimen Malaysia telah dilancarkan *by partisan* pada 10 Ogos 2017. Yang Berhormat Bagan Serai bersama dengan saya di dalam pelancaran tersebut. Jadi, pada saya ini satu pencapaian yang harus disokong oleh pihak kementerian dan harus dibantu usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya seterusnya untuk bercakap berkenaan dengan sistem tebatan banjir. Kita raikan RM517 juta untuk rancangan tebatan banjir. Akan tetapi, tebatan banjir ini dia tidak bersendirian. Dia harus juga disamakan atau disekalikan dengan sistem perparitan terancang. Di Kuantan, ada banyak kawasan terutamanya selepas Jambatan Tanjung Lumpur yang tidak ada langsung sistem perparitan terancang. *No more sweet dreams*. Sejak ia dibuka pada tahun 1996, langsung tidak ada sistem perparitan terancang. Maka hendak buat sistem tebatan banjir macam mana? Sebabnya, air itu dia tidak ada tempat nak mengalir. Longkang semua mati, Tuan Yang di-Pertua. Longkang mati, dia masuk ke semak. Jadi hendak buat sistem tebatan banjir ia satu perkara yang sukar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan Hospital Tengku Ampuan Afzan. Saya bersyukur kerana dua blok wad wanita dan kanak-kanak telah diluluskan untuk hospital Kuantan, Hospital Tengku Ampuan Afzan. Ianya boleh mengurangkan kesesakan di hospital dengan memberi ruang kepada wad-wad *medical surgery*, *orthopedic* dan sebagainya.

Namun, Tuan Yang di-Pertua, hospital kalau ditambah, *parking* tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. *Parking* di hospital Kuantan tidak cukup dan telah dimaklumkan kepada pihak Menteri dan dikatakan telah lulus peruntukan tetapi sampai kini tidak ada cukup tempat untuk meletakkan *parking* kereta. Jadi kita raikan, kita alu-alukan wad tambahan tetapi *parking* harus kita juga beri perhatian, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta sangatlah diberi perhatian berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira perkara yang akhir sekali yang saya ingin sebut dalam masa yang tinggal ialah berkenaan dengan Orang Asli. Ada peruntukan yang diberikan untuk Orang Asli, saya rasa dalam RM500 juta. Akan tetapi, peruntukan itu ialah untuk makanan. Untuk membantu komuniti dengan memberi makanan kepada anak-anak Orang Asli lebih kurang 5,000 Orang Asli. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu

perancangan, tidak ada satu cadangan bagaimanakah Orang Asli ini boleh kita keluarkan daripada paras garis kemiskinan.

Sebab di Malaysia ini, Orang Asli adalah antara mereka golongan yang paling miskin tegar. Mereka paling miskin tegar dan mereka terpinggir. Tidak ada program yang membawa mereka keluar daripada paras kemiskinan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, bagi makan itu kita ucap syukur, tetapi *it's not everything*, bukan segala-galanya. Harus ada satu pelan tindakan bagaimana kita hendak keluarkan mereka daripada paras garis kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, *par excellence* dunia akhirat itu bermaksud kita benar-benar merasakan derita rakyat, denyut nadi rakyat. Jangan kita ambil duit rakyat untuk kita bawa ke luar negara, salurkan ke luar negara, masuk akaun peribadi, Tuan Yang di-Pertua. *Par excellence* dunia akhirat itu bermaksud kita semua bertanggungjawab kepada pencipta kita Allah SWT. Semoga roh sebenarnya— bukan setakat retorik. Roh sebenar itu dapat kita hayati sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat ini, semoga gelaran Yang Berhormat itu juga yang membawa kesedaran dan keinsafan kepada kita tentang *par excellence* dunia dan akhirat. Kita bukan saja disoal di sini, kita bukan saja akan dapat undi yang kita inginkan tapi kita harus jawab kepada Allah SWT di hari akhirat nanti. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tambun.

#### 12.26 tgh.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi penghargaan kepada saya. Terlebih dahulu saya ingin mengajak kita semua untuk menyatakan rasa kagum dan bangga kita dalam ekonomi global yang begitu mencabar, negara kita sebuah negara yang mencapai pertumbuhan tertinggi.

Sebelum ini negara China menjadi pengukur kepada pertumbuhan ekonomi. Mereka capai sembilan, 10 peratus. Apabila turun pada lapan dan tujuh peratus, mereka sudah merasa risau. Pada suku tahun pertama 2017, pertumbuhan ekonomi China 6.9 peratus jauh daripada ukuran mereka dan Malaysia, *Alhamdulillah*, dapat 5.8 peratus.

Jadi sebagai Ahli Parlimen dan rakyat Malaysia, saya patut berterima kasih dan saya berterima kasih kepada semua rakyat Malaysia, baik daripada kerajaan, swasta iaitu bidang orang *business*, profesional, pekerja, *research*, pelajar dan sebagainya kerana hasilnya adalah cantuman agregat daripada usaha semua inilah kita mencapai kejayaan.

Namun, satu perkara yang mesti kita lihat yang membezakan negara kita dengan negara lain, *what differentiate* dengan izin, *our country with others countries*, sebenarnya adalah Pelan Transformasi Ekonomi yang diperkenalkan kerajaan pada tahun 2009, ketika itu saya masih Menteri Kewangan Kedua.

Daripada Pelan Transformasi Ekonomi ini, kita sasarkan kepada 11 bidang yang berjaya menembusi pasaran dunia, memperkukuhkan ekonomi domestik kita, mengangkat kedudukan rakyat kita, dipandang tinggi oleh dunia. Inilah sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, *that differentiate*, membezakan negara kita dengan negara lain sehingga lebih 20 negara menjemput unit yang menyediakan Pelan Transformasi Ekonomi kita ke negara mereka dengan bayar yuran untuk mereka mempelajari macam mana kita melaksanakannya.

Ini jugalah yang *differentiate*, yang membezakan antara Barisan Nasional dan parti yang tidak bersama dengan Barisan Nasional. Saya tidak sebut parti pembangkang kerana *let's us be matured*. Semua kita adalah Ahli Parlimen, semua kita mahu bangunkan negara... [Tepuk] Saya tidak mahu kita kata ini Barisan Nasional, pembangkang— *no*.

Fasal semasa saya menjadi Presiden Kesatuan Parlimen Dunia IPU, *first committee*, saya dijemput ke kongres pada tahun 2000 di Amerika Syarikat, saya di jemput ke London ke Westminster, saya dijemput ke Jepun ke Parlimen mereka.

#### ■1230

Saya melihat *the behavioural pattern*, mereka yang begitu *matured*. Apabila dia, mereka semasa itu diperintah oleh *Republican, Congress* iaitu Senator daripada *Democrat* mereka berucap dengan izin, *if Democrat control the country and rule the country, we even introduce plan 'A', 'B' and 'C' which is better than one introduced by Republican. Why? Because we want America to grow faster, we love America*. Begitu juga di *Westminster* dan juga di *Tokyo*. Di sini saya lihat, setelah beberapa tahun menjadi Ahli Parlimen, perbincangannya berbeza, *so emotional*. Itu sebab saya kata bila Kerajaan Barisan Nasional memperkenalkan Pelan Transformasi Ekonomi, *my hope*, harapan saya, parti yang tidak menyokong Barisan Nasional, *they will introduce the same thing, even better than this Barisan Nasional, so that we can differentiate*, siapa lebih baik.

Saya pergi ke *Penang*, Tuan Yang di-Pertua. Orang *Penang* kata, kita dapat pembangunan lebih baik walaupun tidak ada pelan transformasi. Sebenarnya pembangunan ini berdasarkan kepada *environment*. Pulau Pinang duduk di Malaysia, pembangunan Malaysia positif, Pulau Pinang jadi positif. Contoh, apabila pembangunan Greece negatif, mereka terpaksa meminjam. Greece sudah mahu bankrap, mereka ada 17 negeri, *all the states* dalam Greece berhadapan masalah pembangunan negatif dan semua hampir bankrap. Dalam erti kata lain, pembangunan positif yang dicapai oleh Pulau Pinang, Selangor adalah hasil daripada pembangunan negara Malaysia yang dibawa oleh kepimpinan kita di dalam *environment* dunia yang mencabarkan *but still as result of our effort*, kita berjaya.

Begitu dengan bajet ini Tuan Yang di-Pertua saya menjadi Menteri Kewangan II pada tahun 2009 sampai 2016. Saya tak hendak cakap besar kerana apa, kerana saya menyatakan Bajet 2018 adalah yang terbaik yang diperkenalkan di negara ini. [Tepuk] Pasal apa begitu saya bercakap. Kita berhadapan dengan gelombang ekonomi dunia yang

begitu persaingan yang begitu tinggi. Saya telah berkata negara 'A', 'B' dan 'C' hendak mencapai pembangunan teruk, kita mencapai lebih tinggi. Dalam ini di mana bajet kita? Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is a very holistic budget*. Kita perlu apa? Satu kita perlu *restructure* ekonomi kita. *Restructuringnya* berapa kita lakukan, bajet menyediakan. Supaya pihak swasta ini membangun lebih hebat dengan bagi insentif cukai dan juga peruntukan.

Kita mahu *transform* ekonomi kita, kita tak boleh duduk di dalam ruang sekarang, *we have to leave the old box*. Dengan itu kita akan adakan peruntukan hendak menukar ekonomi daripada sekarang kepada digital, automasi dan kreativiti. Kita bergantung pada SME, begitu besar. SME mempunyai 6 juta orang pekerja. SME menyumbang lebih kurang 27 peratus daripada pertumbuhan ekonomi. Jadi kita hendak tingkatkan supaya SME lebih meningkat lagi. Kita mahu peniaga-peniaga baru terlibat, semua ini kita lakukan ini kerana apa, kerana kita tidak boleh duduk dalam *supply chain*, dengan izin di peringkat bawah. Kita kena di peringkat atas. Apabila saya baca tiga minggu lalu *statement* yang syarikat di Amerika beli satu syarikat daripada Jepun, beli itu yang berharga RM13 bilion kerana mereka mahu sistem digital yang diperolehi oleh syarikat Jepun itu, saya kata berapa jauhnya negara kita.

Kita masih lagi dalam *supply chain, manufacturing*. *Supply chain* bukan kita yang *supply*, kita bukannya *the main supplier*, kita *supplier* jadi sub, *sub supplier*. Kalau itu kedudukan kita *in the future*, persaingan kita akan ke bawah. Jadi dengan bajet ini disediakan supaya kita meningkat peringkat di atas. Selepas itu kita menyediakan peruntukan. Kita tidak mahu bergantung pada pekerja-pekerja asing lagi. Kita mahu pekerja mahir. Kita adakan TVET, kita adakan SL1M, kita adakan pertukaran sistem *manufacturing* kita supaya kita lebih membentuk moden dan *skill*.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah harga ini bukan masalah kenaikan harga, bukan soal GST. Ia adalah soal dua benda. Saya bersama Bank Negara kita buat kajian. Pada tahun 2009, kita dapati sebelum tahun 2009 selama tujuh tahun kenaikan harga barang kita cukup tinggi, kenaikan gaji kita rendah. Jadi dengan bajet ini, hasrat untuk menaikkan gaji. Apa yang kita buat setelah beberapa tahun lalu gaji kita dulu 33 peratus daripada GDP. Tetapi kita telah ditingkatkan kepada 35 peratus hasrat untuk kita tingkatkan kepada 42 peratus supaya sama dengan negara-negara maju. Contoh Tuan Yang di-Pertua, pergi ke Jepun. Tan Sri Gua Musang kita pergi ke Jepun minum kopi sikit sahaja, berapa harga? Berapa Tan Sri? RM200. RM200 kalau sini minum kopi mampu kita tidak? Di Jepun mampu kerana apa? Harga tinggi tetapi gaji sana tinggi. Jadi bajet ini ke arah itu. Kita tidak boleh menipu diri kita bahawa gaji akan naik esok. *No*.

Saya percaya dengan bajet ini dengan bajet seterusnya dalam tempoh 5 hingga 10 tahun, gaji kita akan lebih tinggi, kenaikan harga bukan jadi masalah besar kepada rakyat kita nanti. Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekarang ini ialah bajet ini mesti dapat sokongan daripada semua pihak. Kita tak mahu lagi sudah main emosi, tak mahu

cocok-cocok. *Let us not differentiate ourself. Let us be the government, dalam government let us be parti, yang tidak sokong kerajaan kita together work towards achieving that because* apabila kita capai, itu *our purpose as politician*, kita mahu seluruh rakyat kita mencapai kejayaan di mana sahaja kita berada. Jadi dalam konteks ini, *let us forget about* apa yang hendak dibuat oleh Pakatan Harapan punya bajet.

Satu saya kata, kita hendak bagi ini yuran percuma. Di mana dunia ada yuran percuma. Negara-negara yang ada beri yuran percuma. *Is it really yuran percuma. It's not.* Yuran ini bukan percuma, yuran dibayar oleh syarikat. Hanya pelajar itu dapat percuma. Maknanya sumber ada untuk dibayar dan saya boleh bagi maklumat, negara-negara yang bagi yuran percuma yang kita kata percuma tersebut. Kita bandingkan ya, Germany, Perancis, Norway, Denmark, Sweeden, Finland, Austria. Yuran percuma itu dibayar oleh syarikat oleh individu. Cukai yang dibayar oleh individu yang paling rendah Norway 38.5 peratus yang tinggi 57.1 peratus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yuran pendidikan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Cukai, cukai individu. Cukai individu yang dibayar oleh kita paling tinggi 28 peratus. Bermakna kalau kita hendakkan yuran tidak dibayar pelajar-pelajar kita kena naikkan. *Do you want to do that? Why make people suffer* dan yuran yang kita bagi kalau kita bandingkan dengan negara lain, *is the smallest.*

#### ■1240

Kita masuk universiti, kita belajar bidang ekonomi. Kita kena bagi belanja seorang *student* satu tahun - RM12 ribu, tiga tahun - RM36 ribu. Yang kita kena bayar sendiri hanya RM1,500. Itu pun PTPTN bayar. So, sebenarnya yuran percuma ini, yuran itu ada dibayar orang lain, hanya pelajar. *So, lets forget it, we cannot do it.*

GST, saya cakap. Kita buat GST... Saya pendek sangat *time* lah, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada banyak hendak cakap.

**Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sedang berjalan.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Bagi saya pendekkan sikit. GST ya. Kita dalam dunia evolusi, dulu kita di rumah pakai telefon besar. Sekarang kita pakai *handphone*. Dalam *handphone* ini semua ada. *This is evolution.*

**Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Mersing bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Tidak ada *time*. Sikit lagi. –Modenisasi. Kita tengok rumah, apa semua, tukar. Cukai ada perubahan. *Are stupid enough to say that*, dengan izin, Kerajaan Malaysia buat GST bersama dengan 170 buah negara, setelah 170 buah negara yang tukar daripada SST kepada GST. Oleh kerana SST lebih membebankan nanti. Jadi, bila buat, kita buat sistem sama dengan



negara lain. Kemudian kita kondem. Makna, *are we condemning 170 countries out of 190 countries in the world* yang buat GST?

**Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Mersing bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Nanti, nanti. Fasal saya ada benda lain lagi. Jadi...

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Tidak payah. Saya sudah hebat. Jadi, *lets forget that*. Kita tengok, *move ahead*. Kalau kita SST, tiap-tiap peringkat kena bayar. Yang 5%, yang 10%. Ini kita bayar 6% saja satu peringkat. Akan tetapi kadang-kadang kita buat fitnah, kena bayar empat peringkat,  $4 \times 6 = 24$ , *no*. Apa yang tinggi, harga, *not because of GST*. Saya sendiri ada maklumat dulu. Saya pertikaikan berapa banyak pihak, fasal yang naik harga kerana *cost push*, *demand pull* dan *import inflation*. *Import inflation* Tuan Yang di-Pertua, daging kita beli daripada Australia, dari India kita beli bawang, 75% kenaikan.

Jadi, bila bajet ini bagi peruntukan untuk pertanian, maknanya kita hendak tukar pertanian kepada moden. Sekarang moden 20%. Yang bukan moden 80%. Jadi, yang moden ini produktiviti tinggi, harga murah, yang di Cameron Highlands, yang moden itu, dua ekar setengah dapat penempatan besar, kos murah. Bila kita *transform trend of* pertanian kepada modenisasi, *no problem of cost push*, *no problem of demand pull*, *no problem of import inflation*. Jadi, *insya-Allah* masa depan harga akan jadi kurang. Jadi, oleh kerana masa pendek, saya bagi sikit saja Tuan Yang di-Pertua. Ada sikit lagi.

**Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Mersing, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tambun, dia cakap macam dia dekat *front bench*. Seronok kita dengar.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Tambun, cukai di negara-negara maju, kita ini negara membangun. Di negara maju, dia *start*— banyak negara dia *start* 20%. Macam di England, *start* dengan 42%. Agak- kita pula *start* dengan 5% kemudian naik 7.5%. Macam saya sudah *Backbencher*, saya punya 24%. Saya banyak bayar cukai. Agak-agak Yang Berhormat Tambun, bila agaknya transformasi cukai, *direct tax* ini boleh *direview*? Ada tidak ura-ura benda ini dibuat sewaktu Yang Berhormat di *front bench* dulu? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita kata, kita duduk dalam dunia evolusi. Kita sentiasa buat perubahan. Itu fasal cukai pun kita kata kita kurangkan, cukai pendapatan. Itu fasal GST sekarang ini ada produk-produk yang kita akan tidak dikenakan cukai. Akan tetapi ada kata bising. Walau tidak dikenakan cukai, cukai tinggi. *Let us not be stupid*. Dunia *expand*, pendapatan makin banyak. Walaupun kita kurangkan cukai yang saya katakan tapi oleh

kerana *expansion* itulah, pendapatan lagi banyak, cukai lagi banyak. Jadi, proses ini berjalan. Saya yakin dan percaya, bila pendapatan rakyat kita naik 40% *over GDP*. Bila *business* kita jadi di *supply chain* yang tinggi esok, makna cukai ini akan bertambah kurang. Saya minta maaf setakat itu kerana saya hendak penutup ini sikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada rakan saya sebelah sana, juga sebelah sini. Saya ada ramai kawan. Saya ada enam *Chinese National Group*. Saya sudah jumpa 10,000 *of them*. Kita mahu *changes*. Kita mahu *changes into the future*. Kita bercakap 60 *years*, 60 tahun Malaysia akan datang *and then proud*. Di dalam puak kaum Cina, dia ada satu falsafah, falsafah kita ikut satu kuda, bukan enam kuda. Saya bangga kerana saya ikut satu kuda. Maknanya, saya ikut seorang pemimpin dalam satu organisasi iaitu Barisan Nasional dan Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Mengikut kawan-kawan saya puak Cina, termasuk daripada Pulau Pinang, *you just follow one horse*. Fasal apa *follow one horse*? Fasal *one horse* ini kan silap, kita boleh betulkan. Saya cakap, bila saya keluar daripada Kabinet, beberapa bulan lalu saya jumpa Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib.

[Masa tamat]

Allah, sikit saja. *We must change to the future, we must change, we want a different future*. Saya bawa saya kata, satu, *we want corruption to be zero corruption*. Apa kata Dato' Sri Mohd Najib? Yes Husni. Lepas itu, apa yang saya lihat sekarang sedang berlaku, usaha-usaha untuk tahan orang-orang. *Then* saya kata, *put* dalam semua *committee*, SPRM mesti ada situ. Yes, tengah buat. Lepas itu, saya kata di kementerian besar-besar ini letak Unit SPRM, sedang buat. Jadi maknanya, kita *follow one horse, there is no problem. We can change* dan saya yakin dengan geng-geng saya, 10 ribu masyarakat Cina ini, kita kata bila tiba Dato' Sri Mohd Najib esok sudah dia serahkan jawatan, sudah berapa tahun dia telah memimpin, *the legacy he will leave, Malaysia will be zero corruption*. Itu yang kita penting.

**Seorang Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Jangan kita ketawa. *Don't follow six horse*. Izin dekat lagi ya. *Why don't follow six horse*? Kalau satu parti ada enam pemimpin yang berbeza pemikiran, *the teething problem will not be settle. Do you know who Tun Mahathir is? I know*. Saya Yang Berhormat Menteri Kewangan II. *I know what happened masa beli Pos Malaysia, what happened masa Perwaja, I know. You think he will listen to you? No. Do you know who is Muhyidin Yasin? You don't know, I know. Do you know who is Anwar Ibrahim? Saya orang Anwar Ibrahim, I left him*. Selepas dia berhenti jadi Timbalan Perdana Menteri, *I helped him* pergi ke rumah dia di Bukit Damansara. *For 10 days I was watching him. I said, no*.

Bila dia terlibat dengan liwat. Liwat, dia terlibat dengan anak buah saya. *We are brought in tears. I went to Jordan*, saya baca kitab. Kalau orang libat dengan liwat, dilaknati

*Allah and the whole population will suffer macam di sodom di Jordan. Will he follow you?*

Lim Kit Siang, saya hendak tanya ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Peraturan mesyuarat.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Sikit saja lagi, sikit lagi.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Mengelirukan Dewan.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Ya, apa dia?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Peraturan mesyuarat, mengelirukan Dewan. Oleh sebab kalau Yang Berhormat Tambun sebut berkenaan dengan semasa reformasi itu, kes liwat itu. Sebenarnya keputusan Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa kes itu memang tidak wujud. Jadi, saya mohon supaya Yang Berhormat Tambun tarik balik berkenaan dengan liwat.

**Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tambun, saya cuma ingin ingatkan sifat dan kelakuan seorang Ahli dalam Dewan tidak payah disentuh Yang Berhormat.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Okey, betul. Saya minta maaf. Saya tidak tahu tapi kes Saiful itu *is* kes. Yang kes Hairani Nafis, *everybody di* UKM tahu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat cakaplah 1MDB sikit. Tak sentuh 1MDB. Apa ini.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Saya cerita betul.

#### ■1250

Okey, Yang Berhormat Lim Kit Siang *okay, I don't have to talk about him.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah sebut kelakuan dan sifat ahli.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]:** Okey. *Can we follow Yang Berhormat Lim Guan Eng? - okay no time* Tuan Yang di-Pertua. *Can we follow Mat Sabu? So, all six* bolehkah mereka bersatu *to make Malaysia good in the future. I don't believe so, so the next election is about we end for the future.* Terima kasih. [Tepuk]

#### 12.50 tgh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kerana diberi kesempatan dengan berkat hidayah dan inayahnya sekali lagi saya dapat turut serta dalam perbincangan membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya dan saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri daripada Pekan selaku Perdana Menteri yang telah membentangkan bajet bertemakan memakmurkan ekonomi yang inklusif, mengimbangi keunggulan duniawi dan ukhrawi demi menyejahterakan kehidupan rakyat menuju aspirasi TN50.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mendalami bajet ini, saya dapati bahawa perkara yang pokoknya adalah ini merupakan ibu segala bajet. Bajet ini merupakan inklusif dan komprehensif. Saya memang sebentar tadi cukup khusyuk mendengar perbahasan dari Yang Berhormat Tambun yang memberi cukup manfaat kepada kita walaupun penjelasan beliau agak ringkas dalam masa 20 minit tetapi ia sangat memberi manfaat kepada kita sebenarnya bagi hujahan yang telah diberikan oleh beliau itu. Sememangnya saya dapati Yang Berhormat Tambun walaupun di hujung perbahasan beliau ada sedikit bunyi ketawa tetapi saya percaya itulah hakikat sebenar yang telah diwujudkan oleh pihak Yang Berhormat Tambun.

Saya mendapati bajet ini mencakupi semua kaum termasuklah Melayu, India, Cina, Orang Asli, Iban, Kadazan dan keseluruhan rakyat Malaysia khususnya. Saya dapati bahawa sehingga hari ini kita telah melahirkan banyak perkara yang telah kita bentangkan yang boleh memberi manfaat kepada seluruh rakyat di dalam negara kita. Saya masih terbayang-bayang waktu penyampaian bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Jumaat yang lepas, saya tengok pihak pembangkang mendengar dengan khusyuk sekali kerana terpesona dengan pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu. Hari ini dihujahkan pula oleh Yang Berhormat Tambun, menambahkan keterujaan mereka kepada pembentangan bajet tersebut.

Saya teringat walaupun ramai rakan-rakan sama ada dari sebelah sana yang sentiasa membangkang, dari sebelah sini sentiasa mengatakan ini merupakan ibu segala bajet tetapi saya teringat pada hari Sabtu selepas sahaja saya balik, hari Jumaat pembentangan bajet, saya sampai lebih kurang jam 11.30 malam ke Lipis, pagi esoknya saya sempat pergi ke masjid jemaah Subuh, kemudian sempat berbincang dengan jemaah masjid bagi pembangunan masjid yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kemudian saya pergi lagi satu destinasi gerak kerja tetapi waktu petang saya terima panggilan dari seseorang yang mengatakan kepada saya, *"Dato', di kampung saya ada orang datang berceramah"*. Saya kata, *"dia ceramah apa?"* Dia kata, *"ini ceramah peribadi Dato', bukan soal ceramah bajet, bajet baru kita bentang"*. Saya kata, *"siapa orang itu?"* Dia kata, *"mak lampir"*. Saya tidak tahu siapa mak lampir. Selepas itu saya tanya lagi, *"siapa mak lampir?"* Dia kata, *"orang ini katanya kaya Dato', pegawai khas dia saja mempunyai banyak banglo, banyak kereta sport tetapi dia kata Dato' tidak buat kerja langsung waktu berada di kawasan"*.

Saya hendak beritahu, saya mengalu-alukan kehadiran siapa jua hendak berceramah di kawasan saya, tidak kira daripada kerajaan, daripada pembangkang, saya

alu-alukan. Akan tetapi jangan bermain sentimen peribadi. Mainlah sentimen apa sekali pun saya tidak peduli. Akan tetapi kalau main sentimen peribadi, saya akan berdiri kembali untuk akan membalas jawapan tersebut sebab dia tidak tahu apa tugas saya. Mengapa beliau mengatakan sedemikian rupa sedangkan hari Sabtu itu sahaja saya ada tujuh program yang saya laksanakan. Dia hanya datang berceramah. Sudah hampir lima tahun baru datang ceramah kawasan saya. Saya tidak tahu siapa, dia sebutkan nama sedemikian rupa sahaja tetapi dia serang secara peribadi. Ini soal yang tidak cukup baik.

Kita sebagai Ahli Parlimen, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tambun sebentar tadi bahawa kita kena menyokong dari apa jua sudut waima bajet ini kita kena pastikan negara kita makmur, negara kita maju. Kita hendak selesaikan masalah rakyat, bukan kita hendak sentiasa membidas. Saya tengok ada ahli wakil rakyat bercakap sampai 20 minit mempersoalkan soal 1MDB sahaja pada malam semalam dengan siap menjerit-jerit lagi menunjukkan keegoan sebagai seorang ahli wakil rakyat. Ini bermakna tidak baik di kalangan kita walaupun kita hendak menunjukkan yang kita ini sebagai juara, bukan juara sedemikian rupa sebenarnya.

Jadi harapannya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bajet ini merupakan bajet yang cukup baik. Bajet ini mencakupi semua aspek. Semalam ada di antara rakan-rakan di sebelah sana mengatakan mengapa bajet Perdana Menteri terlalu banyak, Menteri Kewangan terlalu banyak sedangkan beliau tidak membuat kajian bahawa di dalam bajet itu mempunyai berbagai-bagai kementerian di dalam tersebut termasuk JPN, ESSCOM, APM, Pengurusan Bencana, MKN, Audit, AG, SPR dan lain-lain lagi yang menyebabkan bajet di bawah Kementerian Perdana Menteri itu mempunyai bajet yang besar.

Jadi kalau kita melihat dari perkara itu seolah-olah kita menuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi pada saya biarlah mereka hendak tuduh macam mana sekalipun, biarlah tikam dari depan, belakang, atas, bawah tetapi kita tengok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sihat walafiat, isterinya pun sihat, Datin Sri pun sihat kerana dek buat di doa oleh orang-orang yang dianiaya ini.

Jadi pada hemah saya, Belanjawan 2018 ini adalah bertitik tolak daripada kesan dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri selama tujuh tahun beliau telah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tambun mengorak langkah daripada negara yang cukup baik kepada yang bertambah-tambah baik. Ini sebenarnya atas dasar program transformasi negara kita menyebabkan ia satu perancangan ekonomi yang baik yang boleh mengorak langkah, yang menjadi kepada ibu segala bajet bagi tahun 2018 ini. Eksport negara mencecah RM83.6 bilion yang jarang berlaku rekodnya sebelum ini.

Jadi kalau kita melihat hasilnya sebanyak 2.6 juta telah menawarkan dapat pekerjaan kepada kita. Jadi setakat ini dengan angka yang begitu tinggi, jadi sasaran Kerajaan Barisan Nasional yang dikatakan dacing agak senget, saya nampak dacing bertambah tegap, bertambah kukuh, bertambah rata, maknanya sentiasa memberi

kestabilan kepada rakyat untuk memastikan rakyat itu mendapat pendapatan tinggi, menjadi negara antara 20 yang terbaik suatu masa akan datang.

Jadi saya melihat perkara ini, pendapatan negara kasar per kapita Malaysia telah meningkat 3.8 peratus setahun daripada angka USD7,184 pada tahun 2009 kepada USD9,102 pada tahun 2016. Ini menunjukkan bahawa Malaysia menjangkau jarak sekali begitu banyak sehingga mencecah 26 peratus. Ini menggambarkan perkara asas ekonomi dan pelaksanaan GTP yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional berjaya melakukan program-program pertumbuhan ekonomi yang dirancang dalam Bajet 2018 meletakkan Malaysia begitu mampu dan ampuh mencapai sasaran menjelang 2020. Ini adalah *track record* Kerajaan Barisan Nasional yang telah ditadbir oleh Perdana Menteri daripada Pekan mengutamakan pencapaian.

Jadi sebab itu walau bagaimanapun kita dengan penuh harapan supaya bersama-sama berpuas hati dengan apa yang telah dibentangkan untuk bagi meningkatkan produktiviti yang masih rendah berbanding dengan negara-negara maju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sambung petang Yang Berhormat. Ada 10 minit lagi petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]**

▪ 1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Lipis.

**2.35 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan saya untuk meneruskan perbahasan lebih kurang dalam sepuluh minit lagi.

Pertamanya, saya ingin menyambung kembali perbahasan ini berdasarkan kepada Pelan Strategik Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu dari tahun 2016 hingga 2020 yang mana pelan memastikan pertumbuhan ekonomi lebih baik di mana melalui bajet ini, tindakan yang menggalakkan inovasi, *research and development* melalui Dasar Ekonomi Digital. Di China, kebanyakannya telah tutup perniagaan mereka bukan disebabkan oleh ekonomi mereka lembap tetapi kerana keterbukaan ekonomi digital dan inovasi sekarang.

Jadi, saya di sini atas Dasar Digital Malaysia dengan rancangan tertubuhnya *Futurise Center* di Cyberjaya, maka dapatlah membantu syarikat-syarikat korporat bagi melonjakkan inovasi mereka. Ini boleh memastikan kemunculan bagi berdaya saing untuk negara.

Yang boleh kita banggakan apabila kita telah membuat suatu peningkatan yang agak baik bagi modal insan itu sendiri iaitu latihan teknikal dan vokasional (TVET) ke arah mewujudkan lebih ramai pekerja mahir di masa hadapan ini. Perdana Menteri memperuntukkan lebih kurang RM4.9 bilion melaksanakan Pelan Induk TVET Malaysia ini. Daripada angka ini, ada sesetengah pihak mengatakan RM4.5 juta sahaja. Itu satu kesilapan yang mana diumumkan oleh Ketua Armada parti bunga baru-baru ini. Itu satu kesilapan. Hasil daripada tindakan ini, maka kita kembali kepada penstatutan yang cukup baik sekali.

Umpamanya, kalau kita mengambil ramai di kalangan kita di sebelah sana mengatakan GST ini merupakan satu langkah yang kurang baik, tetapi masalahnya dengan GST inilah kita dapat membangunkan kembali beberapa perkara yang sangat penting. Mustahil- seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tambun pada pagi tadi- 169 buah negara telah melaksanakan GST, dan kita yang terendah sekali di Asia Tenggara. Jadi dengan lonjakan ini, kita menjana sebanyak RM41 bilion yang boleh meneruskan berbagai-bagai perkara dari segi ekonominya kita laksana.

Kita dapat melaksanakan bantuan-bantuan seperti di sekolah-sekolah, seperti di hospital-hospital yang mana Kerajaan Malaysia adalah negara yang merupakan negara masih yang membantu rakyatnya dari segi pesakit-pesakit di hospital, di sekolah-sekolah. Ini adalah contoh yang besar yang telah dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sendiri. Kita dapati daripada hasil ini juga, seperti yang diumumkan, ada rakan-rakan beritahu kalau pesara kerajaan dia merupakan pesawah, dia merupakan pula bilal, dia merupakan pula tok imam dan sebagainya, dia boleh dapat lebih kurang dalam hampir RM5,000 untuk tahun 2018.

Jadi inilah salah satu langkah yang kita hendak lakukan untuk menarik pelaburan dari syarikat-syarikat besar ke Malaysia dan kemasukan yang berdaya saing, yang *talented* ke negara kita ini. Penstrukturan cukai ini merupakan satu perkara yang bukan mudah yang diambil langkah oleh Perdana Menteri. Inilah kehebatan Perdana Menteri- walaupun dalam langkah yang kurang menyenangkan ini. Maka, inilah salah satu sistem percukaian yang baik yang mana kita boleh menstrukturkan semula percukaian yang mana 60 tahun dahulu, sistem percukaian ini ada di kalangan tokoh-tokoh korporat ataupun ahli-ahli perniagaan meletakkan dua, tiga akaun. Kadang-kadang satu akaun sebenar, satu akaun dia tunjukkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, satu akaun hendak sorok daripada bini. Maka inilah dengan penstrukturan GST ini, maka langkah ini tidak dapat lagi negara kita dibohongi oleh masyarakat-masyarakat yang tidak bertanggungjawab ini.

Sebenarnya itulah yang menyebabkan mereka sangat marah kepada sistem yang dilakukan oleh negara kita dari segi GST itu.

#### ■1440

Maka sebab itulah walaupun pahit langkah yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Pekan, beliau melakukannya demi kebajikan rakyat, demi

kebaikan rakyat, menjana ekonomi negara yang boleh memakmurkan negara, yang boleh meletakkan negara suatu masa di persada antarabangsa yang tertinggi di dalam dunia ini.

Merujuk kepada peruntukan ini, kita melihat yang paling besar juga keuntungan kepada pesawah, petani, peladang, nelayan, pekebun kecil, penternak dan penoreh getah yang berjumlah RM6.5 bilion yang mencerminkan keprihatinan kerajaan kepada sektor pertanian. Di sinilah terletaknya peruntukan yang hampir begitu besar sekali RM200 juta bagi Program Penanaman Semua Getah dan kemudahan infrastruktur dengan meningkatkan pengeluaran *latex* berbanding *cup lump* menunjukkan bahawa pihak kerajaan begitu serius untuk membantu nasib pekebun kecil.

Sememangnya program ini kita alu-alukan. Ini kerana di negara kita ini masih ramai lagi di kalangan pekebun kecil, di kalangan petani dan sebagainya. Sehubungan itu, sebab itu getah terus menjana pendapatan ekonomi yang tinggi iaitu peningkatan daripada RM13.27 bilion kepada RM33.26 bilion bagi tahun 2000 sehingga tahun 2016. Maka ini adalah salah satu disebabkan penjanaannya juga, negara kita terdapat industri-industri getah yang mengeksport begitu besar ataupun kegunaan dalaman seperti sarung tangan dan juga kondom yang digunakan ramai oleh pihak-pihak di negara kita ini sendiri ataupun untuk pengeksportan.

Pada hemat saya, kerajaan memfokuskan pelaksanaan tanaman semula ini amat penting. Ini kerana akan memberi manfaat yang terbesar khusus kepada dunia. Kita merupakan eksport yang kelima terbesar dalam dunia. Maka inilah sebenarnya galakan yang perlu disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang lalu. Dengan pemberian bantuan dan sebagainya, saya percaya ia boleh melonjak kepada angka yang lebih tinggi lagi dalam pasaran eksport getah kita ini.

Di sini kita juga dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sidang bajet yang lalu, dia meletakkan juga sebagai salah satu yang menjana ekonomi yang cukup tinggi seperti tanaman durian Musang King yang mana seolah-olah sekarang ini tanaman seperti menanam emas. Ibarat sedemikian rupa. Ini kerana, kalau kita hendak makan sahaja seulas durian itu, harga boleh mencecah RM7 hingga RM12 kalau dibandingkan sebiji mencecah sekilo RM100.

Jadi saya mengharapkan perkara ini mestilah kita laksanakan dengan begitu baik. Saya mengharapkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mestilah meneruskan usaha-usaha ini selain daripada mereka mengusahakan kebun getah, sawit dan sebagainya. Akan tetapi inilah salah satu tanaman yang mendapat pasaran yang cukup baik di dalam negara kita ini, yang boleh mendatangkan hasil yang sangat lumayan kepada pendapatan pekebun-pekebun dan petani itu sendiri.

Kita juga jangan lupa kepada perusahaan kecil dan sederhana melalui SME Bank itu sendiri. Kita hendak supaya lebih memfokuskan di bawah MITI ini kita hendak supaya SME ini berjalan begitu kukuh bagi memastikan bahawa yang perusahaan kecil dan sederhana ini yang mungkin dalam kawasan saya pun ramai. Kita kena bantu supaya



dapat kita menjanakan ekonomi. Ini juga difokuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh sebab dia tahu perusahaan kecil dan sederhana ini boleh menjanakan pendapatan ekonomi yang cukup baik.

Sekarang ini saya sendiri pun melihat pekebun-pekebun kecil termasuklah perusahaan-perusahaan kecil ini kalau mereka benar-benar berusaha, saya yakin negara kita tidak ada lagi masalah dari segi kemiskinan itu. Akan tetapi pokok pangkalnya, mestilah datang daripada hati mereka sendiri, berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa kemajuan di negara kita ini seolah-olah kalau pendatang kata Malaysia ini seperti lubuk emas.

Oleh sebab itu kalau kita tengok di *Coffee Bean*, *Starbucks* dan sebagainya penuh orang kerana negara kita ini negara makmur, negara yang boleh menjana pendapatan yang baik. Cuma sesetengah pihak sahaja mengatakan sedemikian rupa yang tidak boleh menerima dalam hal ini. Terima kasih juga kepada Perdana Menteri memberikan kepada FAMA berbagai-bagai usaha untuk melaksanakan program pertanian di bawah pertanian itu sendiri.

Jadi pada hemat saya, walaupun Perdana Menteri tidak menjanjikan bulan dan bintang dalam bajet ini tetapi kita melihat bahawa bajet ini merupakan di luar, rata-rata suara mengatakan bajet ini adalah bajet yang terbaik, bajet yang boleh menjana ekonomi negara, bajet yang boleh bermanfaat kepada penduduk-penduduk.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan bajet yang cukup baik pada kali ini.

Saya menyeru kepada semua Ahli Parlimen, marilah kita bersama-sama memberikan sokongan yang padu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menjana ekonomi, bagi keselesaan, bagi kebaikan untuk negara kita ini. Sekian, perbincangan saya. Dengan ini saya mohon menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lanang, *you speak first, then* Yang Berhormat Sungai Siput. Okey, sila.

#### **2.46 ptg.**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada Lanang untuk turut serta membahaskan Bajet 2018. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 digelar sebagai 'ibu segala bajet'. Akan tetapi saya amat kesal terhadap Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat lepas kerana tidak ada apa-apa yang istimewa untuk Sarawak.

Saya ingin tahu, berapakah jumlah atau peratus peruntukan khas untuk Sarawak? Kenapa tidak ada apa-apa hak autonomi yang diberi kepada Sarawak? Saya hendak

tanya, adakah Kerajaan Sarawak telah berbincang dengan Kerajaan Persekutuan tentang hasil kajian selepas rombongan sepasukan peguam Sarawak pergi ke London dalam misi mencari fakta untuk meneliti sumber dan dokumen berkaitan Perjanjian Malaysia 1963, memandangkan Kerajaan Sarawak telah mengumumkan terdapat dokumen-dokumen baharu dan penting mengenai pembentukan Malaysia di surat khabar pada 9 Ogos 2017.

Sekali lagi, saya minta supaya kerajaan membawa satu usul meminda Akta Perlembagaan Persekutuan untuk memulihkan status atau kedudukan Sarawak dan Sabah kepada kedudukan asal iaitu satu sebuah wilayah dan bukan sebuah negeri. Pada tahun 1976, pindaan Akta Perlembagaan bagi Perkara 1(12) Perlembagaan Persekutuan yang telah menurunkan status Sarawak sebagai sebuah wilayah kepada salah satu negeri daripada 13 buah negeri di Malaysia.

Akan tetapi menurut Perjanjian Malaysia 1963, tidak akan ada kekeliruan bahawa Persekutuan Malaysia adalah sebuah Persekutuan Negara-negara. Tidak seperti bekas Persekutuan Tanah Melayu yang merupakan satu sistem kesatuan negeri dengan pemusatan kuasa kerajaan. Jadi hak-hak dan keistimewaan yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963, laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC), Perlembagaan Persekutuan dan Laporan Suruhanjaya Cobbold perlu diberi balik kepada Sarawak. Bilakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mengembalikan hak dan kuasa yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 kepada Sabah dan Sarawak?

Selain itu, saya ingin tanya tentang royalti minyak dan gas yang telah banyak kali saya bangkitkan dalam Dewan ini. Pada tahun 2014, Dewan Undangan Negeri Sarawak telah sebulat suara bersetuju untuk menuntut 20 peratus royalti minyak dan gas daripada Kerajaan Persekutuan. Sudah tiga tahun selepas usul tersebut diluluskan tetapi sampai hari ini tiada apa-apa yang berlaku.

Sebagai anak Sarawak, kami berharap Kerajaan Persekutuan dapat mengembalikan 20 peratus tuntutan royalti minyak dan gas kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Kami berharap Kerajaan Persekutuan akan menunaikan hasrat anak Sarawak memandangkan Sarawak dan Sabah bukanlah hanya salah satu negeri dalam Malaysia tetapi rakan-rakan kongsi serata dengan Malaya. Saya juga menggesa agar semua Ahli Parlimen daripada Sarawak dan Sabah bersatu dengan mengetepikan perbezaan politik bagi memulihkan kedudukan sebenar kedua-dua Sarawak dan Sabah dalam Persekutuan Malaysia dan juga bagi menuntut semula kuasa dan hak Sarawak dan Sabah agar dikembalikan dan menggesa pindaan terhadap Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan di Parlimen bagi maksud asal berkenaan Sarawak dan Sabah.

Selain itu, saya ingin menegaskan di sini bahawa peruntukan RM1 bilion untuk memulihkan sekolah-sekolah teruk dan daif adalah tidak mencukupi. Yang Berhormat Datuk Sri Michael Manyin yang merupakan Menteri Pendidikan Sarawak pun telah mengatakan RM1 bilion tidak mencukupi untuk membina semula dan menaik taraf prasarana sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak. Ini kerana sebanyak 1020 buah

sekolah berada dalam keadaan daif, di mana 415 buah sekolah berada dalam senarai sekolah daif kategori 3 atau terlalu teruk.

■1450

Menteri juga menegaskan sekurang-kurangnya RM4 bilion diperlukan untuk mengembalikan keadaan sekolah yang selesa untuk pembelajaran kepada anak-anak kita. Jadi kenapa hanya RM1 bilion sahaja? Sebelum ini Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Abang Johari Tun Openg pula mengumumkan bahawa RM1 bilion akan dibiayai oleh Kerajaan Sarawak dahulu dan kemudian akan dituntut daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi adakah RM1 bilion yang diumumkan dalam Bajet 2018 perlu dibayar dahulu oleh Kerajaan Sarawak atau RM1 bilion ini akan diagihkan terus ke Kerajaan Sarawak dan bila peruntukan ini akan diagihkan?

Akan tetapi RM1 bilion masih tidak cukup untuk mempertingkatkan keadaan sekolah dalam Sarawak. Jadi saya harap kerajaan dapat memandang berat pendidikan untuk anak-anak kita kerana mereka adalah masa depan kita.

Isu seterusnya ialah masalah di hospital dan poliklinik di Sibu. Hospital dan Poliklinik Oya di Sibu mengalami masalah kekurangan tempat letak kereta. Saya menerima aduan bahawa pesakit perlu membazir satu atau dua jam untuk mencari tempat letak kereta dan akhirnya mereka meletakkan kereta mereka di tepi jalan raya di luar hospital. Mereka yang tidak sihat perlu berjalan kaki dari jarak yang agak jauh untuk masuk ke hospital untuk mendapat rawatan.

Kementerian Kesihatan pernah mengatakan akan menyelesaikan masalah ini secara berperingkat di seluruh negara. Sekali lagi saya memohon supaya kerajaan dapat membina satu tempat letak kereta bertingkat di Hospital Sibu secepat mungkin dan juga menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta di semua poliklinik di Sibu. Saya rasa kerajaan perlulah memberi keutamaan kepada rakyat Sarawak kerana kita adalah rakan kongsi dan bukan salah sebuah negeri di Malaysia.

Selain itu, saya ingin tahu kenapa ubat yang diberikan kepada pesakit bukan untuk keperluan tiga bulan seperti yang dipraktikkan? Terdapat banyak aduan yang mengatakan bahawa sekarang mereka hanya boleh mendapat keperluan ubat untuk masa dua minggu atau satu bulan sahaja. Adakah ini disebabkan peruntukan farmasi tidak mencukupi? Tambahan pula dalam Bajet 2018, walaupun peruntukan untuk Kementerian Kesihatan telah tambah tetapi peruntukan untuk pembekalan ubat-ubatan telah dikurangkan. Kenapa ini berlaku? Saya juga menerima aduan bahawa pesakit yang dihantar ke hospital yang telah koma telah diarahkan oleh pihak hospital supaya keluarganya sendiri membeli ubat di luar untuk kegunaan pesakit tersebut. Adakah ini prosedur yang telah diamalkan selama ini?

Tuan Yang di-Pertua, sejak 2013 saya sudah banyak kali membangkitkan isu harga tiket penerbangan dalam Dewan yang mulia ini. Akan tetapi Kementerian Pengangkutan selalu memberi jawapan yang standard iaitu Kementerian tidak dapat

mengawal harga tiket penerbangan dan ia ditentukan oleh syarikat penerbangan sendiri. Menteri juga pernah menyeru rakyat supaya menempah tiket lebih awal lagi untuk mendapatkan harga yang lebih munasabah.

Pada hakikatnya walaupun kita semak harga tiket lapan bulan sebelum musim perayaan atau cuti sekolah harga tiket penerbangan pun sudah mencecah tinggi. Saya pernah memohon jasa baik Kementerian KPDNKK supaya dapat mengawal harga tiket penerbangan seperti mana Kementerian KPDNKK mengawal harga barangan seperti ayam, ikan, tepung, gula, minyak masak dan sebagainya pada musim perayaan. Kenapa KPDNKK dapat mengenakan denda kepada peniaga yang mengambil kesempatan terhadap rakyat tetapi tidak dapat mengawal harga tiket penerbangan ataupun mengenakan saman kepada syarikat penerbangan yang mengambil kesempatan menaikkan harga tiket penerbangan terutama pada musim perayaan dan pada cuti sekolah?

Saya telah semak harga tiket *Malaysia Airlines* semalam untuk tiket penerbangan Kuala Lumpur ke Sibu pada beberapa hari sebelum Tahun Baharu Cina. Dari Kuala Lumpur ke Sibu satu hala *one way*, sekurang-kurangnya RM828.06 dan bila hendak balik ke Kuala Lumpur ia dari Sibu ke Kuala Lumpur selepas Tahun Baharu Cina *one way* kelas ekonomi pun RM801.36. Tuan Yang di-Pertua, jumlahnya adalah sebanyak RM1,629.42. Itu ialah harga minimum. Dan ini mengingatkan saya gaji minimum di Sarawak hanya RM920. Apakah yang dapat dilakukan oleh kerajaan atau MAVCOM memandangkan Tahun Baharu Cina tidak lama lagi?

Sebenarnya saya rasa hairan apabila Timbalan Menteri Pengangkutan mengatakan ada *capping* bagi tiket penerbangan bagi MASwings dari Sibu ke Kota Kinabalu iaitu RM243 sehala bagi kelas ekonomi. Akan tetapi apabila saya semak berkali-kali harga yang paling rendah pun sudah mencecah RM301.66 untuk satu hala. Jadi sudahkan kementerian menyiasat apa yang telah berlaku? Apakah hasil siasatan Kementerian Pengangkutan? Betulkan kerajaan pernah mengenakan harga maksimum atau harga siling untuk tiket penerbangan? Bilakah MAVCOM dapat mengawal harga tiket penerbangan?

Saya menyeru supaya MAVCOM dapat menyelesaikan masalah harga tiket penerbangan yang terlalu tinggi yang membebankan rakyat Sarawak terutamanya dari Sibu. Saya juga merayu supaya MAVCOM dapat membuka laluan Sibu ke Kota Kinabalu, Sibu ke Miri, Sibu ke Bintulu dan sebagainya kepada syarikat penerbangan lain iaitu mungkin *AirAsia* yang memohon penerbangan laluan tersebut. Pihak *AirAsia* telah memaklumkan kami bahawa mereka tidak perlu subsidi dan dapat *commit* untuk terbang sekurang-kurangnya lima tahun.

Jadi saya rasa tidak ada alasan lain untuk menolak permohonan mereka supaya ada persaingan dan ini memanfaatkan rakyat. Kawalan harga tiket perlu dibuat supaya mana-mana syarikat penerbangan tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya. Saya

berharap isu ini dapat diselesaikan secepat mungkin memandangkan cuti sekolah akan bermula tidak lama lagi dan rakyat kaum Cina akan menyambut Tahun Baharu Cina pada Februari 2018.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pembangunan hanya 16.5 peratus dalam Bajet 2018. Saya rasa peruntukan pembangunan perlu dinaikkan. Menurut kajian *Assoc. Professor Dr. Faizal, rural urban development gap* tidak patut terlalu besar jika kita ingin memajukan negara Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Pertama iaitu 1966 tahun hingga 1970, 32 peratus peruntukan diberi kepada pembangunan luar bandar. Pada RMKe-3, peruntukan bagi pembangunan luar bandar turun kepada lapan peratus sahaja. Pada tahun 2004, hanya 2.9 peratus peruntukan untuk pembangunan luar bandar di Sarawak.

Jadi saya hendak tahu berapa peratuskah peruntukan luar bandar yang benar-benar menolong pembangunan luar bandar terutama di Sarawak? Sarawak masih mundur sekurang-kurangnya 20 tahun daripada Semenanjung. Malangnya kerajaan masih bersemangat untuk menguatkan ekonomi Amerika Syarikat. Bagaimanakah dengan anak Sarawak? Masih banyak anak Sarawak yang perlu keluar ke negeri dari negeri atau ke Semenanjung untuk mencari kerja untuk menyara hidup. Tambahan pula saya faham atas perikemanusiaan Kerajaan Malaysia bersetuju membantu kaum di negara lain seperti orang Rohingya, Bangladesh dan lain-lain. Akan tetapi saya hendak tanya, bilakah Kerajaan Malaysia hendak menolong anak Sarawak dan anak-anak Malaysia yang masih hidup dalam keadaan susah?

Apabila Timbalan Perdana Menteri mengumumkan akan memperuntukkan RM3.5 juta untuk membina hospital di Bangladesh, bagaimana pula dengan hospital-hospital di Sarawak? Saya sedar bahawa projek pembinaan Hospital Seri Aman Baru telah lama dijanjikan. Projek ini diumumkan pada tahun 2011 dan dikatakan akan siap pada Oktober 2016. Namun, projek ini telah dua kali diadakan upacara pecah tanah dan rakyat Sarawak masih tertunggu-tunggu. Projek Hospital Seri Aman Baru iaitu 108 katil yang perlu memperuntukkan RM200 juta ini telah ditangguhkan dan tarikh siap bina baharu adalah Oktober 2018. Jadi berapa lama lagi hendak ditangguhkan projek ini untuk anak Sarawak?

Selain ini, saya ingin tahu bilakah Balai Bomba Sibujaya Baru yang telah diluluskan peruntukkan RM9 juta itu dapat dibina? Apakah status perkembangan tender projek tersebut? Saya harap balai bomba ini dapat dibina dan disiapkan secepat mungkin supaya harta dan nyawa penduduk di Sibujaya dan rumah panjang berdekatan dapat diselamatkan jika berlaku apa-apa kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, banjir selalu berlaku di rumah panjang terutama di kawasan sekolah di Sengan dan Aman di kawasan Lanang. Apakah perancangan kerajaan untuk menolong mereka dan apakah rancangan Kementerian Pendidikan untuk memastikan pelajaran mereka tidak terjejas memandangkan mereka terpaksa berhenti sekolah apabila dilanda banjir. Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa kes kejadian tembak mati berlaku di Sibujaya beberapa tahun ini.

## ■1500

Pada 5 Oktober 2017 satu lagi kes berlaku di Sibu di mana dua orang ditembak mati. Saya ingin tanya berapakah kes tembak mati berlaku sejak 2007 sehingga 2017 di Sibu dan juga di Sarawak? Berapakah kes yang telah di siasat dan berapa kes yang telah dibawa ke mahkamah? Saya juga minta jumlah bilangan kes yg di sabit kesalahan.

Sekarang saya ingin menarik perhatian Kementerian Pelancongan tentang cukai pelancongan dikutip sejak 1 September 2017 menurut jawapan yang diterima oleh Yang Berhormat Seremban pada 25 Oktober 2017, kutipan sebanyak RM17,480 adalah daripada negeri Sarawak. Jadi berapakah peratus daripada kutipan diberi balik kepada Sarawak? Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan bahawa setiap kutipan RM10 hanya RM1 akan dikembalikan kepada negeri tersebut. Akan tetapi pada permulaan Yang Berhormat Menteri mengatakan Sarawak akan mendapat lebih kurang 30 peratus daripada kutipan cukai pelancongan Yang Berhormat Abdul Karim iaitu Menteri Pelancongan Sarawak juga tidak berpuas hati jika hanya 10 peratus di kembalikan.

Jadi saya ingin tahu sama ada Kerajaan Sarawak telah berbincang untuk mendapat lebih pulangan daripada kutipan cukai pelancongan? Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri Pelancongan dapat menunaikan janji supaya memberikan sekurang-kurangnya 30 peratus kepada Sarawak. Saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan tentang isu penama atau waris KWSP yang kini banyak mendapat perhatian rakyat. Saya terbaca satu kenyataan akhbar pada 30 Oktober 2017 yang mengatakan bahawa pegawai KWSP menjelaskan penama atau waris tidak mungkin dapat ditukar tanpa pemilik akaun.

Akan tetapi saya pula menerima satu kes di mana pemilik akaun telah membuat penamaan waris pada tahun 2006 akan tetapi apabila beliau menyemak status waris di atas talian iaitu EPF i-Akaun, satu *statement* iaitu, dengan izin, "*No nomination registered in the EPF record, please visit EPF branches to submit your nomination form.*" Jadi beliau pergi ke pejabat KWSP dan beliau terkejut apabila dimaklumkan bahawa beliau tidak pernah membuat penamaan waris bagi akaunnya.

Oleh itu, saya ingin minta penjelasan daripada Kementerian Kewangan tentang kes ini saya harap isu ini tidak menyebabkan kerisauan kepada rakyat Malaysia kerana wang simpanan EPF KWSP adalah titik peluh setiap rakyat yang bekerja. Tuan Yang di-Pertua, saya juga menerima aduan bahawa permohonan syarikat baru untuk mendaftarkan mereka dengan GST telah ditolak. Kenapa menolak pendaftaran permohonan syarikat baru ini? Mereka diberi alasan kerana tidak ada *track record* jadi mereka tidak layak berdaftar untuk mengutip GST. Saya ingin minta penjelasan kementerian sama ada syarikat baru secara sukarela boleh mendaftar GST dan apakah sebab sebenar permohonan pendaftaran GST mereka ditolak?

Tuan Yang di-Pertua, Pakatan Harapan telah menggariskan rancangan autonomi untuk Sabah dan Sarawak dengan membayar 20 peratus royalti minyak dari hasil minyak masing-masing. Selain itu, Pakatan Harapan juga akan memberi tanah pembangunan

RM75 bilion buat penduduk Sabah dan Sarawak. Pakatan Harapan juga menghapuskan GST yang akan memanfaatkan semua rakyat Malaysia termasuk rakyat di Sabah dan Sarawak, adakah Kerajaan Barisan Nasional juga dapat memberi tawaran yang setara atau lebih banyak lagi kepada rakyat Sarawak?

Kalau Barisan Nasional rasa ini adalah janji-janji yang tidak dapat ditepati saya menyeru supaya semua rakyat Malaysia dapat memberi peluang kepada Pakatan Harapan untuk merealisasikan janji-janji atau intipati Pakatan Harapan ini sekian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat Taiping pasal tadi Timbalan Speaker memanggil dua wakil dari BN berhujah berturut-turut sekarang ini saya kena panggil daripada pihak pembangkang dua berturut-turut sila

### 3.04 ptg.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman dan beriman. Terima kasih kerana memberikan peluang saya membahaskan ibu segala bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan. Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju ini memang merupakan ibu segala bajet yang dikemukakan Yang Amat Berhormat Pekan kerana ia sekali gus mencatat lima rekod baru dan sejak kemerdekaan negaraku yang tercinta ini.

Pertama, ini merupakan bajet belanja paling banyak mencatat duit rakyat RM282.25 bilion. Rekod yang kedua, bajet ini mencatatkan hutang yang paling tinggi di sejarah negara dengan angka RM685 bilion. Rekod yang ketiga, ia adalah kos membayar hutang yang paling tinggi di sejarah Malaysia, tahun depan rakyat Malaysia akan bayar kos hutang negara sebanyak RM31 bilion tiap-tiap rakyat akan membayar satu ribu, tahniah saya ucapkan kepada ibu segala bajet ini.

Rekod yang keempat, ini merupakan bajet defisit yang paling panjang di seluruh sejarah negara kita ini adalah defisit kali ke-21 tahun berturut-turut. Rekod yang kelima adalah walaupun bajet ibu segala bajet ini mencatatkan perbelanjaan yang paling besar iaitu RM282 bilion duit rakyat tetapi dari aspek pembangunan, ia adalah bajet yang mempunyai belanjawan pembangunan paling sikit, paling rendah di sejarah Malaysia, sebanyak 84 peratus untuk belanjawan mengurus hanya 16.4 peratus untuk belanjawan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia adalah negara yang sedang membangun, kita memerlukan pembangunan dan adalah tanggungjawab kerajaan untuk membangunkan negara tetapi duit rakyat kita susah payah bayar GST, duit itu bukan untuk bangunkan negara tetapi hanya untuk belanjawan mengurus. Sebanyak RM10 di peruntukkan hanya RM1.60 sen untuk membangunkan negara, apa dayanya sebab itu dengan adanya lima rekod ini, memanglah ini ibu segala bajet yang saya tidak boleh sokong.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada lima rekod yang dicatatkan ini bajet ini juga gagal, di mana saya hendak minta jaminan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saban tahun sejak Tuan Yang di-Pertua jadi Speaker kita tahu, sudah 10 tahun lebih kurang. Tiap-tiap tahun selepas kita susah payah membahaskan bajet ini panjang lebar tahun ini saya lihat masa Parlimen di peruntukkan dekat 18 hari kita bahas bajet ini tetapi lepas ini tahun depan balik ke Dewan yang mulia ini lagi bajet tambahan, belanjawan tambahan akan dikemukakan, ini mencerminkan di mana daripada segi disiplin kewangan kerajaan yang ada pada hari ini cukup lemah sekali.

Sekiranya ia adalah bajet yang tepat mengapa perlu bajet bekalan tambahan dan ini sudah menjadi amalan saban tahun, bukan sekali skala. Bagi hemat saya belanjawan tambahan hanya boleh dikemukakan jika ada keadaan luar biasa ataupun ada tragedi malapetaka besar tetapi di sini duit belanja dulu kemudian baru minta kelulusan daripada Dewan yang mulia ini, amalan ini perlu di berhentikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada aspek lima rekod tadi belanjawan kali ini sebenarnya walaupun digelar 'ibu segala bajet' tetapi sekiranya kita mengupas bajet ini, ia gagal menjaga kebajikan kaum ibu. Pada 2014, Yang Amat Berhormat Pekan pernah mengumumkan dua program penting untuk menjaga kesihatan wanita iaitu program *mammogram* dan program vaksinasi HPV, RM20 juta diperuntukkan pada ketika itu tetapi di bawah bajet ini, ibu segala bajet, kesihatan kaum ibu diabaikan. RM20 juta untuk menjaga kesihatan kaum ibu ini terbatal tidak ada lagi program *mammogram* percuma, tidak ada lagi vaksinasi HPV tetapi pada hakikatnya kanser payudara dan kanser serviks merupakan pembunuh utama wanita. Maka, mengapa 'ibu segala bajet' ini gagal menjaga kesihatan kaum ibu?

■1510

Kedua, apabila kerajaan kata rakyat didahulukan tetapi sekiranya kita mengupas ibu segala bajet ini, bekalan farmasi Kementerian Kesihatan di hospital kerajaan semua dipotong secara ketara. Yang Amat Berhormat Pekan berjanji hendak bagi RM2.5 bilion untuk *medical supply* tetapi apabila saya mengupas bajet ini, ubat pesakit dipotong secara ketara. Tahun ini dipotong RM300 juta. Tahun depan, ubat pesakit di hospital kerajaan dipotong RM65 juta. Dua tahun ubat untuk pesakit dipotong RM365 juta sedangkan pada faktanya, oleh kerana kegawatan ekonomi di mana jumlah bilangan preskripsi pesakit luar dan bilangan preskripsi pesakit dalam telah meningkat daripada 67 juta bilangan pesakit sehingga ke 76 juta pesakit, tambahan bilangan preskripsi pesakit meningkat sembilan juta orang, tetapi peruntukan yang diperuntukkan dipotong secara ketara. Di manakah rakyat didahulukan?

Ketiga, pembinaan hospital baru. Yang Amat Berhormat Pekan telah membuat janji manis di depan televisyen di mana kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM2 bilion untuk buat hospital baru yang membekalkan 1,180 katil. Akan tetapi, apabila saya mengupas balik buku tebal ini, bajet menunjukkan sebenarnya peruntukan untuk bina



hospital baru telah dipotong RM30 juta. Tahun depan hanya akan diperuntukkan RM179 juta sahaja. Tahun ini masih ada RM210 juta. Tahun depan tinggal RM179 juta. Di manakah RM2 bilion yang dijanjikan? Tidak sampai 10 peratus pun, jika kita ikuti ucapan bajet 'ibu segala bajet' ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, negara kita memerlukan 16,000 katil tambahan di hospital kerajaan di seluruh negara untuk menampung keperluan dan juga memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi kepada pesakit-pesakit kita. Akan tetapi mengikut jawapan Parlimen, dalam tempoh 10 tahun sehingga hari ini, kerajaan hanya mampu untuk menambah jumlah katil 2,984 buah katil sahaja. Yang diperlukan ialah 16,000. Yang ditawarkan tidak sampai 3,000. Pada masa yang sama, bajet pembinaan hospital baru dipotong, bekalan ubat dipotong, farmasi dipotong. Yang ditingkatkan apa? Permata.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Kementerian Kesihatan kini juga menghadapi kegawatan kewangan dari segi pembangunan. Jumlah bajet yang diperuntukkan sebanyak RM286.5 bilion. Sebanyak 92 peratus adalah untuk belanjawan mengurus. Hanya 7.2 peratus untuk belanjawan membangun. RM100 diperuntukkan, hanya RM7 untuk membangun. Yang lain, untuk bayar gaji, emolument dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya, seluruh rakyat Malaysia kena tanya, mengapa di bawah Jabatan Perdana Menteri- ha, ini lah dia- mengapa Jabatan Perdana Menteri dana di bawah nama dana fasilitasi? Saya pun tidak tahu. Saya cari buku, saya baca, tidak ada kandungan apa itu dana fasilitasi. Dana fasilitasi di bawah Jabatan Perdana Menteri telah meningkat dari RM1.5 bilion menjadi RM3.2 bilion. Satu peningkatan lebih sekali ganda. Dana untuk tujuan politik ditingkatkan 100 peratus. Dana untuk kebajikan pesakit dipotong secara ketara. Di mana rakyat didahulukan? Di mana prinsip *maqasid syariah* yang diuar-uarkan dan dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Pekan?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada dana fasilitasi, yang kedua, JPM ada program yang saya pun tidak tahu apa program itu, IM4U. Apa itu IM4U? Diberikan RM5 juta. 'I love PM' ada RM50 jutakah jika macam itu? Program ketiga, ada juga, projek khas. Tidak disenaraikan apa itu projek khas. Buat apa? Peruntukannya meningkat daripada RM316 juta sehingga ke RM572 juta. Apa itu projek khas? Tidak ada kenyataan terperinci seperti yang perlu dan wajib di dalam bajet.

Keempat, JASA. Ini adalah badan propagandis Barisan Nasional. Peruntukannya ditambah daripada RM22 juta kini menjadi RM30 juta. Apakah perlunya RM30 juta ini diberikan kepada JASA untuk menabur fitnah khususnya kepada sebelah sini? Ini perlu dikaji semula. Kelima, namanya projek mesra rakyat tetapi kita cari-cari apa itu projek mesra rakyat, kita tidak tahu. Jumlah peruntukan RM804 juta. Keenam- dia buat apa? Banci ekonomi. Banci ekonomi punya peruntukan naik empat kali ganda. Tahun ini RM15 juta. Tahun depan RM56 juta.

Kesemua saya anggap *slush fund* ini di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM4.4 bilion. Dekat 10 peratus daripada jumlah kutipan cukai GST diperuntukkan untuk *slush fund* ini. Saya rasa selaras dengan prinsip akauntabiliti dan juga ketelusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya menyarankan supaya beliau datang ke Dewan yang mulia ini sendiri untuk memberikan perincian bagaimana kerajaan hendak menggunakan RM4.4 bilion dana ini. Ini adalah tanggungjawab dan teladan sebagai seorang Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara yang saya bangkitkan tadi, saya ingin membawa suara rakyat negeri Perak. Perak walaupun mempunyai Timbalan Perdana Menteri dan enam orang menteri dan merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung tetapi saya amat kesal sekali, negeri yang saya cinta ini dipinggirkan sekali lagi. Apabila Yang Amat Berhormat Pekan mengumumkan Rancangan Malaysia Kesebelas, di mana disenaraikan 24 projek perdana yang menelan kos RM200 bilion termasuk *Vision Valley*, MRT, LRT dan lain-lain, tidak ada satu pun terletak dalam negeri Perak. Rakan saya dari Sabah dan Sarawak merungut tetapi sekurang-kurangnya Sabah dan Sarawak ada lagi *Pan Borneo Highway*. Perak apa pun tidak ada.

Bajet kali ini juga amat mengecewakan. Yang diumumkan satu sahaja iaitu *Pangkor Island Free Trade Zone*. Akan tetapi apabila kita kaji, ini *free trade* bukan macam Langkawi, bukan macam Tioman. *This is second class free trade zone*. Rokok, arak, kereta, semua tidak dikecualikan cukai. Maka apa ertinya adanya *Pangkor Free Trade Zone, duty-free island* ini jika item utama itu tidak dikecualikan cukai? Maka, saya bagi pihak penduduk negeri Perak, sekiranya kerajaan ikhlas, maka sekurang-kurangnya pengumuman *duty-free zone* ini, Pangkor perlulah setaraf dengan Langkawi. Takkanlah terus dianaktirikan khususnya ia kawasan Menteri Besar?

Selain daripada negeri Perak, Tuan Yang di-Pertua, bajet ini kita lihat- saya sendiri ingin menjawab. Apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan telah mengumumkan- oleh kerana sekarang musim pilihan raya, di mana kerajaan telah pun berjanji, dengar baik-baik, berjanji sahaja untuk membina 10 buah sekolah SRJKC dan untuk memindah 16 buah SRJKC. Bagi pihak kami, kami mengalu-alukan keputusan tersebut.

Sukacita saya ingin memaklumkan kepada semua pihak, SRJKC, SRJKT dan sekolah kebangsaan semua merupakan khazanah warisan sejarah negara kita yang tercinta ini. SRJKC bukan sekolah Cina kerana lebih kurang 20 peratus pelajar-pelajarnya terdiri daripada kaum Melayu dan kaum India. SRJKC adalah sekolah kebangsaan milik semua rakyat Malaysia. Maka, adalah wajar dan wajib kerajaan memikul tanggungjawab untuk membina sekolah baru di bawah Akta Pendidikan 1996 mengikut keperluan dan juga jumlah bilangan penduduk.

## ■1520

Sekolah patut- pembinaan sekolah, wajib mengikuti garis panduan di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa yang telah pun menetapkan sekiranya mempunyai penduduk 7,500 orang. Maka satu tapak rizab sekolah wajib dirizabkan untuk tujuan pembinaan sekolah baru. Tidak kiralah ia sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil, semua harus diberikan layanan yang adil mengikut keperluan pelajar, kebajikan murid-murid bukan mengikut keperluan politik yang telah dipermainkan oleh sebelah sana. Sebenarnya saya pada petang ini bangun ingin menjawab tohmahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Beliau hari ini di pihak media berkata, pihak DAP tidak pernah menuntut ataupun meminta pembinaan sekolah baru untuk SRJKC. Inilah dia Yang Berhormat Timbalan Menteri Senator yang masuk daripada pintu belakang.

Tidak baca sejarah. Akan tetapi, memutarbelitkan fakta. Kami di sebelah sini khususnya Parti DAP, telah berjuang untuk pembangunan bahasa ibunda sejak tahun 1966. Lima puluh satu tahun kami berjuang di luar dan di dalam Dewan yang mulia ini. Kami berjuang bukan sahaja untuk bahasa ibunda bahasa Cina, bahasa Tamil pun kami berjuang secara berhabis-habisan. Hal ini kerana bagi kami Melayu, Cina, India adalah satu keluarga. Hal ini kerana kita semua adalah anak Malaysia. Inilah budaya politik baru yang kami hendak bawa di sebelah Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap di mana bajet ini yang telah berjaya mencatat lima rekod baru untuk tanah air kita ini. *This is, dengan izin, the mother of all scandals. Not the 'mother of all budget', tabled by the father of all scandals.* Oleh sebab itu, saya tidak boleh menyokong dan minta untuk supaya bajet ini diubah semula. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sibuti.

**3.22ptg.**

**Datuk Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Mengawali ucapan, izinkan saya memanjat rasa syukur ke hadrat Allah SWT dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga Menteri Kewangan Malaysia. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengemukakan bajet berjumlah RM280.25 bilion kepada rakyat Malaysia yang bersifat menyeluruh bagi keperluan setiap sektor dan rakyat.

Saya benar-benar berterima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi sebanyak RM1 bilion kepada negeri Sarawak melalui Kerajaan Negeri Sarawak untuk melihat keperluan sekolah-sekolah di negeri Sarawak. Selain

daripada komitmen kerajaan melalui inisiatif yang lain-lain yang telah diumumkan di masa pembentangan belanjawan tadi. Pertama sekali saya hendak mengatakan tuntutan pentadbiran dan Perjanjian Malaysia 1963.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Sarawak saya juga ingin memberi penghargaan kepada sikap terbuka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mendengar pendapat Kerajaan Negeri Sarawak mengenai meneliti semula Perjanjian Malaysia 1963, agar beberapa perkara dapat dikaji dapat memantapkan lagi hubungan antara wilayah di Malaysia.

Seperti yang kita ketahui, bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, telah menghantar rombongan penyelidikan ke London untuk mengkaji dan membawa balik dokumen-dokumen berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan sokongan terhadap tindakan Sarawak. Diharap agar meja perundingan yang dimulakan dengan bersama oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mantan Ketua Menteri Sarawak, Almarhum 'Tok Nan' dulu, akan dilanjutkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang baru yang turut dikenali sebagai 'Kapten Abang Jo'.

Jelas ingin saya terangkan di sini adalah perjuangan Sarawak mengenai Perjanjian Malaysia 1963 adalah untuk mencapai satu kesatuan yang sempurna pada masa akan datang dan rakyat Sarawak memperoleh hak dan kuasa sewajarnya seperti lah dicakap-cakapkan dalam Perlembagaan dan Perjanjian Malaysia 1963. Ingin saya memetik kata-kata Almarhum 'Tok Nan', "*Kita Malaysia semalam, kita Malaysia sekarang. Kita terus Malaysia esok dan kita Malaysia selama-lamanya*"... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan Negeri Sarawak memang mengharapkan perundingan dari perundingan, meja ke meja antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang dikenali sebagai 'Kapten Abang Jo' akan terus dijalankan sehingga apa yang kita usahakan dapat tercapai. Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, teruskan perjuangan murni membela bangsa dan negara. Pegang kuat yang kelima, "*Agi idup agi ngelaban*" dengan izin. Jadi, kami sebagai rakyat dan sebagai wakil rakyat sentiasa menyokong kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saban tahun sejak tahun 2009 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering mengumumkan peruntukan khususnya bagi negeri Sarawak dan juga Sabah terutama sekali dalam pembangunan luar bandar. Bagi tahun 2018, saya berasa bersyukur kerana komitmen kerajaan bagi memastikan rakyat Sarawak mendapat keadilan dan sudut pembangunan masih terus melalui peruntukan pembangunan yang besar. Memang diakui belum cukup tetapi konsisten menyalurkan peruntukan sangatlah dihargai. Bak kata orang Sarawak, "Belum ku dapat, belum ku berhenti" mohon izin Tuan Yang di-Pertua

## ■1530

Memuji sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, memahami masalah sekolah di Sarawak, kami ingin berterima kasih seperti yang saya ucap awal tadi memberi RM1 bilion. Walaupun ini seperti rakan-rakan yang lain tidak cukup, ia berterusan, kita memohon agar tambahan-tambahan kepada peruntukan ini akan diteruskan. Dengan adanya Menteri di negeri akan berhubung kepada Menteri Pendidikan di Persekutuan ini, akan terus menjayakan projek membaiki sekolah ini sehingga tahun 2025. Saya bagi pihak rakyat Sarawak dan kerajaan meminta kepada, dengan izin, *'apai besai kami, Najib anak Rajak, anang lupa enua ada data ke Sarawak ndak kurang daripada 50 kali, tunai mek janji, agar kamik Sarawak senang hati'*. Ini lah kata-kata perasaan anak-anak bumiputera di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kerajaan mengakui banyak membantu golongan Bumiputera, terutama sekali kami di rumah panjang, kami di kebun-kebun dan juga pekebun-pekebun kecil yang sentiasa mengakui banyak bantuan daripada nelayan, ternakan dan juga pertanian. Bahawa dengan adanya bantuan sokongan dari segi baja, racun dan sebagainya, kami dapat menjalankan usaha kami mendapatkan hasilnya untuk anak-anak kami pergi ke sekolah.

Kita juga berterima kasih kepada Menteri Kewangan sebab memberi peruntukan yang besar kepada TEKUN dan AIM yang membantu secara terus kepada usahawan kita. Baik kecil, besar, yang benar-benar memerlukan bantuan-bantuan ini menjalankan seperti contoh, penjualan daripada hasil pertanian, penjualan daripada hasil nelayan seperti keropok dan lain-lain dan juga menyediakan trak-trak jualan. Inilah usaha yang diberikan daripada AIM, TEKUN dan sebagainya.

Saya juga menyentuh aktiviti meniaga yang sinonim dengan wanita-wanita kita di Sarawak. Itulah hasrat mereka, apa sahaja yang dapat membantu hasil mereka untuk memberi penghidupan seharian. Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai aspirasi TN50, saya melihat negara perlu matang dalam penghidupan sosial dan bebas daripada dadah. Saya tegaskan dalam soal memerangi dadah. Dadah mampu melumpuhkan minda anak-anak kita dan terus melumpuhkan tamadun Malaysia yang ingin kita bina ini.

Dalam Bajet 2018, saya tidak melihat secara khusus peruntukan untuk memerangi dadah. Kini gejala semakin merebak ke kawasan luar bandar kesan daripada pembangunan daripada kerajaan seperti akses ke jalan masuk ke kampung-kampung, telah sedikit sebanyak membuka pengedaran dadah dari bandar ke luar bandar. Dengan ini, saya mohon agar pihak yang berkaitan, terutamanya sekali daripada pihak polis dan pihak yang berkuasa untuk cuba membantu kami di kampung-kampung luar bandar memerangi dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada kerajaan agar turut melihat kepada bakat ataupun *talent*- sukarelawan sosial agar dapat di guna pakai oleh sayap kebajikan kerajaan untuk mendapatkan pandangan dan pengalaman mereka bagi membantu

golongan memerlukan. Saya pindah kepada pelancongan. Sarawak dan Parlimen saya sendiri sangat sinonim dengan pelancongan. Sibuti mempunyai *coral blue reef* yang indah untuk penyelam. Mempunyai sektor semula jadi *Drinking Horse* di Tusan, Gua Niah yang eksotik dan banyak lagi potensi pelancongan. Akan tetapi tidak diterokai dan sering berdepan dengan bajet yang tidak mencukupi. Dengan sejumlah bajet RM3 bilion untuk sektor pelancongan, saya berharap agar pakej pinjaman ataupun bantuan untuk membangunkan infrastruktur pelancongan di Negeri Sarawak dan Parlimen Sibuti, mendapat peruntukan yang baik untuk kita membawa pelancong-pelancong dari luar ke kawasan Sibuti.

Saya tertarik dengan mengenai tahun memperkasakan wanita pada tahun 2018. Diakui wanita adalah tunjang kekuatan kepada sang suami. Dalam mana-mana majlis yang saya pergi, wanita lah yang paling ramai memberi sokongan. Maka, komitmen kerajaan memperkasakan wanita adalah wajar, perlu diberi peluang yang lebih. Terima kasih juga atas cuti bersalin 90 hari bagi sektor swasta.

Walaupun demikian, saya tidak melihat secara terperinci bajet mengenai soal memperkasakan wanita ini, kawasan pedalaman dan luar bandar. Oleh kerana ini turut diutarakan oleh Profesor Madeline Berma dari UPM yang berasal dari Sarawak. Di mana beliau sangat memahami dan mendekati golongan wanita di pedalaman, agar kerajaan turut melihat keperluan memperkasakan wanita dan *environment* mereka di luar bandar. Apa keperluan dan apa kekuatan yang mereka perlu ada serta kemampuan memperkasakan wanita menambahkan pendapatan isi rumah.

Kita selalu mendengar, baik sebelah pihak kita sini, ataupun sebelah sana, mengatakan untuk menambah 30 peratus peranan wanita, baik di dalam Parlimen, baik dalam DUN ataupun GLC-GLC. Kita mengharaplah dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

#### ■1540

Dalam sektor kesihatan, saya masih menyimpan harapan Bajet 2018 turut meninjau klinik-klinik daif di luar bandar. Peningkatan penduduk dan kewujudan bandar serta daerah baru Sarawak yang memerlukan perkhidmatan kesihatan yang baik. Janji membina klinik kesihatan baru di Sepupok dan di Niah, harap Menteri yang berkenaan memberi perhatian penuh kepada yang dipohon oleh rakyat.

Saya mengambil kesempatan ini juga keselamatan menerima sejumlah bajet yang besar tahun ini. Saya mengalu-alukan agar kerajaan dapat menyegerakan pembelian aset pertahanan untuk kapal peronda dan ditempatkan di perairan Sarawak bagi keperluan untuk zon ESSCOM di Sabah. Perkara ini selalu saya bawa kerana kita melihat kapal China yang selalu menakutkan nelayan kita di Sibuti, bimbang kerana melihat kapal China *coastal guard* masuk ke perairan Sarawak. Haraplah pihak yang berkenaan dapat mengawal pantai Sarawak.

Balai polis dan keselamatan sebagai tambahan mengenai isu keselamatan adalah dimohon agar menambah bajet untuk PDRM melihat anggota baru. Parlimen Sibuti mengharapkan agar balai polis berkenaan dinaiktarafkan sebagai balai polis daerah penuh sebab kawasan Sibuti telah dinaiktarafkan sebagai daerah penuh.

Satu lagi, mohon satu atau dua minit. Janji KKLW hendak membina jalan-jalan kebun, jalan-jalan di kawasan pertanian akan dibina. Harap pihak kementerian akan mengambil bahagian.

TVET Malaysia di kawasan saya, IPG akan ditukarkan kepada TVET. Maka, mengharapkan dapat ia dipercepatkan. Oleh kerana masa tidak mengizinkan Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh bajet ini dan mengharapkan apa yang saya tidak capai dalam dasar ini, saya akan bercakap dalam Jawatankuasa nanti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Hulu Rajang.

**3.43 ptg.**

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menggunakan peluang yang telah dianugerahkan buat saya dengan sebaiknya untuk turut serta di dalam perbahasan usul Bajet 2018, ditemani oleh perasaan kesyukuran.

Saya akan menyuarakan permintaan-permintaan kecil dan sekelumit harapan rakyat Sarawak tercinta khususnya di kawasan Hulu Rajang yang memangnya sentiasa mengharapkan perhatian Bajet 2018 yang merupakan ibu segala bajet. Ini kerana ia merupakan belanjawan yang paling komprehensif dan mengutamakan kepentingan rakyat seawal bayi yang masih dalam kandungan tanpa mengambil kira fahaman politik. Bajet ini belum pernah difikirkan oleh mana-mana Perdana Menteri. Sebelum ini ianya dirancang dengan sistematik untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara. Setelah 60 tahun mengecapkan kemerdekaan, sesungguhnya ranjau dan duri ditempuhi dalam usaha mengekalkan keharmonian dan kesepaduan sosial. Namun demikian, kita masih gah berdiri di bawah kepimpinan Barisan Nasional iaitu parti keramat kepada kita semua.

Saya ingin memanjangkan ucapan jutaan terima kasih khususnya daripada rakyat Sarawak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan Bajet 2018 yang diklasifikasikan sebagai yang terbaik dan bersifat *inclusive*. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan barisan kepimpinan sentiasa ditohmah dan dicaci oleh sebilangan kumpulan pembangkang yang tidak bertanggungjawab, namun itu bukan merupakan satu penghalang untuk memastikan rakyat Malaysia terus terbela di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Sokongan rakyat Sarawak akan terus bersama pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meneruskan agenda pembangunan negara.

Seterusnya, kemudahan fasiliti kesihatan Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya saya ingin menjurus kepada soal akses kepada kemudahan kesihatan di negeri Sarawak. Sedangkan kita mengorak langkah menuju ke tahun 2050 di mana perancangan negara

untuk menyediakan rakyat 30 tahun daripada sekarang cukup menggerunkan saya. Saya sering kali mengutarakan mengenai isu kesihatan di kawasan luar bandar. Kerajaan Pusat seharusnya memberikan fokus yang lebih banyak khususnya yang melibatkan masyarakat di kawasan luar bandar yang hanya mempunyai kemudahan fasiliti kesihatan di tahap yang sangat rendah.

Dalam bajet yang dibentangkan, rata-rata saya melihat, pembangunan fasiliti kesihatan lebih banyak tertumpu di kawasan Semenanjung. Justeru itu, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kesihatan agar rayuan serta permintaan saya yang bertahun-tahun agar Hospital Kapit dapat diperbesarkan dengan melibatkan penambahan doktor pakar dan penambahan jumlah bilangan mesin dialisis, Tuan Yang di-Pertua.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia yang telah mengadakan lawatan ke Hospital Kapit dan Klinik Desa di Nanga Mujong pada tanggal 15 Oktober yang lalu. Maka dengan pengumuman Bajet 2018, saya berharap agar pihak Kementerian Kesihatan dapat membangunkan hospital baru dan menambahkan bilangan mesin dialisis yang saya minta seperti di atas Hospital Kapit, Belaga dan Sungai Asap. Saya juga berharap kementerian akan menaiktarafkan kategori *class* klinik kawasan di kawasan-kawasan pedalaman di Hulu Rajang. Saya melihat jangka masa dalam tiga tahun akan datang, Hospital Kapit akan menguruskan bilangan pesakit yang sangat banyak dan keperluan penambahan kakitangan dan pembesaran hospital adalah amat diperlukan.

Memacukan pembangunan *inclusive*, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik sejumlah peruntukan yang sangat besar bagi menaik taraf jalan di kawasan luar bandar, keluasan projek Pan Borneo tanpa tol merupakan inisiatif Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri untuk melihat Sarawak dan Sabah berdiri sama tinggi dengan rakan-rakan kita di Semenanjung Malaysia. Selama 20 tahun pemerintahan seorang mantan Perdana Menteri juga gagal menyediakan kemudahan seumpama ini.

Namun, sejak akhir-akhir ini, beliau sendiri terlompat-lompat mahu bantu negeri Sarawak. Mengapa sekarang Tuan Yang di-Pertua? Kenapa ketika beliau memegang tampuk pemerintahan, ini semua kerana dendam politik Tuan Yang di-Pertua. Tatkala kita beria-ia ingin membantu merencanakan pembangunan ekonomi dan saya menekankan agar fasiliti asas seperti bekalan elektrik harus diberikan perhatian serius. Sememangnya keperluan bekalan elektrik ini amat dialu-alukan oleh penduduk di kawasan luar bandar seperti di Parlimen saya, di Hulu Rajang.

Keresahan saya ini adalah kebenaran. Kita semua tidak tahu bahawa kawasan Hulu Rajang terletak berdekatan dengan sebuah empangan mega yang menjanakan 2,400 megawatt sumber elektrik. Namun, apa yang sangat menyedihkan adalah tidak wajar jika jana kuasa elektrik disalurkan dari empangan tersebut hanya melalui kawasan perkampungan dan penduduk di sekitar tidak dapat merasakan jana kuasa tersebut.



Pengorbanan mereka haruslah kita tidak lupakan ketika mereka sudi menyerahkan tanah bagi tujuan pembangunan.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pengumuman RM620 juta untuk Sabah dan Sarawak melibatkan 10,000 rumah di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Pusat di atas pengumuman sebanyak RM30 juta untuk tujuan pemetaan tanah NCR di negeri Sarawak. Tujuan pemetaan dijalankan agar kerajaan dapat menjamin hak rakyat ke atas tanah mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Fasiliti pendidikan di Hulu Rajang Tuan Yang di-Pertua. Transformasi pemangkin masa depan negara, pembangunan bukan lagi segala anangan. Isu pendidikan Sarawak tumpuan utama, ber-forecast kepada perihai kemudahan. Sepanjang hampir lima tahun bergelar wakil rakyat, pendidikan tidak pernah terlepas daripada perhatian saya.

#### ■1550

Sejak dahulu, sekolah dan guru merupakan dua faktor yang saling melengkapi di antara satu sama lain. Jika salah satunya tempang, maka cacatlah pendidikan anak-anak kita yang merupakan generasi peneraju masa depan negara.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, negara kita kini sedang menuju ke arah transformasi pendidikan yang berorientasikan pembelajaran abad ke-21 yang direka khas untuk melahirkan gen alfa yang dilengkapi dengan kemahiran berfikir secara praktikal dan kreatif. Turut diperkenalkan juga Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan banyak lagi. Ini menunjukkan ketegasan Kementerian Pendidikan dalam mendidik anak bangsa. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi, itu tidak akan bermakna sekiranya anak-anak muda di kawasan pedalaman seperti di Hulu Rajang hanya mampu mendengar dan melihat tanpa merasa sendiri transformasi yang dirancang selama ini. Saya difahamkan terdapat kira-kira 403 buah sekolah kategori pedalaman Sarawak dan di antara itu, terdapat 369 buah sekolah masih bergantung dengan alat bantuan genset. Jelas di sini sekolah-sekolah di pedalaman masih jauh dari arus kemajuan yang dikecapi berbanding sekolah di kawasan bandar.

Saya selaku wakil rakyat merasakan masih banyak lagi sekolah-sekolah daif dan perlunya pembinaan semula seiring dengan Transformasi Pendidikan Negara. Pembangunan prasarana sekolah adalah amat diperlukan. Pada masa kini, saya lihat sepanjang lawatan saya ke semua sekolah-sekolah khususnya kawasan pedalaman, keadaan sekolah masih berada dalam keadaan daif, Tuan Yang di-Pertua.

Justeru itu, saya berharap Kementerian Pendidikan melalui peruntukan yang disalurkan dapat melihat keperluan asas yang perlu diperbaiki di sekolah-sekolah di kawasan pedalaman seperti di kawasan Hulu Rajang.

Saya juga mencadangkan agar khidmat-khidmat guru interim dapat dipertimbangkan semula sebagai jalan penyelesaian jangka pendek dan pada masa yang sama, dicadangkan agar guru-guru interim yang sudah mahir dengan kemahiran mengajar berdasarkan sistem Kementerian Pendidikan dapat diambil masuk menjalani KPLI di Institut Perguruan (IPG) yang sedia ada, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, saya mencadangkan agar anak-anak tempatan yang berasal daripada pedalaman Sarawak dapat ditempatkan di kawasan berhampiran kampung halaman masing-masing bagi mengurangkan kadar kekurangan guru yang tidak rela mengajar di kawasan pedalaman Sarawak. Harus diingat, anak-anak Sarawak masih menagih di mana kuota 90:10 pengambilan guru daripada kalangan anak-anak tempatan seperti yang dijanjikan sewaktu ketika dahulu semasa pemerintahan mendiang Tan Sri Tok Nan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memperuntukkan sejumlah yang begitu besar dalam pembangunan pendidikan negara dan sentiasa prihatin akan perkembangan sistem pendidikan di negeri Sarawak.

Pembangunan infrastruktur asas di luar bandar, Tuan Yang di-Pertua. Kawasan luar bandar seperti di Hulu Rajang amat memerlukan pembangunan infrastruktur yang berterusan seiring dengan wawasan yang kini diilhamkan atas cetusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, TN50 atau Transformasi Nasional menuju wawasan negara menjelang 2050.

Pengiktirafan sebuah negara maju bukan sahaja terletak dalam bidang ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan perpaduan nasional. Namun, pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar harus diberi perhatian serius oleh kerajaan selaras dengan kerancangan pembangunan yang pesat berlaku di Semenanjung.

Saya bukannya mahu membanding bandar raya besar di Semenanjung dengan kawasan Parlimen saya. Namun, perbandingan saya buat melihat kepada kawasan pedalaman di Semenanjung jauh lebih baik berbanding dengan lokasi di Sarawak. Perhatian khusus harus diberi agar peluang sama rata dapat disediakan untuk semua rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Maka dengan itu, saya memohon agar pembinaan jalan raya untuk kemudahan rakyat dapat dijalankan melibatkan projek-projek seperti berikut. Pada tahun 2016 semasa pembentangan bajet, saya ada memohon bagi mendapatkan projek-projek bagi pembinaan jalan raya dari Nanga Mujong ke rumah panjang Tuai Rumah Tunku Sungai Gat Baleh, Kapit sepanjang 73 kilometer. Mohon dipertimbangkan dengan sewajarnya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga memohon agar Program Jiwa Murni turut diteruskan bagi menaikkan taraf akses Kem Balak ke SK Lusong Laku di Daerah Belaga untuk kaum Penan yang melibatkan jalan sepanjang 32 kilometer. Ia untuk membantu masyarakat kampung

pedalaman yang terdapat seramai 1,400 orang Penan di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pada 20 Jun yang lalu, sebuah rumah panjang Badang di kawasan saya telah musnah terbakar dan 112 orang daripada 15 keluarga tinggal sehelai sepinggang. Berikutan daripada kejadian itu, mujurlah tiada nyawa yang terkorban, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah bukan kejadian yang pertama seumpamanya ini terjadi di kawasan saya. Kebakaran yang berlaku disebabkan oleh beberapa faktor. Namun, apa yang ingin saya sampaikan adalah permintaan sebuah balai bomba di Belaga dan juga di Sungai Asap sejak tahun 2015 masih dipandang ringan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tidakkah pihak kementerian melihat kerisauan perkara ini? Ini melibatkan nyawa penduduk di kawasan saya dan saya sangat memerlukan balai bomba ini demi memastikan rakyat di kawasan sentiasa berada dalam keadaan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, pihak bomba memerlukan sekurang-kurangnya empat jam setengah perjalanan daripada Balai Bomba dan Penyelamat Samalaju di Bintulu untuk tiba di tempat kejadian. Mujurlah tindakan pantas daripada Pasukan Bomba Sukarelawan Sungai Asap yang telah banyak membantu menyelamatkan keadaan dari merebak ke blok-blok rumah panjang yang lain. Rumah panjang ini semuanya dibina daripada kayu dan ia mudah terbakar.

Kita tidak minta kejadian kebakaran seperti ini akan berlaku tetapi alangkah baik sekiranya ada balai bomba dapat ditempatkan di kawasan strategik seperti di Daerah Belaga dan di Sungai Asap agar kejadian-kejadian kebakaran seperti ini dapat dicegah daripada ia menjadi semakin buruk di masa hadapan.

Memperatkan jurang telekomunikasi, Tuan Yang di-Pertua. Di masa ini, ketika kita sedang hangat memperkatakan ekonomi digital, namun ironinya, di Hulu Rajang masih jauh ketinggalan dari segi perhubungan telekomunikasi. Penduduk di kawasan Long Urun telah meminta sebuah menara telekomunikasi dibina dan permintaan tersebut telah pun dibuat semasa PRN DUN Sarawak yang lepas di mana Yang Berhormat Menteri sendiri pun sedia maklum tentang permintaan tersebut. Kami masih menunggu dan tertunggutunggu dengan maklum balas dari pihak kementerian.

Saya sangat berharap agar permohonan saya dipercepatkan kerana adalah sangat tidak adil jika jurang digital masih wujud di kawasan pedalaman pada abad ke-21 ini. Kebanyakan negara lain di dunia khususnya di kawasan pedalaman telah diselaraskan sistem digital mereka bagi membolehkan masyarakat luar bandar turut mempunyai peluang sama rata dengan yang lain.

Mempergiatkan sektor pertanian, Tuan Yang di-Pertua. Ironinya, sewaktu ketika dahulu, negara kita merupakan negara pertanian dan mengeluarkan pelbagai bentuk produk pertanian untuk kegunaan dalam dan luar negara selepas mengalami revolusi

perindustrian yang besar pada awal 80-an. Kita melihat sektor pertanian mula merudum kerana perhatian lebih tertumpu kepada sektor perindustrian negara kita.

Namun pada hari ini, saya sangat berbangga kerana sektor pertanian diberi nafas baru dengan mengumumkan peruntukan yang sangat besar untuk kelompok petani, peladang, nelayan, pekebun kecil, penternak dan penoreh getah. Berita baik ini pasti akan memberikan semangat yang baru kepada rakyat di kawasan saya dan kawasan pedalaman. Rata-rata merupakan masyarakat yang terlibat secara langsung dengan sektor pertanian.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu agar kerajaan mengkaji semula harga getah dan lada di pasaran supaya satu lonjakan harga dapat diberikan kepada produk pertanian pada masa kini yang berada di suatu paras yang tidak memberangsangkan. Kementerian Pertanian seharusnya menetapkan satu harga siling yang tinggi ke atas dua produk ini agar sektor ini terus berkembang dan seterusnya membantu petani menuai hasil mereka dengan gembiranya.

Kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak kita semua mengimbuai kembali bagaimana Persekutuan ditubuhkan apabila Sarawak, Sabah dan Singapura menyertai Tanah Melayu dan membentuk sebuah negara dinamakan Malaysia waktu tahun 1965. Singapura meninggalkan Persekutuan.

#### ■1600

Penyatuan yang berlaku pada tanggal 16 September 1963 itu menjadikan Malaysia sebuah negara yang terulung di mata dunia. Negara kita sering kali diangkat sebagai model dalam kalangan negara-negara membangun dunia yang lain. Namun begitu sejak mutakhir ini, kami di Sarawak mendapati terdapat individu-individu tertentu yang cuba mempersoalkan kuasa autonomi negeri Sarawak. Rakyat Sarawak sedar dan berfikir, wajar bagi Sarawak mempunyai kuasa autonomi dan pada masa kini, Kerajaan Negeri Sarawak mengambil segala pendekatan dalam mendapatkan autonomi yang sepatutnya.

Di peringkat bawahan, wujud pula desakan untuk keperluan kerajaan negeri melawan terhadap apa yang dilihat sebagai campur tangan Kerajaan Pusat dalam hal ehwal di Sarawak. Rombongan dari negeri Sarawak juga telah dihantar ke London baru-baru ini untuk mengkaji hasil intipati perjanjian yang ditandatangani dan hasil perbincangan akan dibawa kepada perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Abang Johari, Ketua Menteri Sarawak yang baru dan memastikan hak dan kuasa autonomi Sarawak akan dibela dengan sewajarnya.

Saya juga ingin menasihatkan kepada kementerian-kementerian untuk berbincang dahulu dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah berhubung dengan mana-mana rang undang-undang yang akan menyentuh kepentingan negeri sebelum ia dibawa ke Parlimen. Contohnya apa yang berlaku dengan Rang Undang-undang Cukai Pelancongan, perbezaan pendapat antara kementerian Persekutuan dan kerajaan negeri

dapat dielakkan jika mereka berbincang dengan negeri dahulu. Maka untuk perkara seperti itu tidak berulang, saya mencadangkan agar pembentangan Rang Undang-undang Setem dan juga yang lain diperhalusi dahulu pelaksanaannya di peringkat negeri Sarawak sebelum ia dibawa dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya kita tidak mahu sebarang percanggahan undang-undang berlaku di peringkat negeri dan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Belanjawan 2018 diharap bakal menjadi setapak langkah ampuh ke arah memacu negara akan mencapai status negara membangun. Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai pemimpin waktu dan ketika ini untuk memastikan negara yang kita sayangi ini terus dipandu oleh nakhoda yang hebat dan saya pasti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan pemimpin yang cukup kental dan melalui perjalanan yang berliku ini dengan ketuanan ekonomi dunia tidak menentu. Barisan penyokong kerajaan akan sentiasa memberikan kaki dan tangan agar kita dapat bersama dalam menyelami perjuangan murni ini.

Sejak mengemudikan nakhoda Barisan Nasional pada tahun 2009, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawat negeri Sarawak lebih 55 kali termasuk ke kawasan pedalaman, rumah panjang Iban, rumah panjang Bidayuh, rumah panjang Orang Ulu dan ini menunjukkan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan tanggungjawabnya untuk rakyat Sarawak dalam tempoh masa yang kurang 10 tahun berbanding dengan mantan Perdana Menteri yang memerintah 22 tahun yang lalu. Sekejap lagi Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin mengingatkan bahawa kepada rakan-rakan pembangkang dari Sarawak, jangan buang masa dengan mencurangi pemikiran rakyat. Rakyat di Bumi Kenyalang percaya dan berdiri teguh dengan kepimpinan Barisan Nasional. Perjuangan Barisan Nasional ukir denyutan setiap rakyat negeri Sarawak pada PRU ke-14 bakal memperlihatkan satu tsunami besar yang bakal menghancurkan parti pembangkang di Sarawak seperti berlaku di pilihan raya negeri baru-baru ini. Barisan Nasional Sarawak akan kembali ke Dewan yang mulia ini dengan majoriti yang lebih besar pada PRU ke-14 dan akan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Akhirnya saya mengakhiri perbahasan dengan serangkap pantun Tuan Yang di-Pertua,

*'Buah dabai namanya indah,  
Tumbuh melata di pelosok hutan,  
Tugas saya selesai sudah,  
Permintaan rakyat jangan dilupakan'*

Yang Berhormat Hulu Rajang mohon menyokong, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

**4.04 ptg.**

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya menyertai perbahasan belanjawan negara 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 27 Oktober yang lepas.

Saya meneliti bajet yang dinyatakan. *Alhamduillah*, daripada bajet tersebut, pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah rancak. Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 5.7 peratus dalam tempoh enam bulan pertama 2017, disokong dengan permintaan domestik yang kukuh dan diperteguh oleh sektor luaran yang baik. Berdasarkan perkembangan ekonomi yang rancak dalam tempoh separuh masa pertama, Keluaran Dalam Negara Kasar telah meningkat kepada 5.2 peratus kepada 5.7 peratus. Pendapatan negara kasar pada harga semasa juga dianggar berkembang 9.1 peratus kepada RM1.3 trilion berbanding pada tahun 2016, RM1.2 trilion dengan pendapatan perkapita meningkat 7.7 peratus pada RM40,713 berbanding pada tahun 2016, RM37,791.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba mengkaji belanjawan ini dan walaupun saya dapati perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan 2016 sehingga 2018 adalah pertumbuhan perbelanjaan yg sederhana, tidak begitu besar iaitu RM210 bilion pada tahun 2016, RM220 bilion pada tahun 2017 dan Bajet 2018 meningkat kepada RM234 bilion iaitu perbelanjaan mengurus. Tetapi satu item dalam jadual perbelanjaan mengurus yang perlu kita teliti iaitu subsidi dan bantuan sosial. Pada tahun 2016, subsidi yang dibelanjakan sebanyak RM24.69 bilion. Pada tahun 2017, ia merupakan RM23.085 bilion dan pada tahun 2018, ia dijangka meningkat kepada RM26.554 bilion.

Jika kita campurkan ketiga-tiga tahun tersebut jumlahnya ialah RM74.319 bilion. Apa yang diperhatikan dalam perbincangan dalam bajet ini dan di peringkat pakar-pakar ekonomi, mereka telah mempersoalkan tentang subsidi iaitu apa yang dipanggil *opportunity cost of subsidy* iaitu kos melepas pemberian subsidi. Pemberian subsidi dikatakan adalah untuk menolong mempertingkatkan keluaran dan perkhidmatan ataupun jawatan-jawatan pekerjaan yang dapat dihasilkan. Akan tetapi tidak diterangkan *benefit* ataupun kebaikan kepada masyarakat kerana duit yang diberikan untuk subsidi itu adalah lebih baik jika tidak diberikan subsidi dan diberikan sahaja kepada pembayar cukai.

**■1610**

Kerana kerajaan kenalah menyusun semula perbelanjaan ini supaya hasilnya memberikan pulangan yang terbaik kepada setiap ringgit yang digunakan. Tuan Yang di-Pertua, bayangkan jika RM74 bilion ataupun RM 74.319 bilion disalurkan untuk membina rumah mampu bilik dengan harga RM150,000 satu unit, jumlah rumah atau unit mampu

milik ini yang boleh dibina ialah 495,460 buah ataupun 500 ribu unit rumah mampu milik yang boleh diberikan kepada masyarakat.

Jadi jelas kita kena mengkaji, bukan saya hendak mengurangkan subsidi tapi kita mesti mengkaji bagaimana subsidi ini boleh digunakan untuk menggalakkan terdapatnya merangsang pembangunan ekonomi Malaysia. Antara perkara yang jelas kita lihat walaupun tidak dibincangkan dengan luas dalam bajet ini ialah prestasi produktiviti pekerja di Malaysia. Prestasi produktiviti Malaysia adalah kadar 3.5 peratus dan perlu dipertingkatkan kerana kalau lagi tinggi produktiviti, lagi merangsang pembangunan ekonomi. Jadi kalau kita ingin pembangunan ekonomi kita meningkat ke tangga yang dulunya kita nyatakan untuk mencapai Wawasan 2020, kita mesti mendapat produktiviti, mendapat apa yang dipanggil keluaran negara kasar ataupun pertumbuhan sebanyak tujuh peratus maknanya produktiviti kita mesti meningkat lebih pada 3.5 peratus. Jadi itu penting kerana kalau tidak ekonomi kita akan tidak rancak dan terus membangun lebih tinggi lagi.

Jadi saya cuba melihat adakah produktiviti Malaysia ini boleh dipertingkatkan berbanding dengan Vietnam. Ada kajian yang dibuat di Vietnam iaitu *Vietnam Labor Productivity* ialah lebih kepada enam peratus. Jadi kalau kita dapat prestasi produktiviti pekerja kita seperti Vietnam maknanya pertumbuhan ekonomi kita akan lebih galak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang jelas dalam kenyataan saya ini bagaimana kita tidak menambah lagi belanjawan kita ataupun peruntukan kita tetapi boleh mempertingkatkan produktiviti supaya kita dapat menolong membangunkan ekonomi kita ataupun menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi kita? Jadi saya cadangkan satu *task force* ataupun pasukan petugas *economic council* yang mana dia mengkaji, bagaimana menggunakan peruntukan subsidi dan bantuan sosial ini dapat digubah dan dilaksanakan supaya dia merupakan penggerak produktiviti.

Salah satu idea yang boleh kita terjemahkan bagaimana bonus boleh dibagi kepada produktiviti dengan menggunakan subsidi yang bantuan sosial yang kita beri. Bayangkan BR1M kita memberi RM1,200 kepada lebih kepada tujuh juta penerima. Kalau diterjemahkan kepada 10 jam sahaja ataupun 10 jam, kita sudah dapat 70 juta *man-hour* yang boleh kita tambahkan pengeluaran dan produktiviti itu. Jadi kita tidaklah memberi subsidi dan bantuan secara percuma tetapi menggalakkan pengeluaran dan menghasilkan subsidi tersebut.

Jadi bantuan sosial subsidi itu boleh diberi sumbangan mengikut jumlah hasil keluaran –kalau dia menanam padi, hasil padi lebih banyak, lebih banyaklah bonus ataupun subsidi yang dibagi ataupun masa kerja dia hanya boleh dapat bonus apabila dia bekerja dalam masa yang secukupnya – katalah 40 jam seminggu. Penerima BR1M mesti menunjukkan dia memberi sumbangan *man-hour* kepada usaha pembangunan kerjaya mereka. Jadi tujuan saya ialah apabila kita membuat belanjawan begini kita menggerakkan masyarakat kita untuk berdikari dan bekerja dan hasil daripada kerja

tersebut mereka mendapat apa yang dipanggil balasan ataupun pampasan daripada sumber tersebut. Dengan lain perkataan tidak ada yang percuma tetapi mestilah kita menggerakkan diri kita untuk mendapatkan subsidi dan usaha tersebut.

Jadi kalau itu berlaku, kalau itu dapat kita lakukan saya percaya produktiviti negara kita akan meningkat dan tidak ada tambahan apa yang dipanggil belanjawan yang baharu tetapi menggalakkan mereka yang menerima subsidi dan BR1M untuk dapat meningkatkan kerjaya mereka.

Perkara yang kedua hendak saya bangkitkan ialah saya juga dapati walaupun belanjawan ini menegaskan tentang apa yang dipanggil menolong masyarakat B40 tetapi apa yang kita lihat ialah jurang pendapatan yang kita dapati sekarang ialah sangat meluas iaitu jurang pendapatan mereka-mereka yang mendapat pendapatan yang rendah adalah ramai dan menguasai hanya sedikit sahaja jumlah kekayaan negara.

Jadi belanjawan yang kita mesti buat ialah mestilah menuju kepada asas peningkatan keupayaan supaya kita akan dapat memberikan pampasan dan hasil kepada mereka-mereka ini supaya kita akan dapat meningkatkan pendapatan seisi rumah yang lebih tinggi. Bayangkan di Kuala Lumpur di sini, walaupun pendapatan per kapita sangat tinggi – boleh jadi USD40,000 tetapi yang jelas tidak sampai 20 peratus yang menerima pendapatan 40 peratus dan ke atas. 80 peratus masih dalam keadaan yang tidak dapat melepasi ataupun melepasi sedikit sahaja paras bukan kemiskinan, paras untuk hidup yang sederhana.

#### ■1620

Jadi kita perlu memikirkan bagaimana usaha peningkatan masyarakat ini dapat digabungkan dengan produktiviti kerana permintaan untuk meningkatkan pendapatan sangat banyak. Akan tetapi untuk negara hanya membayar kerana permintaan tidak boleh – kerana kalau tidak ada di samping atau disokong oleh produktiviti. Jadi saya berharap perbincangan belanjawan ini fokus kepada bagaimana kita dapat merangsangkan ekonomi negara Malaysia dengan belanjawan yang kita ada, dengan platform yang sudah bergerak maju tetapi dapat meneruskan usaha supaya peningkatan ekonomi kita akan menghasilkan pulangan yang lebih adil dan lebih saksama kepada semua rakyat Malaysia.

Jadi itulah kenyataan saya mengenai bajet tersebut. Saya rasa kita mestilah bekerja untuk menentukan pembangunan negara kita lebih mampan dan lebih bergerak maju lagi. Terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Tenom.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pokok Sena ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Batu Sapi. Yang Berhormat Batu Sapi.



**4.22 ptg.**

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, nanti dulu saya habiskan.

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]:** *Sorry.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalah saya Ahli-ahli Yang Berhormat ialah apabila senarai diberi kepada kami di sini, nama-nama sudah disenaraikan. Kemudian apabila dipanggil Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tidak ada. Jadi masalahnya ialah apabila nama itu dipanggil dia tidak ada, adakah nama itu akan diletakkan kepada senarai berikutnya ataupun terpaksa menunggu lagi giliran? Sila Yang Berhormat Batu Sapi.

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada 27 Oktober 2017 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak telah membentangkan Bajet 2018 di Dewan yang mulia ini dan mencadangkan jumlah peruntukan sebanyak RM280.25 bilion. Belanjawan ini bertemakan, "*Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi Transformasi Nasional 50*".

Saya menyokong penuh Bajet 2018 ini yang berasaskan kepada lapan pe-tunjang. Walau bagaimanapun, di sini saya ingin memberi sedikit ulasan dan cadangan berkaitan dengan Bajet 2018 yang telah dibentangkan khususnya dengan merujuk kepada pandangan dari segi negeri Sabah dan kawasan yang saya wakili iaitu kawasan Batu Sapi, di kawasan Perbandaran Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh langkah positif pelaburan yang berimpak tinggi. Saya mencadangkan satu bidang yang berpotensi menjana kekayaan untuk negara yang patut dititikberatkan iaitu bioteknologi yang menggunakan kepelbagaian biologi yang sangat tinggi, yang sedia ada di negara kita. Lebih banyak sumber kewangan, sokongan dan insentif lain patut diberikan kepada industri bioteknologi untuk memajukan industri ini yang berpotensi mendatangkan manfaat kepada negara. Sehubungan ini, saya ingin mencadangkan negeri Sabah terutama Pusat Biodiversiti Sabah, jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan serta pihak swasta diberikan lebih banyak penggalakan untuk memajukan bidang bioteknologi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha kerajaan untuk mengukuhkan perusahaan kecil dan sederhana. Berbanding dengan Semenanjung Malaysia, industri kecil dan sederhana di Sabah masih kurang maju. Oleh sebab itu, saya menggesa Sabah diberikan perhatian khas dalam semua skim pinjaman, pembiayaan mikro dan galakan lain. Beberapa organisasi yang mengurus kawasan perindustrian di Sabah seperti *Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP)* dengan izin, *Palm Oil Industrial Cluster (POIC)* dengan izin, di kawasan Batu Sapi dan Lahad Datu dan *Sabah Agro Industrial Precinct (SAIP)*

dengan izin, memerlukan banyak sokongan dan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk mencapai objektif organisasi-organisasi ini untuk menggalakkan industri tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan usaha untuk menggalakkan pertanian, saya meminta Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi memberi perhatian kepada Sabah yang masih sangat bergantung kepada pertanian, perladangan dan perhutanan. Saya juga ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa ramai majikan telah mengadu kepada saya bahawa prosedur untuk mengupah dan menjamin pekerja asing untuk bekerja di sektor pertanian, perhutanan dan pembinaan serta sektor ekonomi lain di Sabah terlalu rumit dan mahal. Ini telah menjejaskan pembangunan ekonomi di Sabah. Saya memohon kepada Kerajaan Persekutuan agar dapat membuat kajian dan mencari jalan untuk meringkaskan dan memudahkan prosedur dan juga meringankan beban kewangan para majikan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan usaha untuk memajukan sektor pelancongan, di sini saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa industri pelancongan di kawasan Perbandaran Sandakan masih sangat lembap disebabkan oleh pengawalan penculikan yang dianggap kurang berkesan oleh ramai pelawat. Justeru itu, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri dan ESSCOM mencari jalan untuk meyakinkan pelawat bahawa perairan Pantai Timur adalah selamat. Saya juga memohon kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk mempertingkatkan promosi produk-produk pelancongan di Pantai Timur Sabah termasuk kawasan di sekitar Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor logistik adalah sektor yang sangat penting untuk memajukan ekonomi sesuatu tempat. Berbanding dengan Semenanjung Malaysia, rangkaian pengangkutan darat jauh ketinggalan di Sabah. Di sini saya menggesa sekali lagi supaya Kerajaan Persekutuan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk merancang dan membangunkan rangkaian kereta api untuk menghubungkan semua bandar utama di Sabah. Saya juga telah menerima aduan bahawa jalan raya yang menghubungkan Sandakan ke Kota Kinabalu melalui Telupid telah mengalami banyak kerosakan dengan lubang-lubang besar yang membahayakan. Saya memohon Kementerian Kerja Raya memberi perhatian kepada jalan rosak ini.

#### ■1630

Sehubungan dengan ini juga, saya ingin meminta Kementerian Pengangkutan membantu dalam mengatasi masalah pemendapan di Pelabuhan Sandakan yang mengesahkan kapal besar berlabuh di pelabuhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan usaha untuk meningkatkan kecekapan dan penyampaian GLC atau *government-linked companies*, dengan izin dan penjawat awam, sekali lagi saya memohon kepada kerajaan supaya membangunkan sebuah Pusat

Transformasi Bandar di Sandakan dengan seberapa segera untuk menyediakan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap di kawasan perbandaran Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah tadi beberapa cadangan dan ulasan tentang Bajet 2018. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin menyatakan sokongan penuh kepada Belanjawan 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan dengan ini saya menamatkan ucapan perbahasan saya ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Batu Kawan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**4.31 ptg.**

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang untuk Batu Kawan mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kini tinggal 33 tahun sebelum menjadi sebuah negara yang maju pada tahun 2050 mengikut rancangan Transformasi Nasional 2050. Pada tahun 2050, negara Malaysia akan menyambut Hari Kebangsaan yang ke-93. Adakah perlu sesebuah negara yang diperintah di bawah sebuah kerajaan yang sama sejak kemerdekaan 60 tahun yang lalu memerlukan hampir satu kurun, 100 tahun, untuk merealisasikan sebuah negara yang maju bukan sahaja dari segi infrastruktur yang bertaraf antarabangsa.

Akan tetapi dari segi kemaslahatan ekonomi, perpaduan di antara kaum dan agama, kerajaan yang bersih, *accountable* dan *transparent*, institusi kerajaan yang bebas dari campur tangan politik, sistem kehakiman yang tersohor, kewarganegaraan untuk yang lahir di Malaysia, sistem pendidikan yang menjadi tarikan dunia, perlindungan untuk kanak-kanak, rumah mampu milik yang benar-benar dapat dimiliki, jalinan sistem pengangkutan untuk rakyat dan bukan untuk kroni, taraf perkhidmatan kesihatan yang masyhur, pembangunan di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak, dan perlindungan hak-hak orang asal.

Komitmen wanita diberikan ruang, peluang dan hak yang sama dalam struktur penggajian, *women in decision making position*, dengan izin dan perlindungan dari menjadi mangsa keganasan rumah tangga dan keganasan seksual dan akhirnya menjadi sebuah negara yang menjunjung demokrasi, kesamarataan, kebebasan, keadilan dan hak asasi manusia serta semua prinsip kedaulatan undang-undang dipegang utuh bersama apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan? Akan tetapi, negara Malaysia terkenal dengan negara kerajaan kleptokrasi yang jika tidak dibendung akan membawa musibah yang lebih besar ke atas negara yang kami semua cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, namun, selepas 60 tahun rakyat Malaysia berdepan dengan satu keadaan yang tidak tentu arah, selepas 60 tahun masih ditabur janji-janji untuk pembangunan infrastruktur tetapi tidak dilihat atau kedengaran pembangunan insaniah dan moral atau dengan izin, *human development*.

Tuan Yang di-Pertua, yang peliknya, Belanjawan 2018 yang jumlahnya lebih RM282 bilion menunjukkan agihan untuk pengurusan sebanyak RM234 bilion jauh lebih tinggi daripada apa yang telah diagihkan untuk pembangunan iaitu RM48 bilion. Bagaimana kerajaan bercadang untuk membangunkan negara ini apabila peruntukan pembangunan masih kekal 17 peratus jauh ketinggalan daripada apa yang diperuntukkan untuk *maintain* atau menguruskan negara ini sebanyak 83 peratus? Bukankah perlu peruntukan pembangunan dinaikkan agar negara yang membangun ini berada di landasan yang betul menjadi sebuah negara yang progresif dan bukannya negara yang ekonominya lembap atau mendarat?

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2018 ini haruslah wujud seiring dengan pembaharuan politik serta reformasi sistem yang sedia ada. Tidak ada di mana-mana dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada hari pembentangan Belanjawan mengenai pembaharuan Parlimen. Selepas 60 tahun, Parlimen Malaysia masih tiada *standing committee* bagi isu-isu yang benar-benar perlu diberikan kepentingan. Apa yang kita adalah lima jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, Jawatankuasa Dewan dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini memang perlu untuk Parlimen berfungsi sebagai satu struktur berdemokratik di mana kerajaan adalah *accountable* kepada Parlimen dan bukannya Parlimen yang *accountable* kepada kerajaan. Selain daripada kokus yang wujud, ada lah kokus yang ditubuhkan di atas inisiatif Ahli Parlimen atau mengikut trend isu-isu semasa. Sebagai contoh, Kokus Wanita, Kokus TPPA dan sebagainya. Malangnya, tiada jawatankuasa tetap untuk hak asasi manusia, pemansuhan hukuman gantung, kebebasan agama dan kepercayaan, hal ehwal wanita, pengangkutan, perumahan, pendidikan, kesihatan, kerajaan tempatan dan sebagainya.

Negara-negara yang dianggap sebagai negara dunia ketiga seperti Kenya dan Uganda, negara-negara Komanwel mempunyai pelbagai jawatankuasa tetap dalam Parlimen mereka untuk mengkaji dan memperhalusi pindaan rang undang-undang dengan golongan pakar, para akademik, bekas Peguam Negara, bekas peguam, bekas Ketua Polis Negara, bekas hakim, aktivis, NGO dan sebagainya supaya Ahli-ahli Parlimen dapat menghayati sesuatu subjek dengan baik dan menyeluruh sebelum membahaskannya dan bukannya hanya taklimat yang diberikan untuk sesetengah Ahli Parlimen sahaja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar Jabatan Perdana Menteri akan berusaha untuk merealisasikan impian untuk menjadi *World Class Parliament* dengan

penubuhan *all parties Parliamentary Standing Committee* atau *Select Committee* seiring dengan Kementerian dan agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, wujud lebih 1,200 orang yang sedang berdepan dengan hukuman gantung sampai mati di penjara Malaysia. Lebih 600 daripada mereka ini adalah warganegara dan selebihnya adalah warganegara asing. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan besar penjenayah-penjenayah yang dihadapkan dengan hukuman mati berkaitan dengan jenayah-jenayah pengedaran dadah. Sebuah negara yang progresif perlu lebih fokus untuk memerangi jenayah dadah daripada melaksanakan hukuman gantung sebab statistik telah menunjukkan dalam beberapa tahun ini, ada peningkatan dalam bilangan-bilangan penjenayah banduan yang menghadapi hukuman gantung sampai mati walaupun negara kita ini ada melaksanakan hukuman gantung mandatori bagi, dengan izin, *drug related offences*.

Maka, saya menyeru di sini agar pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya yang membawa hukuman gantung mandatori dipinda dan diberikan kuasa budi bicara dengan izin, *discretionary powers back to the court*, agar para hakim boleh membuat keputusan berdasarkan bukti-bukti dalam kes tersebut berbanding dengan situasi sekarang di mana *burden of proof* adalah di atas si tertuduh dan si tertuduh ada dalam penjara. Jadi, saya harap kerajaan akan melihat serius isu ini walaupun telah diberikan banyak janji dan telah masuk dalam Kabinet. Pada apa yang saya baca, Kabinet pun telah bersetuju. Sekarang tunggu Yang Berhormat Menteri membawa dan bentangkan ia dalam Parlimen di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan kemalangan jalan raya atas Jalan-jalan Persekutuan mahupun jalan negeri dan jalan kampung kian meningkat dengan kematian hampir 20 orang dalam seminggu minggu lepas. Kematian di Lebuhraya PLUS melalui Bukit Tambun ke Juru yang kebetulan melalui kawasan Parlimen Batu Kawan telah mengambil lapan nyawa. Kemalangan di Kampar-Tapah seramai sembilan yang telah korban dan juga kemalangan di Lebuhraya PLUS melalui Seremban yang melibatkan dua orang suami isteri yang telah terkorban. Semua ini dalam satu jangka masa yang begitu pendek. Kami semua mengucapkan takziah di atas kehilangan nyawa disebabkan kemalangan jalan raya di tempat-tempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, Menteri Pengangkutan hanya telah mengeluarkan kenyataan untuk mengarahkan MIROS untuk menyiasat kemalangan jalan raya di Pulau Pinang tetapi dengan izin, *it is a shame that until now there is no Royal Commission of Inquiry to investigate the death on Malaysian road*. Tuan Yang di-Pertua, mengapa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja tidak ditubuhkan untuk mengenal pasti punca-punca atau apakah tindakan yang sewajarnya yang boleh diambilkan denda oleh pihak kerajaan, Kementerian Pengangkutan mahupun SPAD ke atas pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini?

Saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada semua yang ada di Dewan yang mulia ini, berapa nyawa lagi perlu melayang sebelum kerajaan dan Kementerian Pengangkutan mengambil serius perkara ini? Saya menggesa Kementerian Pengangkutan menubuhkan satu *Royal Commission of Inquiry* untuk menyelidik mengapa kemalangan-kemalangan ini berlaku dengan kadar yang begitu kerap sekali.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, isu kewarganegaraan di Malaysia sering kali disebut di Dewan Rakyat ini oleh ramai Ahli Parlimen di sini. Satu persoalan, mengapa ada warga asing seperti Dr. Zakir Naik, seorang yang *wanted* untuk jenayah komersial dan juga membawa anasir-anasir serta idea pengganas yang menggugat *maqasid syariah* di Malaysia ini diberikan taraf pemastautin tetap berdasarkan apa yang telah dikeluarkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri pada bulan April tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, bilangan permohonan kewarganegaraan yang dalam proses, bilangan yang telah ditolak, bilangan yang berjaya diberikan kad pengenalan biru ini. Akan tetapi jawapan yang saya terima tidak memuaskan. Saya tidak boleh menggunakan statistik ini untuk bertanya lebih soalan kepada KDN yang boleh menambah baikkan sistem pemberian kad pengenalan biru ini kepada golongan yang benar-benar layak untuk menerimanya. Contohnya, warganegara Malaysia yang lahir di sini dan dibesarkan di rumah anak yatim, mereka tidak ada dokumen untuk membuktikan bahawa mereka benar-benar lahir di sini. Mungkin sijil kelahiran mereka terbakar atau hancur atau *it was destroyed in a flood*.

Jadi, dalam kes-kes macam ini, saya minta KDN menggunakan budi bicara yang ada, kementerian, dengan izin, *with a stroke of a pen that he can give all the citizenship* kepada warganegara yang lahir di sini. Tuan Yang di-Pertua, mengapa masih ada lagi kanak-kanak yang tidak diberikan kad pengenalan biru untuk mereka melanjutkan pengajian mereka daripada alam persekolahan ke alam universiti dan kolej? Kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan akan membesar menjadi remaja yang tiada pengenalan diri dan menjadi dewasa yang tiada IC biru. Dapatkah mereka membuka akaun bank? Menerima bantuan zakat, menerima bantuan JKM, layak untuk menerima BR1M, layak untuk mendapat PTPTN, memohon untuk lesen memandu dan menjadi penuntut di universiti di sini? Saya ingin mendapat penjelasan dan jawapan daripada kementerian, apakah langkah-langkah untuk membantu golongan seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa 2018 merupakan *the year to empower women*, dengan izin, saya ingin mendapat penjelasan mengenai inisiatif berhubung usaha oleh kerajaan untuk memperkasakan atau memperdayakan wanita. Saya rasa pelik dan sedikit lawak apabila Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Pekan memukul gendang dengan janji-janji dan arahan 30 peratus daripada lembaga pengarah dalam GLC, GLIC dan *statutory bodies* mestilah diperuntukkan wanita yang memegang jawatan tersebut. Pelik dan lawak kerana Perdana

Menteri sendiri menganugerahkan jawatan Pengerusi *Womens Innovation Academy* kepada diri dia sendiri yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri bersama dengan Datuk Lim Kok Wing sebagai timbalan pengerusi akademi ini.

Bagaimana hendak merealisasikan 30 peratus wanita dalam *decision making position* kalau Perdana Menteri sendiri sebagai mantan Menteri Wanita memegang jawatan Pengerusi *Womens Innovation Academy*. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk Kementerian Wanita melihat kenaikan secara keseluruhan daripada RM1.97 bilion kepada RM2.2 bilion daripada 2017 kepada 2018, anggaran kenaikan. Namun, apa yang merisaukan adalah penurunan dalam peruntukan pembangunan wanita.

Daripada RM230 juta kepada RM189 juta, sebanyak RM41 juta dipotong daripada peruntukan pembangunan wanita. Bagaimana impian memartabatkan dan memperkasakan wanita dapat dicapai sekiranya wang pembangunan dipotong? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin perincian bagaimana kerajaan berhasrat juga untuk mengimplementasikan cuti bersalin 90 hari kepada para ibu dalam sektor swasta memandangkan tiada lagi kedengaran pindaan kepada rang undang-undang *Labor Law* atau *Employment Act*.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, inisiatif kerajaan untuk membina sebuah hospital di Bangladesh untuk pelarian Rohingya adalah satu langkah yang mulia untuk membantu mangsa-mangsa *ethnic cleansing* itu. Namun, saya terkilan kerana keperluan sebuah hospital di Batu Kawan sudah saya bangkitkan banyak kali di Dewan yang mulia ini sejak 2013. Sekiranya kerajaan tidak memberikan kepentingan kepada keperluan perkhidmatan rawatan dan kesihatan bagi rakyat Malaysia sendiri, maka tiada erti satu belanjawan yang *mother of all budgets*. Ramai pesakit tidak menjalani ujian darah yang asas yang biasanya diperiksa setiap bulan, sekarang tiga bulan sekali. *Queue* untuk *waiting list*, *scan MRI* atau *angiogram* pun terpaksa tunggu enam bulan sekurang-kurangnya kerana bilangan mesin *CT scan* tidak mencukupi dan yang ada tidak berfungsi.

Tuan Yang di-Pertua, budaya pemusatan semua pesakit di hospital-hospital berpakar akan mengakibatkan ramai pesakit, terutama sekali warga emas, bertolak dari rumah mereka seawal 4.30 pagi untuk sampai di hospital. Contohnya, di Hospital Seberang Jaya ataupun di Hospital Bukit Mertajam, untuk sampai di sana pukul 5 pagi walaupun kaunter dibuka pukul 7, 7.30 atau 8. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan akan melihat keperluan sebuah hospital di Batu Kawan memandangkan ada peruntukan tanah Kerajaan Persekutuan di kawasan Parlimen Batu Kawan untuk tujuan pembinaan sebuah hospital baru di sana. Apa yang saya dengar adalah penambahbaikan Hospital Daerah Sungai Bakap yang terletak luar daripada kawasan Parlimen Batu Kawan tetapi Tuan Yang di-Pertua, tempat itu adalah sangat sesak. Jalan-jalannya adalah kecil, tiada tempat untuk menambah baik atau membina blok baru di tempat yang begitu kecil dan begitu ketat.

Jadi, saya memohon agar Kementerian Kesihatan memberi pertimbangan yang sewajarnya mengikut keperluan masyarakat. Oleh sebab anjakan ataupun anggaran populasi penduduk Batu Kawan dalam tiga tahun lagi akan mencecah lebih 200,000 orang. Bagaimana pesakit-pesakit akan *travel* daripada Batu Kawan ke Sungai Bakap atau Bukit Mertajam atau Hospital Seberang Jaya dan lebih teruk, melalui Jambatan Pulau Pinang untuk ke Hospital Pulau Pinang. Jaraknya adalah jauh dan ada kemungkinan besar ada jem di atas jalan-jalan tersebut. Jadi, untuk supaya kita melihat isu ini daripada secara holistik, saya mohon keperluan satu hospital baru, hospital besar di Batu Kawan dan kementerian segerakan permohonan saya ini untuk membina hospital tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, *recipe for disaster* jika sebuah kerajaan tidak memberikan kepentingan kepada pendidikan kerana pelaburan ini akan menjamin anak-anak kita membesar menjadi remaja dan dewasa yang baik. SJKT Sungai Bakap yang dalam keadaan daif kini menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Memang adalah tanggungjawab kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk membantu mana-mana sekolah yang memerlukan bantuan. Namun, apa yang diperlukan adalah sebuah sekolah baru daripada *cut and paste* bagi mana-mana sekolah. Tuan Yang di-Pertua, walaupun agihan untuk sekolah Tamil berjumlah RM50 juta untuk tahun depan seperti tahun sebelumnya diperuntukkan, namun saya tidak faham mengapa kerajaan masih lagi melengahkan pembinaan sekolah baru ini yang telah diluluskan pada tahun 2012.

Pada tahun 2014, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Hulu Selangor telah mengeluarkan satu kenyataan dalam media mengatakan Putrajaya sedang mengenal pasti kontraktor-kontraktor India dan kerja-kerja pembersihan untuk tanah tersebut, untuk pembinaan sekolah baru akan diadakan bermula tahun 2014 bulan Julai. Akan tetapi sehingga hari ini, dengan pemindahan ke tempat yang lain, satu lot untuk pembinaan sekolah tersebut di tempat yang lain, *we are back to square one and the children are studying in a very dangerous situation*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar kementerian mengambil serius dan mengetepikan pendirian politik mereka. Walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah kerajaan di sana, Kementerian Pendidikan haruslah mengambil tanggungjawab dan inisiatif untuk membina sebuah sekolah baru bagi penuntut-penuntut, pelajar-pelajar yang kini sedang belajar di SKJT Sungai Bakap.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting untuk kerajaan serius untuk memaparkan dirinya sebagai negara yang progresif dan bukannya diambil alih oleh golongan yang berjawatan tinggi yang memaksikan idea radikal dan ekstremis ke dalam polisi-polisi dan pendirian kerajaan yang dilihat dalam isu *Beer Fest*, penculikan Pastor Raymond Ko, dengan izin, *deportation of Mustafa Akyol*, penulis dan cendekiawan yang beragama Islam tersohor. Ancaman golongan-golongan ini terhadap kaum-kaum lain di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah status Akta Diskriminasi yang telah dahulu dibincangkan oleh Kabinet? Akta *Race Relations Act*, dengan izin serta *Private Member's*



*Bill* yang telah dimasukkan oleh rakan saya, abang saya, Yang Berhormat Parit Buntar iaitu Rang undang-undang Jenayah Kebencian Kaum dan Agama, Rang undang-undang Kesaksamaan dan Rang undang-undang Suruhanjaya Keharmonian Nasional.

■1650

Malaysia hanya boleh diselamatkan dengan satu pertukaran Kerajaan Persekutuan yang boleh menghapuskan imej *kleptokrasi* ini. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa isu ini kepada Dewan yang mulia ini, hari ini baru berlaku ada satu kes seorang guru daripada sekolah di Selangor, sekolah Tamil. Beliau telah dalam satu perbualan telefon, telah minta ibu kepada seorang pelajar untuk perhubungan sulit di antara mereka dan walaupun ada perbualan tersebut *viral* dalam *WhatsApp*, Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah memutuskan bahawa guru ini menghadapi sakit mental tanpa apa-apa penyiasatan, tanpa apa-apa *report* daripada doktor.

Beliau juga, guru ini juga telah melepaskan jawatan sebagai pemimpin MIC di kawasan tersebut dan saya ingin bertanya di dalam Dewan yang mulia ini, dengan *citizen's arrest*, prinsip *citizen's arrest*, saya mohon IGP mengambil tindakan terhadap guru ini yang telah dengan izin, *he has conversed with the mother and he tried to cooks the daughter of the mother to have this sexual relationship with him*, seorang guru.

Saya ingin tahu apakah status guru ini, adakah guru ini masih lagi mengajar di SJKT tersebut ataupun telah *disuspend* supaya satu penyiasatan dapat dimulakan secepat mungkin dan saya khuatir akan ada tangan-tangan ghaib, anasir-anasir daripada Menteri-menteri atau orang-orang politik untuk menyelamatkan seorang penjenayah yang ada di kalangan murid-murid ini.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya ini, saya menolak Belanjawan 2018 dan saya ingin memberitahu di sini *for evil to triumph is when good man and women do nothing*. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom.

**4.52 ptg.**

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** *Alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, turut memberi peluang pada saya dalam perbahasan bajet pada tahun 2018, yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah membentangkan perbelanjaan bajet ini pada Jumaat yang lalu, yang mana sebanyak RM280.25 bilion telah dibentangkan yang mana telah dibahagikan kepada belanja mengurus sebanyak RM234.25 bilion dan juga belanja pembangunan sebanyak RM4.6 bilion.

Lebih menariknya Tuan Yang di-Pertua, bagi Sabah dan Sarawak, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM6.5 bilion dalam perbelanjaan untuk tahun hadapan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya untuk meneruskan perbahasan saya, saya ingin memberi

satu perspektif kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk memahami isi hati kami sebagai rakyat negeri Sabah yang telah sama-sama dengan negeri-negeri di Semenanjung dan juga Sarawak untuk membentuk negara Malaysia yang tercinta ini.

Kita bersyukur kerana kita telah diberi kesempatan dan peluang oleh Tuhan Yang Maha Esa untuk kita bernafas di muka bumi ini dengan izin, *one life time*. Kita sedia maklum, panjang umur kita adalah berbeza-beza mengikut kesempatan hidup yang telah diizinkan oleh Tuhan. Ada yang boleh menjangkau selama 90 tahun lebih dan ada pula di bawah 50 tahun. Bagi rakyat Sabah yang lahir semasa dalam pembentukan Malaysia 1963, umur mereka sudah mencecah 54 tahun.

Buat masa ini mereka sudah hampir mencapai umur bersara dari perjawatan serta tinggal beberapa tahun lagi akan menuju penghujung ayat mereka. Setiap manusia di bumi tercinta ini, Malaysia mempunyai hak untuk satu hidup yang aman, bahagia dan juga bermakna. Mereka juga berhak diberi peluang untuk mempertingkatkan diri mereka, merealisasikan kebolehan masing-masing dan untuk maju ke hadapan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan I membentangkan bajet untuk tahun hadapan, beliau ada menyebut tentang peluang-peluang yang tersedia dari infrastruktur ekonomi digital yang sedang dibina dari kerjasama yang telah dimeterai dengan alibaba.com. Berbilion ringgit telah dibelanjakan dan masih terus diperuntukkan dalam Bajet 2018 kepada Suruhanjaya Multimedia (MCMC) untuk tujuan ini.

Kami bersyukur mendapat RM1 bilion peruntukan daripada bajet tahun hadapan untuk membangunkan infrastruktur komunikasi dan juga kemudahan jalur lebar bagi Sabah dan juga Sarawak. Saya tertanya-tanya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana peluang-peluang sedemikian ini dapat dirasai oleh rakyat Sabah dan juga Sarawak, jika di kebanyakan tempat khususnya di kampung-kampung, di luar bandar, kemudahan asas seperti elektrik, jalan raya dan juga telefon masih belum ada.

Jauh sekali untuk menggunakan kemudahan internet, *broadband*, WiFi dan lain-lain lagi. Bagi memastikan semua rakyat dapat menggunakan peluang ekonomi digital ini, kemudahan asas dan kemudahan logistik perlu tersedia terlebih dahulu. Tuan Yang di-Pertua, selama 54 tahun kehidupan ataupun satu *life time* dengan izin, rakyat Sabah dan juga rakyat Sarawak menunggu untuk dilaksanakan pelbagai perkara-perkara yang telah dipersetujui, yang telah dinyatakan dalam Perjanjian Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dan juga butiran-butiran lain di dalam dokumen rasmi seperti *Intergovernmental Community* (IGC) dengan izin, dalam pembentukan Malaysia.

Ada tiga perkara pokok, pada pandangan saya yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk membolehkan rakyat Sabah mengecapi hak kehidupan yang aman bahagia, betul-betul sempurna, bukan Semporna dan berupaya mengejar peluang yang ada.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, perkara 2(1), Bahagian V di dalam Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan, jelas menyatakan Sabah berhak untuk menerima 40 peratus daripada *net revenue*, dengan izin atau perolehan bersih yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan daripada Kerajaan Negeri Sabah. Ini meliputi pelbagai cukai seperti GST, cukai kastam dan juga cukai pendapatan yang diterima daripada negeri Sabah.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, hak royalti minyak yang merupakan sebahagian daripada klausa-klausa perlembagaan berhubung hak Sabah dan juga Sarawak kepada semua hasil galian termasuklah petroleum. Walaupun perkara 110(3B) Perlembagaan Persekutuan memberi hak kepada Parlimen untuk menahan mana-mana negeri untuk mengenakan royalti berhubung hasil galian dari negeri-negeri berkenaan. Perkara 112C(4), tidak menahan Sabah dan Sarawak untuk mengenakan royalti sebanyak 10 peratus dan Parlimen tidak ada kuasa untuk mengubah peruntukan ini.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, berhubung kait dengan minyak dan juga hasil galian. Ia adalah dengan izin, *territorial right* atau hak bersempadan Sabah dan Sarawak dalam hal-hal maritim. Hak maritim bagi negeri-negeri di Semenanjung, terikat persempadanan yang telah ditetapkan ketika pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. Ia berbeza untuk Sabah dan Sarawak, yang mana hak persempadanan atau *territorial right* dalam hal maritim tersebut telah ditetapkan sebelum pembentukan Malaysia.

Hak ini juga tidak boleh diubah dalam Parlimen tanpa persetujuan daripada negeri Sabah dan juga Sarawak. Ia lebih terserlah dengan pengisytiharan tamat darurat dan pembatalan Ordinan Darurat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2011. Justeru dengan pembatalan Ordinan Darurat maka apa-apa jua undang-undang yang telah digubal ketika ordinan ini dikuatkuasakan akan terhapus dalam tempoh enam bulan selepas ordinan tersebut dibatalkan. Ini kerana perkara-perkara yang melibatkan apa-apa persempadanan tanah bagi negeri Sabah dan Sarawak adalah terkandung dalam Ordinan Tanah Sabah dan juga Ordinan Tanah Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih tetap bermurah hati untuk memastikan bajet untuk pembinaan infrastruktur dan juga kemudahan asas untuk rakyat Sabah dan Sarawak tetap diteruskan. RM2 bilion untuk peruntukan Lebuhraya Pan-Borneo, RM500 juta untuk projek-projek luar bandar, RM620 juta untuk bekalan elektrik, RM300 juta untuk bekalan air bersih dan banyak lagi yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Walaupun kenyataan Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Dato' Mohd. Azam Baki pada akhbar yang lalu yang mana telah memberitahu bahawa sebanyak RM1.5 bilion, yang mana berlakunya ketirisan dalam bajet Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW) untuk Sabah sebanyak RM7.5 bilion bagi tahun 2009 hingga 2015.

Yang Amat Berhormat Pekan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak luntur semangat dan masih istiqamah dalam usahanya untuk membangunkan infrastruktur Sabah dan juga Sarawak agar setaraf dengan Semenanjung. Saya sangat berterima kasih

dan bersyukur kita ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pemimpin yang begitu peka dan menjiwai kesusahan rakyat-rakyat di kampung dan juga di kawasan-kawasan pedalaman.

■1700

Tidaklah seperti khabar palsu yang mana telah diuar-uarkan oleh pihak pembangkang untuk mengelirukan hal sebenar. Namun saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, sama ada perhitungan bajet ini telah diambil kira tiga perkara pokok yang telah saya sebutkan tadi dan merupakan hak rakyat Sabah untuk mengecapi kehidupan yang telah dijanjikan dalam *one life time* ini dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak melupakan akan hak-hak rakyat Sabah dan juga rakyat di Sarawak, malah beliau begitu prihatin dan juga komited untuk memastikan pelaksanaan ini tercapai.

Beliau telah mengambil inisiatif dan usaha yang tidak pernah dilakukan oleh pentadbiran sebelum ini. Sebelum ini oleh Perdana Menteri-perdana menteri yang lalu untuk menubuhkan satu jawatankuasa kabinet yang mana ianya berhubung dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 yang telah diketuai oleh Yang Berhormat Kimanis dan juga Yang Berhormat Batang Sadong. Usaha ini telah lama dilakukan dan ia satu proses yang kompleks yang perlu mengambil kira faktor-faktor sejarah, perundangan dan juga pentadbiran untuk memperbetulkan yang lepas dan mengambil kira realiti semasa. Tanggungjawab ini memerlukan fikiran dan tindakan yang ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, ketika saya bertugas sebagai penjawat awam dulu di sebuah daerah kecil Kemabong, saya dapat lihat kemajuan tidak boleh dilakukan secara terburu-buru dan emosi tetapi ianya dilakukan dengan begitu tersusun serta sistematik dan juga berimpak. Ia bukan seperti propaganda yang pernah saya dengar yang telah didendangkan oleh KKLW pada ketika itu di bawah sebuah mantan Menteri yang mana telah menjanjikan untuk rakyat-rakyat di kampung-kampung pedalaman untuk menyediakan rumah, jalan raya, air dan juga elektrik termasuklah tenaga solar. Akan tetapi di banyak tempat-tempat saya Tuan Yang di-Pertua, tidak nampak kemudahan-kemudahan itu siap dibina.

Saya sendiri tidak tahu sama ada mantan Menteri tersebut tahu rumah-rumah yang telah dijanjikan sudah terbina kah, jalan rayanya sudah wujud kah dan juga air dan elektrik sudah masuk ataupun belum. Selama ini dia memberitahu kita akan pelbagai pencapaian tetapi KPI yang diuar-uarkan adalah palsu belaka Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan ada, kontraktor ada, projek dianugerahkan dan khabarnya kontraktor dapat bayaran tetapi tiada apa yang saya nampak berlaku di bawah, semuanya dengan izin hanya *on paper* Tuan Yang di-Pertua. Ada projek di lapangan, tiada jalan raya, air, elektrik dan juga rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili rakyat Tenom, saya memahami kawasan saya. Saya melihat, saya ingin berkongsi dengan Tuan Yang di-Pertua, ada pelaksanaan projek-projek seperti bekalan air di tempat saya di sebuah kampung.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Yang di-Pertua, nanti Yang Berhormat Libaran, bagi saya habis poin ini. Ada paip dibina berulang kali dibina tetapi tidak ada air. Ada satu kampung Tuan Yang di-Pertua di Pekukun nama tempat itu, sehingga saya mendapati ada empat batang paip tetapi satu batang paip pun tidak ada air Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun juga saya ulangi dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali. Saya fikir sudah banyak kali saya melihat dan saya membawa perhatian kepada pihak kerajaan pada ketika itu mantan Menteri KKLW tetapi tidak diendahkan. Saya melawat sendiri kampung-kampung yang terlibat, permasalahan penduduk kampung berkaitan, ketiadaan bekalan air paip walhal mereka mempunyai meter-meter air berbayar. Kelihatan papan tanda projek bekalan air luar bandar oleh KKLW sedang dilaksanakan namun setelah projek tersebut siap dilaksanakan malah bekalan air bersih tetap menjadi isu kepada penduduk di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua.

Saya sendiri pernah melalui satu kejadian Tuan Yang di-Pertua, pengalaman saya sebagai penjawat awam di mana pada ketika itu kami melawat sebuah kampung yang terletak jauh di pedalaman. Di mana pada ketika itu terdapat seorang ibu yang ingin melahirkan anak tetapi pada ketika itu keadaan begitu teruk sekali Tuan Yang di-Pertua. Jalan raya begitu teruk sehingga tidak dapat membawa ibu untuk melahirkan di hospital sehinggakan bidan kampung tersebut terpaksa memilih antara ibu dan juga anak.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman-pengalaman ini membuat saya memberi sokongan penuh yang tidak berbelah bahagi kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Zulkifli Ahmad yang berani dan bersungguh-sungguh untuk menyiasat dan mendakwa mereka yang telah mengabaikan tanggungjawab dan juga menyalahgunakan kuasa hingga rakyat miskin teraniaya. Malah SPRM sepatutnya bukan sahaja mendakwa pesalah-pesalah tetapi ambil balik wang-wang yang telah diambil.

Walaupun bajet masih diberikan untuk membina kemudahan asas di Sabah dan Sarawak, SPRM patut cari balik wang sebanyak RM1.5 bilion yang telah hilang serta ditiris darah keringat rakyat. Jangan sesekali dihalalkan rompakan terhadap rakyat miskin yang sama beratnya dosa mencuri harta anak yatim yang dikutuk oleh semua agama. Terorisme adalah satu jenayah kepada negara, merompak peruntukan untuk rakyat miskin di kampung dan juga pedalaman adalah juga satu jenayah rakyat yang layak disamakan sebagai salah satu penjenayah *terrorist* kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menggesa wang yang diperolehi balik oleh SPRM diserahkan kepada kerajaan negeri untuk kerajaan negeri mengurus pembangunan infrastruktur mereka. Selalunya wang diserahkan kepada Kementerian Kewangan setelah

melalui proses perundangan. MOF harus segera kembalikan balik peruntukan yang dirompak kepada kerajaan negeri supaya kemudahan untuk rakyat yang terabai dapat dijalankan tanpa lengah-lengah lagi Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah banyak membuang masa, banyak masa kita terbuang Tuan Yang di-Pertua. Saya lebih percaya dan keupayaan kerajaan negeri untuk mengurus projek-projek untuk rakyat dan dengan lebih baik dan murah berbanding dengan ditadbir daripada orang-orang yang jauh.

Ia datang daripada pengalaman peribadi saya Tuan Yang di-Pertua di mana pada penggal yang lepas saya telah membantu melalui peruntukan kerajaan yang diberikan kepada saya untuk membekalkan solar kepada dua buah kampung yang mana terletak di jauh-jauh di dalam, menelan belanja tidak kurang daripada RM1 juta Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi apabila saya dapati di tempat saya ada juga sekolah-sekolah yang telah tidak mempunyai bekalan elektrik dibelikan tenaga solar yang menelan belanja untuk sebuah sekolah sehingga RM3 hingga RM4 juta. Projek ini telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan tetapi apa jadi Tuan Yang di-Pertua? Projek tersebut gagal dan ada di antara solar-solar tersebut telah terbakar.

Saya juga difahamkan ada pembekal solar sedia membekalkan peralatan pada kadar tiga hingga 40 kilowatt dan diberi waranti selama lima tahun. Ada projek yang sudah-projek ini sudah tujuh tahun dan masih lagi beroperasi. Seperti mana yang saya nyatakan tadi peruntukan yang telah diberikan kepada saya dan saya telah bekalkan kepada penduduk-penduduk kampung. Akan tetapi projek solar yang dikendalikan oleh pihak Kementerian KKLW di negeri Sabah yang menelan kos pada kadar 230 hingga 280 sekilowatt tetapi dalam setahun Tuan Yang di-Pertua hinggakan tidak berfungsi seperti sedia kala, bateri pun sudah *kong* Tuan Yang di-Pertua.

Kami di Sabah dan Sarawak hairan apa perlunya KKLW membuka pejabat di Sabah dan Sarawak sedangkan sebagai contoh Kerajaan Negeri Sabah juga mempunyai Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan juga JKR negeri yang mempunyai pejabat di daerah-daerah. Adakah KKLW boleh memantau projek-projek di pedalaman dengan hanya berpejabat di Kota Kinabalu? Malah agensi-agensi yang digunakan untuk mengesahkan siap projek-projek adalah agensi-agensi dalam KKLW dan bukanlah agensi yang ada berhubung kait dengan pembinaan infrastruktur awam. Jika ada arahan atas untuk suruh sahkan projek yang tidak wujud, berupaya kah pegawai-pegawai ini untuk ingkar Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak menuduh Tuan Yang di-Pertua tetapi harapan pembukaan pejabat KKLW bukan bertujuan untuk memastikan pemberian dan juga pembayaran projek-projek dapat kekal kepada kontraktor yang sedia ada bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu. Dalam sidang yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar pejabat KKLW di Sabah itu supaya ditutup kerana pembukaan cawangan ini telah dilakukan, telah melanggar semangat Perjanjian Malaysia 1963. Bukan sahaja sepatutnya KKLW disalurkan sahaja tetapi boleh juga disalurkan kepada *State Development Office* (SDO)

dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan pengurusan projek ini diurus bersama dengan kerajaan negeri. Itulah tujuan SDO diwujudkan.

Dalam ucapan mantan Menteri KKLW ini selalu dikatakan mahu tolong rakyat luar bandar, mahu tolong rakyat di pedalaman tetapi kawasan-kawasan ini tidak dapat apa-apa seperti mana yang telah dijanjikan dan rakyat ini terasa terus dianiaya.

■1710

Selama mana lagi dia harus terus berjanji dengan mendendangkan harapan palsu seperti *Sabah for Sabahan*, jika dia sendiri melanggar hak Sabah yang tertera dalam Perjanjian Malaysia 1963? Dia tidak seharusnya dinilai dengan kata-kata sahaja tetapi daripada tindakannya yang lepas. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *action speaks louder than words*. Setelah 54 tahun membangun luar bandar, kemudahan asas di kawasan-kawasan kampung pedalaman di Sabah dan juga Sarawak masih jauh lagi ketinggalan. KKLW dan kementerian sebelum ini yang menjalankan tanggungjawab hari ini bolehlah dianggap gagal. Sampai hari ini kemudahan asas untuk penduduk Sabah dan juga Sarawak masih belum menjadi kenyataan dan sama taraf dengan kemudahan asas di kebanyakan luar bandar dan juga di Semenanjung.

Kegagalan ini bukan suatu kehidupan, dengan izin, *one life time* untuk majoriti rakyat Sabah dan juga Sarawak. Kita tidak boleh lengahkan lagi dan terus melakukan sesuatu yang gagal, Tuan Yang di-Pertua. Sistem yang ada perlu diubah dan perlu diperbaiki. Serahkan tanggungjawab ini kepada kerajaan negeri untuk diurus kerana mereka yang mempunyai masa bersama-sama dengan rakyat dan memahami keluhan resah rakyat. Tidak lagi diurus secara *remote control* dari jauh daripada lapangan.

Sehubungan itu, Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya disediakan jadual dan proses implementasi hak-hak Sabah dan juga Sarawak yang telah dijanjikan dalam Perjanjian Malaysia 1963. Ia harus berlaku dalam *one life time* mereka yang lahir ketika pembentukan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri perbahasan saya pada petang ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya memberi keyakinan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memberi peruntukan yang begitu besar selama saya menjadi Ahli Parlimen ini dan saya harap peruntukan yang besar ini tidak akan disia-siakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat di luar bandar terutamanya di kawasan saya.

Jadi itu saja. Tenom mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**5.12 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mulai dengan Firman Allah, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]*

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat Bajet yang dibentangkan untuk tahun 2018 ini yang dikatakan itu segala bajet di mana bajet ini dibentangkan dalam suasana negara kita berada di ambang Pilihan Raya Umum yang ke-14, sudah tentulah kita melihat banyak gula-gula ataupun ubat penenang ataupun minyak panas seolah-olah yang disapu di sebahagian badan yang sakit untuk menenangkan sakit seketika tetapi bukan penyelesaian terhadap masalah negara yang sebenarnya. Segala imbuhan khas, bonus, pemberian, insentif yang telah diberi kita alu-alukan sebab ini adalah keperluan rakyat tetapi sayang, perkara ini jarang berlaku dan ia berlaku di saat menjelang pilihan raya. Alangkah baiknya sekiranya bajet begini dilakukan setiap tahun demi kepentingan rakyat dan negara.

Jadi saya mencadangkan— saya ingin bertanya, sejauh mana bajet yang dibentangkan ini benar-benar menyejahterakan rakyat sebagaimana tema yang telah dibentangkan iaitu demi mensejahterakan kehidupan rakyat, dan apa lagi mengimbangkan keunggulan duniawi dan ukhrawi? Sejauh mana bajet ini memberi kesan terhadap apa yang telah dinyatakan oleh Perdana Menteri? Kalau kita melihat bagaimana keadaan yang berlaku dalam negara kita, saya yakin rakyat Malaysia adalah rakyat yang cerdas. Walaupun mereka menerima BR1M, walaupun mereka menerima bonus tapi undi belum tentu kepada Barisan Nasional.

Malaysia menuju negara berpendapatan tinggi hanya tinggal dua tahun sahaja lagi, menuju tahun 2020, dengan keadaan kadar pertumbuhan ekonomi yang semakin perlahan. Walaupun dikatakan setengah di pertengahan awal tahun 2017 pertumbuhan mencecah 5.7 peratus tetapi dijangka pada tahun 2018, pertumbuhannya agak perlahan. Jadi saya ingin penjelasan, apakah ertinya pertumbuhan ekonomi yang dibanggakan sedangkan rakyat tidak mendapat manfaat ataupun merasai pertumbuhan yang dikatakan baik ini di mana rakyat terus terbeban dengan kos hidup yang mahal, kos hidup yang tinggi, barang yang mahal, kadar hutang negara yang semakin meningkat sebanyak 140 peratus dalam tempoh sembilan tahun?

Begitu juga hutang isi rumah yang semakin meningkat mencecah hampir 86 peratus daripada KDNK. Kalau kita lihat hutang negara kita sekarang ini kalau kita campur dengan tanggungan hutang yang dijamin oleh kerajaan, ia mencecah RM904.45 bilion. Begitu juga hutang isi rumah, sudah mencecah RM1.12 trilion. Ini merupakan di antara angka yang tertinggi di Asia.

Jadi kita hendaklah sedar bahawa masih ramai lagi rakyat yang dihimpit dengan kesusahan. Tidak ada erti pertumbuhan ekonomi jika tidak dapat dimanfaatkan, dirasai oleh rakyat bawahan. Akhirnya, rakyat terus berhutang dan kita lihat hari ini ada rakyat yang berhutang kerana untuk membeli makanan. Bukan saja untuk membeli rumah, malah rakyat berhutang untuk belanja sekolah anak-anak, rakyat berhutang untuk pembelian perabot. Ada yang berhutang untuk belanja kahwin.



Jadi yang sebenarnya yang dapat kepada rakyat adakah seperti yang diuar-uarkan, arah tuju kita ekonomi untuk mencapai rakyat berpendapatan tinggi pada tahun 2020 ataupun rakyat hanya dapat menikmati ekonomi bukan berpendapatan tinggi tetapi ekonomi berkos tinggi?

Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan perbahasan saya iaitu berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya mengalu-alukan pelbagai insentif yang telah disediakan oleh kerajaan untuk memperkasakan kaum wanita di mana tahun 2018 adalah tahun memperkasakan wanita.

Saya ingin penjelasan, apakah yang jadi pada lelaki dalam negara kita? Apakah program untuk memperkasakan juga kaum lelaki? Sebab, kita lihat di institusi pendidikan tinggi hari ini, penguasaan lebih daripada 70 peratus dikuasai oleh kaum wanita. Jadi saya ingin tahu, apakah program dan pelan perancangan untuk mengimbangkan, mewujudkan suasana yang ada? Sebab ini untuk masa depan negara kita.

Juga, apakah cabaran yang telah dihadapi oleh pihak kementerian untuk memastikan pencapaian penguasaan wanita 30 peratus dalam semua sektor dalam pentadbiran ataupun dalam pengurusan negara kita? Saya ingin tahu juga, apakah dengan program yang telah diluluskan oleh kerajaan iaitu cuti 90 hari kepada pekerja-pekerja wanita di sektor swasta, sejauh mana rundingan dan perbincangan yang telah dibuat oleh pihak majikan terutama sektor swasta untuk memastikan bahawa perkara ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin? Sebab, kita tidak mahu wanita didiskriminasikan gara-gara kerana peraturan ini. Jadi, kita tidak mahu kesan yang negatif kepada kaum wanita.

Begitu juga sejauh mana kerajaan memantau terhadap eksploitasi wanita dalam semua sektor yang mana kita tidak mahu wanita dijadikan alat perdagangan di setengah-setengah pihak yang tidak bertanggungjawab? Begitu juga apakah persediaan kerajaan untuk menghadapi negara tua? Sebagaimana yang dinyatakan bahawa kita menuju negara tua menjelang tahun 2030. Jadi apakah persediaan kerajaan hari ini terutama kita melihat meningkatnya usia wanita melebihi lima tahun jangka hayat kaum lelaki terutama dari sudut kesihatan, dari sudut kebajikan di usia tua?

Begitu juga saya ingin tahu apa perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan kesuburan di kalangan rakyat Malaysia? Kita tengok hari ini walaupun kita lihat banyak insentif yang disediakan untuk menggalakkan kelahiran bayi dalam negara kita, tetapi kita melihat punca sebenar kenapa berlaku demikian hingga berlakunya sekolah kurang murid dan sebagainya. Begitu juga negara kita kekurangan generasi muda. Jadi apa yang paling penting ialah kita melihat puncanya. Apakah program yang telah dibuat oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Apa yang tinjauan saya dapati, di antara punca kenapa tidak berlakunya kesuburan yang tinggi dalam negara kita ialah ada pasangan yang memilih untuk

membujang sampai ke akhir usia. Kerana apa? Bagi mereka, kos perkahwinan yang tinggi. Ini juga di antara satu punca.

Yang kedua, kerana faktor kesihatan. Ada pasangan yang kurang subur kerana masalah kesihatan. Begitu juga ada pasangan yang mengehadkan bilangan anak kerana kos hidup yang semakin tinggi yang tidak mampu mereka hadapi.

Jadi, apakah program perancangan kerajaan dalam mengatasi isu ini? Apakah program-program, insentif yang disediakan untuk menggalakkan remaja terutama mereka yang mampu berkahwin tetapi dengan masalah ekonomi, mereka terpaksa menundakan perkahwinan? Sebagaimana di Kelantan, kita buat program *Az-Ziwaaj*, membantu remaja yang ingin berkahwin dan di waktu yang sama untuk menangani isu masalah gejala sosial. Jadi apa yang dibuat oleh kerajaan dalam membantu remaja-remaja untuk menangani, berdepan dengan masalah sebegini?

#### ■1720

Begitu juga adakah kerajaan bercadang akan mengadakan cuti edah ataupun cuti dalam edah kematian suami yang memang dalam agama Islam dalam edah kematian suami, apabila seorang isteri yang ditinggalkan ada edah nya. Jadi kalau di Kelantan kita telah memperkenalkan cuti edah selama sebulan bergaji penuh bagi kakitangan kerajaan Kelantan yang kematian suami. Apakah perkara ini akan dicadangkan oleh pihak kerajaan? Begitu juga saya ingin penjelasan berkaitan dengan program keprihatinan kita kepada golongan orang kelainan upaya.

Apakah perancangan strategik kerajaan untuk pembangunan OKU? Apakah status sekarang pencapaian terhadap program Pusat Kehidupan Berdikari (ILC) yang telah dilancarkan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang lepas. Saya ingin tahu juga apakah program kerajaan untuk mengatasi golongan OKU yang tercicir dalam pelajaran ataupun mereka pun tidak berpeluang untuk mengikuti kemahiran dan sebagainya. Apakah bantuan yang telah dibuat. Begitu juga peluang-peluang pekerjaan yang telah diwujudkan kepada golongan OKU setakat ini, berapakah jumlah mereka yang berada di pasaran pekerjaan termasuk sama ada di sektor awam ataupun swasta? Saya ingin penjelasan supaya kita menjadi masyarakat yang prihatin kepada golongan yang kelainan upaya supaya mereka juga pun boleh memberikan sumbangan besar kepada pembangunan negara kita.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang dalam Bajet 2018 ini juga iaitu yang berkaitan dengan pembangunan di negeri Kelantan. Saya ingin tahu apakah bajet yang telah diberi kepada negeri Kelantan dan khususnya dalam Parlimen Rantau Panjang dalam Bajet 2018 ini. Kami rakyat Kelantan menuntut hak royalti sebagaimana yang dituntut oleh rakyat Sabah dan Sarawak, kami juga menuntut hak royalti sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pembangunan Petroleum 1975. Kami rakyat Kelantan menuntut supaya bayaran royalti ini dibayar segera kepada rakyat Kelantan sebab ini adalah hak yang termaktub dalam undang-undang.

Saya ingin penjelasan juga berkaitan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Kalau kita lihat dalam peruntukan Bajet 2018 ini di mana kerajaan memperuntukkan RM370 juta peruntukan untuk bajet, untuk PRU ke-14 kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Apakah bajet ini mencukupi? Saya ingin penjelasan berapakah bajet yang telah digunakan oleh SPR dalam PRU yang ke-11, PRU yang ke-12, dan PRU yang ke-13 yang lalu? Saya ingin tahu juga apakah status persempadanan semula kawasan pilihan raya sehingga kini dan berapakah jumlah pengundi yang berdaftar setakat ini? Berapakah jumlah pengundi yang layak mengundi tetapi belum berdaftar dan berapakah jumlah pengundi yang baru dan juga berapakah jumlah pengundi yang telah dipindahkan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan juga iaitu berkaitan dengan projek halal hab di kawasan saya yang terletak dalam jajahan Pasir Mas tetapi berada dalam Parlimen Rantau Panjang. Setakat ini apakah statusnya sebab saya lihat tidak ada apa-apa lagi operasi yang berlaku dan saya ingin tahu apakah perancangan seterusnya dan status terkini dan seterusnya. Begitu juga projek tebatan banjir yang setiap kali ucapan saya di Parlimen saya mewakili seluruh rakyat Rantau Panjang menuntut bilakah tebatan banjir akan dilaksanakan. Sehingga sekarang tidak ada sebatang tiang pun didirikan. Walaupun berkali-kali disebutkan bajet ini diluluskan. Jadi saya ingin tahu bilakah akan bermula dan bila dijangka akan siap projek ini dan apakah permasalahannya. Begitu juga peruntukan untuk perparitan sebab tidak ada erti tambatan banjir jika sistem pengaliran atau perparitan tidak diselenggarakan dengan baik.

Jadi saya ingin tahu dalam Bajet 2018, apakah peruntukan untuk sistem perparitan dan saliran untuk Parlimen Rantau Panjang. Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan hospital dalam daerah saya iaitu Hospital Daerah Pasir Mas ataupun Hospital Daerah Lati yang terletak dalam Parlimen saya yang kebanyakannya dimanfaatkan oleh dua Parlimen iaitu Parlimen Pasir Mas dan Parlimen Rantau Panjang. Saya menerima banyak aduan terlalu banyak kelemahan-kelemahan pengurusan, jadi saya ingin tahu sebanyak manakah bilangan kakitangan yang berada dalam hospital ini sebab banyak masalah yang diutarakan kerana kekurangan kecekapan hospital yang boleh membawa kesan kehilangan nyawa kepada rakyat.

Jadi, saya ingin tahu berapakah jumlah doktor pakar, apakah masalah yang dihadapi? Kalau sekiranya kurang kakitangan kerajaan perlu tambah kakitangan, kalau kurang peruntukan kena tambah peruntukan sebab kita ingin menjaga kualiti kesihatan untuk rakyat. Saya ingin tahu juga berkaitan dengan peruntukan kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) yang mana tak lama lagi kita akan berdepan dengan musim tengkujuh ataupun musim banjir. Kawasan saya antara kawasan yang cukup terkesan dengan banjir. Saya ingin tahu berapakah peruntukan untuk penyelenggaraan bencana banjir di Kelantan dan begitu juga peruntukan untuk kawasan saya di Rantau Panjang. Saya dapat makluman bahawa pejabat-pejabat angkatan ataupun sebelum ini JPAM ataupun APAM ini ada yang tidak berdaftar.

Malah petugas-petugas mereka adalah petugas sukarelawan bukan staf tetap. Jadi saya memohon kepada kerajaan supaya tambahkan peruntukan untuk jabatan ini untuk memastikan mereka dapat memberi perkhidmatan yang terbaik. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang menjaga bahagian bencana ini yang telah memberi perkhidmatan tanpa mengira parti politik. Apa yang paling penting ialah kita hendak melihat keberkesanan. Jadi saya ingin tahu berapa jumlah pejabat Angkatan Pertahanan Awam yang berdaftar di Kelantan dan berapakah jumlah pejabat yang belum daftar, yang hanya menduduki pejabat sementara di tapak yang sementara secara tidak *legal*.

Jadi saya ingin tahu apakah perancangan masa depan, berapa jumlah kakitangan yang berdaftar dan berapa jumlah yang masih belum berdaftar? Berapakah peruntukan yang diberi untuk dalam Bajet 2018 ini. Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan naik taraf ataupun penambahbaikan CIQ Imigresen Rantau Panjang yang menjadi pintu masuk kepada Pantai Timur daripada negara jiran kita. Kita lihat di antara masalahnya suasana yang agak tidak menyenangkan di mana baru-baru ini berlaku runtuh bumbung di pusat kuarantin di Rantau Panjang kerana akibat hujan yang lebat, bumbung yang agak uzur, bangunan yang agak uzur.

Jadi saya ingin tahu bila projek naik taraf ini akan dilaksanakan. Kita memerlukan peruntukan untuk memastikan pintu masuk ke negara kita menjadi tempat kunjungan pelancong-pelancong daripada luar membawa imej kepada negara. Jadi ini amat memalukan, sampai runtuh siling tak baiki lagi, contoh. Jadi begitu juga tentang alat-alat elektronik yang membolehkan untuk kita melaksanakan tugas ataupun pihak-pihak kakitangan kita melaksanakan tugas pengesanan penyeludupan sebab suasana yang di sempadan yang terdedah dengan masalah jenayah merentas sempadan, penyeludupan yang memerlukan peralatan moden.

Jadi setakat ini saya ingin tahu berapakah peruntukan yang telah diperuntukkan untuk memastikan naik taraf imigresen Rantau Panjang begitu juga keperluan-keperluannya. Termasuk juga jambatan Muhibah yang menghubungkan antara Rantau Panjang dan Sungai Golok yang sudah berapa kali di janjikan oleh Menteri. Malah tidak ada dinyatakan pun di dalam Bajet 2018. Jadi saya ingin tahu apa jadi kepada projek ini dan Menteri yang menjanjikan ini di mana komitmen beliau yang menyatakan janji untuk melaksanakan projek ini. Begitu juga saya ingin tahu tentang naik taraf Balai Polis Rantau Panjang yang setiap tahun berdepan dengan masalah banjir.

Masalah logistik, kebakaran, tak logik sebuah balai polis yang berada di sempadan hendak ronda hanya menggunakan kereta kancil. Ini kawasan banjir, macam mana untuk berdepan dengan banjir kalau hanya kereta kancil. Macam mana hendak kejar penjenayah ini dengan kereta kancil? Jadi saya ingin tahu peruntukan logistik perlu di tambah untuk keselamatan terutama pada pasukan keselamatan kita di Rantau Panjang. Begitu juga kawalan keselamatan untuk kenderaan asing 'roktu' yang sekian lama saya suarakan di

Parlimen. Hari ini masih belum selesai malah bertambah ramai, yang ini merupakan satu saingan terhadap terutama pendapatan pemandu-pemandu teksi kita.

Jadi saya berharap perkara ini diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Saya ingin bertanya juga kepada Kementerian Pelancongan iaitu berkaitan dengan Program Imam untuk memantau pengendali-pengendali umrah untuk memastikan supaya tidak ada penipuan umrah kepada rakyat ataupun masyarakat seluruh negara.

Jadi setakat ini sejauh mana keberkesannya dan apakah pencapaiannya? Begitu juga saya ingin tahu di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia tentang jenayah siber yang mana penglibatan warga asing yang semakin meluas kita lihat menggunakan jenayah siber ini dan yang menjadi mangsa adalah rakyat negara kita. Apakah status terkini? Begitu juga saya ingin tahu tentang program PKS yang telah memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negara kita.

■1730

Kita dapati hanya 37 peratus sahaja PKS ini dimiliki oleh bumiputera. Jadi, saya ingin tahu, apakah program untuk memastikan bumiputera lebih ramai lagi terlibat dengan PKS dan jumlah saham-saham pemilikan bumiputera dalam PKS ini. Sejauh mana program ini tercapai. Begitu juga di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya ingin tahu, apakah strategi untuk mengurangkan pengimportan dan kebergantungan kita kepada import barang makanan? Oleh sebab kebergantungan kita yang cukup tinggi kepada makanan import.

Begitu juga saya ingin minta kepada Kementerian Luar Bandar iaitu berkaitan dengan keperluan lampu jalan. Ia antara keperluan penting, pembaikan jalan kampung, keperluan-keperluan asas supaya diperbanyakkan ataupun diluluskan terutama dalam kawasan saya di sempadan. Begitu juga pembaikan jalan yang rosak akibat banjir. Banyak jalan-jalan rosak akibat banjir dan sekarang sudah hendak musim banjir. Jalan yang banjir tahun lepas pun tidak selesai lagi baiki. Jadi saya harap perkara ini disegerakan.

Begitu juga di bawah Kementerian Pendidikan. Saya ingin tanya berkaitan dengan kos kargo. Adakah kos kargo masih diberikan kepada guru-guru yang bertukar, yang mereka mengajar di Sabah dan Sarawak puluhan tahun, kemudian mereka dapat bertukar ke Semenanjung. Saya mendapat maklumat bahawa kos kargo, barang-barang mereka hendak berpindah balik ke Semenanjung tidak ditanggung oleh kerajaan. Jadi, saya hendak tahu status kedudukan yang sebenar. Apakah yang berlaku?

Begitu juga dengan gejala buli dan gengsterisme yang ada di sekolah. Apakah penyelesaian yang ada pada hari ini dan macam mana kerajaan untuk menangani masalah pelajar-pelajar kita yang terdedah dengan gejala dadah, gejala buli, gejala gengsterisme yang kita sangat bimbang dalam negara kita.

Begitu juga di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingin tahu berapakah peruntukan CCTV yang diperuntukkan di bawah PBT di seluruh negeri Kelantan untuk memastikan bahawa kita dapat mengawal

keselamatan dan begitu juga peruntukan untuk Parlimen Rantau Panjang kawasan saya sendiri. Oleh sebab untuk kita memastikan bahawa kita dapat memantau jika berlakunya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Allah banyak lagi *point* saya. Jadi, akhirnya saya menolak mana-mana bajet yang melibatkan rasuah, melibatkan penyelewengan yang tidak sesuai. Saya hanya menyokong bajet yang memberi manfaat kepada rakyat dan kakitangan kerajaan seluruh negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerantut.

### 5.32 ptg.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang, kesempatan yang diberi kepada saya untuk turut bersama dalam membahaskan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Bajet 2018 yang mempunyai tema yang sangat menyentuh hati kita menggambarkan kesungguhan rasa hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat kemajuan negara secara berterusan dapat dilaksanakan yang bertemakan memakmurkan ekonomi yang *inclusive*, mengimbangi keunggulan duniawi dan ukhrawi dan menyejahterakan kehidupan rakyat menuju TN50.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 menyaksikan pertambahan sebanyak RM19.45 bilion kepada RM280.25 bilion pada tahun 2018 berbanding dengan RM260.80 pada tahun 2017. Sudah pastilah bajet yang bertambah ini hasil daripada pengurusan cukai yang sangat baik dan cekap untuk kesejahteraan rakyat.

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan dan seluruh warga Kementerian Kewangan yang telah bertungkus-lumus tidak pernah culas dalam menyediakan bajet untuk negara walaupun kadang-kadang menerima sinis daripada pelbagai pihak.

Tuan Yang di-Pertua, negara maju dari segi pendidikan sudah pastilah kualiti pembangunan negaranya berbeza dengan negara-negara yang kualiti pendidikannya rendah. Mengambil contoh Korea Selatan yang mengungguli negara yang mempunyai kualiti pendidikan yang tinggi yang menjadikan negaranya melalui perkembangan ekonomi yang sangat pantas mengatasi negara Jepun.

Justeru itu, Kementerian Pengajian Tinggi yang telah diperuntukkan sebanyak RM13.8 bilion daripada RM12.28 bilion pada tahun 2017 sudah pastilah memberikan petanda bahawa kerajaan begitu serius untuk mempertingkatkan kualiti pengajian tinggi bagi rakyat negara kita. Ia sekali gus menjadikan modal insan dan tenaga kerja yang berpengetahuan tinggi bagi menjayakan hasrat murni TN50 dengan menyediakan geran penyelidikan yang telah ditingkatkan daripada RM400 juta daripada RM235 juta.

Diharapkan dengan adanya geran penyelidikan yang begini banyak, hasil-hasil penyelidikan yang berkualiti akan dapat dihasilkan oleh universiti-universiti kita dan juga dapat diterbitkan sebagai artikel ilmiah dan jurnal yang dapat menyumbang bukan sahaja kepada inovasi dalam kitaran akademik tetapi juga dapat sekali meningkat senarai tambah produk-produk keluaran negara yang dapat sekali gus mengangkat perkembangan ekonomi negara ke tahap yang lebih baik.

Ini membuktikan betapa seriusnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam menyediakan prasarana pendidikan meliputi bidang TVET, kerajaan juga telah dilihat memberikan peruntukan sebanyak RM4.9 bilion pelan induk TVET negara. Jadi kita harapkan dengan angka yang sebegini besar, maka saya mengharapkan agar lahirnya satu pelan induk yang menyeluruh dalam pembangunan pendidikan TVET negara.

Adalah juga diharapkan melalui peruntukan ini, kerajaan dapat menyediakan satu badan sama ada Majlis TVET Negara ataupun diangkat kepada Lembaga TVET Negara. Nanti, ahli-ahli yang ada dalam lembaga ini, mereka mestilah terdiri daripada mereka yang benar-benar berpengalaman dan begitu arif dalam bidang TVET. Ini kerana kita tidak mahu adanya lembaga tetapi hanya sekadar syarat untuk menubuhkan lembaga sahaja. Lembaga ini bagi pandangan saya perlu diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang mengetahui apakah bidang-bidang pekerjaan yang sesuai untuk negara kita. Mungkin keterlibatan kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pendidikan sebagai ahlinya.

Tahniah juga kepada kerajaan kerana terus memberi perhatian kepada warga peneroka FELDA. Seramai 112,000 peneroka insya-*Allah* akan terlibat dalam Bajet 2018 ini. Kita lihat kerajaan telah pun menyediakan sebanyak RM43 juta wang ses diberikan semula kepada peneroka FELDA yang dahulunya menanam getah, kemudian mereka bertukar kepada sawit. Bantuan tanam semula sawit juga yang bernilai RM60 juta dan sangat membanggakan bagi saya ialah dengan adanya peruntukan sebanyak RM200 juta bagi bekalan air naik taraf jalan-jalan dalam FELDA dan juga lampu-lampu jalan. Di mana sebelum ini kita berhadapan dengan masalah untuk menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada warga FELDA. Dengan adanya peruntukan ini, sudah pastilah dapat memberikan nafas baru kepada rakan-rakan kita di FELDA.

Cuma saya hendak ingatkan kepada pengurusan FELDA iaitu terdengar keluhan dalam pengurusan pembangunan ladang mereka. Ada sebahagian daripada ladang-ladang yang tidak mampu diuruskan lebih baik oleh FELDA. Ini sekali gus akan menambahkan kos pengeluaran dan meningkatkan nilai hutang kepada peneroka. Jadi saya berharap dengan peruntukan yang ada ini, FELDA dapat melihat semula atas beberapa kegagalan. Mungkin kecil tetapi ia memberikan kesan kepada jumlah hutang peneroka.

Kerajaan juga telah mengambil kira dari segi perumahan generasi kedua FELDA telah menyediakan sebanyak 5,000 buah rumah untuk generasi kedua FELDA. Akan tetapi

saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah yang kita hendak jadi kepada lebihnya itu. Selebih daripada 5,000 ini yang sudah pastilah kalau kita agih ke seluruh negara, masih ramai lagi rakan-rakan generasi kedua kita yang ada duduk di FELDA ini yang tidak mempunyai rumah.

■1740

Saya dapat pasti bahawa kadang-kadang ada lebih daripada dua *family* dalam satu rumah. Maknanya, dia berkongsi adik-beradik duduk dalam rumah mak ayahnya. Oleh kerana apa? Oleh kerana tidak ada perumahan yang mencukupi di kawasan FELDA. Saya harap adanya projek-projek perumahan yang terbengkalai di FELDA ini dapat diatasi dengan segera oleh pihak FELDA. Seperkara lagi, saya mengharapkan agar FELDA mengambil langkah drastik dengan memberikan lot-lot perumahan kosong yang masih ada di FELDA ini kepada generasi kedua FELDA. Berikan lot-lot ini kepada mereka. Tidak ada masalah saya rasa.

Kerajaan-kerajaan negeri sepatutnya memberikan sokongan kepada usaha FELDA untuk memastikan anak-anak generasi kedua FELDA yang tinggal dalam FELDA itu mendapat lot-lot perumahan. Kita bantu mereka agar mereka membina sendiri rumah ini melalui pelbagai agensi yang kerajaan ada sama ada melalui Perumahan SPNB, sama ada Rumah Bina Negara dan sebagainya yang boleh kita salurkan peruntukan ini. Ini bagi menjamin bahawa warga generasi kedua ini tidak mengalami kegelisahan dari segi perumahan mereka. Saya sangat berharap agar kerajaan memberikan tumpuan khusus kepada program memberikan lot-lot tapak rumah kepada generasi kedua FELDA ini dengan kadar segera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mempergiatkan bidang pertanian, saya hendak merakamkan sekali lagi tahniah kepada kerajaan dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM6.5 bilion. Sudah pastilah dengan peruntukan ini akan memberikan kegembiraan, melonjakkan rasa senang hati kepada keluarga pesawah, petani, peladang dan nelayan serta pekebun kecil di seluruh negara kita. Peruntukan khas juga sebanyak RM200 juta diberi kepada program-program penanaman jagung bijirin. Mudah-mudahan dengan adanya program ini, kita dapat menyelamatkan import makanan negara yang kita lihat pada tahun 2015 sahaja, sebanyak RM45.4 bilion import makanan, RM5.6 bilion makanan ternakan dan yang lebih menghairankan kita, sebanyak RM31 bilion bijian jagung sahaja yang diimport, sedangkan negara kita mampu untuk mengadakan tanaman jagung secara besar-besaran. Jadi, tahniah kepada kerajaan. Mudah-mudahan usaha ini dapat dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan sebaik mungkin.

Kita bimbang program ini bagus tetapi dari segi pelaksanaannya nanti ada berlaku ketidakpuasan ataupun ketidaktepatan dari segi pelaksanaan. Mungkin juga kementerian boleh mengembangkan usaha tanaman jagung yang telah dipelopori oleh pihak NAFAS. Saya difahamkan NAFAS telah pun mendapatkan benih yang sesuai dengan keadaan negara kita yang tahan pelbagai rintangan. Mudah-mudahan usaha NAFAS ini, kerajaan



memberi fokus agar ia lebih dekat kepada petani. Tahniah juga kepada kerajaan yang telah pun menubuhkan Lembaga Tenusu Negara.

Sekali lagi saya mengharapkan mereka yang berada dalam Lembaga ini nanti sekaligus dapat meningkatkan tahap pengeluaran susu negara yang sekarang ini dari segi keperluannya, negara memerlukan lebih kurang 50 juta liter susu, sedangkan kita hanya mampu mungkin mengeluarkan sekitar 30 juta liter. Kita perlu lagi 20 juta liter. Diharapkan dengan adanya program ini, jumlah pengeluaran susu negara akan dapat ditingkatkan. Ahli-ahli yang berada dalam Lembaga ini wajar diambil sebahagiannya di kalangan penternak yang benar-benar telah pun mengungguli bidang ini. Kita tidak mahu mereka yang berada dalam lembaga ini hanya ada teori tetapi pengalaman dan praktikalnya tidak ada. Sudah pastilah tidak dapat memberikan sokongan kepada program ini nanti.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk bertanya kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang kita lihat tidak ada peruntukan khusus dalam pembangunan hutan negara. Apakah akan jadi kepada hutan-hutan negara yang sekarang ini beransur kurang? Saya amat yakin data yang kita ada ini mungkin tidak tepat dengan apa yang berlaku sebenar terhadap kepupusan hutan kita.

Kalau kita melihat kepada kepupusan hutan ini yang menghasilkan konflik antara haiwan ataupun binatang liar dengan manusia, banyak tempat telah berlaku. Termasuk juga di kawasan saya di Jerantut yang saban hari penduduk di kawasan pinggir hutan, malah jauh dari hutan sekalipun telah pun berkongsi dengan gajah. Habis tanaman mereka dimusnahkan oleh gajah. Siapa hendak ambil ganti rugi? Mengadu kepada Jabatan Pertanian, dengan alasannya. Mengadu dengan Jabatan PERHILITAN, dengan alasannya.

Maka, petani tersepit di tengah. Kalau melihat kepada aduan yang diterima oleh Jabatan PERHILITAN, sebanyak 30,786 aduan dalam tempoh tahun 2012 hingga 2016. Ini melihat betapa seriusnya masalah ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita bagi kepada tahun, ada 7,669.5 aduan setiap tahun dan pada setiap bulan ada 643 aduan. Kalau bahagi dengan hari, ada 21 kes setiap hari. Kes yang berlaku, kes yang diadukan kepada Jabatan PERHILITAN berkaitan dengan serangan hidupan liar kepada tanaman-tanaman ataupun masalah gangguan kepada penduduk.

Jadi, saya sangat berharap agar kementerian dapat memberikan fokus utama kepada masalah ini. Jadikanlah hutan-hutan negara kita ini sebagai sumber ekonomi baru. Misalnya, dengan memperbanyakkan kawasan-kawasan hutan ini untuk dijadikan kawasan pelancongan seperti di kawasan Taman Negara dengan menyediakan tambah baik kemudahan-kemudahan yang ada bagi didatangi oleh pelancong-pelancong luar. Akan tetapi kalau kemudahan-kemudahan yang sudah ada, saya minta kementerian memastikan ia boleh guna. Misalannya di Taman Negara, kita ada *canopy walkway* yang terpanjang di Asia Tenggara tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, ia merupakan yang terpendek boleh digunakan. Jadi, mengapa ini berlaku?

Aset yang ada itu patutnya kita gunakan supaya menarik lebih ramai lagi pelancong hadir. Kita tidak mahu ia menjadi hanya sebagai gajah putih. Ada tetapi tidak boleh digunakan. Saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian ini kerana melalui FRIM telah mengadakan pelbagai produk hasil daripada hutan sama ada dalam bidang perubatan mahupun dalam bidang alat-alat solekan dan sebagainya. Ini sekali gus akan dapat mengangkat nilai hutan yang patut kita jaga demi kelangsungan rakyat di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit. Sejak akhir-akhir ini, keadaan cuaca dunia sentiasa berubah yang menyebabkan sebahagian daripada negara kita ini sering diancam banjir sama ada banjir kilat akibat kecuaiannya manusia ataupun memang banjir disebabkan oleh taburan hujan yang luar biasa. Ini sekali gus meningkatkan peranan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia kerana mereka merupakan urus setia di peringkat daerah dan negeri. Apabila kita bercakap soal APAM ini, saya rasa kadang-kadang kesian Tuan Yang di-Pertua, kerana pejabat daerah mereka, pejabat-pejabat mereka di daerah-daerah, kadang-kadang menumpang. Ada menumpang di kuarters kerajaan, tidak menggambarkan jawatan mereka ini penting. Jadi, saya menyeru kepada pihak kerajaan, sudi apalah kiranya kita beri, perkasakan angkatan ini sewajar dengan tugas dan peranan yang dimainkan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit saya ingin menyentuh tentang kemudahan belia dalam menuju aspirasi TN50. Pelbagai perancangan telah diatur tetapi kalau kita melihat kepada bidang khusus Kementerian Belia dan Sukan, saya tidak berapa nampak yang adanya program-program khusus dari segi kepersatuan mereka. Dari segi bidang sukan, *alhamdulillah* tetapi dari segi bagaimana mereka ini untuk kita latih agar mengurus persatuan-persatuan mereka dengan baik seperti sebelum-sebelum ini. Juga agak kurang jelas dari segi pembangunan ekonomi belia.

Walaupun saya akui pelbagai kementerian telah pun mengadakan peluang-peluang untuk para belia kita memanfaatkan peluang yang ada di kalangan mereka. Tidak terkecuali misalnya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Usahawan. Cuma saya ingin bertanya kepada kementerian-kementerian ini kalau ada data sekiranya, berapakah bilangan ahli-ahli belia kita yang telah pun menyertai pelbagai program ekonomi yang ada dengan kementerian-kementerian? Saya ingin bertanya kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jawapan, berapakah kumpulan belia yang terlibat dalam pelbagai skim yang ada di kementerian ini?

■1750

Misalnya, yang kita boleh katakan di bawah bumiputera punya SME ini. Berapa ramaikah para belia kita yang telah pun menggunakan kemudahan yang diadakan oleh TUBE atau SUPERB ataupun program-program di bawah *tourism* industri. Adakah bilangan-bilangan belia-belia yang terlibat ini bertambah ataupun ada di kalangan belia kita buat tidak tahu saja kerana mereka tidak tahu. Mereka tidak didedahkan oleh

persatuan-persatuan belia akibat daripada persatuan-persatuan belia yang tidak aktif di kawasan-kawasan kerana kementerian tidak ada menyediakan peruntukan khusus untuk pembangunan belia dari segi melatih potensi mereka untuk menggerakkan persatuan-persatuan belia. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil sedikit kesempatan tentang pembangunan pendidikan peringkat rendah dan menengah yang telah diutarakan oleh kerajaan melalui Bajet 2018.

Cuma saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pendidikan, perancangan ada, perancangannya baik tetapi bagaimana dengan pelaksanaannya. Kalau melihat pada kawasan saya di Jerantut, dalam Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun meluluskan sebuah pembinaan sebuah sekolah berasrama penuh tetapi sehingga hari ini masih lagi belum nampak tanda-tanda untuk pembangunannya. Jadi, saya merayu kepada pihak kementerian agar sekali lagi sudi apalah kiranya, janji ini dapatlah sekurang-kurangnya dibuktikan kepada rakyat dalam Parlimen Jerantut yang dari dulu sekarang dan *insya-Allah* berterusan memberikan sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional yang tidak pernah lokek dan tidak pernah lupa dalam menyediakan anggaran peruntukan perbelanjaan bagi tahunan setiap tahun dalam usaha untuk mengangkat martabat rakyat Malaysia ini.

Jadi saya sangat berharap agar adalah wajah-wajah yang akan memberikan keyakinan kepada pembinaan sekolah ini nanti. Dan juga saya hendak pesan kepada Kementerian Pengangkutan, agar dapat membuka sebuah pejabat kecil pun tidak apalah dalam memudahkan urusan yang berkaitan dengan kenderaan di Jerantut dengan membuka sebuah pejabat mini, seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri untuk membuka sebuah pejabat mini Jabatan Pengangkutan Jalan di Jerantut. Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengangkat martabat Bajet 2018 ini ke tahap yang lebih tinggi dengan memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Bajet 2018. Dengan ini Jerantut memohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

#### **6.11 ptg.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang membahaskan bajet 2018. Perdana Menteri kita telah mengatakan ini bajet terbaik dalam sejarah Malaysia. Katakan dia ini *comprehensive*, diambil kira. Kepentingan beberapa lapisan masyarakat kita. Bila saya teliti bajet ini, memang ada banyak *hand out*. Ada banyak *hand out* untuk pelbagai sektor. Umpamanya 170 ribu pesawah padi akan menerima RM200 ringgit sebulan untuk tiga bulan. Unit Amanah Saham PNB akan diberi pada tiap anak sejumlah RM200 ringgit untuk tiap anak lahir di Malaysia. Baucar buku RM250 ringgit untuk 1.2 juta murid IPT. BR1M untuk 7 juta penduduk Malaysia.

Bonus sebanyak RM1,500 untuk 1.2 juta kakitangan kerajaan untuk lebih kurang 10 ribu ketua kampung dan Tok Batin, 65 ribu imam, bilal dan guru takmir. Tetapi adakah kita bagi *hand out* macam ini. Adakah ini wujudkan satu masyarakat *inclusive*. Adakah dia wujudkan satu masyarakat penyayang. Pada pandangan saya, Malaysia walaupun GDP kita telah naik, tanpa kapital kita sekarang sudah capai 40,713 setahun tiap orang. Tetapi dalam negara yang makin kaya ini, majoriti rakyat kita terasa *insecure*. *Financial insecurity*. Mereka risau apa mereka akan buat pada masa depan. Dan bila kita tengok ini *paradox*. Negara kaya bertambah kaya, GDP naik. Kita tengok kita punya *gini-coefficient* pun nampaknya lebih baik.

Tapi *insecurity financial* ini juga bertambah. Dan saya rasa ada dua sebab. Satu, adalah dengan simpanan yang rakyat ada. Nombor dua adalah kos keperluan asas terus meningkat. Samping sebab pertama itu simpanan, untuk pekerja kita 6.5 juta pekerja kita, simpanan utama mereka adalah di dalam KWSP. Dan ada satu kajian dalam KWSP sendiri menunjukkan bahawa untuk mereka yang berumur 54 tahun, hanya 80 peratus daripada mereka ada simpanan yang kurang daripada 150 ribu. Jadi pada jangkaan KWSP, ini tidak menampung keperluan mereka. Apabila mereka sampai umur 70 tahun, mereka ini tidak akan ada apa-apa simpanan lagi. Mereka akan bergantung pada anak-anak mereka dan jika anak mereka itu pun bekerja biasa dengan keluarga, dengan kos hidup, mereka tidak boleh jaga mereka.

Ini lah satu punca ketidakyakinan pada masa depan. Selain daripada pekerja 6.5 million pekerja ini, kita juga ada 1.5 pekebun, pesawah, nelayan dan mereka langsung tidak ada KWSP. Langsung tidak ada simpanan. So, macam mana mereka untuk masa depan. 1.5 juta lagi peniaga kecil. Di gerai-gerai kecil, di pasar-pasar malam, di pasar pagi. Mereka juga tidak ada simpanan. So, untuk mereka semua satu negara di mana kita tidak ada *oldest pension*. Pencen warga tua. So, mereka semua akan rasa risau pada masa depan. Sebab kedua yang saya katakan tadi ialah kos keperluan asas. Umpamanya kita ambil kesihatan. Di Malaysia sekarang, ada ramai yang telah hilang keyakinan mereka terhadap hospital kerajaan. Kerana ada *long waiting list*. Ada lambat, ada doktor muda, ada *specialist* pakar-pakar kekurangan dalam itu, ada sekatan dalam bajet, ada kitaran semula untuk alat-alat. Satu sebab semua sebab ini, sekarang pada masa ini, 1/3 daripada *inpatient* kita pergi ke hospital swasta.

Bukan kerana mereka ada duit. Tetapi mereka terpaksa pinjam, mereka kena pergi sana. Kerana mereka takut mereka tidak akan dapat rawatan yang baik di hospital kerajaan. Dan rawatan di hospital swasta adalah mahal. Satu *by-pass* adalah 60 ribu. Jika kita ada rawatan untuk kanser mungkin 300 ribu, 500 ribu. Jadi, jika satu keluarga akan pelan untuk masa depan dia. Berapakah kita kena bajet untuk masa depan. Jika saya hidup sampai umur 80, saya perlu berapa untuk menampung keperluan kesihatan saya, keperluan kesihatan isteri saya, mungkin anak saya. Adakah 1 *million* cukup kah. Tapi jika seorang dapat kanser itu sudah habis lah 1 *million* itu, 2 *million*, 3 *million*. Kita semua ada

*insecurity*. Ini bukan hanya B40 yang *insecure*. M40 pun *insecure*. Mungkin hanya yang kakitangan kerajaan ada baik sikit kerana mereka ada pencen.

Dan orang yang terkaya. Tetapi saya ingat di Malaysia, 80 *percent* daripada yang bawah, terasa *financial* ini *insecurity*. So, punca masalah ini adalah dasar neoliberal. Kepercayaan bahawa pihak swasta, pihak berniaga boleh bekalkan segala-galanya, termasuk pendidikan, kesihatan. Ini yang telah membawa kepada perkembangan sektor perubatan swasta. Dan ini saya nak bawa kepada *drain brain* lah. Penghijrahan pakar daripada kerajaan ke swasta. Satu kerajaan yang prihatin, yang hendak kurangkan *insecurity financial* ini dengan mengadakan satu sistem kesihatan yang berkualiti tinggi akan buat beberapa perkara. Satu, dia akan membekukan perkembangan hospital swasta. Kerana sudah jelas, bila hospital swasta berkembang, ramai lagi pakar daripada kerajaan pergi ke swasta. Nisbah pakar di kerajaan turun.

#### ■1800

*So the way out of that is stop the leak*. Tidak perlu kita *close down* hospital swasta yang sedia ada tetapi jangan bagi dia kembang lagi. So, ini akan memberi ruang untuk hospital kerajaan menambahkan jumlah pakar nisbah pakar dengan doktor muda dan menambahkan kepercayaan rakyat. So rakyat tidak perlu ke swasta. Mereka boleh gantung, so ini keperluan untuk sediakan duit untuk jaga kesihatan kita bila kita sampai umur 70 ke atas tidak wujud lagi.

Ini akan kurangkan *insecurity* tetapi saya tidak nampak di dalam bajet ini. Dalam bajet ini apa yang saya nampak ialah ada satu peruntukan untuk menggalakkan pelancongan kesihatan. Tidak besar bajet itu tetapi ada peruntukan. Jadi mereka tidak nampak jadi kita buat macam ini kita akan lemahkan lagi hospital kerajaan dan kita akan tambahkan lagi *financial insecurity* tidak keyakinan.

Okey, so kita ada satu situasi di mana negara tambah kaya tetapi rakyat bertambah *insecure* dari segi *finance*. Bila rakyat *insecure*, rakyat ada kerisauan berkaitan dengan masa depan mereka, mana boleh mereka hulur tangan untuk bantu orang lain. Mana ada kesempatan untuk kita membuat satu masyarakat yang penyayang *because they are concern* mereka ini kena jaga diri sendiri, mereka kena jaga kepentingan diri sendiri mereka akan jadi *selfish*.

So, kita wujudkan satu masyarakat oleh sebab *insecurity* ini kita sedang mewujudkan satu masyarakat yang lebih *self-centered* bukan oleh sebab orang Malaysia *self-centered* tetapi masalah dia adalah kena jaga untuk masa depan mereka dan keluarga mereka. Jadi kita hanya melaungkan prinsip *inclusivity* dan masyarakat penyayang. Ini tidak cukup. Kita mesti wujudkan mekanisme yang boleh menambahkan *social solidarity* menambahkan *welfare* supaya keperluan asas pada masa depan kita dijamin. Baru orang tidak rasa risau orang boleh beri lebih masa untuk bantu orang lain. *So we are creating a selfish society because we are creating insecurity in the people.*

Umpamanya bila kita katakan kita adakan pendidikan. Apakah sebabnya kita hendak didik orang di universiti? Saya rasa yang penting sekali ialah mereka kena pergi beri servis pada masyarakat kita. Akan tetapi bila dikatakan doktor, kita kenakan bayaran sebanyak RM500 ribu untuk jadikan seorang doktor kita kenakan dia bayar sendiri. Lepas itu kita minta dia pergi kerja di Sarawak, di Sabah, di tempat pedalaman dia akan rasa kenapa dia kena buat macam ini? *I sudah bayar the full cost.*

Akan tetapi jika kita banding dengan cara saya dididik di Universiti Malaya pada masa itu saya disubsidi walaupun saya tiada *scholarship* tetapi saya tahu 80 hingga 90 peratus daripada kos pendidikan saya adalah daripada masyarakat. So bila selepas saya *graduate*, saya diminta pergi kerja di Sarawak, saya tiada masalah. Saya rasa itu tanggungjawab saya kerana masyarakat telah didik saya harus bayar balik kepada masyarakat.

Akan tetapi pada masa ini, mereka-mereka yang pergi ke universiti-universiti swasta mereka bayar RM300 ribu, RM500 ribu sebilion dolar untuk jadi doktor, keluarga mereka kena pinjam, dia kena pinjam, bila dia mari balik *you* jangan salahkan dia katakan dia *selfish* dia tidak hendak pergi kerja di kawasan miskin di kawasan luar bandar. Kita telah wujudkan *selfishness* dia. Jadi ini kita kena ingat, kita rasa kita hendak buat satu masyarakat yang penyayang. Akan tetapi kita kenakan bayaran kita telah menjadikan perniagaan, *we made education a business. Then we blame the young people, you don't want to go and work in rural areas. I think* ini tidak *fair* lah, ini tidak *fair*, langsung tidak *fair*.

So, saya rasa jika kita betul-betul mahu satu masyarakat yang inklusif, masyarakat yang penyayang, kita mesti wujudkan struktur-struktur yang membolehkan itu. Kita umpamanya *free education*. Bukan PTPTN, *free education*. Akan tetapi selepas itu kita kenakan mereka pergi kerja di kawasan luar bandar untuk bantu orang miskin. Ya, *we have a right to ask them* kerana kita sudah bagi mereka satu pendidikan daripada masyarakat.

Saya sekarang hendak alih ke masalah kos rumah yang melambung tinggi. Punca kos rumah ini adalah spekulasi tanah dan spekulasi atas rumah dan apartmen. Ini berpunca daripada ajaran *neoliberal* yang mengatakan semua barangan di masyarakat boleh, bukan sahaja boleh harus dibekalkan oleh pihak swasta. Itu yang lebih efisien. Dan juga kita sudah buka pasaran domestik kepada pemodal luar. So, pemodal dari luar negara pun datang sini *invest* dalam rumah-rumah. So, ini telah menyebabkan masalah perumahan, masalah kos rumah melambung tinggi dan masalah kos perumahan ini tidak dikendalikan oleh bajet kita. Walaupun RM2.2 bilion diperuntukkan atas perumahan, RM1.5 bilion adalah untuk PR1MA dan kita tahu rumah PR1MA RM250 ribu ini bukan rumah mampu milik, Tuan Yang di-Pertua.

Di Sungai Siput, 60 peratus daripada *population* sana dia punya *monthly household income* RM2,000 ke bawah. RM200 ribu tidak boleh. RM50 ribu pun mereka susah rumah harga RM50 ribu pun mereka susah. RM200 ribu tidak boleh. Akan tetapi

*this is our major plan for* rumah. Ini untuk *urban population* untuk yang *graduate* bukan untuk orang yang biasa di kampung. So, cara dia untuk mengatasi masalah ketiadaan rumah yang cukup murah ialah kita kena *think outside the box*. Kita tidak boleh buat melalui perniagaan. Kita kena tubuhkan satu lembaga *non profit* yang akan sediakan rumah *first house* untuk semua orang Malaysia. Rumah ini harus dibuat dan dijual dengan harga pembinaan dan sekarang amalan, saya tengok di Perak amalan ialah tanah kerajaan diswastakan kepada GLC kerajaan.

GLC kerajaan buat *joint venture* dengan pemaju. Dalam *joint venture* itu GLC itu pun dapat untung. Ini semua meningkatkan kos perumahan. GLC dapat satu kad tetapi dia dapat kad ini durian runtuh lah. Ini bukan tanah dia, dia hanya dapat dana dengan harga yang begitu murah tetapi lepas itu dia buat *joint venture dengan* ini semua kita kena hentikan lah. Pakai tanah kerajaan buat rumah dengan lembaga ini dan kita jual rumah dengan harga pembinaan sahaja. Akan tetapi dengan syarat hanya satu rumah satu keluarga dan jika hendak jual balik rumah itu kena jual balik pada lembaga juga. Tidak boleh jual di pasaran terbuka. Kita hentikan spekulasi dalam perumahan.

Ini kita perlukan satu *database national* supaya seorang yang beli rumah dikatakan di Johor, tidak boleh buat sama dengan beli rumah di Kedah. Setiap keluarga satu rumah. *You* hendak jual balik boleh. Lepas *you* jual balik, *you* beli satu lagi daripada lembaga. Akan tetapi *you* jual balik. Kita hentikan spekulasi. Inilah cara yang kita kena buat, tetapi untuk buat ini kita kena cabar pendekatan *neoliberal* yang menyatakan kerajaan harus diam. Ini semua kena dibuat oleh swasta, itu lebih efisien. *That is the neoliberal thing. Let the business do the business, government only regulates*. Kita kena cabar itu. So jadi kita hendak bina satu negara yang inklusif, kita kena cabar idea-idea *neoliberal*.

Pagi tadi Yang Berhormat Tambun telah mempertahankan GST. Dan dia kata satu *argument* dia adalah 170 negara di dunia ini mengamalkan GST. So, manakan mereka boleh salah. Tuan Yang di-Pertua, masalah ialah ideologi *neoliberal* telah menular di seluruh dunia dan dia telah bawa banyak kesusahan untuk rakyat. Dia akan membawa penswastaan, dia akan bawa pengecutan kepada jaringan kebajikan di beberapa negara. Dia telah bawa *austerity*, dia telah kurangkan gaji, dia kena jejaskan pekerjaan dan inilah sebabnya di dunia ini kita nampak beberapa negara, rakyat biasa sedang memberontak. Kita tengok macam yang *last* sekali ialah Brexit, di mana orang biasa di Britain katakan, *“Enough, we don’t like your system. This is too onesided, we are getting screwed”*. So walaupun mungkin dia buat keputusan yang tidak begitu betul, tetapi mereka sudah *fed up* dengan sistem jika kita tengok Amerika, kita hampir dapat Bernie Sanders tetapi kita dapat Trump.

#### ■1810

Akan tetapi sebab puncanya sama. *The white working class* sudah *fed up* dengan sistem yang menghimpit mereka, yang tekan mereka. So, ini ialah ideologi

*neoliberal* di bawah IMF dan World Bank yang mengatakan GST. Satu dunia sudah tolak. Mungkin sebelum itu *Arab Spring* juga sudah tolak. Sekarang kita hendak pakai ideologi itu mengatakan, saya tengok *it is not a good argument. The world is in a bad place*. Orang terkaya lebih kaya. Lain *the rest of us, 80 percent of us are getting screwed and GST is a part of that system*. So saya rasa...

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh celah?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Yang Berhormat Sungai Siput, saya tertarik dengan hujahan Ahli Yang Berhormat tetapi sila bagi penjelasan tentang perkataan 'screwed'.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Kena tarik balik itu. [*Ketawa*] *No, I think* ada terjejas. Jika kita tengok macam pekerja, *working class* di Amerika, mereka kehilangan kerja kepada negara-negara ketiga macam China kerana *the satu percent* yang terkaya dia pindahkan industri mereka ke China kerana gaji di situ adalah 10 kali lebih rendah. So, mereka kehilangan gaji. So, masalah macam itulah di mana mereka kehilangan gaji dan jaringan sosial pun disekat kerana kerajaan pun tidak ada cukup dana untuk *sustain*. Okey.

So, saya rasa kita ini sekarang, apa— Saya tengok dalam bajet ini langsung tidak ada satu kesedaran apakah masalah yang dihadapi oleh dunia kita? Masalah yang dihadapi oleh dunia kita ialah pengagihan kekayaan dunia adalah berat sebelah. Yang terkaya telah kumpul banyak dana dan *80 percent* yang di bawah *getting increasingly squeezed*. So, apakah caranya kita kena kendalikan? Ini tidak senang untuk kendalikan.

Jika katakan kita hanya mahu kenakan cukai yang lebih tinggi, ada kemungkinan orang kaya akan lari. So, ini kita kena tengok bagaimana kita boleh uruskan di dalam ASEAN, di dalam, G69 semua, macam mana kita boleh uruskan untuk kita sekat, *you know*, kerakusan satu *percent* yang terkaya? Bagaimana kita boleh buat kawalan tipu helah *tax haven* semua? Macam mana mereka tipu negara, tidak bayar *tax* di mana-mana. Ini kita kena buat. Ini satu isu yang kita kena fikir. Akan tetapi untuk kendalikan isu ini, kita kena sedari ada masalah ini. Dalam Bajet ini, langsung tidak ada. Langsung tidak ada. Kita tidak ubah polisi mikro yang sedang menyusahkan rakyat tetapi kita hanya bagi mereka *hand out*. So, ini satu Bajet yang lemah. Lemah dari segi dia punya *conceptualization of the problem, you know*.

*So, it is a sad, it is a sad budget and it is sad that the Prime Minister thinks it is a great budget*. Jadi hendak tunjukkan berapa bankrap kerajaan dalam dia punya pemikiran *of the thinking process*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan.



**6.13 ptg.**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Negaraku dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang untuk membahaskan Bajet 2018 yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Jumaat lepas. Berbagai-bagai komen kita dengar dari luar sana dan juga daripada rakan-rakan Ahli Parlimen dalam perbahasan yang sudah berlalu.

*Alhamdulillah*, majoritinya dapat melihat ia adalah satu Bajet yang komprehensif, menyeluruh, holistik. Bajet yang mesra rakyat, yang menyentuh kepada semua lapisan rakyat dalam menangani hal-hal yang menekan tetapi pada masa yang sama, ia juga adalah Bajet yang bertanggungjawab. Bajet yang komited, masih komited dalam memastikan pertumbuhan dan daya saing negara dalam jangka masa panjang akan berterusan. Malah Bajet ini juga masih terus memastikan penurunan Bajet defisit dengan sihat di mana disasarkan 2.8 peratus dibandingkan dengan tiga peratus pada tahun lepas dan pada masa yang sama masih mempertahankan *ceiling debt to GDP* ataupun hutang dibandingkan dengan KDNK 55 peratus. Satu pengurusan ataupun Bajet yang sangat berhemah dan bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan negara akan berterusan dan *sustainable*.

Ia memang Bajet yang mesra rakyat terutamanya dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat, menyediakan sumber baharu pendapatan kepada B40. Tidak ketinggalan bantuan kepada penjawat awam, rumah mampu milik, peningkatan perkhidmatan kesihatan awam, infrastruktur di kawasan pedalaman malah juga tidak ketinggalan seperti di Bajet-Bajet yang sudah, pada tahun-tahun yang sudah.

FELDA *settlers*, pembangunan usahawan bumiputera dan tidak ketinggalan komuniti India, Cina yang memerlukan bantuan, *empowerment* kepada kaum wanita termasuklah sebenarnya kepada golongan pertengahan ataupun M40, 40 peratus, pertengahan di mana pemotongan kadar *income tax* dua peratus yang akan membolehkan ataupun akan membuatkan sebanyak RM1.5 bilion kenaikan *disposable income* untuk 2.3 juta *tax payers* yang mana ia sekali gus akan dapat membantu merancakkan *consumption* ataupun ekonomi terutamanya kepada *retailers* yang mana ia akan banyak membantu dalam keadaan ekonomi yang masih tidak menentu sekarang ini.

Pada masa yang sama, banyak juga diumumkan peruntukan-peruntukan yang akan memastikan pemberangsang kepada pertumbuhan ekonomi itu akan berterusan terutamanya banyak infrastruktur-infrastruktur yang akan merancakkan ataupun memberangsangkan pembangunan dan meyakinkan pelabur-pelabur untuk melabur di Malaysia. Memandangkan pembangunan kita sekarang memanglah lebih kepada *private sector driven* dengan izin, maka ini adalah sesuatu yang sangat bijak dilaksanakan. Di antaranya yang disebut untuk infrastruktur yang akan merangsang kepada pembangunan

tersebut adalah seperti RM32 bilion untuk Mass Rapid Transit Line 2, RM3 bilion untuk *transport development fund*, RM1 bilion untuk *public transport fund*.

Ini adalah untuk memastikan kita punya *public transportation* terus dipertingkatkan. RM230 bilion untuk Central Spine Road Project, *upgrading of Penang and Langkawi International Airports* termasuklah juga pembinaan *airport* baharu Mukah dan pertambahan ataupun *expansion* kepada *Airport* Kota Bharu dan Sandakan.

■1820

Sebenarnya, selain daripada itu ada juga diumumkan satu kelulusan untuk kajian *feasibility* ataupun *feasibility study* untuk pembinaan jambatan Labuan ke tanah besar Sabah. Ini adalah satu pengumuman yang ditunggu-tunggu oleh rakyat Labuan dan juga rakyat Sabah malah seluruh Malaysia. Ia juga telah disuarakan bukan sahaja oleh saya sebagai Ahli Parlimen Labuan setiap tahun di Dewan yang mulia ini, malah juga sebenarnya disuarakan oleh ADUN Kuala Penyu dan juga di mana-mana forum ataupun *channel* yang ada peluang disuarakan oleh ramai pemimpin-pemimpin terutamanya daripada negeri Sabah.

Jadi, sebenarnya saya ingin merakamkan di sini ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga kementerian-kementerian yang terlibat di dalam perancangan ataupun di dalam memastikan projek ini dipersetujui untuk dilaksanakan *feasibility study* tersebut. Jadi sebenarnya...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya hendak tanya.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Jadi sebenarnya saya ingin mengingatkan dan mengharap seperti yang diperkatakan oleh Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada hari itu supaya ia dilaksanakan sesegeranya. Jadi kementerian-kementerian yang *directly* terlibat seperti Kementerian Wilayah Persekutuan, JPM, iaitu EPU, Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** *Ministry of Natural Resources and Environment*, Kementerian Kewangan dan beberapa kementerian lain, diharap akan dapat mengambil tindakan seterusnya untuk memastikan kajian ini dilaksanakan secepat mungkin dan seterusnya kita akan pastikan pembinaannya akan dilaksanakan secepatnya. Oleh sebab ia bukan sahaja sebenarnya adalah...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Ia bukan sahaja akan memberikan keselesaan kepada mereka yang akan menggunakan ataupun menyeberang menggunakan jambatan tersebut tetapi sebenarnya ia juga akan memberikan impak yang besar kepada pembangunan ekonomi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Labuan, boleh tanya?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Bukan sahaja pembangunan ekonomi Labuan malah pembangunan ekonomi di kawasan sekitarnya. Ia akan dapat membantu...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Labuan boleh tanya? Sedikit ya? Ya, Yang Berhormat saya hanya tidak pasti kenapakah Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional semua mereka berdiri berucap tentu hendak berterima kasih kepada kerajaan. Yang Berhormat dalam Ahli Parlimen di bawah Barisan Nasional adalah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh, yang di sebelah sini pun bangun membantah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dia sendiri terima kasih kepada diri sendiri. Saya rasa anehlah. Yang kedua ialah Yang Berhormat cakap tentang Sabah banyak jadi Labuan ini Wilayah Persekutuan kah ataupun di bawah negeri Sabah? Minta penjelasan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh atas soalan yang diberikan. Sebenarnya kita memang orang yang ataupun puak yang tahu berterima kasih kalau diberikan sesuatu yang memberikan manfaat kepada rakyat kepada negara mestilah kita harus berterima kasih dan bersyukur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih, kalau tidak cukup minta lagi kan Yang Berhormat?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Ya, betul. Saya bercakap— kadang-kadang saya sebut Sabah kadang-kadang saya sebut Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua sebenarnya Labuan ini walaupun pentadbirannya di bawah Wilayah Persekutuan tetapi *geographically* nya dia berada di sebelah Borneo, dekat dengan Sabah yang mana ekonominya, *culture* nya, perhubungan infrastruktur ataupun logistiknya ada kaitan dengan Sabah. Jadi memang dia tidak boleh lari juga daripada Sabah. Jadi sebenarnya pembinaan jambatan ini sangat penting. Ia sudah tentu akan dapat *alleviate* ataupun membantu meringankan keadaan ekonomi Labuan yang sangat menekan sekarang ini apabila sektor minyak dan gas itu merudum.

Sebenarnya juga dengan pengumuman ini maka keyakinan pelabur akan bertambah, meningkat, malah melonjak. Memang pun sudah ramai juga selama ini pelabur-pelabur datang meninjau-ninjau untuk melabur di Labuan. Jadi, dengan adanya pengumuman ini sudah tentu ia akan dapat membantu untuk merencanakan lagi pembangunan terutamanya yang akan dibuat oleh pelabur-pelabur pihak swasta.

Kalau dari segi jangka masa panjang ataupun *long-term impact* dia dengan izin, sudah tentu ia akan dapat membawa manfaat yang lebih besar terutama dari segi pembangunan industri *tourism* ataupun pelancongan yang mana ia akan membuatkan ia mudah untuk *connectivity* nya akan bertambah baik dengan negeri Sabah yang memang sudah maju dengan pelancongan. Pada masa yang sama, Labuan sebagai bandar pelabuhan juga akan membuatkan pelabuhan kita akan lebih mempunyai potensi yang

besar untuk ia menjadi lebih maju. Oleh sebab ia akan mempunyai pasaran ataupun *hinterland* yang lebih besar.

Jadi, dengan terbinanya nanti *insya-Allah* sesuatu yang merubah keadaan yang mana selalu disebutkan jambatan ini adalah pemacu perubahan ataupun *game changer* untuk rantau tersebut. Maka, sudah tentulah banyak kesan lain, banyak persiapan lain yang perlu diadakan di Labuan. Jadi, saya di sini ingin mengambil kesempatan untuk mengajukan soalan. Soalan-soalan kepada kementerian-kementerian yang terbabit. Terutamanya Kementerian Pengangkutan yang saya sebutkan tadi pelabuhan kita akan jadi lebih sibuk memandangkan pelabuhan sekarang pun sudah sesak. Jadi diharapkan Kementerian Pengangkutan membuat perancangan dan memastikan peruntukan-peruntukan yang cukup diperuntukkan untuk memastikan pelabuhan Labuan suatu hari nanti secepat mungkin dapat disiapkan seperti yang dirancang supaya apabila pembangunan jambatan itu dibuat ia menjadi sesuatu yang berbaloi ataupun mendatangkan ROI yang besar.

Begitu juga sebenarnya kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan kita punya logistik yang bertambah baik maka Labuan sudah tentu akan mempunyai daya saing dari segi pelabur-pelabur untuk ditarik datang ke sana untuk melabur di dalam perindustrian. Labuan ini sebenarnya kita mempunyai *methanol plant* yang keempat terbesar di dunia. Jadi mungkin dengan adanya perubahan besar ini ia mungkin akan membuatkan *downstream* industri itu akan rancak dibangunkan. Begitu juga Labuan adalah pusat halal *hub*, bermakna kita mempunyai potensi yang besar untuk industri yang berkaitan dengan makanan laut terutamanya ataupun produk-produk halal yang lain yang mana ia perlu sokongan insentif dan sebagainya daripada kerajaan.

■1830

Saya berharap kementerian MITI dapat melihat dan saya juga ingin bertanya berapakah jumlah *investment* yang sudah masuk ke Labuan selama ini dan apakah potensi-potensi yang mungkin pihak MITI dapat lihat untuk Labuan. Begitu juga dengan kementerian KeTTHA, sudah tentu kita akan memerlukan persiapan untuk memastikan bekalan-bekalan air yang mana kita sekarang ini bergantung dengan negeri Sabah, paip di bawah laut. Akan tetapi, dengan adanya jambatan boleh jadi yang paip tidak lagi perlu lalu di bawah laut, boleh lalu di bawah jambatan sahaja dan ini pun sudah tentu akan memberi penjimatan kepada kerajaan. Begitu juga dengan kita punya bekalan elektrik dan yang lain-lain berkaitan dengan KeTTHA.

Untuk Kementerian Pelancongan, Labuan memang berpotensi, cuma tinggal hendak tunggu jambatan ini jadi dan seterusnya untuk kita *enhance* produk yang ada dan seterusnya untuk memastikan *investments* dalam bentuk seperti *resort* dan sebagainya. Bukan sahaja di Labuan, malah juga di seberang Kuala Penyu yang mempunyai pantai yang cantik akan menjadi lebih berpotensi dengan adanya jambatan ini. Maka, kawasan

sebelah Kuala Penyu, Beaufort juga akan mempunyai potensi yang lebih baik sebab akan mempunyai *airport* yang lebih dekat.

Jadi, saya harap Kementerian Pelancongan juga dapat memastikan perancangan ataupun peruntukan-peruntukan yang cukup disediakan untuk kawasan rantau ini. Saya ingin juga bertanya di sini sebenarnya Labuan yang dahulunya kita mempunyai peruntukan untuk Labuan *International Sea Challenge*. Satu acara ikonik Labuan yang mana tahun lepas sudah ditiadakan dan ini membuatkan kita rugi dari segi momentum yang sudah kita bangunkan selama ini tetapi tidak dapat diteruskan.

Begitu juga dengan banyak kementerian-kementerian lain, terutamanya Kementerian Pendidikan Tinggi juga, di mana Labuan adalah tempat bertapaknya cawangan Universiti Malaysia Sabah, di mana ia mempunyai kapasiti yang sudah penuh dan menanganinya adalah satu kampus yang disebut Kampus Antarabangsa Labuan, kita harap ia dapat diberikan perhatian.

*[Timbalan yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Jadi saya di sini ingin mengucapkan terima kasih terutamanya kepada kementerian-kementerian yang menyokong kepada akhirnya pengumuman *study* kepada jambatan ini iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah melalui UPEN dan Ketua Menteri Sabah dan JPN, EPU dan kementerian-kementerian lain. Jadi, saya harap marilah kita bersama-sama untuk memastikan perancangan ini dapat dilaksanakan dengan secepatnya dan ia akan memberi manfaat bukan sahaja dari segi keselesaan malah menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara kita. Jadi, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan yang telah dapat menyediakan bajet yang begitu baik dan saya ucapkan syabas kepada seluruh pasukan-pasukan yang membantu beliau dan saya Labuan mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**6.34 ptg.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan kesempatan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Bajet 2018. Saya lihat bahawa pembentangan bajet baru-baru ini, tidak pun menggambarkan satu penyelesaian sebenar, seperti mana majoriti mereka yang mengunjungi, ada satu web di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang meminta aduan ataupun pandangan rakyat, tentang apa keperluan mereka di dalam bajet yang akan dibentang dan telah pun dibentang baru-baru ini.

Majoriti mereka yang mengunjungi web tersebut, apabila saya melayarinya saya lihat bahawa ialah penyelesaian kepada masalah kos sara hidup. Akan tetapi, apa yang

digambarkan apa yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak menepati kepada permasalahan realiti yang sedang berlaku di peringkat kehidupan masyarakat tetapi sebaliknya apa yang dibawa ialah satu persembahan dengan unsur penceritaan yang dibawa dengan *showmanship* yang sudah tentu menarik dan saya percaya bahawa jika penonton Maharaja Lawak 2017 boleh mengundi, sudah tentulah bahawa inilah undian yang tertinggi yang akan diberi oleh penonton Maharaja Lawak 2017.

Saya sebutkan begitu kerana pemberian yang diberikan, yang hanya bersifat *one-off* yang hanya satu penyelesaian yang tidak menggambarkan satu penyelesaian yang sebenar. Akan tetapi, ia diberikan untuk sebagai satu unsur memberikan satu khayalan yang tidak lebih daripada macam orang minum 'ayaq' daun ketum. Macam orang minum 'ayaq' daun ketum 'campoq' dengan 'taik' lembu kering. Jadi, dia khayal, dia *high* yang sudah tentu dia akan lupa persoalan-persoalan sebenar yang sepatutnya diberikan perhatian oleh kehidupan masyarakat dan rakyat dalam negara kita.

Bayangkan saya cukup sedihlah, bila pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang hanya dapat RM4.10 sehari, bayaran khas RM1,500. RM4.10 sehari. Saya 'dok pikiaq' macam mana kalau Ketua Setiausaha Negara dia duduk di pintu tiap-tiap hari, di pintu orang dok balik kerja itu, dia bagi RM4.10, tiap-tiap hari. Hari Jumaat dia bagi lebih, *double* tiga fasal Jumaat, Sabtu, Ahad.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena, penjelasan, minta izin Tuan Yang di-Pertua, yang Pokok Sena, Pokok Sena sebut RM4.10 itu, yang itu elaun kah ataupun gaji?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Apa dia?

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tidak, yang disebut RM4.10 sehari itu kan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Bayaran Khas.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Itu elaun kah gaji?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Bayaran khas.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya:** Oh! Bayaran Khas, bukan gaji?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Bukan gaji lah.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya:** Jadi Bayaran Khas ini ia bergantung pada ihsan kerajaanlah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Yalah, betullah itu. Tapi saya hendak gambarkan bahawa itulah masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja kakitangan awam, sehingga CUEPACS sendiri pun menyebut bahawa, kakitangan awam kebanyakannya menghadapi masalah kos sara hidup yang sangat tinggi, yang terpaksa ditanggung oleh kehidupan mereka dengan RM4.10. Macam saya katakan tadi, kalau KSN ataupun KSU, ketua-ketua jabatan pengarah, ketua pengarah duduk di pejabat, di lif itu, bagi siapa hendak balik, 'nah' ambil RM4.10. Balik tidak tahulah saya ingat *depa* boleh hendak beli apakan, mungkin pisang goreng, 'cucuq kodoq' dan sebagainya. Jadi, begitulah juga yang

diberikan kepada tok imam dan sebagainya, RM1,500 juga. Elaun yang tidak menyelesaikan permasalahan yang sedang dihadapi oleh masyarakat dan rakyat dalam negara kita.

Jadi, sebab itu bagi saya bahawa, dia tidak lebih macam, orang minum 'ayaq' daun ketum. Saya menyentuh soal petani, petani padi, kawasan saya ialah kawasan petani dan negeri Kedah juga adalah negeri pertanian padi. Mereka merungut, macam pernah saya sebut baru-baru ini, Pertubuhan Peladang Negeri Kedah (PPK) buat Mesyuarat Agung, meluluskan satu usul untuk mengemukakan satu memorandum kepada pihak kerajaan mengecualikan GST kepada perkhidmatan dan juga barangan yang berkaitan dengan operasi pertanian padi, untuk dikecualikan daripada GST.

Sebab mereka mengatakan bahawa dengan adanya GST, telah menyebabkan kos operasi pertanian padi itu meningkat sampai 30 *percent* dan sudah tentu ini membebankan mereka sedangkan pendapatan mereka daripada pertanian padi ini tidaklah sebanyak mana. Tiba-tiba kerajaan hanya mengumumkan pemberian untuk RM200, pemberian khas untuk tiga bulan selepas daripada mereka menanam padi. RM200. RM200 ini, Yang Berhormat Tasek Gelugor. RM200 ini habuan-habuan hilang lenuh.

#### ■1840

Jadi, hendak buang bau-bau selut, sorang itu 'dok' meranduk bawa Kubota kan? Jadi, RM200. Ia bukan satu penyelesaian kepada masalah mereka. Mereka menghadapi masalah apa? Masalah kos operasi pertanian padi yang sangat tinggi. Jadi, sebab itu mereka minta kepada pihak kerajaan untuk pengecualian kepada apa-apa perkhidmatan dan juga belian barangan yang berkaitan dengan pengoperasian pertanian, penanaman padi mereka itu mesti dikecualikan daripada GST. Sedangkan kerajaan tidak pun memfokuskan kepada permasalahan yang dihadapi oleh pak tani. Jadi, sebab itu saya berharap bahawa kerajaan harus melihat kepada apa masalah sebenarnya, bukan menyelesaikan perkara-perkara yang tidak boleh mengatasi masalah mereka secara berpanjangan.

Keduanya, berkaitan dengan soal pertanian padi ini juga Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan juga dengan mereka juga menghadapi masalah pembekalan benih padi sah. Timbul isu sekarang ini. Petani-petani padi buat tunjuk perasaan kerana bekalan benih padi sah itu, pertama sekali kerana mereka terpaksa beli harganya tanpa subsidi. Selama ini mereka membeli dengan harga RM28. Harga tanpa subsidi ialah RM56 tetapi harga subsidi ialah RM28 untuk kampil 20 kilogram, kalau tidak silap saya. Akan tetapi sekarang ini, ia berlaku kelewatan untuk menanam padi, untuk membangunkan sawah padi mereka dengan tanaman baru pada musim ini kerana disebabkan petani tidak memperoleh bekalan benih padi sah yang bersubsidi. Mereka tidak mampu untuk hendak beli RM56 dan ini berlaku di mana? Di pusat pengeluaran benih.

Umpamanya, kalau di negeri Kedah itu, di Chantika. Chantika itu sebuah kilang yang disewa oleh MADA Corp. MADA Corp ini ialah yang mendapat salah satu kalau tidak silap saya, mendapat kuota pembekalan benih padi. Itu pun tidak mencukupi yang diberikan kepada MADA Corp. Mungkin ada syarikat-syarikat lain yang juga mendapat pembekalan untuk menyediakan pengeluaran benih-benih padi sah. Jadi, menyebabkan petani-petani padi tidak mendapat bekalan yang secukupnya, satu.

Keduanya, kalau ada bekalan tetapi bekalan itu dengan harga yang sangat tinggi dan ini akan meningkatkan lagi kos. Sedang berlaku sekarang ini kelewatan. Mereka sudah lewat dan saya baru sebentar tadi saya *check* dengan rakan-rakan yang terlibat dalam pertanian padi ini. Mereka mengatakan bahawa sehingga sekarang, di sesetengah tempat itu masih menghadapi masalah benih padi. Saya pun *check* dengan Kementerian Pertanian, masih lagi belum ada penyelesaian kepada masalah-masalah ini walaupun kerajaan mengaku akan kembalikan subsidi benih itu kepada petani.

Jadi, sebab itu saya minta supaya pertama sekali, kerajaan mesti segera membayar kepada petani yang sudah pun membeli benih dengan harga tanpa subsidi. Mesti bayar balik. RM56 tolak RM20-RM28. Maknanya, baki itu mesti dibayar balik kepada petani yang sudah pun membeli benih dengan harga tanpa subsidi, mesti beri. Kemudiannya kerajaan, saya hendak minta supaya baru-baru ini jawapan kepada Kementerian Pertanian kepada Ahli Parlimen Alor Setar. Dia mengatakan bahawa isu benih ini, kerajaan telah meluluskan untuk tempoh tiga tahun. 2017 sampai 2019 untuk sembilan buah syarikat pengeluar benih padi sah. Jadi, saya hendak mintalah—tadi saya kata MADA Corp. itu salah satu daripada syarikat yang diberi mengeluarkan benih padi.

Saya hendak minta supaya kerajaan menyenaraikan nama syarikat-syarikat yang mengeluarkan, yang diberikan kuota untuk mengeluarkan benih padi sah di seluruh negara. Kemudian, berapa jumlah? Setiap syarikat itu berapa jumlah yang telah pun diberikan untuk mereka mengeluarkan dan membekalkan benih padi sah untuk kegunaan petani-petani? Ini disebabkan isu benih padi sah ini, syarikat-syarikat yang diberi kuota ini, saya ingat saya sudah bangkitkan lama dah, sejak daripada Ahli Parlimen Tanjung Karang menjadi Menteri Pertanian. Ada masalah kerana masalah-masalah mainan yang dibuat oleh pembekal-pembekal benih padi sah. Jadi, sebab itu saya minta pihak kerajaan, khususnya pihak Kementerian Pertanian itu memperjelaskan kepada Dewan ini, sembilan buah syarikat itu, syarikat nama apa dan berapa jumlah setiap di kalangan mereka tersebut? Saya pun...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar bangun.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Sikit sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jangan lama sangat ya.



**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tidak, tidak lama, pasal kami berkongsi masalah yang sama di Kerian. Saya minta Yang Berhormat Pokok Sena masukkan dalam soalan kepada Menteri juga, apakah subsidi benih padi yang dikatakan bermasalah juga di Kerian, tempat saya. Oleh kerana bekalan tidak ada atau peruntukan tidak ada? Termasuk dengan soalan siapa yang jadi pembekal benih padi yang sah itu? Mohon dimasukkan Yang Berhormat Pokok Sena, kalau boleh. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya. Saya minta dijadikan sebahagian daripada ucapan saya, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar. Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar.

Kemudian, saya juga ingin mendapatkan penjelasan, apa penyelesaian kerajaan kepada berlakunya kekurangan kilang-kilang bumiputera, kilang-kilang padi bumiputera? Kilang padi dan beras ini, bumiputera. Seluruh, bukan sahaja di negeri Kedah tetapi di seluruh negara. Sewaktu LPN dahulu, kita melihat bahawa ada 200 sehingga 300 kilang bumiputera tetapi sekarang ini, ia hanya tinggal 25 kilang Bumiputera. Jadi, saya hendak minta, apakah penyelesaian kerajaan untuk membantu membangunkan pengilang-pengilang bumiputera yang ada ini?

Jangan sampai nanti bahawa akhirnya berlaku kepupusan kilang-kilang Bumiputera yang dahulunya mereka inilah yang banyak menguasai pasaran padi dan juga beras dalam negara kita ini dan mereka inilah yang banyak menyelesaikan masalah membantu para petani yang kebanyakan terdiri daripada orang-orang Melayu yang berada di kampung-kampung. Jadi, saya hendak minta pihak kerajaan memperjelaskan apa masalah selama ini sehingga menyebabkan daripada 200, 300 kilang bumiputera ini, tiba-tiba tinggal 25 buah kilang bumiputera sekarang ini. Oleh sebab itu, saya minta pihak kerajaan memperjelaskan, untuk saya mendapat penjelasan supaya kita sama-sama dapat membantu membangunkan kilang-kilang bumiputera ini.

Kemudian, saya hendak pergi kepada isu CEO MAS. Oleh kerana berkali-kali saya 'dok' bangkit sebab saya sendiri memang tidak puas hati sejak daripada pelantikan CEO MAS 'orang putih' yang mula iaitu Christoph Muller. Kemudian dia berhenti, lantik pula Peter Bellew, kemudian Peter Bellew ini pun berhenti. 'La' ini dia ambil balik orang Malaysia. Saya hendak tanya, kenapa Khazanah tidak peka masalah ini sejak daripada awal? Kenapa Khazanah yang bertanggungjawab terhadap masalah MAS ini, yang sekarang ini diubah nama kepada MAB, kenapa tidak peka kepada masalah MAS? Kenapa perlu kita ambil CEO daripada luar? Satu. Keduanya, bila dia letak jawatan—saya hendak tanyalah, daripada segi kontraknya, apa syarat-syarat yang telah ditandatangani sewaktu dia diambil bekerja sebagai CEO tempoh hari? Adakah dia dikenakan syarat untuk kalau dia berhenti, dia kena bayar kepada MAS dan berapa yang dia telah bayar kepada MAS?

Ketiganya, yang agak peliknya, dia daripada CEO, dia berhenti, turun pangkat jadi CEO, dia balik ke negeri dia dengan *company* Ryanair sebagai COO. COO ini maknanya,

saya 'dok' fikir tidak ada oranglah daripada CEO, 'hang' duduk, status 'hang' ini CEO. Tiba-tiba berhenti untuk turun balik kerana hendak balik kampung, hendak kerja COO sedangkan tempoh dia baru setahun lebih sikit sahaja. Christoph Muller pun dulu setahun. Peter Bellew pun dia setahun, setahun lima bulan kalau tidak silap saya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi, bagi saya bahawa sepatutnya daripada awal kerajaan tidak mengambil CEO daripada orang luar. Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh celah sikit? Saya hendak minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, silakan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena. Adakah Yang Berhormat Pokok Sena percaya apa yang CEO Bellew yang kata dia hendak balik kampung atau, 'ada udang di sebalik batu', ada ketam di sebalik batu? Minta komen.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Oleh sebab itu saya persoalkan tadi. Saya pun 'dok' fikir, adakah manusia daripada dia duduk pada perjawatan tinggi, hendak turun jadi bawah. Perdana Menteri pun tidak mahu turun. *[Ketawa]* Rakyat 'dok' suruh turun pun dia tidak mahu turun. Jadi, bagaimana seorang CEO yang mendapat gaji yang begitu lumayan, yang begitu besar, gaji kalau tidak silap saya dibayar bukan dalam Ringgit Malaysia. Dibayar dalam Euro.

#### ■1850

Ini bermakna bahawa gaji dia begitu tinggi. Jadi sebab itu saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah Khazanah dalam perjanjian kontrak bekerja sebelum ini meletakkan syarat-syarat yang dia kena bayar. Kalau ada dia kena bayar, berapa jumlah yang telah pun kita bayar.

Ketiganya, berkaitan dengan MAS ini ialah - saya hendak minta penjelasan bagaimana dengan beberapa keputusan yang dia telah buat sebelum ini yang saya lihat bahawa tidak menguntungkan kepada pihak MAS itu sendiri. Umpamanya, mengambil Ketua Bahagian Teknikal yang tidak mempunyai kualiti, yang tidak mempunyai kepakaran dan kemahiran dan diperakui oleh Menteri sendiri di dalam Dewan ini. Menteri Pengangkutan mengakui bahawa Jabatan Penerbangan Awam memperakui bahawa dia ini tidak mempunyai satu kelayakan yang mencukupi untuk menjadi Ketua Bahagian Teknikal yang juga merupakan orang dari luar.

Ketiganya, memberi dan menyerahkan – mengadakan perjanjian untuk bahagian MAS *Engineering*, Kejuruteraan MAS itu dengan syarikat penerbangan dari luar – saya tidak ingat, satu syarikat penerbangan dari luar – diserahkan kepada mereka sedangkan kita mempunyai kepakaran-kepakaran tertentu yang sudah sedia ada di dalam MAS *Engineering* dan juga beberapa syarikat lain yang mampu untuk mengendalikan pesawat-

pesawat MAS dari segi kejuruteraannya. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

Kemudian saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Kenapa pihak MARA menghentikan bayaran ataupun pembiayaan kepada pelajar-pelajar jurusan perubatan di Kolej Universiti Insaniah. Sewaktu Dato' Seri Mukhriz jadi Menteri Besar, mereka telah pun dapat satu perjanjian dengan pihak MARA untuk membiayai pelajar-pelajar dalam bidang perubatan.

Sekarang ini setelah beberapa tahun ini, MARA telah menghentikan dan hanya ada beberapa jumlah awal sahaja yang dibiayai oleh MARA dan menyebabkan ramai ibu bapa yang tidak berkemampuan kerana kos yang tinggi terpaksa beralih sama ada ke PTPTN pun tidak mencukupi dan pergi kepada Affin dan ini juga tidak mampu ditampung oleh ibu bapa.

Jadi saya minta kepada pihak kementerian yang bertanggungjawab terhadap MARA kenapa dihentikan sedangkan majoriti dikatakan keseluruhan 100 peratus dalam bidang perubatan di Kolej Universiti Insaniah itu adalah terdiri daripada anak-anak Melayu ataupun Bumiputera.

Kepada Kementerian Pengajian Tinggi saya hendak tanya kenapa Kolej Universiti Insaniah ini telah menghentikan pengambilan pelajar-pelajar dalam bidang perubatan dan sejak dua tahun kalau tidak silap saya pengambilan ini tidak diambil? Adakah mereka mempunyai masalah? Ini membimbangkan ibu bapa yang mengadu kepada saya nanti bagaimana selepas anak-anak mereka ini *graduated*, adakah nanti kelulusan mereka itu akan diiktiraf di luar untuk mereka bekerja di sektor pekerjaan dan sebagainya.

Akhir sekali, saya hendak minta penjelasan kepada pihak kerajaan, kenapalah pihak kerajaan menarik balik tentang perkhidmatan anggota UTK bagi bekas-bekas Perdana Menteri khususnya untuk Tun Dr. Mahathir dan juga untuk isteri dia Tun Dr. Siti Hasmah? Saya difahamkan ada dalam satu peraturan bahawa setiap bekas-bekas Perdana Menteri itu dibekalkan  *rider*, dibekalkan pengawal keselamatan dan juga UTK untuk mengawal keselamatan bekas-bekas Perdana Menteri.

Saya agak terkejutlah sebelum itu  *rider* ditarik balik. Ini baru dua hari ini telah pun dimaklumkan bermula hari ini tidak ada lagi UTK, hanya ada seorang sahaja pegawai polis yang disebut sebagai pengawal peribadi kepada Tun Dr. Mahathir yang masih kekal. Jadi saya fikir ini tidak patutlah, dia bukan buat apa pun kepada kerajaan dia hanya lawan UMNO, lawan UMNO dan Barisan Nasional, bukan dia hendak runtuhkan negara. Dia hendak menyelamatkan negara bagi saya, hendak membersihkan negara ini daripada kleptokrat.

Jadi adakah ini kerana dendam politik yang akhirnya menyebabkan ditarik balik yang menyebabkan lepas ini kalau ada kumpulan-kumpulan baju merah hendak pergi serbu dia pun tidak ada siapa hendak kawal lagi. Adakah ini yang dimahukan oleh pihak kerajaan sehingga dendam kesumat politik?

Akhir sekali, saya cukup-cukup merayu bahawa kebimbangan saya Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana politik yang ada dalam negara kita iaitu politik *blackmail*. Saya bimbang SPRM *blackmail*, polis *blackmail*, dan AG. Ini yang berlaku, dikatakan ada pegawai di Pejabat Perdana Menteri cuba campur tangan untuk *blackmail* institusi-institusi penguatkuasaan undang-undang dalam pembersihan.

Jadi politik *blackmail* ini akhirnya menyebabkan negara kita tidak dapat dibersihkan daripada jenayah yang berlaku dan rakyat hidup dalam negara ini tanpa pelindung melainkan Allah SWT. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tasik Gelungor.

#### **7.56 mlm.**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang kepada saya melibatkan diri dalam perbincangan Bajet 2018.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merafak rasa syukur Alhamdulillah dan terima kasih kerana diberikan peluang untuk turut sama-sama mengambil bahagian dan saya juga turut ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak atas kejayaan beliau atas membentangkan bajet bagi tahun 2018 yang bertemakan memakmurkan ekonomi yang inklusif, mengimbang keunggulan duniawi dan ukhrawi demi menyejahterakan kehidupan rakyat menuju aspirasi TN50.

Pembentangan itu juga memperuntukkan RM280.25 bilion yang menunjukkan pertambahan peruntukan sebanyak RM19.45 bilion berbanding Bajet 2017 iaitu RM260.8 bilion. Bajet 2018 ini semestinya merupakan satu bajet yang bersifat inklusif, bertanggungjawab dan juga komprehensif selain berpaksikan ke arah usaha meraih pertumbuhan ekonomi negara yang mampan dan berterusan. Jadi kita harapkan di pihak sebelah sana pembangkang tidak cemburu dengan keelokan dan kecantikan Bajet 2018 yang telah dikemukakan.

Selain daripada itu juga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seluruh barisan anggota Jemaah Menteri sememangnya patut diberi pujian di atas pendekatan berbeza dalam mentadbir negara dengan membela nasib rakyat sebaik mungkin tanpa mengambil kira latar belakang agama, kaum, atau kecenderungan politik sama ada dari ibu kota hinggalah ke luar bandar.

Dalam kesempatan ini juga saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh anggota pasukan keselamatan kita Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan seluruh anggota beruniform di seluruh negara khususnya Bomba, APMM, Rela dan juga pasukan-pasukan keselamatan yang lain termasuk Kastam,

pegawai-pegawai di Jabatan Hasil Dalam Negeri yang sentiasa berhempas pulas mencari sumber kepada peruntukan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, buktinya berdasarkan laporan ekonomi 2017 sehingga 2018, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kita telah mencapai 5.8 peratus pada suku kedua 2017. Berbanding dengan 5.6 peratus pada suku pertama pada tahun 2017. Ini jelas menunjukkan bahawa pertumbuhan KDNK adalah didorong oleh permintaan domestik serta peningkatan sektor luaran yang merangkumi sektor perkhidmatan, pembuatan, dan juga pembinaan yang terbukti menjadi penyumbang utama dalam memacu pembangunan ekonomi negara.

Bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi yang melebihi lima peratus sememangnya adalah sesuatu yang amat baik kerana aliran pertumbuhan ataupun pertumbuhan jangka panjang dapat berada di dalam lingkungan ini.

Selain daripada itu, badan kewangan antarabangsa tertinggi di dunia iaitu Bank Dunia juga telah turut menzahirkan rasa keyakinan terhadap prestasi ekonomi negara kita dengan memberi pujian kepada dasar-dasar negara khususnya melalui Program Transformasi Ekonomi.

#### ■1900

Program ETP adalah diperkenalkan pada tahun 2010 yang memberi tumpuan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di dalam usaha untuk memacu Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi yang inklusif dan mampan menjelang 2020. Maka dengan itu, sekali lagi dapat kita buktikan bahawa unjuran negatif yang dilemparkan oleh segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab dengan menyebarkan fitnah kononnya ekonomi negara akan merudum, negara akan bankrap, meleset dan sebagainya adalah tidak benar sama sekali.

Oleh sebab itu kita kena sentiasa mengambil iktibar dan perhatian kepada firman Allah SWT di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 217 [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud "*Sesungguhnya fitnah-fitnah itu adalah lebih besar dosanya daripada kesalahan membunuh*". Jadi, hidup ini janganlah asyik hendak mencari keburukan-keburukan orang lain apalagi asyik suka memfitnah demi mencari kepuasan diri agar diri berkuasa dan ingin dipercayai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin menyentuh beberapa isu. Pertama sekali adalah berkaitan dengan isu perumahan. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan yang telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menyelesaikan isu-isu perumahan kepada rakyat sama ada bersifat jangka pendek ataupun bersifat jangka panjang. Kalau kita melihat kepada apa yang disebut oleh Confucian, dia juga pernah menyatakan bahawa kekuatan sesebuah negara datang daripada integriti sebuah kediaman. Ayat ini menggariskan satu kebenaran penting bahawa perumahan bukan sahaja mengenai bumbung dan dinding tetapi ia juga berkait

rapat dengan pembangunan, keperibadian dan kemanusiaan dan juga ekonomi di dalam rumah tangga tersebut.

Saya percaya masalah perumahan ini mempunyai dimensi sosioekonomi lebih luas yang melibatkan kita semua. Secara fundamentalnya, isu ini adalah salah satu percanggahan yang semakin teruk antara penawaran bekalan dan permintaan disebabkan perubahan besar dalam pasaran perumahan dan peralihan demografi kita. Oleh hal yang demikian, isu ini bertambah buruk apabila bekalan rumah baru lebih banyak tertumpu kepada rumah berharga tinggi.

Isu kurangnya bekalan rumah agak meruncing terutamanya bagi segmen rumah mampu milik. Ini patut disedari oleh semua pihak. Oleh yang demikian, kita harus ingat bahawa penyediaan rumah mampu milik bukan sahaja telah menjadi satu cabaran kepada pembuat dasar di Malaysia, akan tetapi turut menjadi cabaran di seluruh dunia termasuk di Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan juga di New Zealand.

Seterusnya, kita patut bersyukur melalui Dasar Transformasi Negara di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pelbagai skim perumahan telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk disediakan kepada rakyat. Oleh sebab itu kita dapat melihat bahawa di Malaysia begitu banyak skim-skim perumahan yang telah diperkenalkan. Program Perumahan Rakyat (PPR), Skim Rent To Own, PR1MA, Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP), PPA1M, MyHome, MyDeposit dan banyak lagi skim-skim perumahan yang telah dibuat untuk menyesuaikan kepada pembeli-pembeli di kalangan rakyat sama ada mereka penjawat awam ataupun mereka adalah daripada penduduk awam di negara kita.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ya?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Hendak mencelah sikit boleh?

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Saya tertarik untuk bertanya kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor. Setahu saya, seingat saya, sebelum Dasar Transformasi Negara dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib menjadi Perdana Menteri, saya tidak melalui satu zaman di mana kita menumpukan pembangunan rumah "*Baiti Jannati*" ini, "Rumahku Syurgaku" dengan secara begitu komprehensif, secara besar-besaran sehingga kita kerajaan membuat perancangan membina satu juta rumah mampu milik dalam beberapa tahun.

Jadi saya tanya kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor, sebelum ini tidak ada tetapi Dalam Transformasi Negara ini kita mewujudkan inisiatif itu banyak untuk membina rumah mampu milik dan mungkin sebab – ini disebabkan oleh perkembangan ekonomi yang begitu rancak dalam pimpinan Barisan Nasional ini, menyebabkan negara kita maju, permintaan tinggi, *disposable income* banyak dan sebab itulah kita memerlukan rumah. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Tasek Gelugor? Terima kasih.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ya, saya amat bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Kota Tinggi. Apa yang saya sebutkan tadi cuma sebahagian. Kalau kita melihat perumahan-perumahan yang telah dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan seperti TNB, RISDA, FELCRA dan banyak lagi institusi-institusi di bawah Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan pelbagai skim perumahan untuk membantu rakyat. Jadi kita sepatutnya bersyukur kerana di negara kita ini isu perumahan rakyat diberi perhatian yang begitu berat oleh kerajaan kita, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jadi kita tahu bahawa penyelesaian sebuah rumah akan menjamin satu kehidupan yang berkualiti tinggi. Anak-anak sedang belajar, kesihatan akan terjamin dengan rumah yang lebih selesa dan juga kehidupan sosial masyarakat juga akan lebih cantik dan lebih bagus apabila hubungan dalam ahli keluarga juga terjalin dengan begitu baik kerana rumah yang mereka diami itu adalah rumah yang begitu baik dan selesa. Inilah satu negara yang boleh kita sifatkan sebagai negara terbaik di dunia yang menyediakan kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan sedikit lagi pandangan kepada kerajaan kita dan juga ingin bertanya kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang masalah untuk mendapatkan pinjaman dan juga mungkin kepada Kementerian Kewangan juga boleh menjawab persoalan ini. Bagaimana untuk kita atasi masalah dari segi kebolehpayaan pembeli-pembeli memiliki rumah yang mereka ingin beli? Ini kerana apa yang kita dengar sekarang ini ialah banyak pembeli-pembeli yang tidak dapat membayar bayaran deposit awal 10 *percent* dan juga bayaran yuran-yuran guaman dan lain-lain pembayaran *miscellaneous* yang telah diwajibkan atau ditetapkan kepada pembeli-pembeli perumahan yang dibina tersebut.

Jadi dalam hal ini kita perlu ada skim yang lebih baik untuk membantu pembeli-pembeli tersebut. Saya cadangkan supaya kerajaan menyediakan peruntukan deposit awal kepada pembeli-pembeli terutamanya bagi pembeli-pembeli B40. Bagi pembeli-pembeli M40, mereka disediakan kemudahan-kemudahan bayaran 10 peratus ini melalui pinjaman-pinjaman khas tanpa bunga ataupun mereka diberikan subsidi deposit bagi pembayaran deposit tersebut. Keadaan ini akan lebih meringankan bebanan ketua-ketua isi rumah yang berkenaan, yang sering kali dihimpit dengan pelbagai masalah khususnya

peningkatan kos sara hidup. Rata-rata kita melihat ketua isi rumah berpendapatan di antara RM3,860 sehingga RM8,019 bagi golongan M40.

Jadi dalam hal ini kadang-kadang kita lihat hampir lebih daripada separuh pendapatan mereka, terpaksa mereka gunakan untuk mereka membayar sewa rumah ataupun membayar kos bulanan pembelian bagi setiap rumah tersebut. Dalam hal ini, satu kaedah yang tertentu perlu kita wujudkan iaitu di antaranya skim pinjaman tanpa faedah kepada masyarakat kita bagi mereka mendapat satu keupayaan untuk membayar harga bulanan rumah-rumah yang mereka beli tersebut.

Selain daripada itu, kita melihat juga ada pihak-pihak yang menipu pembeli-pembeli dengan menawarkan skim-skim yang tidak masuk akal. Akan tetapi apabila pembeli-pembeli ini terlalu berkeinginan untuk memiliki rumah ataupun dalam keadaan terpaksa memiliki rumah, mereka menjadi begitu mudah terpengaruh dengan skim-skim palsu yang ditawarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

#### ■1910

Sebagai contohnya, sekarang ini pun pihak polis sedang menyiasat sebuah syarikat iaitu Syarikat DBI Properties yang menawarkan rumah kepada pembeli dengan harga yang jauh lebih murah daripada pasaran dalam lindungan RM60,000 sahaja sedangkan rumah tersebut tidak pun dapat dimiliki oleh pemilik-pemilik atau pembeli-pembeli yang berkenaan. Jadi dalam hal ini, selain daripada kita memikirkan tentang isu penyediaan rumah sama ada rumah mampu milik ataupun rumah kos rendah, kita juga kena memikirkan tentang kaedah-kaedah yang munasabah untuk kita menjamin bahawa setiap rumah yang dibeli ada pembelinya.

Saya ingin berkongsi satu pengalaman dengan Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan sekalian. Saya sebagai Pengerusi PERDA, kita telah membina rumah mampu milik di antaranya yang berharga RM250,000 ke bawah. Apabila hari kita melancarkan jualan rumah tersebut, ramai yang mendaftar sehingga rumah itu boleh dianggap *sold out*. Akan tetapi, apabila mereka cuba mendapatkan pinjaman bank bagi membolehkan mereka meneruskan pembelian, maka sebahagian besarnya tidak mampu ataupun telah ditolak oleh bank tersebut dengan sebab-sebab yang remeh temeh dan juga sebab-sebab yang berkait dengan kemampuan.

Jadi saya menyarankan kepada pihak kerajaan untuk kita mengkaji secara komprehensif apa sebenarnya masalah yang dialami oleh masyarakat kita sehinggakan bila kita buat rumah RM250,000 ke bawah pun masih ramai juga ahli-ahli masyarakat kita yang menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman ataupun keupayaan pembelian.

Jadi masalah bekalan rumah mungkin mencukupi untuk sesuatu kawasan tertentu tetapi masalah kita ialah bagi mendapatkan pembeli-pembeli yang kita maksudkan, yang berkeelayakan. Kita mempunyai masalah kerana mereka di-*blacklist*-kan oleh bank dan juga mereka tidak diberikan keupayaan untuk membuat pinjaman hanya kerana ada beberapa perkara-perkara tertentu yang mereka tidak dapat tunaikan seperti nama mereka



di-*blacklist*-kan di dalam CTOS dan sebagainya. Jadi ini juga adalah satu masalah yang membelenggu masyarakat. Walaupun rumah dibina tetapi tiada keupayaan membeli. Ia akan menjadi satu kudis kepada isu perumahan dalam negara kita.

Dalam hal ini juga, rumah sepatutnya dijual lebih murah. Saya juga telah mengkaji terutama sekali di negeri saya di Pulau Pinang, harga rumah begitu tinggi sekali dan harga rumah yang tinggi tersebut bukanlah disebabkan oleh harga bahan ataupun harga barang semata-mata tetapi harga rumah yang tinggi ini adalah disebabkan oleh pemaju mengenakan harga rumah yang tinggi dan pemaju mengatakan bahawa mereka sebenarnya telah dikenakan caj atau *fees* yang juga tinggi oleh pihak kerajaan negeri.

Jadi dalam hal ini, kita melihat bagi R&D *contribution* sahaja, caj yang dikenakan daripada RM5,000 pada tahun sebelumnya dinaikkan kepada RM50,000. Begitu juga kos untuk *carpark* ataupun *parking*, telah naik kepada RM15,000 per unit. Begitu juga kita melihat bayaran pelingkungan semula, bayaran peningkatan densiti dan plot ratio telah dinaikkan begitu tinggi. Bayaran naik taraf jalan juga dinaikkan begitu tinggi. Caruman perparitan juga dinaikkan begitu tinggi. Walaupun dibayar oleh pemaju tetapi kerajaan negeri tidak bayar kepada Jabatan Parit dan Saliran. Premium tanah, kalau diubah syarat, caj yang dikenakan begitu tinggi. Banyak caj-caj *miscellaneous* dikenakan ini yang menguntungkan pihak kerajaan negeri tetapi merugikan pengguna, merugikan pembeli dan kita tidak boleh menyalahkan pihak pemaju kerana pemaju terpaksa menanggung kos yang begitu tinggi iaitu kos pengurusan yang telah disebutkan tadi. Jadi itulah menyebabkan masalah-masalah pemilikan rumah di bandar-bandar tertentu khususnya di negeri saya, di negeri Pulau Pinang.

Oleh sebab itu, saya ingin juga mencadangkan dan menyebutkan di sini bahawa saya amat bersetuju dengan cadangan daripada KPKT dan kerajaan kita bahawa rumah-rumah patut dibina dengan menggunakan konsep IBS iaitu sistem bangunan berindustri yang mana kos rumah IBS ini jauh lebih rendah daripada kos-kos rumah biasa. Jadi, satu program bagi memahamkan masyarakat mestilah kita adakan. Dan saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah program-program yang telah dibuat untuk memahamkan masyarakat kita tentang industri rumah ataupun rumah berindustri ini yang diasaskan atau dibuat melalui sistem IBS ini?

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, sidang hadirin Ahli-ahli Dewan, dalam hal ini juga, kita boleh melihat bahawa pihak kerajaan mestilah memberikan satu lagi perhatian dalam isu amah. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan yang telah memberikan ruang untuk kita mendapatkan pembantu rumah secara *online* dan secara lebih murah. Ini sepatutnya telah lama diwujudkan. Saya telah berpengalaman secara peribadi menguruskan untuk mendapatkan pembantu rumah dalam cara sebelum ini di mana saya rasa begitu perit dan terseksa dengan kos yang begitu tinggi dan juga prosedur di Jabatan Imigresen yang tidak menentu.

Saya berpengalaman pergi ke Jabatan Imigresen di Putrajaya. Saya ingin meminta pihak Imigresen Putrajaya tolonglah mengambil tindakan, sediakan pegawai-pegawai kaunter yang lebih mesra pelanggan, yang tahu melayan pelanggan dan tidak hanya menjaga ejen-ejen yang berurusan dengan mereka sahaja. Selalunya kita melihat apabila ejen masuk sahaja, ejen mendapat prioriti tanpa ada nombor, tanpa ada apa-apa lain dapat keistimewaan tetapi yang *walk-in* ini tidak dilayan, tunggu sampai sejam pun selepas itu disuruh ubah dari kaunter ke kaunter, dari tingkat ke tingkat. Tingkat dua pergi tingkat empat, habis urusan tingkat empat, turun tingkat dua.

Dalam negara yang sudah begitu moden, imigresen ini berhadapan dengan klien dari seluruh dunia, kita patut menunjukkan satu imej pengurusan yang terbaik. Kita juga pernah pergi ke imigresen-imigresen lain di negara-negara lain. Kita lihat mereka urus dengan begitu tertib dan juga pegawai-pegawai mereka tidak sambil lewa. Pegawai-pegawai mereka lebih tertib dan tahu memberikan satu perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan-pelanggan tanpa mengira siapa mereka. Saya tidak memperkenalkan diri saya sebagai seorang Ahli Parlimen. Saya pergi sebagai seorang biasa dan saya boleh merasai bahawa peritnya seorang rakyat biasa berurusan dengan Imigresen di Putrajaya.

Jadi saya mintalah secara khususnya pihak yang terlibat memperbaiki, memperkemaskan dan mempercantik. Urusan mendapatkan pembantu rumah secara *online* ini adalah satu perkara yang amat-amat baik dan amat disokong dan saya hendak mencadangkan bahawa urusan pengambilan pembantu rumah ini bukan hanya boleh dibuat di Putrajaya semata-mata, kalau boleh, perkara ini juga hendaklah dapat diuruskan di semua pejabat-pejabat imigresen yang ada di seluruh Malaysia dan ia akan memberikan satu kemudahan kepada rakyat untuk mendapatkan servis bagi tujuan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga saya, ingin menyentuh tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masa sudah habis, Yang Berhormat. Sudah lebih tiga minit.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ya. Okey. Tak apa, saya akur kepada apa yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya dengan ini, dengan besar hatinya menyokong draf ataupun menyokong Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lumut. Tidak hendak? Sila.

**7.19 ptg.**

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah syukurillah*. Tuan Yang di-Pertua, Lumut

berpandangan secara jujur dan ikhlasnya pembentangan Bajet 2018 yang bernilai lebih RM200 bilion yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan yang tidak berapa *credible* itu tidak memberi sebarang makna kepada rakyat selagi skandal yang memalukan serta merugikan rakyat terus berlaku.

#### ■1920

Justeru itu, dengan ini Lumut bagi pihak rakyat menuntut jaminan dari pihak kerajaan agar kes-kes seperti berikut tidak berulang. Antaranya; kecurian berjuta-juta ringgit di Jabatan Air Sabah, kehilangan berjuta ringgit di Kementerian Sumber Manusia untuk projek-projek rakyat di Bagan Datoh dibanteras, kehilangan RM100 juta di Kementerian Belia dan Sukan, kecurian berbilion ringgit wang FELDA ekoran perolehan aset palsu, kerugian berjuta ringgit wang MARA seperti pembelian aset di Australia, kerugian yang dialami oleh FELCRA, pembaziran dalam pelaksanaan projek Kementerian Pendidikan oleh sebab kita melihat banyak kuarters yang telah dibina tapi tersadai tidak diduduki seperti yang berlaku di Sungai Petani, begitu juga yang saya lihat di Kuala Selangor dua tingkat atas kosong tidak digunakan.

Tuan Yang di-Pertua begitu juga dengan kehilangan berbilion ringgit melalui perdagangan 1MDB. Kalau saya hendak sebutkan *list of blunder and plunder* sebanyak 73 lagi senarai saya boleh sebutkan Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk melaporkan pembaziran projek pembinaan RM28 juta Marina Jabatan Laut Pulau Mentagor di Pangkor yang masih tidak dioperasikan walaupun telah siap dibina lebih 15 tahun yang lalu Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga dengan Jeti Sungai Penang Kecil telah dibina tetapi tidak boleh digunakan kerana silap spesifikasinya.

Tuan Yang di-Pertua, Lumut begitu bersimpati terhadap warga Lembaga Hasil Dalam Negeri serta Kastam dan Eksais Diraja Malaysia yang bekerja keras mengutip hasil negara untuk kebajikan rakyat tetapi telah disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sama ada dari pihak kakitangan awam mahupun pemimpin-pemimpin yang rakus.

Tuan Yang di-Pertua, seandainya semua pihak di kalangan kakitangan awam mahupun pemimpin-pemimpin yang rakus ini memiliki sifat amanah dan bertanggungjawab serta sentiasa akur dengan perintah Allah SWT sudah pasti kebajikan rakyat terbela sebaik mungkin.

Rakyat tidak menderita dengan perbelanjaan sara hidup, rasuah dan salah guna kuasa telah menghancurkan sifat-sifat kesyukuran kepada Allah SWT. Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada kerakusan telah mengakibatkan kerugian kehilangan berterusan hak rakyat di mana kerajaan telah gagal menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Kebajikan rakyat khususnya warga tentera dan veteran tentera serta lain-lain komuniti rakyat. Maka sebab itu, di sini Lumut ingin membincangkan perkara-perkara yang akan memartabatkan semua kedudukan Angkatan Tentera Malaysia dan warganya yang meliputi veteran Angkatan Tentera Malaysia.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Ya, Yang Berhormat Batu boleh, silakan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebelum Yang Berhormat Lumut sampai ke peringkat itu, saya ingin dapatkan pandangan dari Yang Berhormat Lumut satu isu yang di prihatin oleh rakyat Malaysia dan seluruh dunia iaitu pembelian kapal selam yang kini mahkamah Perancis sudah mendakwa seorang Razak Baginda di atas penyelewengan. Tetapi saya ingin dapat pandangan dari Yang Berhormat Lumut, sudah tentu seorang pegawai itu tidak mungkin mempunyai kuasa yang begitu besar tanpa pengetahuan Jeneral atau Menteri. Apa pandangan Yang Berhormat Lumut tentang kes ini? Adakah berpatutan ada siasatan lebih lanjut memandangkan mahkamah Perancis sudah mulakan dakwaan?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat Batu. Saya berpandangan pembelian Scorpene atau kapal selam merupakan satu skandal. Sekiranya kita lihat dakwaan telah dibuat di Perancis maka saya yakin dan percaya ia juga melibatkan kes-kes yang berlaku di Malaysia. Oleh itu, kita minta pihak kerajaan untuk menjawab tindakan seterusnya ke atas dakwaan yang telah dibuat di Perancis ini dan apa kaitannya dengan kes di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pertahanan dilaporkan berkata saya *quote* bahawa "*Kementerian Pertahanan mewujudkan makmal perbincangan khas untuk mengenal pasti kaedah terbaik secara holistik untuk meringankan kebajikan veteran tentera yang tidak berpencen*". Beliau juga berkata, "*kos sara hidup dimasukkan dalam hala tuju Kementerian Pertahanan bagi tujuan membantu veteran tentera. Kementerian akan memikirkan kaedah terbaik supaya masalah yang dihadapi mereka dapat ditangani. Selain dari meningkatkan kebajikan veteran tentera yang tidak berpencen, isu mengenai rumah mampu milik bagi anggota itu juga dibincangkan*".

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan itu bukan isu baharu. Malahan isu yang sudah menjadi perbincangan dan tuntutan di kalangan veteran sekian lama dan juga di kalangan anggota tentera yang masih berkhidmat. Kekangan yang terbesar yang dihadapi oleh angkatan tentera dalam memperjuangkan hak anggota mereka berpunca daripada keengganan kerajaan antara lain mengiktiraf serta memahami kuasa Majlis Angkatan Tentera seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Jika diamati betul-betul kandungan Majlis Angkatan Tentera dan kuasa yang diberikan kepada majlis tersebut maka umum akan sedar bahawa kerajaan telah melanggar beberapa peruntukkan dan dasar yang termaktub dalam majlis tersebut terutamanya hal-hal yang bersangkutan pentadbiran angkatan tentera khususnya mengenai penentuan pengiraan gaji, elaun dan urusan kerjaya anggota angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku sekarang adalah kerajaan melalui jabatan tertentu telah menjadi penggubal dasar yang akan menentukan hak gaji dan elaun anggota tentera yang diselaraskan pula dengan gaji dan penjawat awam. Perbuatan ini ternyata salah dari sudut Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kuasa kepada Majlis Angkatan Tentera untuk menggubal dasar pembelian gaji dan elaun yang bersesuaian bagi anggota tentera. Yang lebih menghairankan adalah selama ini pemerintah-pemerintah tertinggi angkatan tentera sendiri tidak sedar wujudnya Majlis Angkatan Tentera dengan kuasa yang begitu luas dalam hal-hal pentadbiran angkatan tentera atau adakah mereka tidak memahami tentera atau adakah mereka tidak memahami tentang kuasa tersebut dan hanya berpuas hati dengan apa sahaja yang diperuntukkan oleh kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perbincangan di atas maka saya rumuskan apa jua yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyentuh dan elaun bagi anggota tentera termasuk veteran pada Perhimpunan Raksasa 31 Julai 2017 adalah tidak sah kerana tidak melalui proses yakni kelulusan Majlis Angkatan Tentera seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Keengganan-keengganan pemerintah tertinggi angkatan tentera memperakui supremasi Majlis Angkatan Tentera maka itulah sebabnya status mereka juga dilihat rendah oleh pihak-pihak tertentu dalam perkhidmatan awam. Sekiranya pemerintah tertinggi angkatan tentera masih enggan memperakui supremasi Majlis Angkatan Tentera maka, tidak hairan jika Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan pada satu ketika nanti akan menguasai segala urusan angkatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan bahawa kuasa Majlis Angkatan Tentera lebih dari itu. Berikut adalah pandangan saya dari segi undang-undang yang ada. Artikel 41 Yang di-Pertuan Agong adalah paling tertinggi dalam Angkatan Tentera Persekutuan. Kuasa Yang di-Pertuan Agong ini tidak dicabar oleh mana-mana undang-undang mahupun Perlembagaan Persekutuan itu sendiri. Kuasa ini dilihat sebagai mutlak. Dalam artikel 137, mengatakan bahawa Majlis Angkatan Tentera bertanggungjawab terus kepada Yang di-Pertuan Agong dalam hal-hal pemerintahan, pentadbiran, disiplin dalam Angkatan Tentera Malaysia. Dalam artikel 132, dengan jelas menyatakan bahawa Angkatan Tentera Malaysia adalah perkhidmatan yang teratas antara semua perkhidmatan awam kerajaan.

Semua jawatan dalam Majlis Angkatan Tentera akan dilantik terus oleh Yang di-Pertuan Agong kecuali pengerusi dan setiausaha dilantik oleh Perlembagaan dan wakil Raja-Raja Melayu dilantik oleh Raja-Raja Melayu sendiri. Kuasa Majlis Angkatan Tentera amat luas dan diberi dalam Akta Angkatan Tentera 1972. Kuasa mengambil anggota, kuasa mentauliahkan pegawai, kuasa membuat Skim Perkhidmatan Tentera, kuasa membuat gaji, kuasa membuat pencen dan lain-lain hal berkaitan. Majlis Angkatan

Tentera berkuasa membuat gaji dan pencen secara retrospektif sebelum Akta Angkatan Tentera 1972 dibuat.

#### ■1930

Semua kuasa-kuasa ini dibuat atas arahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jika dibaca Perlembagaan dengan teliti Pengerusi dan Setiausaha Majlis Angkatan Tentera tidak ada kuasa veto tetapi hanya menjalankan kuasa lazim sebagai Pengerusi dan Setiausaha Mesyuarat sahaja.

Berdasarkan kepada wasiat Raja-Raja Melayu yang dibuat pada tahun 1957, Raja-raja Melayu telah meletakkan askar Melayu yakni Angkatan Tentera Malaysia sebagai penjaga tanah tumpah darah orang Melayu dan penubuhan askar Melayu juga adalah kehendak beberapa Raja-raja Melayu dalam awal tahun 1930an lagi. Walaupun Artikel 137 mengatakan kecuali kegunaan operasi Angkatan Tentera Malaysia, Yang di-Pertuan Agong tetap Panglima Tertinggi Angkatan Tentera. Di atas Panglima Angkatan Tentera dan semua jawatankuasa Panglima-panglima adalah di bawah Yang di-Pertuan Agong secara *chain of command*, dengan izin, atau rangkaian pemerintahan.

Menurut Artikel 139, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak ada *jurisdiction* yakni, dengan izin, terhadap pentadbiran Angkatan Tentera Malaysia. Ini bererti Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Kementerian tidak ada hak menentukan hal-hal gaji dan pencen Angkatan Tentera Malaysia dalam Akta Pencen dan Akta Penyelarasan Pencen dan pun Angkatan Tentera Malaysia dikecualikan dalam senarai. Justeru itu, saya merasakan adalah tidak betul pegawai-pegawai perkhidmatan awam menentukan hal-hal gaji dan pencen Angkatan Tentera Malaysia hinggakan masalah veteran menjadi terpinggir atau terhina bertahun-tahun tanpa dibela sewajarnya.

Justeru itu, saya berharap pihak kerajaan dapat mengambil perhatian dan membetulkan keadaan ini demi insan-insan dan veteran yang telah berkorban demi mempertahankan negara dan keamanan negara. Yang ini mengembalikan pengurusan gaji-gaji dan elaun warga tentera dan Veteran Angkatan Tentera Malaysia haruslah diurus oleh Majlis Angkatan Tentera. Dalam hal ini juga...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Lumut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Sungai Petani bangun.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Oh, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Lumut. Sedarkah Yang Berhormat Lumut bahawa di kementerian ada jawatan veteran dan ramai di kalangan bekas-bekas anggota tentera kita datang berjumpa- ramai yang mengatakan bahawa kadang-kadang permintaan-

permintaan mereka ataupun benda-benda yang mereka hendak minta pada veteran itu seolah-olah susah sangat.

Sebagai contoh, saya ada satu kes di mana seorang tentera yang isterinya di peringkat- kanser *stage 4*. Akan tetapi bila dimajukan kepada veteran, sampai sekarang hampir 15 bulan satu jawapan pun tidak ada, itu satu kes. Saya rasa banyak kes-kes ini terjadi bukan sahaja di Sungai Petani serta ramai di kawasan-kawasan kita semua, di mana bekas-bekas tentera kita tidak mendapat layanan daripada Jabatan Veteran. Apakah Yang Berhormat Lumut rasa ini di antara penyebabnya apabila majlis tidak mengambil tindakan tegas terhadap apa yang, Yang Berhormat Lumut katakan tadi? Terima kasih, Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**

Terima kasih, Yang Berhormat Sungai Petani. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Petani memang oleh sebab Majlis Angkatan Tentera tidak mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan sesuatu perkara kebajikan warga veteran Angkatan Tentera maka keadaan ini telah berlaku. Bukan sahaja kes kanser tetapi kes dialisis juga berlaku di seluruh negara. Maka, dengan itu kita tuntut supaya kerajaan memperkasakan Majlis Angkatan Tentera seterusnya memperkasakan Jabatan Hal Ehwal Veteran sebagaimana Presiden Donald Trump memperkasakan *Veteran Administration*.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya memohon kerajaan supaya melihat elaun-elaun warga tentera yang bertugas di garisan hadapan. Buat masa ini, warga Angkatan Keselamatan yang bertugas di pulau-pulau dan di terumbu-terumbu hanya dibayar RM16.00 sehari sahaja. Ini saya rasa tidak berbaloi dengan pengorbanan yang dilaksanakan. Dengan itu, saya memohon supaya ia dilihat kembali dan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertahanan. Apakah muslihat dan tujuan mereka mewujudkan pangkalan-pangkalan di Segamat, di Hutan Melintang dan memindahkan beberapa ramai pengundi ke Kamunting. Apakah hasrat dan tujuan? Oleh sebab yang kita boleh lihat dan boleh kita rasai bahawa pilihan raya semakin hampir. Adakah ini bertujuan semata-mata untuk mendapatkan undi tambahan kepada kawasan-kawasan Parlimen tersebut? Oleh sebab itu, saya ingin menyeru kepada warga tentera ini merupakan penganiayaan kepada warga Angkatan Tentera. Mereka peralatkan warga Angkatan Tentera untuk mendapat undi tambahan. Ini tidak adil kepada warga Angkatan Tentera.

Oleh sebab itu, saya menyeru supaya tindakan ini dihentikan. Oleh sebab, kita lihat di Segamat baru sebahagian daripada pangkalan dibina ataupun markas dibina tetapi dikatakan telah ada 1,500 orang penduduk sedangkan tidak ada orang. Begitu juga di Hutan Melintang apabila saya lihat tidak ada kuarters pun didirikan di situ tetapi telah didaftarkan pengundi awal untuk Kem Hutan Melintang.

Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin merayu bagi pihak warga Jabatan Telekom Malaysia, warga Jabatan LLN, warga TNB dan warga Pos yang telah dibersarakan pada

Skim Pencen Khas sejak 1987 yang kini dibayar hanya RM250.00 sebulan, Tuan Yang di-Pertua. Kita menuntut kepada kerajaan supaya melihat kadar ini dipertingkatkan. Kalau boleh mereka menuntut supaya dibayar RM800.00 sebulan. Kalau tidak boleh bagi diskaun.

Saya juga ingin meminta kerajaan beri peruntukan secukupnya kepada pemasangan lampu-lampu di luar bandar, di kampung-kampung supaya tuntutan menjadi negara maju 2020 dapat dibuktikan dengan menyalakan, menerangkan kawasan kampung-kampung itu jadilah, Tuan Yang di-Pertua memandangkan kita lihat negara maju segala nikmat kemajuan dinikmati oleh Kuala Lumpur, Putrajaya, Cyberjaya. Kuala Lumpur, Putrajaya, Cyberjaya. Sitiawan, Parlimen Lumut? Tidak ada apa-apa. Begitu juga dengan Kuala Krau agaknya, tidak ada apa-apa, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan sebab itu kita menuntut supaya kerajaan membuat cara bajet yang berlainan. Saya pernah mencadangkan supaya tiap-tiap Ahli Parlimen diberi peruntukan RM1 bilion untuk lima tahun dan serahkan kepada Ahli Parlimen tersebut untuk membangunkan kawasan Parlimen mereka. Sekiranya mereka tidak amanah, mereka tiris, mereka rasuah tangkap mereka tidak ada masalah.

Ini semuanya dipusatkan di Kuala Lumpur. Maka sebab itu ketirisan, kebocoran segala-galanya adalah perkara-perkara yang mazmumah ini tidak baik berlaku bermula dari Kuala Lumpur dan pepatah mengatakan, "*Tepuk tangan sebelah tidak akan berbunyi*". Rasuah, ketirisan, kebocoran, kecurian berlaku sekiranya pihak kerajaan tidak bersetuju dengan pihak pembangkang maka tidaklah berlaku rasuah. Maka sebab itu kita menuntut supaya kerajaan memperketat usaha-usaha untuk melawan rasuah sehingga menjadi sifar rasuah, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Luar apakah status tuntutan kita terhadap Rumah Api di Pulau Pisang? Saya harap sesuatu tindakan telah diambil dan sebaik-baiknya senggaraan, pemeliharaan dan urusan Rumah Api di Pulau Pisang biarlah kita uruskan. Kita tidak mahu pisang berbuah dua kali seperti Pulau Batu Putih. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sebelum saya tutup, Tuan Yang di-Pertua. Rintihan rakyat.

*"Bajet datang, bajet pergi,*

*Tiap tahun pelbagai cerita,*

*Komen sana kutuk sini,*

*Apa guna apakan daya lebih baik harapkan diri sendiri".*

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bajet Pakatan Harapan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan ketawa*] [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Libaran.



**7.39 mlm.**

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk serta bahas Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tanggal 27 hari bulan Oktober 2017 yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan bajet dengan tajuk, "*Memakmurkan Ekonomi yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi, Demi Sejahteraan Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50*".

**■1940**

Sehebat dan sepadan tajuk, isi kandungannya juga dirangka dengan begitu terperinci dan merangkumi setiap spektrum sosioekonomi utama negara agar dapat memberikan manfaat kepada setiap rakyat Malaysia. Dengan peruntukan sebanyak RM280.25 bilion berbanding bajet pada tahun 2017 iaitu sebanyak RM260.8 bilion, meningkat lebih kurang RM20 bilion. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, setiap ringgit yang diperuntukkan bakal disalurkan melalui pelbagai bentuk bantuan serta inisiatif bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat.

Saya dan seluruh rakyat Libaran ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Pekan di atas segala kejayaan serta pengiktirafan yang telah kita capai. Di sini jelas bahawa Malaysia bukanlah negara yang gagal atau mundur seperti mana yang diperkatakan oleh sesetengah pihak, terutama sekali pihak pembangkang. Rakyat terasa terbeban kononnya dengan kos sara hidup yang tinggi, rasuah kononnya berleluasa di sana sini tetapi realitinya, kerajaan membentangkan bajet yang amat komprehensif dan bajet yang terbaik di dalam sejarah negara kita selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, benarkah negara kita gagal ataupun Kerajaan BN dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita? Saya hanya mungkin mengambil contoh-contoh di antaranya, kalau kita lihat rakyat hidup masih dalam keadaan sejahtera, aman, kita boleh balik kalau kita mahu, dari pagi mungkin pagi esoknya. Jadi, ini menunjukkan bahawa negara kita masih lagi dalam keadaan yang baik. Keduanya, kita lihat ada lima universiti kita yang terbaik di antara 300 universiti di seluruh dunia. Ketiganya, passport kita adalah antara passport yang terkuat di dunia dan kita mempunyai akses bebas visa lebih kurang 150 negara di seluruh dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan seperti mana kawan-kawan saya dari negeri Sabah. Bahawa di Sabah, sebilangan rakyat negeri Sabah mungkin juga disokong oleh beberapa kumpulan, bahawa Kerajaan Persekutuan tidak adil kepada negeri-negeri di sebelah Timur seperti Sabah dan juga Sarawak iaitu menjurus ke arah mula kita merdeka pada tahun 1963. Di mana kononnya Kerajaan Persekutuan tidak menepati janji, di mana *Malaysian Agreement 1963* itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat pendekatan Kerajaan Barisan Nasional di peringkat negeri dan Persekutuan, bukan sahaja hubungannya baik tetapi Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan juga yang di peringkat negeri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Musa Hj. Aman selaku ketua kerajaan negeri, mengambil pendekatan berunding. Di mana kalau kita lihat bajet pada kali ini, Sabah menerima peruntukan pembangunan terbanyak berbanding negeri lain iaitu sehingga mencecah lebih kurang RM6.5 bilion. Peruntukan sebesar itu disalurkan sejajar dengan aspirasi Perdana Menteri ingin melihat bahawa Sabah juga akan terus membangun selari dengan negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat ini sebagai mungkin jawapan kepada mereka yang mungkin sudah terpesong dengan diayah-diayah pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Pencapaian negeri Sabah daripada segi pengurusan kewangan, pada tahun 2001, dana negeri Sabah hanya mencecah RM100 juta, sebagai satu contoh. Akan tetapi pada tahun ini, Sabah mempunyai lebih kurang RM3.7 bilion, manakala daripada segi kutipan hasil, pada 2014, Sabah mengutip lebih kurang RM4.5 bilion yang tertinggi pernah kita kutip. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, SDC ataupun pelaburan yang dibawa oleh SDC, mengenai pelaburan asing, kita boleh menarik lebih kurang RM57 bilion. Jadi, ini menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri sudah tentu ada perundingan dalam memajukan negeri Sabah itu sendiri.

Ada rakan saya daripada pihak sebelah sana iaitu wakil rakyat dari Sabah juga membangkitkan soal kadar kemiskinan. Kalau kita lihat pada tahun 2009, negeri Sabah mencapai 19.7 peratus kadar kemiskinan. Akan tetapi pada tahun ini, Sabah dikurangkan kadar kemiskinannya menjadi 2.9 peratus. Jadi, ini menunjukkan juga bahawa negeri Sabah tidak dipinggirkan daripada soal-soal kepentingan sebagaimana yang disebutkan oleh pihak-pihak tertentu.

Mengenai penyelesaian pendatang asing, saya dengar semalam ada Yang Berhormat dari Penampang menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri, mungkin Menteri nanti akan menambah, bahawa kita tidak berbuat apa-apa sehingga pendatang asing mungkin tidak mengikut ataupun ada orang-orang sengaja membawa pendatang asing. Saya setuju. Di Sabah sememangnya kita dilambakkan oleh pendatang asing dari negara-negara mungkin jiran kita dari Filipina contohnya dan dari Indonesia. Akan tetapi itu dulu, mungkin. Saya tidak tahu. Zaman-zaman dahulu tetapi hari ini kalau kita ikut laporan iaitu dengan pendekatan tiada hari tanpa operasi.

#### ■1950

Sejak tahun 1990, pendatang asing ini kita sudah pulangkan ke negara-negara mereka lebih kurang 553,692 pendatang asing ini sudah kita kembalikan di negara asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang dibangkitkan yang tidak puas hati konon-kononnya seperti yang saya sebut bahawa pemberian tanah di Sabah ini konon-kononnya kerajaan tidak melakukan sesuatu. Kalau kita lihat data daripada tahun 2010 sehingga

tahun 2017 sebanyak 119,83.3 ekar luasnya telah pun diserahkan kepada lebih kurang 213 kampung melibatkan pemilik tanah sebanyak 10,462 orang.

Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja, Kerajaan Persekutuan juga dalam bajet ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah menyebut di Sabah sebanyak 20 juta lagi bagi menyelesaikan pemilikan tanah bagi Program Tanah Anak Negeri Sabah. Jadi ini membuktikan bahawa Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mempunyai hubungan yang baik yang sudah tentu kita meletakkan bahawa *agreement* kita dahulu sekurang-kurangnya kita dapat - orang kata berunding secara meja bulat, bukan kita berunding ataupun kita gunakan secara kekerasan.

Saya selaku rakyat dan juga wakil rakyat dari negeri Sabah khususnya dari Libaran, saya amat bersyukur kerana sejak kita mencapai kemerdekaan, iaitu maksud saya ditubuhkan Malaysia pada 1963, bukan saja negeri Sabah dan rakyatnya terangkat, menjadi - orang kata dikenali di seluruh dunia tetapi sekurang-kurangnya negeri Sabah yang begitu indah suatu hari nanti akan menjadi negeri yang antara yang termaju di negeri kita.

Tidak tahulah kalau pihak lain yang mentadbir, saya belum pasti sebab kalau kita lihat rekod dari satu persatu telah kita selesai. Saya mengimbau kembali masa saya dihantar oleh Yayasan Sabah, sekolah di utara Semenanjung Malaysia pada pertengahan tahun 1975. Di mana waktu itu saya bertolak dari Sandakan dan terpaksa berhenti di Kota Kinabalu dan selepas itu esok paginya bertolak ke Kuala Lumpur dan kita bermalam di Kuala Lumpur selepas itu barulah awal pagi sampai di kawasan Sungai Petani. Itu dari segi perhubungan. Akan tetapi hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya ada pengalaman beberapa program di kawasan saya. Saya bertolak seawal pagi dari KLIA dan sampai terus di *airport* Sandakan dan saya merasmikan satu program kira-kira jam 10 tetapi saya balik hari yang sama dan waktu itu sidang Parlimen berjalan dan petangnya saya boleh hadir lagi di sidang Parlimen. Bayangkan lebih kurang 30 tahun lebih, kemajuan kita begitu cepat.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian di negeri Sabah di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional (BN) dan diterajui oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Musa Aman dan dibantu oleh rakan-rakan daripada komponen Barisan Nasional di negeri Sabah. Ya, memang mungkin ada masalah sana sini kita tidak dapat nafikan tetapi sepanjang itu, di Sabah ini dari segi perkembangan industrinya, industri pelancongan contohnya, hari ini di Sabah melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, di mana lapangan terbang ini adalah kedua tersibuk selepas KLIA.

Jumlah penerbangan 130 penerbangan antarabangsa setiap minggu maksud saya, dan 405 penerbangan dalam negeri dan pelancong dalam dan luar negeri sehingga tahun ini lebih kurang 36 juta dan menghasilkan lebih kurang dari tahun 2002 sehingga sekarang ini lebih kurang 66 bilion.

Dari segi industri minyak contohnya, di masa Kerajaan Barisan Nasional ini kita telah menarik iaitu pelaburannya lebih kurang RM33.87 bilion iaitu di *Sabah Oil Gas Industry Park (SOGIP)*.

Keduanya, *Sabah Oil Gas Terminal (SOGT)* menarik pelaburan lebih kurang RM3.8 bilion. Begitu juga SAMUR iaitu sebanyak RM19.5 bilion dan mewujudkan pekerjaan lebih kurang 90 peratus peluang pekerjaan keseluruhannya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, begitulah keadaan yang sebenarnya yang berlaku antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri yang kononnya bahawa Kerajaan Persekutuan selama ini tidak membantu kita.

Akan tetapi cara kita berunding ialah secara meja bulat dengan Kerajaan Persekutuan melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pun begitu Tuan Yang di-Pertua, mungkin masa tidak begitu mengizinkan. Selain daripada - mungkin yang saya sebut tadi, dari segi prasarana di negeri Sabah, kalau saya lihat sejak 20 tahun yang lalu, di mana Kerajaan Barisan Nasional memerintah di Sabah, banyak kampung-kampung yang sudah dapat dihubungi dengan - satu minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Dihubungi. Jadi walau bagaimanapun, mungkin tidak sempat saya bercakap di sini. Mungkin di peringkat Jawatankuasa. Saya bersyukur di Parlimen Libaran ini banyak jalan yang telah dibina. Cuma mungkin saya ingin bertanya kepada Kementerian Kerja Raya, Fasa 4 sudah siap dilaksanakan. Kita ada lima fasa - ada tiga fasa lagi. Bilakah jalan lintas Libaran ini dapat dilaksanakan? Oleh itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

#### ■2000

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Rasah.

#### 8.00 mlm.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut bersama rakan-rakan sekalian untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua kita di dalam Dewan ini sedia maklum baru sahaja kita terima berita bahawa harga petrol akan naik lagi sebanyak 4 sen pada malam ini. Jadi berada di luar saya rasa kebanyakan daripada rakyat kita sedang beratur di *petrol station* untuk mengisi minyak. Inilah kehidupan rakyat kita. Kalau masa dulu rakyat kita beratur di *petrol station* sebulan sekali. Sekarang tiap-tiap minggu hari Rabu mereka terpaksa beratur di *petrol station* untuk mengisi minyak. Mengisi minyak mereka dengan

harapan untuk dapat berjimat sedikit sebanyak duit mereka. Ini adalah kehidupan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan pihak kerajaan. Sebelum PRU-13 saya masih ingat lagi masa itu janji Barisan Nasional-Manifesto Barisan Nasional mereka menegaskan kalau Barisan Nasional diberi mandat untuk menjadi kerajaan selepas PRU-13, perkara pertama mereka yang ingin menyelesaikan adalah menangani isu kos sara hidup rakyat. Akan tetapi sudah lima tahun berlalu kita lihat adakah rakyat kita benar-benar telah pun jauh ataupun benar-benar telah pun mengurangkan beban mereka. Sebenarnya tidak, kalau kita turun padang kita boleh lihat kita pergi ke kampung pakcik, makcik mereka bagi tahu kita, bagi tahu saya harga barangan semakin meningkat. Macam mana mereka hendak hidup.

Walaupun terima BR1M tetapi penerimaan BR1M itu memang masih belum cukup untuk menampung kehidupan harian mereka sebab BR1M RM1,200 untuk setahun. Sama juga kita yang berada di kawasan bandar. Kawasan bandar kita membuat kaji selidik dengan kawan-kawan di kedai kopi dengan rakyat di Kampung Baru sama, ke semua mereka memberitahu kepada kita bahawa kalau dulu senang hendak cari makan sekarang kos sara hidup meningkat tetapi gaji mereka tidak meningkat. Ketika saya bertemu dengan peniaga, peniaga pun membuat aduan yang sama. Sebagai kesimpulan saya rasa keseluruhan rakyat kita dapat merasai impak negatif selepas pelaksanaan sistem cukai GST sejak tahun 2015.

Jadi saya amat berharap kalau pihak kerajaan benar-benar serius menjaga nasib rakyat sesuatu perlu dilakukan. Seperti apa yang telah pun dijanjikan oleh Pakatan Harapan, kita berjanji kalau kita diberi mandat kita mampu mansuhkan GST. Sama juga kalau pihak kerajaan benar-benar menjaga rakyat pihak Kerajaan Barisan Nasional bolehlah mencadang untuk memansuhkan GST. Kita kembali kepada sistem cukai yang lama supaya kita memastikan rakyat kita tidak terganggu ataupun tidak terjejas dengan kenaikan harga yang sangat mendadak, yang sangat menyusahkan mereka. Saya rasa sebagai wakil rakyat kita perlu ikhlas dan kita perlu membawa suara mereka.

Sebab itu setiap kali ketika saya berdiri untuk bahas, poin yang pertama saya akan menyebut masalah yang dihadapi oleh seluruh rakyat Malaysia tak kiralah dia penyokong Barisan Nasional atau penyokong Pakatan Harapan. Pada hakikatnya kesemuanya hidup susah, hidup susah. Jadi itu sesuatu yang kita perlu lakukan untuk memastikan mereka dapat hidup dalam satu keadaan yang lebih selesa dan itu adalah tanggungjawab pihak kerajaan untuk mengadakan dasar-dasar yang menjaga semua pihak dan bagi kami kita akan terus memantau dan kita akan memastikan segala dasar yang dilakukan oleh kerajaan adalah benar-benar demi kebaikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan dan kawan-kawan di sebelah sana banyak menyebut kedudukan ekonomi kita semakin baik, berada di landasan yang betul dan saya hendak tanya ke Dewan yang mulia ini dan tanya kepada pihak kerajaan. 50 tahun dahulu

RM1 kita tukar dengan USD1, selepas 50 tahun RM1 kita tak dapat tukar dengan USD1 lagi. Akan tetapi SGD1 tukar dengan RM3 itu adalah sesuatu yang tidak berkenaan. Sesuatu yang tidak betul sedang berlaku. Saya amat berharap pihak kerajaan dengan adanya kerjasama daripada pihak pembangkang sini, kita perlu mencari satu jalan penyelesaian mengapakah nilai mata wang kita semakin merosot. Bukan sahaja dengan Singapore, dengan Thailand, dengan Indonesia nilai mata wang kita juga merosot.

Saya ingin mengambil satu contoh kalau dulu kita bangga dengan kereta nasional kita, kita ada Proton, masa dulu Proton membeli Lotus kita ada *sport car* Lotus. Akan tetapi tahun ini kita terpaksa menjual saham kita kepada satu syarikat daripada Negara China. Kita jual saham sebanyak 49.9 peratus kepada syarikat tersebut. Ini menunjukkan apa? Kalau dulu kita bangga dengan kereta nasional kita tetapi hari ini kita terpaksa menjual kereta nasional kita 50 persen, saya kata 50 persen lah sebab ia cuma kurang 0.1 persen sahaja kepada Negara China. Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan. Sejak Proton diadakan, Kerajaan Pusat telah pun melaburkan sebanyak RM14 bilion ke syarikat Proton.

Akan tetapi hari ini ketika kita menjual saham Proton kepada pihak Negara China berapakah jumlah wang yang diterima oleh pihak Proton. Angka ini sampai hari ini kita tidak dapat tahu apakah berapakah harga jualan saham tersebut. Jawapan yang saya terima pada hari semalam, ia cuma mengatakan bahawa hasil daripada jualan ini pengambilan saham tersebut ini apa- syarikat Geely dia akan *pump in* sebanyak RM170 juta dan satu kereta jenis SUV yang baru akan dilancarkan dengan nilai lebih kurang RM290 juta. Cuba bayangkan kalau negara kita telah pun melaburkan RM14 bilion di dalam Proton tetapi selepas itu kita jual Proton itu cuma dengan harga nilai yang tak sampai RM500 juta. Ini sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku dan saya rasa pihak kerajaan sepatutnya mengambil satu langkah di mana perlu mencari penyelesaian dengan melantik seorang CEO daripada Malaysia.

Mengapa kita perlu mengambil seorang warga asing untuk menjadi CEO kepada kereta nasional kita. Takkan negara kita tak ada orang yang pakar tak ada orang yang mampu ataupun berkelayakan menduduki jawatan tersebut. Itu sesuatu yang perlu dijawab memang betul itu Proton sekarang dia kira syarikat swasta itu keputusan-keputusan perniagaan. Akan tetapi mengapa keputusan perniagaan ini dia tidak mengambil kira kepentingan rakyat Malaysia, mengambil kepentingan negara. Salah satu perkara saya memang tidak menyoalkan keputusan Proton untuk bekerjasama dengan mana-mana syarikat dengan syaratnya memastikan setiap pekerja di dalam Proton tidak akan kehilangan kerja mereka. Itu memang saya setuju untuk menjaga periuk nasi mereka.

Itu saya setuju. Cuma saya rasa pihak kerajaan khususnya Proton mereka perlu *transparent* di dalam perkara ini. Ini kerana setiap sen yang telah pun dilabur di dalam Proton itu merupakan duit daripada kerajaan, merupakan duit daripada rakyat. Itu mesti dijawab oleh pihak kerajaan tetapi bukan gunanya jawapan yang saya rasa jawapan dia memang panjang tetapi jawapan dia memang tak jawab berapakah angka ataupun

berapakah harga jualan saham tersebut kepada Negara China. Jadi saya amat berharap pihak kerajaan dalam perkara ini perlu mengambil serius kerana ia melibatkan kewangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh adalah mengenai pengiktirafan sijil UEC.

#### ■2010

Saya rasa kebanyakan daripada rakan-rakan yang berada di dalam Dewan yang mulia ini memang sedia maklum tiap-tiap kali saya berdiri di dalam Dewan ini, saya akan membangkitkan isu pengiktirafan Sijil UEC. Mengapa? Kerana bagi saya Sijil UEC merupakan satu sijil di mana dia diiktiraf oleh semua universiti terkemuka di dunia. Kalau Oxford boleh terima, kalau Cambridge boleh terima, kalau *Singapore National University* boleh terima mengapa universiti kerajaan, universiti awam kita tidak boleh menerima Sijil UEC?

Cuba bayangkan kalau kita membenarkan anak-anak kita lepasan UEC melanjutkan pelajaran mereka di luar negara, kemungkinan besar kebanyakan daripada mereka selepas *graduate* dia tidak akan balik ke Malaysia dan yang paling penting sekali bagi saya sebenarnya di negara kita, kita mempunyai pelbagai aliran pendidikan. Kita perlu lihat kepelbagaian aliran pendidikan itu sebagai kekuatan negara kita di mana rakyat Malaysia kita mampu, kita mempunyai daya saing untuk bersaing dengan mereka yang datang dari negara asing. Itu adalah tujuan utama saya mengapa saya setiap kali saya memohon kerajaan untuk jawab dalam isu pengiktirafan UEC.

Akan tetapi nasib amat malang sekali. Sebelum PRU Ke-13, 1 April 2013, Perdana Menteri pada masa itu, beliau telah pun bertemu dengan Dong Zong dan pada selepas pertemuan tersebut, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengeluarkan satu kenyataan bahawa pihak kerajaan akan mengkaji dan mencari satu jalan penyelesaian supaya boleh diterima semua untuk mengiktiraf UEC. Selepas itu, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi pada masa itu, Datuk Dr. Hou Kok Chung juga berjanji jikalau UEC tidak diiktiraf selepas PRU Ke-13, beliau tidak akan bertanding lagi dan saya berharap beliau dapat menunaikan janji beliau sebab sehingga sekarang tidak ada pengumuman mengenai pengiktirafan Sijil UEC.

Jadi saya amat berharap dan pihak kerajaan haruslah mengambil serius terhadap pengiktirafan UEC kerana pengiktirafan Sijil UEC dia bukan sahaja memberi kebaikan kepada murid-murid kita tetapi memberi kebaikan kepada negara kita supaya anak-anak kita dapat terus berkhidmat di dalam negara kita dan tanpa ke luar negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membangkitkan isu peruntukan penambahbaikan dan juga penyelenggaraan bagi setiap aliran sekolah. Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun kerajaan pusat dia ada menyediakan peruntukan untuk membantu semua jenis sekolah. Tidak kira Sekolah Kebangsaan, Sekolah Cina dan juga Sekolah Tamil. Akan tetapi amat kesal sekali apa yang berlaku pada tahun 2006? Tahun 2006

peruntukan untuk setiap aliran sekolah termasuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah Cina dan juga Sekolah Tamil tidak dapat ditunaikan pada tahun tersebut. Sekolah tersebut ke semuanya tidak terima peruntukan pada tahun 2016 tetapi terpaksa menerima, menanti peruntukan tersebut pada tahun 2017.

Saya difahamkan kebanyakan peruntukan yang tertunggak itu cuma diselesaikan dalam 1-2 bulan yang lepas dan dimanakah peruntukan untuk tahun 2017 yang telah pun dijanjikan oleh Bajet tahun lepas? Sampai hari ini masih menanti lagi. Tidak kiralah Sekolah Cina, Sekolah Tamil masih menunggu lagi dan saya ingin hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini, sebab saya lihat kalau sebelum ini perkataan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina, dia wujud di dalam teks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi nama Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina telah pun hilang berturut-turut dua tahun di dalam teks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Adakah maksud dia pihak kerajaan telah pun melupakan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina? Ataupun pihak kerajaan ataupun pihak kementerian menganggap ke semua sekolah ini telah pun mempunyai peruntukan yang cukup tetapi tidak perlu lagi diberi sebarang peruntukan? Saya memang faham setiap aliran sekolah, kerajaan pusat ada membekalkan banyak peruntukan untuk gaji kepada guru, kepada guru besar dan juga sebagainya. Itu saya amat mengalu-alukan.

Akan tetapi kita perlu mengambil perhatian kepada setiap jenis sekolah, tidak kiralah dia Sekolah Kebangsaan, Sekolah Cina, Sekolah Tamil, Sekolah Agama. Kalau mereka memerlukan peruntukan untuk menambah baik ataupun membaiki struktur-struktur sekolah mereka, saya rasa itu haruslah kita memberi keutamaan supaya memastikan warga didik dan juga anak-anak kita dapat belajar di dalam satu keadaan yang selesa dan juga selamat.

Saya rasa kebanyakan, kita semua memang setuju dengan wujudnya peruntukan untuk membantu setiap jenis aliran sekolah. Tidak ada orang yang akan membantah. Cuma yang saya ingin tanya kepada pihak Kementerian Pendidikan, bolehkah pihak Kementerian Pendidikan- sebab banyak kali saya mohon kepada pihak kerajaan supaya bagi satu senarai kepada kita semua, kepada semua Parlimen, setiap kawasan sebab kita hendak tahu berapakah peruntukan yang diterima oleh setiap sekolah di kawasan kita supaya kita boleh sama-sama memantau. Kalau sekolah tersebut tidak terima, kita bolehlah tanya kepada pihak Kementerian Pendidikan ataupun pihak Kementerian Kewangan.

Akan tetapi tidak ada langkah tersebut. Senarai itu sampai hari ini kita tidak lihat. Mengapa begitu susahnya untuk pihak kerajaan untuk menyediakan senarai tersebut dan senarai tersebut kalau dapat diberikan kepada semua, kita boleh sama-sama memantau dan memastikan setiap sen daripada pihak kerajaan dia akan turun kepada setiap sekolah demi kepentingan pelajar-pelajar kita.



Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir saya ingin membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa di kawasan saya, kawasan Rasah. Kawasan Rasah dan juga kawasan Seremban, kita menghadapi satu ancaman. Bagi saya itu ancaman. Ancaman daripada kilang memproses sisa toksik kualiti alam. Ini isu banyak kali saya sudah bangkit tetapi isu ini tidak diberi perhatian. Rakyat di Negeri Sembilan khususnya mereka yang tinggal berdekatan dengan Sendayan, Bukit Nanas, berdekatan dengan Seremban 2 dan juga Seremban. Sampai hari ini kilang tersebut telah beroperasi di situ sudah melebihi 20 tahun dan kerajaan pusat telah pun membenarkan kilang tersebut untuk terus beroperasi 15 tahun lagi. Jadi, janganlah pihak kerajaan menganggap Negeri Sembilan ini tong sampah. Kita tidak hendak negeri kita jadi tong sampah. Semua sisa toksik dari seluruh Semenanjung Malaysia dibuang di dalam Negeri Sembilan. Saya rasa itu sudah cukup.

Jadi saya mohonlah kepada pihak kerajaan, pindahkan kilang tersebut ke satu kawasan, ke satu tempat yang lebih sesuai, ke satu tempat yang jauh daripada penduduk, daripada orang ramai. Itu adalah satu perkara yang perlu diselesaikan oleh pihak kerajaan. Mengapa saya sebut begitu? Kerana kita sedia maklum, kerajaan akan membangunkan *Vision Valley* di Nilai, Seremban dan juga Port Dickson. Kalau wujudnya kualiti alam ini, saya tidak boleh lihat macam mana kita boleh membangunkan tempat itu dengan mengajak lebih banyak pelaburan masuk tetapi wujudnya satu kilang pemproses sisa toksik yang menjadi satu ancaman kepada penduduk di situ.

Jadi bagi saya keselamatan, kesihatan penduduk di Negeri Sembilan khususnya di Seremban perlu diberi keutamaan dan pihak kerajaan perlu mencari satu jalan penyelesaian. Saya faham, bukanlah saya kata hendak pindah, dia boleh pindah dengan sedemikian tetapi sesuatu perlu dilakukan untuk rakyat kita dapat lihat ada keikhlasan daripada pihak kerajaan untuk memindahkan kilang tersebut.

Terakhir sekali, kawasan saya Labu, di kawasan DUN Labu, setiap kali hujan lebat, dia banjir kilat. Kawasan Labu ya, banjir kilat. Kampung Baru, Labu Batu 8, Batu 9, Batu 10 semua dilanda banjir dan saya ingin mohon kepada pihak kerajaan, kalau mempunyai peruntukan yang mencukupi, silalah turunkan peruntukan untuk membantu penduduk-penduduk Labu kita yang sering dihantui oleh banjir kilat dan bagi saya sekali lagi saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana kali ini saya lihat ada satu pemberian peruntukan untuk penyakit *rare disease* iaitu penyakit jarang jumpa. Peruntukan itu sebanyak RM10 juta.

Jadi di sini walaupun saya pembangkang, saya memberi kredit kepada pihak kerajaan kerana kali ini telah pun benar-benar menurunkan peruntukan untuk membantu penyakit-penyakit ini kerana sejak lima tahun ini saya menjadi Ahli Parlimen, beberapa kali saya telah pun berdiri di dalam Dewan yang mulia ini untuk memperjuangkan nasib pesakit-pesakit *rare disease*.

**■2020**

Jadi saya amat berharap peruntukan ini dapat diturunkan kepada pesakit-pesakit dengan secepat mungkin supaya memastikan mereka mendapat sedikit sebanyak peruntukan daripada pihak kerajaan agar beban mereka ataupun keluarga mereka dapat diringankan. Jadi sekian perbincangan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ranau.

**8.20 mlm.**

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua oleh kerana telah memberikan saya peluang untuk membahaskan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 27 Oktober ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa bajet itu adalah merupakan satu bajet yang baik, yang komprehensif, inklusif dan mengambil kira semua keperluan masyarakat di negara ini. Bagi negeri Sabah pula kita merasa bangga oleh kerana beberapa peruntukan telah pun dimasukkan dalam Bajet 2018 ini. Ini adalah penting untuk pembangunan negeri Sabah. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak RM2 bilion bagi pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo adalah merupakan sebagai satu hadiah kepada negeri Sabah daripada Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, negeri Sabah ini masih jauh ketinggalan dari segi infrastruktur. Kalau kita lihat jalan raya daripada Kota Kinabalu ke Sandakan, Sandakan ke Tawau, kita lihat bahawa kita tidak mempunyai jalan raya yang baik. Kalau kita berjalan daripada Kota Kinabalu ke Sandakan, yang sebetulnya hanya mengambil masa lebih kurang empat jam tetapi kadang-kadang ia mengambil masa hingga tujuh, lapan jam apabila banyak kereta-kereta yang berjalan di jalan raya dan apatah lagi kalau macam ada lori-lori panjang di jalan raya yang menyebabkan *jammed* di tengah jalan ini.

Jadi, apa yang saya hendak maksudkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah dengan terbinanya Lebuhraya Pan Borneo ini, maka sudah tentu kita mempunyai infrastruktur yang boleh digunakan oleh semua masyarakat, bukan sahaja masyarakat di negeri Sabah tetapi juga orang-orang yang datang ke negeri Sabah ini.

Di Sabah merupakan sebagai negeri di mana kadang-kadang kita dengar harga barang-barang keperluan adalah yang tertinggi sekali. Ada orang-orang yang menyatakan bahawa ini disebabkan oleh kabotaj polisi. Akan tetapi yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kabotaj polisi yang menyebabkan harga barangan ini naik ataupun mahal di negeri Sabah ini, di antara fakta yang lain ialah juga kos pengangkutan.

Sebagai contoh, kalau macam kita mengangkut barang-barang daripada Kota Kinabalu ke kawasan *interior* ataupun pedalaman negeri Sabah ini, sudah tentu oleh

kerana jalan raya yang tidak begitu bagus, maka syarikat pengangkutan itu akan mengenakan caj yang tinggi kepada barangan yang kita angkut itu. Inilah merupakan sebagai fakta yang menyebabkan harga barang-barang itu tinggi. Akan tetapi saya percaya dan yakin dengan terbinanya lebuhraya ini maka sudah tentu harga barangan itu akan menjadi berkurangan harganya.

Satu lagi perkara yang saya ingin lihat di sini dan ingin sentuh di sini Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan peruntukan untuk membangunkan jalan-jalan luar bandar di negeri Sabah ini. Di negeri Sabah ini kita sudah menerima sudah tentunya banyak peruntukan daripada kerajaan untuk membangun luar bandar ini ataupun jalan-jalan luar bandar ini. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua belum mencukupi, sebagai contoh di kawasan saya di Ranau sana yang mana saya saiznya adalah kalau kita kira saiz iaitu 3,500 kilometer, saiznya ialah kalau kita ambil negeri Melaka, negeri Perlis dan Pulau Pinang, lebih kurangnya saiznya.

Oleh yang demikian maka walaupun kita telah menerima banyak peruntukan tetapi masih banyak lagi infrastruktur seperti jalan luar bandar yang belum dapat kita laksanakan dan yang perlu dinaiktarafkan oleh kerana ini adalah keperluan rakyat. Sebagai contoh, jalan raya di kawasan saya di belakang Tarawas, Kampung Kaingaran dan juga Kampung Karagasan yang mana penduduknya adalah lebih kurang 20,000 orang dan melibatkan 20 lebih buah kampung. Keadaan jalan rayanya adalah teruk terutama sekali pada musim tengkujuh ataupun musim hujan.

Jadi oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, maka dengan peruntukan yang ada ini saya percaya dan yakin bahawa peruntukan ini akan sedikit sebanyak dapat membina beberapa rangkaian jalan raya yang perlu dinaiktarafkan untuk kepentingan rakyat. Begitu juga jalan raya di kawasan Tampias dan juga Tinanam, kawasan saya.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan jalan raya untuk pergi ke ladang-ladang. Di negeri Sabah ini kebanyakan daripada penduduk di pedalaman ini adalah petani. Mereka menanam tanam-tanaman seperti getah, kelapa sawit tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang menghalang mereka untuk membuka tanah-tanah mereka ini ialah jalan raya yang bagus ataupun yang baik.

Seperti baru-baru ini apabila hujan berterusan sehingga lebih kurang sebulan, kebanyakan petani ini tidak dapat mengeluarkan hasil mereka oleh kerana ketiadaan jalan raya yang baik dan terpaksa ada yang mengangkut hasil-hasil mereka itu. Akan tetapi bayangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau satu tandan kelapa sawit diangkut untuk tiga kilometer, sudah tentulah tidak berbaloi untuk mengangkut kelapa sawit itu. Jadi apa yang saya maksudkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa jalan-jalan ini haruslah diperbaiki supaya petani-petani dapat mengeluarkan hasil mereka untuk dijual.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar bangun.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mencilah sedikit. Yang Berhormat sepatutnya dan seharusnya apabila bajet ini disediakan, kementerian sudah ada pelan untuk menentukan jalan-jalan yang akan diperbaiki, jalan-jalan yang akan dibina dan sebagainya. Untuk Sabah dan Sarawak, saya melalui Yang Berhormat meminta Yang Berhormat berkenaan menyenaraikan berapa banyak jalan-jalan yang telah dikenal pasti yang akan diselaraskan atau diperbaiki, dibina dan sebagainya untuk Sabah dan Sarawak secara terperinci. Kalau ada sepuluh jalan di Ranau, sepuluh jalan di Ranau. Kita hendak *before end*. Pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Terima kasih. Yang sebenarnya senarai jalan-jalan ini sudah kita hantar kepada pihak yang berkenaan. Apa yang saya maksudkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah kita memohon supaya pertimbangan dari segi peruntukan itu akan dapat diluluskan, ini yang saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang membanggakan rakyat negeri Sabah khususnya rakyat bumiputera negeri Sabah ini ialah mengenai dengan pemberian pengukuran tanah di negeri Sabah ini. Baru-baru ini Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM20 juta untuk pengukuran tanah ini iaitu tanah adat di negeri Sabah ini yang sudah lama menunggu pengukuran. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, kalau di kawasan saya di Ranau ini, jumlah permohonan yang tertangguh dan belum diukur adalah lebih kurang 40,000 permohonan, oleh kerana ketidakcukupan peruntukan.

Akan tetapi dengan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak RM20 juta itu, maka banyak tanah yang telah diukur baru-baru ini dan akan dikeluarkan gerannya kepada pemilik-pemilik tanah ini. Jadi kita ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi walaupun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta supaya peruntukan itu dapat ditambah seperti mana yang telah diberikan kepada negeri Sarawak iaitu RM30 juta oleh kerana ini adalah penting untuk rakyat yang ingin memiliki geran tanah khususnya tanah adat di negeri Sabah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang kita banggakan dalam bajet ini bagi negeri Sabah ialah peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk memperbaiki sekolah-sekolah yang daif di negeri Sabah ini. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, negeri Sabah ini banyak sekolah-sekolah yang sudah daif dan kadang-kadang terpaksa digunakan oleh kerana ketiadaan tempat untuk murid-murid belajar.

■2030

Di tempat saya, ada saya melawat satu tempat di mana sekolahnya itu adalah terlalu mendukacitakan. Asrama sekolah itu, budak-budak ataupun murid-murid tidur di lantai dengan tilam yang hanya setampik. Jadi, saya rasa inilah perkara-perkara yang perlu diperbaiki. Kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan oleh sebab telah memberikan peruntukan yang begitu banyak dan saya harap peruntukan ini akan dapat

dibelanjakan untuk memperbaiki semua sekolah yang memerlukan pembaikan di negeri Sabah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua tahun yang lalu, Ranau telah dilanda gempa bumi dan banyak bangunan di sana yang telah musnah dan ranap disebabkan oleh gegaran gempa bumi. Apa yang mendukacitakan adalah mengenai dengan bekalan air di Ranau. Sudah dua tahun gempa bumi berlalu tetapi masih juga kita rasa akibatnya, di mana setiap kali hujan lebat dan banjir lumpur, maka Pekan Ranau tidak akan mendapat bekalan air. Oleh yang demikian, maka kita telah mencadangkan kepada kerajaan supaya membuat satu *intake* yang baru bagi bekalan air ini.

Sukacita dimaklumkan bahawa baru-baru ini Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan telah pun mengumumkan peruntukan sebanyak RM29 juta bagi maksud membuat bekalan air alternatif ini. Akan tetapi, malangnya Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ia belum dimulakan pelaksanaannya. Jadi, saya mohonlah supaya ini dapat dilaksanakan dengan segera oleh sebab keperluan itu amat mendesak. Baru-baru ini apabila hujan di Ranau, dua minggu Pekan Ranau tidak ada air. Bayangkan kemusykilan yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada perkara yang juga kita banggakan dalam bajet ini ialah peruntukan kepada ESSCOM ataupun kawasan ESSCOM di negeri Sabah yang berjumlah RM250 juta. Saya percaya bahawa dengan peruntukan ini, kita akan dapat mengawal perairan di negeri Sabah ini seterusnya di pantai timur Sabah daripada ditembusi atau dibolosi oleh pengganas-pengganas daripada luar seperti Abu Sayyaf dan juga yang lain-lain. Jadi, kita ucapkan berbilang-banyak terima kasih oleh sebab kita dapat peruntukan yang begitu banyak ini dan saya berharap agar dengan peruntukan itu, kita akan dapat mengawal keselamatan di negeri Sabah ini. Kita tidak mahu lagi perkara seperti insiden Tanduo itu berlaku di negeri Sabah dan juga penculikan-penculikan yang kerap kali berlaku di sana. Jadi oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan peruntukan ini, kita akan dapat memperbaiki pertahanan kita dan juga pengawasan kita di perairan khususnya di pantai timur negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang menjadi perbualan sama ada di kedai kopi atau di mana-mana di negeri Sabah ini ialah mengenai dengan *Malaysia Agreement 1963*. Ini adalah merupakan sebagai satu perkara yang digunakan oleh sesetengah pihak untuk menghasut rakyat negeri Sabah untuk membenci kerajaan. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 16 September tahun ini sewaktu perayaan Malaysia di Kota Kinabalu, bahawa Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk mengembalikan hak-hak negeri Sabah dan juga Sarawak yang telah mungkin tidak sengaja terhapus. Jadi untuk ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah diberitahu dan difahamkan bahawa beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan untuk membincangkan mengenai perkara ini dan salah satu daripada jawatankuasa itu adalah

dipengerusikan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Kimanis yang juga merangkap Menteri Luar Negeri.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, kita belum mendapat ketetapan yang konkrit yang boleh dilihat oleh rakyat negeri Sabah.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Ranau, minta celahan sedikit, Yang Berhormat Menteri Ranau.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Jadi oleh yang demikian, maka saya minta—minta maaf, Yang Berhormat, masa begitu singkat. Jadi, saya tidak dapat benarkan pertanyaan Yang Berhormat.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, maka saya mintalah supaya jawatankuasa itu akan dapat bermesyuarat secepat mungkin. Sebab, kita mahu ketetapan yang konkrit supaya rakyat nampak bahawa kerajaan serius dan saya nampak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah begitu serius sekali untuk menangani masalah ini. Oleh yang demikian, maka kita mahulah supaya ini dapat diatasi supaya ia tidak lagi menjadi topik ataupun isu perbualan khususnya di negeri Sabah ini. Barangkali ini adalah suatu yang baik kalau ia dapat ditangani dengan segera, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak dalam bajet ini juga bahawa beberapa peruntukan yang telah diberikan kepada masyarakat India dan juga Cina dalam bajet ini untuk mensejahterakan rakyat yang berketurunan Cina dan India. Ini adalah sesuatu yang baik yang telah dilakukan oleh kerajaan. Ini adalah merupakan sebagai langkah-langkah yang harus diambil supaya ia dapat membela semua rakyat sama ada yang berpendapatan rendah ataupun yang kurang berpendapatan rendah.

Jadi oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon supaya satu peruntukan dapat diberikan kepada masyarakat Bumiputera minoriti di negeri Sabah ini, sebab mereka juga memerlukan peruntukan-peruntukan seperti ini. Seperti mana yang kita sedia maklum, bahawa di negeri Sabah ini kadar kemiskinannya itu walaupun tidak berapa tinggi tetapi masih lagi wujud kemiskinan di sana. Maka kita memerlukan bantuan seperti ini di negeri Sabah. Jadi, saya mohon kepada pihak Kerajaan Persekutuan supaya mewujudkan satu dana khusus untuk minoriti Bumiputera di negeri Sabah ini. Ini adalah penting sekali bagi membantu mereka untuk menaikkan taraf hidup mereka di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kebanggaan kita sebagai rakyat negeri Sabah ialah pengiktirafan penubuhan Malaysia yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat telah mengumumkan bahawa 16 September adalah merupakan sebagai cuti umum di seluruh negara untuk menghormati penubuhan Malaysia yang dianggotai oleh negeri Sabah dan juga Semenanjung Malaysia. Ini menunjukkan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap Sabah dan

Sarawak di mana kadang-kadang ada orang yang mengatakan bahawa Sabah dan Sarawak ini dianaktirikan. Tetapi dengan perkara-perkara ini, saya nampak bahawa Yang Amat Berhormat dan juga Kerajaan Persekutuan adalah begitu prihatin tentang keperluan kedua-dua negeri ini.

Perkara yang membanggakan baru-baru ini juga, Tuan Yang di-Pertua, ialah dengan pemansuhan kabotaj polisi di negeri Sabah ini. Walaupun ini seperti mana yang saya terangkan tadi bukanlah faktor keseluruhan mengenai dengan harga barang-barang tinggi di negeri Sabah ini tetapi sedikit sebanyak dengan pemansuhan ini, kita berharap agar harga barang-barang di negeri Sabah dan Sarawak ini akan dapat diturunkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan bajet yang telah dibentangkan ini, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh sebab dapat membentangkan bajet yang begitu baik dan menjurus kepada kesejahteraan rakyat dan negara keseluruhan. Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, maka saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, baiklah Yang Berhormat. Kita tangguhkan persidangan kita.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** So esok saya ya. *Register* lebih awal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis 2 November 2017 dengan dimulakan dengan Yang Berhormat Sepang.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.40 malam]***